



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 18)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Usul Anggaran Pembangunan 2012	(Halaman 18)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasar Gudang) – UMNO
12. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
15. “ Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
16. ” Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' G. Palanivel – *Senator*
19. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P., D.G.S.M (Tampin) – UMNO
20. “ Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
21. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
22. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, D.G.S.M (Segamat) – MIC
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
24. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
25. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
26. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
27. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
28. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*
30. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung, D.G.S.M. (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRIS
2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP
3. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
5. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
8. ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
10. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K., D.M.S.M. (Sungai Besar) – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC
19. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
24. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie, D.M.S.M. – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
30. ” Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

32. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO
34. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
35. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
36. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*
37. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
40. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. ” Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. “ Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA

20. Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. “ Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M., D.C.S.M (Tangga Batu) – UMNO
25. “ Dato’ Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. “ Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. “ Dato’ Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. “ Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. “ Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. “ Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. “ Dato’ Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. “ Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. “ Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. ” Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO

53. Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) - MCA
54. “ Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO
60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
61. “ Dato' Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) - PBB
64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasar Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Tan Sri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
78. “ Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)

3. “ Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. Yang Berhormat Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. “ Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
18. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
19. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
20. “ Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
21. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
22. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
23. “ Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
12. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. ” Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. “ Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)

19. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. “ Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. “ Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
9. “ Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
10. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
11. “ Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
12. “ Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)
13. “ Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
14. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
15. “ Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
16. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
17. “ Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
18. “ Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
19. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
20. “ Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
21. “ Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
22. “ Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Mohsin Fadzli Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. “ Dato’ Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. “ Dato’ Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)
9. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)

Kosong

1. Tiada (Titiwangsa)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 24 Oktober 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) apakah perancangan kementerian bagi mengekalkan warisan kampung-kampung Melayu lama, meningkatkan infrastruktur, warisan sejarah dan tradisi komuniti; dan,
- (b) apakah perlindungan undang-undang bagi memelihara agar kewujudan kampung-kampung Melayu berkekalan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jempol.

Tuan Yang di-Pertua, secara dasarnya pihak kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang berusaha menyelamatkan khazanah warisan negara sebaik mungkin. Usaha ini akan berjalan secara berterusan dari semasa ke semasa termasuk melindunginya di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, membuat pendokumentasian, melaksanakan kerja-kerja konservasi dan lain-lain.

Namun begitu, ia akan dilaksanakan setelah kajian dan penyelidikan dijalankan yang mendapati ia berciri warisan serta memenuhi kriteria-kriteria seperti yang telah dinyatakan pada seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005. Secara umumnya akta yang diguna pakai di bawah kementerian ini adalah Akta Warisan Kebangsaan 2005 yang mana ia memastikan pemilihan dan perlindungan khazanah warisan negara termasuk kampung-kampung Melayu yang memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam seksyen 67(2) dalam akta tersebut. Sekian.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan kedudukan terkini tentang permohonan untuk mewartakan kampung-kampung warisan Melayu di seluruh negara. Ini termasuk juga kampung kelahiran Pendeta Zaaba, tokoh pejuang bahasa kita, pengasas UMNO dan juga pejuang kemerdekaan negara kita. Apakah Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan ini sudah diwartakan?

Tuan Yang di-Pertua, jika berlaku pertembungan antara kepentingan pembangunan dan juga mempertahankan warisan negara, apakah pihak kementerian Yang Berhormat berupaya untuk mempertahankan warisan negara? Ini termasuk juga rakyat ingin tahu tentang status bangunan warisan yang terlibat dalam pembangunan MRT iaitu laluan penting Sungai Buloh-Kuala Lumpur. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan Akta Warisan Kebangsaan 2005, pewartaan sesebuah tapak atau bangunan memerlukan persetujuan pemilik tanah tersebut. Secara umumnya Jabatan Warisan Negara belum mewartakan mana-mana kampung yang sudah membuat permohonan. Ini kerana proses permohonan persetujuan pemilik tanah memerlukan tempoh yang panjang yang mana kebanyakan pemilik terlalu sukar untuk dihubungi kerana bertukar alamat dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, proses pewartaan akan disasarkan kepada kriteria yang dinyatakan dalam seksyen 67(2), Akta Warisan Kebangsaan 2005. Antara kampung-kampung yang pernah memohon untuk pewartaan adalah Kampung Puh Gombak, Kampung Buah Pala, Pulau Pinang. Berdasarkan kajian, adalah didapati bahawa kedua-dua buah kampung ini didapati tidak memenuhi kriteria untuk dijadikan sebagai kampung warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Sekian.

Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terkejut bahawa walaupun akta sudah wujud, lebih daripada lima tahun, enam tahun sebenarnya tetapi tidak ada sebuah kampung pun yang telah didaftarkan atau diterima sebagai kampung warisan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, secara khusus juga saya ingin bertanya tentang Kampong Bharu Kuala Lumpur iaitu walaupun namanya Kampong Bharu, kampung itu kita semua tahu lebih daripada seratus tahun usianya. Saya hendak tahu secara jelas daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah perancangan kementerian untuk memastikan bahawa kedudukan, status, martabat Kampong Bharu Kuala Lumpur itu dijaga? Secara khususnya apakah kawasan-kawasan, bangunan-bangunan dan perancangan-perancangan untuk Kampung Baru yang telah disiapkan, disediakan dan yang akan dilaporan oleh kementerian kepada kita semua? Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, itu yang mengatakan tadi tuan pemilik tanahnya terpaksa bersetuju. Kalau tuan tanahnya tidak bersetuju, susah kita hendak ikhtiarkan bawa ke warisan.

■1010

Itu sebab susah di kampung-kampung ini memang bukan senang sebab ada yang pemilik itu tidak mahu untuk masukkan dalam warisan. Itu kita ada pendapat susah daripada Kampong Bharu. Itu sebab kita sedang berbincang dengan DBKL berkenaan ini. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Menteri Kewangan menyatakan, rasional pengeluaran siri ketiga duit syiling dan siri keempat wang kertas baru Malaysia, kosnya masing-masing, siapa pembekal dan di mana ia diperbuat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memperkenalkan duit syiling baru siri ketiga dan wang kertas baru Malaysia siri keempat sebagai satu usaha ke arah untuk memperkukuhkan ciri-ciri keselamatan terkini bagi menangani ancaman pemalsuan mata wang. Di samping itu duit syiling dan wang kertas baru juga diperkenalkan dengan reka bentuk yang lebih menarik, mesra pengguna dan beridentitikan keunikan Malaysia.

Bank Negara Malaysia dijangka akan dapat menjimatkan kos pengeluaran duit syiling dalam anggaran 49 peratus setahun bagi pengeluaran duit syiling siri ketiga. Ini kerana Bank Negara menggunakan logam asas yang dipilih, teknologi penempaan dan spesifikasi teknikal yang lebih baik dari siri-siri duit syiling terdahulu. Ini berdasarkan anggaran harga-harga logam di pasaran antarabangsa pada Oktober 2009 semasa kajian duit syiling baru dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan pembekal-pembekal mata wang syiling baru ini adalah melalui proses penilaian tender terbuka sejajar dengan amalan biasa bagi semua kontrak pembekalan dan pencetakan mata wang. Untuk makluman Yang Berhormat, semua kontrak bekalan mata wang siri baru ini telah ditenderkan kepada syarikat-syarikat pencetak wang kertas antarabangsa yang mempunyai reputasi tinggi dan berwibawa. Pembekal-pembekal yang telah dipilih bagi tender ini adalah seperti berikut:

- (i) kontrak bekalan duit syiling kosong ialah *Poongsan Corporation*, Korea – duit syiling kosong tersebut kemudiannya di tempa di kilang wang Bank Negara Malaysia Shah Alam; dan
- (ii) kontrak bekalan wang kertas siri baru ialah syarikat *Crane AB Sweden*, syarikat *G&D Germany*, syarikat *Oberthur Technology France* dan syarikat *Orel Fussli Switzerland*.

Sekian.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sering dengar ada negara bila dia tiada duit dia akan buat wang yang baru sehingga negara bankrap, contohnya negara Iceland dan Greece.

Dengan itu saya hendak tanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, apa sistem atau mekanisme dan *check* untuk Dewan Rakyat ini. Kerajaan kita tidak mengeluarkan wang baru dengan sewenang-wenangnya. Adakah apa cara atau kaedah untuk Ahli-ahli Parlimen mengetahui Bank Negara tidak mengeluarkan wang baru dengan tidak terhad.

Soalan yang berikut adalah pada dua atau tiga bulan yang lalu bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Mohamad Daud Dol Moin dengan seorang peniaga nama dia, Abdul Kayum Syed Ahmad dia telah dituduh di mahkamah di bawah MACC sebab mereka terlibat dalam rasuah untuk memberi kontrak kepada satu buah syarikat yang dimiliki oleh Bank Negara Australia iaitu *Note Printing Australia*.

Soalan saya ialah kenapa Bank Negara Malaysia, kenapa kerajaan kita bila hendak buat kontrak dengan syarikat yang lain kenapa mesti melalui satu *middle man*, broker? Pada hal kes ini, *Note Printing Australia*, ia adalah 100 peratus dimiliki oleh Kerajaan Australia. Kenapa bila negara Malaysia berurus niaga dengan negara Australia, hendak melalui *middle man*? Adakah itu satu perkara yang biasa bila Kerajaan Malaysia berurus niaga dengan negara lain mesti melalui satu *middle man* dan sekarang *middle man* ini sudah dicaj, ada elegasi kata ada lagi orang-orang besar yang terlibat dalam kes ini belum dicaj. Jadi, soalan saya adalah berikut:

- (i) apa kaedah untuk Dewan Rakyat ini *check* supaya Bank Negara tidak mengeluarkan wang baru dengan sewenang-wenangnya dengan tidak terhad; dan
- (ii) kenapa kerajaan terutamanya Bank Negara berurus niaga melalui *middle man*? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Segambut. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya telah jelaskan tadi, duit syiling baru siri ketiga telah keluar dan wang kertas baru siri keempat. Kita telah merdeka 54 tahun dan hanya tiga kali kita keluar duit syiling dan empat kali kita keluarkan wang kertas, itu bukan angka yang besar.

Untuk makluman Yang Berhormat, tadi ada tanya soalan isu mengenai kes bekas penolong gabenor yang kes ini seperti yang kita tahu di dalam mahkamah. Oleh itu soalan ini saya tidak dapat jawab, kita tunggu lah mahkamah buat keputusan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Itu bukan soalan saya.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya mengenai, untuk membuat duit syiling dan juga duit kertas. Contohnya macam duit syiling 50 sen ataupun yang 20 sen. Apakah perbezaan antara *actual value*, dengan izin, *of the syiling* berbanding dengan *cost of* kita punya untuk *print* ataupun untuk membuat duit syiling tersebut ataupun wang kertas? Perbandingan antara *actual value* dengan harga untuk memproses ataupun membuat duit tersebut. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan mengenai kos itu. Untuk makluman Yang Berhormat, kita buat duit syiling seperti 10 sen, 20 sen sebab ini ada kita memerlukan duit syiling ini untuk kawasan-kawasan luar bandar. Mereka memang ada pasang duit ini supaya mereka boleh jalankan tugas dan lain-lain. Dari segi kos untuk duit syiling ini saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

3. Tuan Matulidi Jusoh [Dungun] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:

- (a) jumlah ciptaan yang telah dihasilkan semenjak Kementerian ditubuhkan; dan
- (b) berapakah jumlah ciptaan yang memberikan impak secara langsung terutamanya kepada golongan petani, penternak dan nelayan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) antara bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun singkatannya MOSTI adalah pengurusan dana, program kesedaran serta penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D dalam bidang sains dan teknologi.

Sehubungan itu, proses pengumpulan data MOSTI adalah berdasarkan projek di mana *outputnya* adalah penghasilan *prototype*, harta intelek, penerbitan, hasil penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 7,098 projek telah diluluskan dan 2,294 berpotensi untuk dikomersialkan.

■1020

Hasil penjualan bernilai RM7.1 bilion telah diperolehi dari 540 projek yang telah dikomersialkan. Sebanyak 2,550 harta intelek yang terdiri daripada paten, hak cipta, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian telah dihasilkan daripada penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan dalam tempoh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (b) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah pembiayaan dana MOSTI, sebanyak RM115.9 juta bagi 318 projek telah diluluskan khas untuk sektor pertanian yang turut merangkumi sektor perikanan dan penternakan. Sektor pertanian boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat seperti berikut.

Pertama, pembenihan. Teknologi tisu kultur telah dijalankan oleh MARDI bersama beberapa syarikat. Teknologi ini mampu menghasilkan banyak anak pokok daripada induk yang sihat dan mempunyai baka yang baik. *Precision agriculture* yang dihasilkan oleh MIMOS Berhad merupakan satu siri platform teknologi bagi industri pertanian yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti bersama dengan pengurusan rantai penawaran ekosistem yang efektif.

Keduanya penjagaan tanaman, pencegahan penyakit dan makhluk perosak. MOSTI juga melalui MARDI telah menghasilkan beberapa produk seperti racun perosak berasaskan mikroorganisma yang mampu mengawal penularan kumbang *oryctes rhinoceros* di ladang kelapa sawit. Beberapa jenis baja bio-organik yang menyuburkan tanah juga telah dihasilkan seperti *Green Whizzard Probiotic Plant Nutrients* yang menggunakan enzim untuk menyuburkan tanah secara semula jadi.

Ketiga, proses penuaian. MOSTI melalui Syarikat JARIZ Technologies Sdn. Bhd telah membangunkan *motorized cutter* bernama CANTAS TM dan *motorized Chisel* bernama Ckat TM yang digunakan untuk memetik buah kelapa sawit dan juga mencantas pelepah kelapa sawit.

Keempat, dalam bidang pemasaran, MIMOS Berhad telah memperkenalkan portal www.agribazaar.com.my yang merupakan portal e-Pemasaran diwujudkan bagi tujuan mempromosi perdagangan di antara pengeluar dan pembeli hasil pertanian.

Sektor perikanan biasanya dikategorikan sebagai sektor tangkapan ikan marin dan sektor akuakultur. Sektor marin boleh dipecahkan kepada sektor perikanan laut pantai dan perikanan laut dalam. Manakala sektor perikanan darat iaitu sektor yang menghasilkan tangkapan daripada perairan darat dikategorikan di bawah sektor akuakultur dan dibahagikan kepada ternakan air tawar dan ternakan air payau. Di antara kejayaan dan manfaat di sektor perikanan adalah seperti berikut.

Pertama, pembenihan dan pembiakan anak ikan. R&D dijalankan adalah untuk mendapatkan benih anak ikan yang baik dan menjamin kelestarian pembiakan ikan. Sebagai contoh, program latihan pembiakan ikan kelah merupakan satu inisiatif inovasi MOSTI dalam memberi bimbingan dan latihan dari segi teknik pembiakan ikan dan menerapkan teknologi tersebut ke dalam sistem tagal.

Kedua, pemuliharaan sumber hidupan laut. MOSTI melalui agensinya, SIRIM Bhd telah melancarkan program penanaman ataupun melabuhkan tukun tiruan di bawah program aplikasi teknikal ataupun TAPMOSTI@Community.

Ketiganya pemprosesan dan pemasaran. MOSTI juga telah membangunkan pusat pelbagai guna bagi pemprosesan hasil laut termasuk yang berada di Kampung Tanjung Batu Laut, Kota Marudu, Sabah. Teknologi lain yang dihasilkan adalah seperti teknologi pembekuan ikan talapia yang dikenali sebagai *frozen tilapia and restructured fish fillet*; peralatan bagi penternak rumpai laut seperti *Sea Hook, Sea Cut, Sealock*; sistem terbantu suria pula dihasilkan untuk mengoptimumkan proses pengeringan hasil laut. Di antara kejayaan dan manfaat sektor penternakan pula adalah pengitaran semula di mana R&D dibangunkan untuk sistem penghasilan biogas daripada sisa sembelihan dan najis ternakan bagi menjana stim dan air panas untuk kegunaan rumah sembelihan dan juga mengurangkan penggunaan bahan api bagi tujuan tersebut.

Dalam konteks pemasarannya, R&D dibangunkan ialah *MSCAN-MEMS Sensor* iaitu peranti dan peralatan kecil yang telah dihasilkan oleh MIMOS Berhad melalui aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi dan memodenkan sektor pertanian dan perladangan di Malaysia. Maka semua produk ini dihasilkan bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga asing dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan serta dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

Terima kasih.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 84 peratus daripada firma-firma dalam negara menyatakan bahawa kekurangan pembiayaan menghalang inovasi. Apakah langkah kerajaan bagi merapatkan jurang pembiayaan antara reka cipta dan pengkomersialan berteknologi tinggi bagi menyokong syarikat mengkomersialkan hasil penyelidikan dan menjana nilai komersial hasil inovasi? Sejauh manakah Majlis Inovasi Negara berjaya mengintegrasikan dasar dalam pelbagai bidang inovasi bagi kementerian, agensi, universiti dan institusi penyelidikan bagi menyokong aktiviti inovasi dan pengkomersialan hasil R&D. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya banyak kategori dana yang ditadbir urus khususnya di MOSTI kita mempunyai *Cradle Fund*. *Cradle Fund* adalah dana untuk membangunkan penemuan di peringkat idea. Maknanya kalau ada idea, maka siapa-siapa hendak membangunkan idea tersebut supaya ianya menjadi satu produk yang inovatif ataupun satu sistem yang inovatif, maka mereka boleh memohon di bawah *Cradle Fund*. Maknanya asas. Yang kedua ialah bidang penyelidikan dan pembangunan idea tersebut. Ianya boleh dipohon melalui *Science Fund*. Ketiganya ialah membangunkan prototaip ataupun *proof of concept*, yang ini *pre commercialization*.

Kita ada dua iaitu satu *TechnoFund* dan satu lagi *InnoFund*. *InnoFund* pula dibahagikan kepada *community* ataupun *enterprise* dan juga *researchers* daripada kalangan saintis di *universities*.

Akhirnya ialah *Commercialization of R&D Fund* (CRDF). Yang ini ialah untuk membawa hasil tadi ke pasaran. Yang ini juga ditadbirkan melalui agensi kita dan dalam tempoh tersebut juga kita ada *venture capital*. Misalnya di bawah Kementerian MOSTI, kita ada MTDC yang memberi dana untuk membawa produk-produk ke *market*. Kalau Yang Berhormat ingin mengetahui, banyak lagi yang telah dikelolakan oleh kita tetapi senarainya panjang dari segi produk yang telah dapat menerokai pasaran, maka kita boleh bekalkan kepada Yang Berhormat.

Berkaitan dengan Agensi Inovasi Malaysia yang baru ditubuhkan pada tahun lepas yang telah diluluskan, fokus mereka ialah lebih kepada *commercialization* tetapi bidang kuasanya di bawah Jabatan Perdana Menteri. Maka saya tidak dapat memberi perincian kepada Yang Berhormat tetapi *insya-Allah* kalau diperlukan saya boleh mendapatkan maklumat secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu segmen penting yang dikenal pasti oleh kerajaan dan diumumkan secara besar-besaran dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah bidang *biotech* sebagai enjin pertumbuhan ekonomi baru yang akan menyumbang kepada KDNK, mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan juga menterjemahkan hasil penyelidikan kepada perkara yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat terbanyak.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan sebagai kunci utama kejayaan penyelidikan ialah berapa ramai sebenarnya rakyat Malaysia yang berkelulusan doktor falsafah yang khusus dalam bidang penyelidikan? Keduanya, dalam tempoh itu, berapa banyak geran penyelidikan yang telah diluluskan oleh kementerian ini? Ketiga ialah, daripada hasil penyelidikan itu..., yang saya hendak timbulkan ialah, dalam pelan ini disebut bahawa kementerian akan mempromosikan antara lain disebut *bio-farming*, khusus. Saya juga hendak tahu di mana di negara kita ini ada satu model contoh kejayaan *bio-farming* sesuai dengan peruntukan yang besar kepada R&D seperti yang Yang Berhormat terangkan tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Seperti mana yang saya katakan tadi, data yang saya sudah bentangkan dalam Parlimen ini adalah berkaitan dengan Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan di mana keseluruhan projek yang telah diluluskan ialah 7,098 projek.

■1030

Daripada jumlah tersebut, 2,294 berpotensi untuk dikomersialkan dan 540 projek yang telah dikomersialkan, menghasilkan pulangan sebanyak RM7.1 bilion. Data yang dikumpulkan selain daripada jumlah tersebut adalah berkaitan dengan penerbitan, sebab dalam *research and development* ini, penerbitan adalah juga satu daya pengukur setakat mana kebolehan penyelidik-penyelidik kita dalam pelbagai latar belakang tersebut. Jadi, dalam bidang penerbitan sahaja, 27,052 terdiri daripada penerbitan antarabangsa iaitu sebanyak 6,517 dan di peringkat nasional sebanyak 20,536 yang telah diterbitkan. Menjawab berkaitan dengan modal insan, yang terlibat dalam R&D sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah berjaya menghasilkan 19,472 graduan yang terdiri daripada *master* dan juga PhD dalam bidang yang pelbagai latar belakang.

Berkaitan dengan bidang bioteknologi yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat, untuk masa hadapan, apa yang kita gerakkan untuk mewujudkan bio Malaysia yang merangkumi semua Yang Berhormat katakan tadi. Inilah arah tuju yang ingin kita gerakkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang melibatkan keseluruhan daripada penanaman dan juga pemprosesan dalam bidang bioteknologi. Oleh sebab ada soalan-soalan yang spesifik, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis nanti, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma ingin ingatkan. Dalam soalan tambahan, Peraturan Mesyuarat 24(3)(ii), tidak membenarkan soalan tambahan itu lebih daripada satu.

Peraturan mesyuarat berbunyi seperti begini, “*Apa-apa pertanyaan tambahan tidaklah boleh terdiri daripada beberapa pertanyaan atau gabungan beberapa pertanyaan*”. Saya perhatikan tadi, Yang Berhormat Segambut tanya dua soalan dan Yang Berhormat Machang tiga pertanyaan. Jadi, elakkan kalau boleh daripada bertanya begitu.

4. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kesan yang dialami oleh negara kita akibat keputusan Kerajaan Amerika Syarikat mengehendkan kadar siling hutang negara mereka terutama apabila menstrukturkan semula sebagai langkah pemotongan belanjawan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato’ Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan jentera Amerika Syarikat terus berfungsi dan mengelakkan daripada memungkir bayaran hutang negara, Kongres Amerika Syarikat telah bersetuju menaikkan kadar siling hutang negara pada 2 Ogos 2011. Kenaikan siling ini adalah dengan syarat bahawa Kerajaan Amerika Syarikat perlu mengurangkan perbelanjaan serta meningkatkan hasil. Lanjutan daripada keadaan ini, pada 5 Ogos 2001, pihak *Standard and Poors* telah menurunkan penarafan kredit Amerika Syarikat daripada AAA kepada AA+ dengan alasan bahawa kedudukan fiskal Amerika Syarikat yang semakin lemah.

Impak daripada penurunan taraf kredit ini telah menjejaskan bursa saham utama dunia dalam jangka masa pendek, namun ia adalah bersifat sementara. Pengurangan perbelanjaan oleh Kerajaan Amerika Syarikat akan memberi kesan yang minimum kepada ekonomi global, memandangkan pengurangan hanya akan dibuat ke atas perbelanjaan yang tidak kritikal. Ini termasuk pengurangan kos yang tidak perlu oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat serta mengehendkan pengambilan kakitangan awam sebagai langkah untuk mengawal perbelanjaan negara itu. Langkah pemotongan perbelanjaan ini akan memberi kesan secara tidak langsung terhadap pasaran buruh Amerika Syarikat. Namun begitu, ini dapat diimbangi oleh langkah-langkah Kerajaan Amerika Syarikat untuk mencergaskan pasaran buruh, termasuk melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur.

Tuan Yang di-Pertua, langkah pemotongan Belanjawan Amerika Syarikat boleh membawa kebimbangan kepada prospek pertumbuhan negara itu yang kini dianggarkan berkembang 1.5 peratus pada tahun 2011 berbanding dengan 3 peratus pada tahun 2010. Keadaan ini dijangka tidak memberi impak yang ketara terhadap eksport Malaysia, memandangkan eksport negara kini lebih pelbagai terutamanya dengan peningkatan perdagangan infrastruktur serantau di Asia. Tambahan pula, asas-asas ekonomi yang kukuh, seiring dengan dasar pengurusan mikro ekonomi yang pragmatik serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan projek di bawah Bajet 2012 turut menyokong peningkatan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Pertumbuhan ekonomi juga akan dipacu oleh perbelanjaan domestik yang kukuh serta aktiviti pelaburan yang rancak. Dengan mengambil kira perkembangan ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan pada kadar 5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2011.

Selain daripada itu, prospek pertumbuhan ekonomi negara ini dijangka terus berkembang kukuh, unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 20 September 2011, menunjukkan ekonomi Asia serantau dijangka terus positif terutamanya bagi negara membangun, berkembang pesat seperti China, India dan Indonesia. Perkembangan ini turut menyokong pertumbuhan perdagangan infrastruktur serantau, seterusnya akan mengimbangi kesan kelembapan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkembangan antarabangsa serta keadaan yang dihadapi oleh Amerika Syarikat, Belanjawan 2012 yang telah dibentangkan baru-baru ini pada 7 Oktober 2012 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia bertemakan “*Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara*” telah mengambil kira semua faktor di dalam serta luaran yang semakin mencabar ini. Kerajaan telah menyusun pelbagai strategi bagi mencatatkan aktiviti ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta dan awam. Pelbagai insentif dan galakkan telah diberi untuk mengangkat pelaburan domestik, di antaranya liberalisasi 17 subsektor perkhidmatan, pelaksanaan *rolling plan* kedua bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh serta merencanakan pembangunan di lima wilayah koridor.

Selain daripada itu, Pakej Rangsangan Khas sebanyak RM6 bilion yang dibiayai melalui *Private Financing Initiative* atau PFI juga dijangka mampu meningkatkan lagi pelaburan awam. Kerajaan yakin inisiatif ini akan menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi domestik dan seterusnya berupaya mengurangkan impak persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu ke atas negara kita, sekian.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapat terima apa jawapan yang diberi tadi, cuma langkah tambahan yang perlu diambil itu yang menjadi minat saya. Kita tahu yang kita ada masalah yang disebut ramai sebagai 4D, *national debt*, *household debt*, *education debt* dan juga yang dikatakan sebagai *private* atau hutang pihak swasta, 4D ini memang banyak disebut dan ada juga disebut di dalam buku Laporan Audit Negara yang baru kita terima, ada disebut. Saya hendak tanya, oleh kerana Menteri sendiri mengesahkan bahawa jumlah keseluruhannya, sebagai contoh *national debt* RM437 bilion, *household debt* RM557 bilion, *education debt*, kita pun tahu PTPTN memang menjadi perkara yang bermasalah sekarang dan Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja disebut bahawa hutang pihak swasta mencecah lebih daripada RM600 bilion.

Keluruhan menjadi lebih daripada RM1 trilion. Minat saya hendak bertanya dalam soalan tambahan ini, adakah cadangan kerajaan benar-benar hendak tengok perlunya menstrukturkan semula hutang ini kerana keadaan ini perlu kerana soalan asal tadi, Kerajaan Amerika juga telah melaksanakan perkara ini. Walaupun kita tidak ada kesan tetapi saya hendak tanya, minat itu. Sebab kita tidak langsung tekankan kepada niat kita untuk memotong belanjawan, sedangkan Pakatan Rakyat ada mencadangkan potongan belanjawan kerana kita risau keadaan ini akan lebih buruk lagi.

■ 1040

Jadi soalan saya, saya hendak tanya adakah minat kerajaan hendak tengok langkah untuk struktur semula dengan cara memperkenalkan cadangan memotong belanjawan untuk sementara. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat dari Indera Mahkota. Memang saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai hutang Kerajaan Persekutuan iaitu RM437 bilion. Itu adalah 52.7 peratus daripada keluaran dalam negeri kasar, kadar KDNK negara kita. Sungguh pun angka ini besar tetapi ia hanya dalam tahap 52.7 peratus, kita memang hendak kurangkan angka ini. Saya hendak memberi sedikit maklumat mengenai negara-negara yang lain iaitu *government debts versus GDP*. Untuk EU 27 negara, angkanya adalah 80 peratus *government debts against GDP*. *Germany 83 peratus* dan *France 81 peratus*. Kita memang dalam tahap yang boleh *manage* dan kita memang melalui program-program yang kita adakan seperti yang saya sebutkan tadi eksport kita pun telah meningkat dalam tempoh lapan bulan ini ke angka sampai 7.4 peratus, RM454 bilion. Kita memang mengambil langkah-langkah yang lain supaya kita boleh mengurangkan *debt* ini. Sekian.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ketika kita melihat jangkaan ataupun had hutang akan mencapai lebih kurang USD14.3 trilion yang dialami oleh Kerajaan Amerika Syarikat sekarang ini dan papan-papan tanda memaparkan setiap saat jumlah hutang yang terpaksa ditanggung oleh rakyat Amerika sehingga Kerajaan Amerika sendiri terpaksa mengarahkan agensi berita mereka mengalih pandangan supaya rakyat merasa sedikit seronok tentang kematian Allahyarham Muammar Ghaddafi misalnya. Kini kita melihat bahawa dunia pula berhadapan dengan masalah-masalah bagaimana untuk menangkis inflasi dan peningkatan harga makanan yang mendadak lebih-lebih lagi dengan negara yang pesat membangun seperti India dan China yang dijangka pada tahun hadapan pertumbuhannya akan bertambah perlahan. Sudah tentu dalam hal ini akan meningkatkan kadar inflasi.

Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat, memandangkan Amerika Syarikat merupakan rakan dagang utama kita dan keadaan kelembapan yang berlaku dan suntikan USD1 trilion yang telah dibuat kepada bank-bank di Amerika seperti Yang Berhormat terangkan tadi tidak mendatangkan apa-apa kesan pun.

Jadi apakah kesan - saya akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua, terhadap masalah global ini kepada negara kita dari segi eksport negara yang merupakan di antara sumber pendapatan utama walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan bahawa fokus kepada negara-negara ASEAN adalah menjadi agenda kita yang terkini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia akur tetapi tanya panjang lebar.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan dan juga pandangan Yang Berhormat. Memang bukan senang untuk saya jawab sebab isu ini memang memerlukan satu forum. Dalam masa yang ringkas ini, saya beritahu Yang Berhormat seperti saya katakan tadi kita memang hendak meningkatkan pelaburan iaitu FDI dan kita nampaknya angka itu pun begitu baik. Untuk separuh pertama 2011, jumlah pelaburan asing yang datang ke negara kita telah meningkat 75.4 peratus kepada RM21.2 bilion berbanding dengan RM12.1 bilion untuk tempoh masa yang sama 2010. Memang ini adalah kerja kuat dari Menteri MITI, kita ucapkan tahniah kepadanya.

Tambahan pula peningkatan kedudukan daya saing Malaysia dalam *Global Competitiveness Report 2011* hingga 2012 dari tangga 26 ke tangga 21. Juga projek-projek yang lain melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh, ETP, pelaburan domestik pun ada meningkat. Pelaburan domestik untuk tempoh separuh tahun pertama tahun ini sampai ke RM51.2 bilion. Ini telah jauh lebih daripada sasaran kita. Kita harap dengan persekitaran yang baik, persekitaran politik yang baik, kalau pembangkang jangan bising lebih sangat, kita memang boleh dapat pelaburan yang lebih. Sekian.

5. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan bakal diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dan rakyat negara China.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sri Gading, antara langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelancongan dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dan rakyat China adalah seperti berikut:

- (i) misi galakan pelancongan ke China pada 4 hingga 7 Ogos 2011;
- (ii) mengadakan seminar pelancongan dan menyertai pameran pelancongan utama di China;
- (iii) mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut dalam usaha mewujudkan penerbangan terus di antara Kuala Lumpur dengan wilayah-wilayah di China;
- (iv) melaksanakan program pertukaran lawatan media antara Malaysia dengan China;
- (v) menarik lebih ramai agensi pelancongan China untuk menjadi agen program *Malaysia My Second Home* atau dengan nama singkat MM2H secara usaha sama dengan agensi MM2H di Malaysia bagi mempromosikan program tersebut;
- (vi) memperkenalkan produk pelancongan baru seperti *luxury tour*, *helicopter tour* dan *red carpet shopping* dan menekankan bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan yang aman dan berkualiti untuk dilawati;
- (vii) berinteraksi dengan pengusaha pelancongan di China tentang pelaksanaan kemudahan internet visa iaitu i-Visa;
- (viii) mengadakan perbincangan dengan pengusaha pelancongan swasta dan media-media utama China bagi tujuan mempromosi dan membangunkan pakej lawatan baru ke Malaysia; dan

- (ix) melancarkan video pelancongan terbaru bagi pasaran China yang bertajuk, "*Stories to Share, Memories to Treasure in Malaysia*".

Antara pameran utama yang telah dan akan disertai pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

- (i) *Guan Dong International Trade Fair 2011* di Guang Zhou pada 24 hingga 26 Mac 2011;
- (ii) *World Travel Fair 2011* di Shanghai pada 12 hingga 15 Mei 2011;
- (iii) *Beijing International Travel Expo 2011* di Beijing pada 17 hingga 19 Jun 2011; dan
- (iv) *China International Travel Mart 2011* di Kung Ming pada 27 hingga 30 Oktober 2011.

Untuk itu, antara langkah yang bakal diambil dalam usaha mempertingkatkan lagi hubungan pelancongan antara rakyat negara ini dengan rakyat China adalah seperti berikut:

■1050

- (i) Kementerian Pelancongan dan pejabat *Tourism Malaysia* di China akan menyusul tindakan menjalin usaha sama dan promosi bersama dengan pengusaha pelancongan di antara kedua-dua negara;
- (ii) mengenal pasti senarai nama warga China yang merupakan *high network individuals* sebagai sasaran promosi *Malaysia Truly Asia, Luxury Malaysia* dan MM2H untuk menarik lebih banyak penyertaan rakyat China dalam program MM2H;
- (iii) bekerjasama dengan pihak swasta dalam mengendalikan *Malaysia Truly Asia, Luxury Malaysia* bagi mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih di kalangan pelancong China dengan pelbagai pilihan produk pelancongan yang berkualiti dan mewah;
- (iv) mengatur lawatan media utama China ke Malaysia;
- (v) pejabat *Tourism Malaysia* di China akan merancang untuk mengatur lebih banyak lawatan pelancong China ke Malaysia pada tahun akan datang; dan
- (vi) Kementerian Pelancongan akan mengadakan perbincangan dengan syarikat penerbangan Malaysia bagi menimbang cadangan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke wilayah-wilayah utama China seperti Fujian dan Shenzhen.

Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan panjang dan lebar. Akan tetapi apa yang saya maksudkan dalam soalan ini Tuan Yang di-Pertua, ini soal negara kita pula, ini tadi *bidding*, Shanghai tadi, itu negara dia. Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak kementerian benar-benar menjual kepada rakyat negeri China ini yang 1.3 bilion banyaknya ini, tempat-tempat bersejarah, soal budaya, soal adat resam, makan, minum yang nikmatnya, yang lazatnya di Malaysia ini dan apakah kementerian hendak mewujudkan pusat-pusat pelancongan yang baru di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Kelantan Sabah, Sarawak, Johor dan tempat-tempat yang lain yang tidak hanya berpusat di Kuala Lumpur. Ini balik-balik Kuala Lumpur. Balik-balik Kuala Lumpur. Apakah kementerian bersungguh-sungguh dalam memajukan atau mewujudkan pusat-pusat pelancongan yang baru di negeri-negeri yang lain? Antaranya di Johorlah.

Kemudian pakej-pakej ini Tuan Yang di-Pertua, yang mesti dimasukkan supaya ia merata dari bandar ke desa. Jangan di Jalan Petaling sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Jangan di Bukit Bintang sahaja. Daripada gunung-gunung ke laut-laut, daripada daratan ke pulau-pulau. daripada pelancongan yang disuakan dengan kemodenan ke tradisional. Tuan Yang di-Pertua, ini supaya pelancong yang datang melimpah-limpah ini dapat dinikmati oleh berbagai-bagai segenap rakyat di seluruh negara. Apakah kementerian ada cadangan seperti itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih abang saya Yang Berhormat Sri Gading atas soalan tambahan tersebut.

Promosikan produk-produk pelancongan ke negara China seperti mana yang saya telah sebut tadi telah pun membawa ramai rakyat China melawat ke negeri kita sebagai pelancong. Pada tahun 2010 kedatangan rakyat China ke negara kita adalah 1,130,261 orang dan yang membelanjakan RM3.1 bilion di negara kita. Pada tahun 2009, 1,019,756 pelancong dari negara China melawat ke negara kita dengan berbelanja RM2 bilion. Pada tahun ini pula hingga bulan Jun, 564,955 pelancong negara China. Ini adalah peningkatan kalau dibandingkan dengan tahun 2010 yang hanya 516,160 pelancong.

Di dalam program promosi ke negara China, semua Yang Berhormat sebut tadi sememangnya dirangkumkan sebagai produk-produk seperti tapak-tapak sejarah yang ada di negara kita seperti di Melaka, Pulau Pinang dan juga tapak sejarah di Johor Bahru. Tentang makanan dan budaya juga yang disebut memang satu produk yang kita promosikan kerana makanan rakyat China ada terwujud juga di sini. Budaya rakyat China di negara China sendiri wujud juga di negara kita. Akan tetapi apabila mereka datang, mereka ingin melihat perubahan dari zaman *Qing Dynasty* dahulu hingga sekarang. Apakah yang berlaku dengan budaya Cina yang sudah pun tinggal di Malaysia sekian lama?

Tentang pusat-pusat baru di negeri, Kementerian Pelancongan memang sudah pun mengenal pasti dan kita membuat strategi bagaimanakah pusat-pusat baru ini boleh dipromosikan? Kita buat. Kita sentiasa buat. Seperti membawa mereka juga dari bandar ke desa kerana rakyat China juga memang gemar dan suka melihat dan menyaksikan persembahan kebudayaan kita di Malaysia. Daripada itu, di Sarawak sememangnya ramai keturunan Cina menginap di luar bandar. Di kampung-kampung iaitu keturunan Kek. Mereka dibesarkan di kampung, sama juga dengan saya. Mereka pandai bertutur dan bercakap bahasa Bidayah. Apa kurangnya? Oleh itu, kita juga bawa mereka ke kampung-kampung.

Ada satu pekan sejarah di kawasan saya sendiri iaitu pekan Siniawan. Pada tahun 1824, orang Cina yang ada di Bandar Bau berlawan dengan Raja Brooke. Mereka kalah dan mereka berundur ke pekan Siniawan dan mendirikan pekan Siniawan pada tahun 1827. Pekan itu bentuk *design* rumah masih juga *design* lama. Ini adalah satu harapan bagi kita untuk membawa pelancong-pelancong dari negara China. Produk-produk di gunung, Gunung Kinabalu pun ada. Gunung Ledang. Kita menceritakan tentang Puteri Gunung Ledang yang berasal dari gunung itu kepada mereka. Memang mereka gemar datang ke situ.

■1100

Mereka juga pergi ke Gunung Mulu dan gunung-gunung yang lain sememangnya banyak dan pulau-pulau juga seperti Pulau Langkawi. Itu tidak perlu dihebohkan lagilah sebab itu sudah popular tetapi Pulau Redang, Pulau Perhentian dan pulau-pulau yang lain di negeri Sabah juga amat popular kepada pelancong-pelancong daripada negara China. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini menjadi Menteri Pelancongan Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kedatangan pelancong boleh membawa manfaat kepada ekonomi negara. Cuma saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, antara pelancong dengan pelacur ini apa bezanya?... [Ketawa] Saya ingin bertanya sedemikian Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Pelancongan akan membuat kajian yang terperinci mengenai dengan kedatangan pelancong-pelancong daripada negara China kerana kita dapati banyak di kalangan mereka datang menggunakan visa pelancong, visa pelajar tetapi tidak balik dan akhirnya menjadi pelacur>

Ini satu perkara yang benar, satu fakta yang benar sebab sudah ramai yang ditahan oleh pihak berkuasa sama ada oleh pihak polis ataupun kastam dan sebagainya. Jadi ini perkara yang serius, bukan satu perkara yang boleh kita main-mainkan sebab ianya telah membawa banyak masalah sosial. Jangan kita fikir hendak mencapai angka kemajuan pelancong ini dari segi jumlah angka. So kita bawa masuk dan benarkan masuk dahulu *Visa on Arrival*, kita hendak angka jumlah juta-juta masuk ke Malaysia tetapi kita hendak pelancong yang ada kualiti. Pelancong yang benar-benar membelanjakan wang mereka untuk datang melancong ke sini. Apa yang saya lihat, saya tidak tahu sejauh mana pelancong-pelancong dari China berbelanja sebab rakyat Malaysia kita pun tidak sedikit berketurunan Cina. Jadi saya tertukar di antara negara China sana dengan Cina di Malaysia. Jadi berapa jumlah sebenarnya dan berapa sebenarnya mereka berbelanja. Juga masalah yang saya sebutkan tadi yang membawa masalah gejala sosial kepada negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Pasir Mas. Saya sudah kenal dia sekian lama sahabat saya ini daripada Pasir Mas pada tahun 1992 apabila kita bersama-sama berada di Rio de Janeiro untuk *Earth Summit* dahulu.

Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat daripada Pasir Mas tentang pelancong daripada negara China yang mendapat visa pelajar, tetapi selepas itu tidak balik dan menjadi pelacur. Ini adalah perkara sosial yang perlu diambil berat oleh kerajaan negara kita kerana ianya merosakkan keluarga. Ini sememangnya tidak baik. Oleh itu kajian yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, oleh kerana isu pelacuran ini bukanlah tanggungjawab ataupun di bidang kuasa Kementerian Pelancongan, maka kementerian yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga haruslah membuat peninjauan dan membuat kajian tentang perkara seperti ini sama ada ianya berlaku dengan seluas-luasnya ataupun kerap sekali yang mengganggu keamanan keluarga-keluarga di negara kita.

Tentang perbelanjaan pelancong daripada negara China, per kapita perbelanjaan pelancong daripada negara China adalah RM3,000. Ini bermakna perbelanjaan pelancong daripada negara China dan pelancong-pelancong daripada negara Eropah hampir sama kerana perbelanjaan pelancong-pelancong dari Eropah per kapita adalah RM3,500 apabila mereka datang ke sini. Sekian, terima kasih.

6. Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian yang lebih berkesan akan dilakukan bagi membantu perkara pengusaha IKS memasarkan produk mereka, memandangkan ruang pasaran yang amat terhad dan hampir tidak mendapat tempat terutama di pasar raya-pasar raya besar.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa membantu usahawan-usahawan menjadi pembekal tetap di rangkaian peruncitan tempatan dan asing di Malaysia dengan syarat mereka mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh *hypermarket* seperti pelabelan yang lengkap, pensijilan halal serta kualiti dan kuantiti pengeluaran yang konsisten.

Dalam merealisasikan matlamat ini, kementerian mengadakan beberapa program khas untuk membantu usahawan-usahawan tempatan memasarkan dan mempromosikan produk masing-masing dan seterusnya menjadi pembekal tetap di rangkaian peruncitan. Antara program-program yang dilaksanakan oleh kementerian adalah Program Suaian Perniagaan yang mempertemukan usahawan-usahawan tempatan dengan pihak *hypermarket*, *supermarket*, kedai serbaguna, stesen minyak dan hotel. Melalui program ini, usahawan dan peruncit dipertemukan dalam usaha untuk menyenarai tetap produk masing-masing. Kementerian juga menganjurkan Program Produk Malaysia Kita dengan kerjasama *hypermarket* tempatan dan asing di Malaysia yang bertujuan memasarkan dan mempromosikan produk-produk mereka yang berpotensi tinggi untuk disenarai tetapkan.

Kerajaan telah menetapkan supaya semua *hypermarket* asing mematuhi garis panduan penyertaan asing dalam sektor perdagangan, pengedaran di Malaysia dalam pindaan tahun 2010 yang menetapkan 30 peratus produk yang dipasarkan di semua bentuk pasar raya asing terdiri daripada produk PKS bumiputera. Terima kasih.

Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan.

Persoalannya sekarang ialah deposit yang terlalu tinggi yang dikenakan oleh *hypermarket* kepada pengusaha-pengusaha IKS sebagainya ini untuk mendapat tempat barangan mereka di *hypermarket*. Kita harus sedar bahawa dari segi Islam terutama sekali makanan dan pemakanan ini, ia memberi pengaruh dan kesan kepada pertumbuhan jiwa dan rohani. Oleh sebab itu kita berbangga apabila permintaan agak menggalakkan terhadap kempen *halal hub* ini, kesan *halal hub* daripada kalangan masyarakat ramai sampai ke peringkat antarabangsa pun. Akan tetapi persoalannya sekarang ialah kita lihat sama ada dalam negeri pasarannya tidak begitu meluas. Orang tercari-cari di mana yang ada. Kemudian ada IKS yang gulung tikar sebab tidak mendapat tempat untuk pasaran. Apakah kerajaan juga bercadang untuk mempertingkatkan daya saing kepada mereka ini terutama sekali mungkin kita dapat mewujudkan bazar-bazar rakyat di tempat-tempat yang strategik membantu untuk orang mudah mencari barang.

Keduanya saya dengar kedai 1Malaysia pun bagi kepada Mydin tetapi tidak beri kepada IKS keutamaannya. Apakah cadangan kerajaan juga dalam usaha membantu supaya *halal hub* ini dapat disistemkan secara yang lebih konkrit dari segi urusan eksport terutama sekali kepada negara-negara Timur Tengah. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti saya katakan tadi kita menjurus kepada *hypermarket* asing. Itu di bawah kelolaan kementerian kita.

■1110

Jadi terima kasihlah Yang Berhormat Baling yang mengatakan mengenai deposit yang terlalu tinggi. Maklum balas macam ini yang kami perlukan Yang Berhormat sebab apa kami buat padanan suaian perniagaan atau dengan izin, *business matching*. Akan tetapi dari segi *business-to-business*, dengan izin, adalah antara pengusaha IKS dengan *hypermarket*.

Namun demikian Yang Berhormat, kami di kementerian sentiasa mencari jalan yang terbaik supaya padanan yang kita buat ini akan berterusan dan bukan itu sahaja Yang Berhormat, kami bermula supaya padanan ini dimulakan dengan *hypermarket* di *outlet*nya di dalam negara dan selepas itu kami menggalakkan supaya produk-produk yang didapati berkualiti tinggi dan mempunyai *business volume* yang baik kita juga menyarankan supaya ianya dapat dibawa ke *outlet* mereka di luar negara. Itu sebenar tujuannya.

Jadi syukur *alhamdulillah* Yang Berhormat Baling saya hendak memaklumkan bahawa kita juga ada satu program yang dinamakan *Taste of Malaysia* di mana melalui *hypermarket* ini ramai daripada pengusaha kita sudah keluar negara. Sebagai contoh mereka sudah global, pergi global, sebagai contoh kita telah masuk barangan kita telah masuk di Carrefour Jakarta, di mana mereka mendapat dan kebanyakannya memanglah produk makanan kita Yang Berhormat. Selepas itu kita juga telah masukkan produk IKS kita di Tesco Beijing dan daripada ini kita berharap akan dapat kita perkuatkan lagi ke *outlet-outlet hypermarket* yang ada.

Jadi Yang Berhormat tadi memaklumkan bahawa dari segi halal hab. Yang Berhormat kita adalah satu kementerian juga yang diberi ruang untuk membantu mereka yang mengeluarkan produk-produk halal dan seperti yang saya katakan tadi dari segi kualiti memang kita jaga dan kita pastikan juga bahawa segala produk-produk yang dikeluarkan termasuk oleh IKS juga ada tanda halal untuk memastikan bahawa mereka mematuhi segala piawaian. Jadi Yang Berhormat, terima kasih dari segi apa yang disebut Yang Berhormat Baling tadi dan *insya-Allah* Yang Berhormat yang katakan tadi Mydin. Sebenarnya Yang Berhormat Baling kita, seharusnya mengucapkan terima kasih juga sebab Mydin ini adalah *hypermarket* tempatan yang telah juga kita banyak memberi ruang supaya membantu PKS termasuklah produk 1Malaysia. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya Tuan Yang di-Pertua, hairan sebab jawapan tadi masih mencari jalan adakah kita ini sesat dalam perjalanan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan begitu... [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jadi saya hendak tanya kementerian sebab saya tahu dasar kerajaan hendak memastikan industri kecil sederhana ini berkembang dari semasa ke semasa tetapi mungkin komitmen sama ada kementeriankah, pegawai-pegawai diakah? Tidak ada satu pegangan yang ingin melihat bahawa industri kecil sederhana ini dapat dibangkitkan, dibangunkan mereka. Saya hendak tanya berapa industri kecil yang sudah berpuluh-puluh tahun kita cari jalan ini berkembang menjadi satu industri yang besar bersifat global yang boleh memasarkan produk mereka ke merata-rata tempat di serata dunia ini yang telah diusahakan oleh kementerian. Kalau tidak ada, kenapa? Apakah kekurangan yang kita hadapi selama ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Saya kata, kementerian ini kita menjurus kepada *hypermarket* asing dan di dalam negara kita tahu memang banyak. Kita ada juga *strategic alliance* bersama MITI, SIRIM, SME Corp, TEKUN, MARA memang kita menjurus supaya membangunkan produk-produk ini. Akan tetapi kami di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan diberi tugas dan tanggungjawab untuk mengawasi *hypermarket* asing dan Yang Berhormat kita tahu *hypermarket* ini pun ada satu standard yang begitu tinggi tetapi baik juga untuk IKS mencebur diri.

Saya ingin maklumkan di sini kita ada empat *hypermarket* besar di negara kita yang di bawah pengawasan kementerian iaitu Giant, Tesco, Carrefour dan Jusco. Saya ingin memaklumkan bahawa Giant kita telah membangun 327 orang pembekal PKS Bumiputera dengan nilai RM34,527,548.27 bagi Tesco ada 279 orang pembekal PKS Bumiputera nilainya RM58,375,957. Kita ada Carrefour iaitu membekal 151 PKS Bumiputera yang membekalkan barangan di situ dengan nilai RM7,863,149 dan Jusco ada 122 pembekal PKS bumiputera yang membekal jumlah jualan RM117,229,369.79 dan Yang Berhormat Kinabatangan seperti yang saya katakan tadi kita syaratkan. Satu daripada syarat supaya 30 peratus produk adalah daripada PKS tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah daripada Limbang.

7. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah kerajaan akan membina Jalan Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab Fasa 3 (fasa terakhir) setelah fasa 1 & 2 yang dijangka siap penghujung tahun 2011 untuk memastikan objektif asal jalan sebagai kemudahan asas untuk rakyat di sepanjang Sungai Limbang dan membuka kawasan pembangunan tanah jelapang padi.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat daripada Limbang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Limbang, kementerian akan menyenaraikan projek Jalan Meritam-Telahak-Buangabai-Pengkalan Rejab fasa 3, iaitu fasa terakhir jalan yang dimaksudkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tahun pelaksanaan 2013 sehingga 2015 tetapi tertakluk kepada kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah kita memang mengharapkan benar fasa ketiga ini supaya jalan yang sedang dibina iaitu fasa 1 dan fasa 2 tidak tergantung-gantunglah kata orang.

Jadi soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian, *insya-Allah* bila jalan itu dilaksanakan nanti untuk memastikan pelaksanaannya yakni *construction stage*, dengan izin, projek ini tidak akan terlalu lewat jadual seperti mana yang dialami oleh fasa 1 dan fasa 2 ini supaya ianya tidak berulanglah walaupun isu-isu pampasan tanah dan sebagainya telah selesai. Ini kerana, banyak alasan yang telah diberikan jadi kita takutlah yang baru itu juga nanti akan melembapkan, melambatkan lagi perancangan untuk membuka tanah di kawasan sepanjang sungai ini. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Limbang tentang apa langkah-langkah yang akan kita ambil, pertamanya belum ada kepastian ataupun kelulusan sama ada fasa 3 ini akan dibina semasa baki Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Akan tetapi sekiranya iaitu diluluskan kita memang dapat mempelajari apa yang telah kita alami semasa kita melaksanakan projek di peringkat fasa 1 dan fasa 2. Bagi fasa 2, kelewatan yang dimaksudkan itu saya yakin Yang Berhormat Limbang pun tahu adalah kerana *Land and Survey Sarawak* yang lewat yang lambat memberi pampasan pada pemilik-pemilik tanah yang berkaitan dan jajaran ataupun *alignment* jalan tersebut adalah di atas *recommendation* ataupun di atas nasihat JKR Sarawak juga. Kementerian kita tidak terlibat secara langsung dalam membuat *alignment* dalam apabila kita hendak melaksanakan. Kontraktor yang melaksanakan projek tersebut terdapat ada kilang balak (*timber factory*) yang di tengah-tengah *alignment* jalan tersebut.

■1120

Itu telah melambatkan pelaksanaannya. Akan tetapi ini bukan satu perkara yang selalu berlaku. Ini adalah *one-off incident* sahaja. Saya yakin perkara seperti ini tidak mungkin akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah kontraktor bumiputera kelas 'F' yang mendapat peluang kerja dalam projek Jambatan Kedua Pulau Pinang; dan
- (b) nilai projek yang diperolehi oleh kontraktor bumiputera tersebut.

Menteri Kerja Raya [Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (JPP2) dilaksanakan secara penswastaaan oleh Syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB) iaitu sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang ditubuhkan oleh kerajaan di bawah Kementerian Kewangan. JSKSB bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina, mengendali, menyenggara dan mengutip tol menerusi kaedah bina-kendali-pindah (BOT) bagi tempoh konsesi selama 45 tahun.

Sehingga 30 September 2011, kemajuan keseluruhan kerja-kerja fizikal di tapak projek ini ialah sebanyak 61.8 peratus berbanding dengan 60.9 peratus mengikut jadual atau dahulu jadual bersamaan dengan 10 hari. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan bagi sub-kontraktor dibuat oleh kontraktor utama dan dipantau oleh pihak JKSB. Peranan Lembaga Lebuh Raya Malaysia ialah untuk memastikan syarat-syarat perjanjian konsesi yang menetapkan 30 peratus daripada nilai kontrak konsesi diberikan kepada syarikat bumiputera dipatuhi.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 96 buah syarikat atau subkontraktor bumiputera daripada pelbagai kelas telah dilantik oleh kontraktor utama bagi pelaksanaan projek ini. Jumlah sub-kontraktor bumiputera ini adalah bersamaan 48 peratus daripada jumlah keseluruhan sub-kontraktor yang dilantik dengan nilai kerja yang ditawarkan adalah sebanyak RM961 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak enam sub-kontraktor adalah subkontraktor bumiputera Kelas 'F' dengan nilai kerja sebanyak RM1.5 juta.

Pada masa kini, kerja-kerja yang sedang dilaksanakan di tapak melibatkan kerja-kerja berteknikal tinggi dan khusus (*specialize*), dengan izin, seperti pembinaan *sub-structure*, pemasangan dan pembinaan *superstructure* serta pembinaan *main span* yang mana sebahagian besar kerja-kerja ini adalah di kawasan laut di mana ia di luar kemahiran atau kemampuan sub-kontraktor bumiputera Kelas 'F'.

Secara lazimnya, kerja-kerja yang dilaksanakan oleh sub-kontraktor bumiputera Kelas 'F' melibatkan kerja-kerja di peringkat akhir pelaksanaan projek seperti pemasangan penghadang jalan, papan tanda arah dan kerja-kerja lanskap. Jumlah bilangan dan nilai kerja yang dilaksanakan oleh subkontraktor bumiputera Kelas 'F' dijangka meningkat dari masa ke semasa mengikut peringkat pelaksanaan projek, keperluan skop projek dan bidang kepakaran subkontraktor. Terima kasih.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada lima kontraktor utama yang mengambil bahagian di dalam pembinaan ini. Salah satunya ialah Chec Construction dari Republik Rakyat China. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memaklumkan, daripada 48 peratus kontraktor Kelas 'F' tempatan yang mengambil bahagian tadi, berapakah yang terlibat dalam kerja-kerja yang membabitkan kontraktor utama Chec Construction kerana saya difahamkan Chec Construction ini antara syarat ia terlibat sama ialah pertamanya, syarikat tempatan yang hendak mengambil bahagian mesti daftar syarikat di Republik Rakyat China. Mesti buka akaun di Republik Rakyat China supaya semua pembayaran itu dibuat cuma membabitkan China EximBank. Jadi soalan saya tadi, berapa ramaikah daripada 48 peratus kontraktor bumiputera yang terlibat dalam jambatan kedua ini yang mendapat kerja-kerja sub daripada kontraktor utama iaitu Chec Construction dari Republik Rakyat China? Terima kasih.

Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini saya tidak ada maklumat khusus berhubung dengan *details* sub-kontraktor-sub-kontraktor yang mendapat kerja daripada CHEC Construction (M) Sdn. Bhd. daripada China ini dan saya akan bagi jawapannya secara bertulis dalam masa terdekat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No.9 – Y.B. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) tidak hadir]

[Soalan No. 10 – Y.B. Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) tidak hadir]

11. Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, status terkini pembinaan Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia (MIAC) yang melibatkan kawasan seluas 480 hektar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan berapakah kos pembangunan projek tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembangunan Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia (MIAC) adalah merupakan hab pembangunan aeroangkasa antarabangsa berteknologi tinggi yang telah dilancarkan pada tahun 2005 di kawasan tanah sebenarnya seluas 136.9 hektar sahaja. Projek ini adalah untuk mencapai beberapa objektif tersebut iaitu:

- (i) menjadikan aeroangkasa sebagai salah satu cabang baru menjana ekonomi negara dengan mewujudkan serta mempromosikan industri teknologi tinggi yang mempunyai nilai tambah selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia negara industri teknologi tinggi dan negara berpendapatan tinggi;
- (ii) menjana peluang pekerjaan dan kemahiran khususnya modal insan negara yang berasaskan sains dan teknologi yang telah mendapat latihan sama ada dari universiti tempatan dan luar negara.

Semenjak dilancarkan pada tahun 2005 dengan kos awalan RM48 juta yang telah ditanggung oleh Malaysia Airports Berhad, setakat ini kita telah berjaya menarik modal sebanyak USD2 bilion dalam tempoh empat tahun beroperasi semenjak tahun 2007.

Di antara syarikat-syarikat peneraju utama (*anchor*) yang telah melabur di hab aeroangkasa ini ialah Spirit AeroSystems Malaysia Sdn. Bhd. yang membangunkan kemudahan pemasangan sayap pesawat Airbus dan mewujudkan 10 buah vendor utama yang besar dan 70 buah vendor-vendor kecil yang menyokong dalam industri hiliran. Ini tidak termasuk AIROD selaku kontraktor *maintenance, repair and overhaul* (MRO) yang telah wujud semenjak tahun 1987 untuk khidmat kepada pesawat-pesawat tentera dan pusat penyelenggaraan MAS yang terletak di luar hab pengangkutan tetapi bernaung di bawah MIAC.

Selain daripada itu, projek terkini MIAC ialah membangunkan pembangunan helikopter di mana syarikat penerajunya ialah Eurocopter Malaysia dengan kos anggaran pembinaan RM50 juta. Pusat ini dijangka mula beroperasi selewat-lewatnya pertengahan tahun 2012. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Menjelang tahun 2020, negara kita akan menjadi sebuah negara maju.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kita dapati dari segi perkembangan pusat aeroangkasa ini merupakan suatu bidang yang perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Adakah kementerian telah berusaha untuk memastikan suatu R&D yang menyeluruh bagi menjadikan sektor ini sebagai suatu sektor yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara di samping kita hendak menjadikan modal insan kredit negara ini menceburkan dalam bidang ini sebagai suatu bidang kerjaya yang perlu diberi penumpuan. Kita boleh mengeksport modal insan ini ke negara-negara lain untuk menjadi sebagai sesuatu kepakaran dan rujukan kepada negara kita.

Selain daripada itu juga, sejauh manakah setakat ini usaha kerajaan untuk memulakan pelaksanaan lapangan terbang baru di kawasan Parlimen Silam? Mohon jawapan. Terima kasih.

■1130

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Silam. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya ingin nyatakan di sini, bahawa industri aeroangkasa ini adalah merupakan salah satu industri teknologi tinggi yang memang mendapat perhatian daripada kerajaan, dan dalam Pelan Induk Pembangunan Aeroangkasa ini, kerajaan telah memberikan tumpuan walaupun sebenarnya industri aeroangkasa ini bukanlah begitu baru di negara ini. Ini kerana memang banyak syarikat-syarikat yang terlibat di dalam industri ini dan telah pun melabur di Malaysia di beberapa negeri di Semenanjung, iaitu di *Penang* seperti syarikat-syarikat Honeywell; di *Johor Bahru* dan di *Kedah* seperti *Asian Composites Manufacturing*; CTRM di *Melaka* dan juga beberapa syarikat di *Lembah Klang* seperti *Airfoil*, *UPEKA*, *SMEA* dan beberapa syarikat yang lain.

Akan tetapi dalam pembangunan MIAC ini yang merupakan salah satu daripada anak syarikat yang dimiliki oleh MAB, sememangnya kerajaan memang berhasrat untuk membangunkan hab aeroangkasa ini dengan memberikan tumpuan terhadap pembangunan teknologi tinggi yang berkaitan dengan aeroangkasa. Oleh sebab itu kita telah memperuntukkan satu pelaburan yang besar di sini dan kita berharap akan dapat pulangnya. Pada ketika ini seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa dalam tempoh enam tahun kita telah dapat melihat pelaburan ataupun jumlah *business turn over* sebanyak lebih kurang USD2 bilion.

Dalam segi pembangunan modal insan, sememangnya kita mempunyai sejarah untuk membangunkan modal insan di dalam bidang teknologi tinggi *aeronautical training* ini di mana beberapa institut telah menawarkan modal insan seperti *Universiti Teknologi Malaysia*, *UPM*, *Universiti Sains Malaysia* dan juga *UniKL* melalui *Malaysian Institute for Aeronautical Training* yang akan berpindah ke MIAC pada tahun hadapan. Ini adalah merupakan *anchor* terhadap penjana modal insan untuk menyokong pembangunan aeroangkasa ini.

Kita berharap dengan pembangunan ini kita dapat *target* yang kita ingin capai misalnya pada tahun 2015 kita telah menyasarkan sekurang-kurangnya lima peratus daripada *global MRO business* yang bernilai USD65 bilion ini, kita akan dapat menguasai sekurang-kurangnya USD3.5 bilion bagi *business* ini. Kita memang mengharapkan perkembangan selanjutnya.

Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat itu, sebenarnya pihak kementerian sedang membuat kajian dan kita berharap sekiranya Lapangan Terbang Silam itu mempunyai potensi maka kerajaan akan membuat keputusan khususnya melalui keputusan di Unit Perancang Ekonomi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 31 Oktober 2011.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2012

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2012 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion dua ratus empat puluh lapan juta sembilan ratus ribu ringgit (RM51,248,900,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2012, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 2011, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” [**20 Oktober 2011**]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Amat Berhormat...

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1)...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Sekadar minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Saya memasukkan usul P.M.18(1) pada hari Jumaat yang lalu berkaitan penggantungan Profesor Dr. Aziz Bari daripada UIA dan ditolak dalam kamar. Seingat saya Tuan Yang di-Pertua, minggu lepas Yang Berhormat Bukit Bintang juga memasukkan usul tapi diizinkan baca pada 11.30 pagi. Jadi mengapa saya tidak diizinkan membaca dan Yang Berhormat Bukit Bintang diizinkan membacanya? Sekadar saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, yakinlah Yang Berhormat, apabila saya membuat keputusan, saya menimbang dengan baik. Oleh kerana Yang Berhormat hendak tahu juga, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang itu adalah perkara berbeza iaitu mengenai dengan alam sekitar, bangunan-bangunan bersejarah yang akan terjejas kedudukannya. Akan tetapi dalam soal ini ialah soal di antara individu dan universiti dan tindakan terhadap seseorang oleh universiti adalah perkara biasa. Jadi saya rasa tidak eloklah perkara begitu kita bincang menghabiskan masa Dewan. Terima kasih. Sila Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Maaf ya, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 20 Tuan Yang di-Pertua, berkenaan risalat.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 20.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat 20.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mengenai risalat-risalat yang dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, Laporan Ketua Audit Negara yang kita tunggu-tunggu ini akhirnya dibentangkan dua minggu lewat daripada kebiasaannya. Saya pohon kalau boleh, perjelaskan sebabnya kerana sebelum ini saya ada bangkitkan pada 10 hari bulan mengapa masih tidak diterima dan Dewan dimaklumkan belum terima.

Perkara kedua, saya pohon agar Parlimen boleh membekalkan setiap akhbar dan media satu set Laporan Ketua Audit Negara ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila pihak eksekutif mahu melancarkan projek-projek atau program-program, mereka menjemput media dan sekarang ada laporan untuk menyatakan bagaimana peruntukan perbelanjaan ini telah digunakan, saya rasa media harus diberi sesalinan laporan ini agar mereka boleh menyebarkan maklumat yang begitu penting bagaimana kerajaan telah membelanjakan wang rakyat ini. Jadi saya pohon Tuan Yang di-Pertua boleh membantu agar maklumat ini, Laporan Ketua Audit Negara ini setiap media diberi sesalinan. Buat masa ini mereka ada akses kepada Aturan Urusan Mesyuarat sahaja. Ini maklumat dalam Laporan Ketua Audit Negara ini begitu penting. Saya pohon Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. *I will take note on that.*
Terima kasih. Sila.

11.38 pg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin merakamkan rasa kesyukuran, terima kasih dan juga tahniah di atas pembentangan Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 7 Oktober 2011 yang lalu. Pada hemah saya, bajet kali ini merupakan bajet yang terbaik, amat bertepatan dengan keperluan dan kehendak rakyat sesuai dengan tema 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara.'

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah pun mengambil perhatian yang serius terhadap bajet yang telah dibentangkan melalui perbahasan yang berlangsung daripada 10 sehingga 20 Oktober 2011. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, seramai 51 Ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan pelbagai perkara yang secara langsung menyentuh peranan Kementerian Pelajaran. Justeru, saya akan mengambil kesempatan untuk menggulung dan memberikan fokus pada isu-isu dasar yang dibangkitkan di samping mengulas isu-isu spesifik dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini telah memperuntukkan sejumlah RM37.3 bilion yang merangkumi RM32.7 bilion yakni 87.7 peratus bagi perbelanjaan mengurus dan RM4.6 bilion yakni 12.3 peratus bagi perbelanjaan pembangunan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

■1140

Secara perbandingannya, peruntukan untuk mengurus meningkat sebanyak 11.4 peratus manakala peruntukan pembangunan berkurangan sebanyak 28.35 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Serdang yang telah juga menyentuh perkara ini, walaupun peruntukan pembangunan berkurangan, namun saya yakin dengan amalan perbelanjaan berhemah seperti yang dilakukan sekarang serta kesungguhan dan kejujuran kita dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan, peruntukan yang disediakan ini mampu untuk merealisasikan agenda pembangunan pendidikan negara. Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan matlamat untuk membela rakyat, bantuan pendidikan yang disediakan dalam bajet kali ini sudah pasti akan memberikan manfaat kepada semua murid sama ada di sekolah kerajaan...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Bantuan kerajaan, swasta, persendirian dan agama yang dianggarkan berjumlah RM5.8 juta. Selain daripada pemansuhan semua jenis bayaran tambahan yang dikenakan oleh sekolah kerajaan ataupun bantuan kerajaan sebelum ini, semua murid tersebut akan menikmati bantuan awal persekolahan sebanyak RM100 dan bantuan baucar buku berjumlah RM200 untuk semua pelajar Tingkatan 6 dan matrikulasi.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya rasa gembira kerana menurut Yang Berhormat Menteri, memanglah melalui satu pengurusan yang berhemah kita boleh menggunakan peruntukan untuk pembangunan itu untuk membawa manfaat kepada semua warga Malaysia. Saya rasa itu satu usaha yang baik tetapi saya nak tanya secara realiti, di bawah kawasan MPKJ sahaja setakat 2015, kita memerlukan sembilan buah sekolah menengah yang baru dan juga 18 buah sekolah rendah yang baru.

Jadi, saya nak tanya di sini, bagaimana kementerian boleh memastikan bahawa kita boleh membina sekolah yang mencukupi untuk membekal pendidikan yang berkualiti tinggi kepada generasi muda ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Terengganu bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga tertarik dan bersyukur tindakan kerajaan yang menghapuskan segala bentuk yuran. Dulu yuran sekolah, yuran peperiksaan dan sekarang nampaknya anak-anak kita tidak perlu lagi membayar yuran. Akan tetapi kedatangan walaupun yuran dihapuskan, pihak sekolah dengan menggunakan PIBG masih lagi mengutip yuran daripada ibu bapa dengan alasan untuk memajukan lagi pembelajaran. Ini diambil kesempatan oleh pihak pembangkang dengan menaikkan kain rentang dengan mengatakan yuran dihapuskan tetapi ibu bapa masih lagi membayar yuran yang agak besar. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menasihati pihak sekolah juga PIBG supaya tidak mengutip yuran di peringkat awal pendaftaran anak-anak kita. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat Menteri, boleh buat sekali? Sebagai maklumat tambahan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, memang benar dan mungkin kalau boleh kementerian mengeluarkan beberapa garis panduan yuran mana yang telah dimansuhkan dan yang mana tidak dimansuhkan sebab di pihak sekolah-sekolah pun mereka ada keraguan, cuma dimaklumkan yuran-yuran sekolah dimansuhkan tetapi tidak ada yang spesifik, yang menyatakan yuran yang bentuk mana. Jadi, kalau boleh saya mencadangkan kementerian mengeluarkan satu garis panduan kepada seluruh PPD di daerah dan PPD mengarahkan guru-guru besar dan pengetua-pengetua menyatakan apa yuran yang telah dimansuhkan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat. Yang pertama, tentang soal pembangunan sekolah ataupun infrastruktur sekolah ini. Memang saya sedar ini adalah satu cabaran besar bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia kerana setiap tahun kita mempunyai sejumlah lebih setengah *million* pelajar-pelajar kita yang memasuki dalam sistem persekolahan kita dan disebabkan itu, tuntutan untuk kita membangunkan infrastruktur ini semakin hari semakin bertambah. Saya sedar hal itu dan saya sendiri pun sudah ada mempunyai rekod tentang keperluan-keperluan sekolah di seluruh negara, bukan sahaja sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan sebagainya. Oleh sebab itu, yang penting sekarang ini bagaimana kita merancang program pembinaan sekolah-sekolah di seluruh negara, di samping kita membangunkan sekolah-sekolah baru, bagaimana kita nak memperbaiki sekolah-sekolah yang sudah lama kita bina yang sekarang ini berada dalam keadaan yang kurang baik, uzur dan sebagainya.

Contohnya baru-baru ini saya telah pun mengambil langkah menubuhkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi untuk membuat audit bagi keseluruhan sekolah-sekolah yang ada di seluruh negara. Kita mempunyai hampir 10,000 buah sekolah, 9,900 lebih buah sekolah. Di situ kita dapati lebih kurang 700 buah sekolah berada dalam keadaan yang agak daif. Bermakna kalau tidak kita ambil langkah yang segera untuk memperbaikinya, ini akan menghadapi masalah besar daripada segi kualiti pembelajaran. Jadi, baru-baru ini bila Perdana Menteri telah memutuskan RM900 *million* khusus ialah untuk penambahbaikan sekolah-sekolah dan RM500 bilion daripada jumlah itu ialah untuk sekolah kebangsaan dan yang lain itu untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil, mubaligh dan juga sekolah agama.

Maka RM500 bilion yang pertama itulah kepada saya setuju untuk kita gunakan bagi memperbaiki sekolah-sekolah yang amat daif ini dan ini akan kita mula laksanakan pada tahun hadapan. Pendek kata, keperluan sekolah di seluruh negara memang bertambah dan saya sendiri dapat maklumat yang *detail* tentang keperluan penambahan bilik darjah sebagai contoh ataupun pembinaan sekolah-sekolah tambahan di sesuatu kawasan.

Pokoknya sekarang ini terutama di kawasan-kawasan pusat bandar dan kawasan-kawasan pinggir bandar disebabkan oleh migrasi penduduk kita ke bandar maka tekanan untuk menyediakan infrastruktur pendidikan itu menjadi lebih berat lagi.

Inilah yang kita perlukan dan sebab itu saya sekarang ini di peringkat menyusun semula Bahagian Pembangunan di Kementerian Pelajaran Malaysia dan memperkukuhkan bahagian ini dengan sejumlah pegawai yang lebih, di samping kita menyusun semula strukturnya dan juga cara bagaimana kita nak mengumpulkan data-data yang lengkap untuk mengetahui tentang bilangan pelajar yang akan memasuki dalam sistem sekolah kita, bukan dalam tempoh dua tahun macam sekarang.

Kalau boleh, selepas lahir ke dunia ini, kita tahu mereka ini akan memerlukan persekolahan dan kalau kita mengambil perancangan awal. Maka dengan cara yang begitu, kita dapat membantu kementerian membuat perancangan tentang jumlah sekolah yang kita perlu bangukan di samping kita perlu menyediakan peruntukan yang lebih banyak. Keduanya, tentang masalah yuran yang telah pun kita hapuskan yang baru-baru ini telah pun diumumkan oleh Perdana Menteri iaitu RM150 juta. Inilah perbelanjaan-perbelanjaan yang biasa dikenakan kepada ibu bapa di semua sekolah iaitu sekolah menengah dan sekolah rendah. Yang di peringkat sekolah rendah lebih kurang RM25, sekolah menengah hampir RM32. Kutipan inilah dibayarkan untuk beberapa kertas peperiksaan, kokurikulum dan sebagainya tetapi dengan keputusan baru Yang Berhormat luluskan di Parlimen, RM150 juta, wang ini akan diperuntukkan kepada sekolah.

Jadi pihak ibu bapa tak perlulah membayar lagi peruntukan yang biasa dibayar untuk tujuan-tujuan yang tersebut. Namun begitu saya sedar PIBG mempunyai peranan mereka dan sebab itu walaupun sebahagian besar peruntukan yang disediakan kerajaan itu dapat menampung keperluan-keperluan pokok dalam usaha pendidikan tetapi inisiatif ibu bapa di sekolah masing-masing tak boleh kita sekat dan disebabkan itu peranan PIBG di sekolah menjadi lebih bertambah. Mereka berpendapat sekolah mereka mahu jadi sekolah cemerlang, cabaran untuk menjadi sekolah berprestasi tinggi, maka mereka mengemukakan pelbagai cadangan di peringkat sekolah sendiri. Di situlah, di PIBG, mereka berbincang sama ada perlulah mereka memungut pungutan-pungutan tambahan. Saya setuju dengan semua Yang Berhormat yang mencadangkan kita adakan garis panduan. Ini memang kita telah buat dulu dan yang akan datang kita akan tentukan, mana yang telah pun diperuntukkan janganlah dimohon lagi. Kalau ada pun keperluan untuk menambah maka ia mesti dibuat secara berhemah.

Selepas dipersetujui oleh jawatankuasa PIBG sekolah kemudian itu diadakan mesyuarat agung dan kalau sudah itu dimaklumkan kepada pihak pengarah pelajaran negeri. Dianggap ia berpatutan, maka bolehlah mereka memungut tetapi janganlah sampai ia boleh membebankan ibu bapa.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, boleh saya dapat tahu dan saya ada tanya soalan ini. Sebanyak RM100 juta telah diagihkan untuk sekolah Tamil dan Cina dan juga untuk kebangsaan berjuta-juta ringgit. Boleh saya dapat tahu untuk sekolah Tamil dan sekolah Cina seperti yang diakui oleh Yang Berhormat bahawa ada migrasi yang ramai di antaranya ke pekan. *There is a mismatch* dalam situasi di negara ini dan kekurangan sekolah-sekolah. Berapakah sekolah baru Tamil dan Cina yang akan dibina dalam masa terdekat?

■1150

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya perlukan notis sedikit. Kerana hendak terperinci itu agar sukar sedikit. Namun pokoknya, umpamanya pada tahun ini Yang Berhormat, kita ada peruntukan yang sama juga. Yang ini senarai telah pun disediakan daripada pihak pimpinan masyarakat yang mengemukakan dan kita menimbang keadaan sekolah itu berdasarkan status sebenarnya dan kalau perlu kita telah pun mengeluarkan peruntukan-peruntukan untuk dibelanjakan. Untuk tahun hadapan jumlah yang sama juga. Ini kita akan serahkan kepada pemimpin Yang Berhormat yang mengemukakan cadangan. Ini kita akan nilai sama ada wajar kita akan gunakan untuk sekolah demikian ataupun kita gunakan untuk membangunkan sekolah-sekolah baru.

Saya hendak sebutkan peruntukan untuk sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina tadi. Selain daripada itu, kita juga ada peruntukan-peruntukan penambahbaikan pada masa-masa lepas yang dikeluarkan secara *ad hoc* untuk menambah sejumlah peruntukan yang sedia ada.

Akan tetapi saya sedar bahawa ia tidak mencukupi, lebih-lebih lagi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi saya sendiri di kawasan saya sebagai contoh, mereka dahulu tinggal di Cargill Estet dan sekarang ini sebahagian besar ibu bapa mereka sudah tidak tinggal di estet. Dia sudah membeli rumah di luar daripada estet. Sebab itu anak-anak mereka sekarang tidak mahu pergi ke sekolah di estet yang jauh dari rumah di mana kediaman mereka yang ada sekarang. Jadi kita buat keputusan untuk mencari tapak baru dan kita membina sekolah baru di luar dari kawasan estet. Keadaan sebegini telah dipersetujui sebahagian dasar bermakna kalau sekolah itu tidak begitu sesuai dan dipindahkan ke tapak lain di mana di situlah ramai penghuni masyarakat India, maka kita benarkan. Malahan kita bantu mereka untuk menyediakan tapak yang diperlukan oleh sekolah berkenaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Selain daripada bantuan untuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, diperuntukkan juga RM100 juta untuk sekolah agama rakyat yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran. Apakah Yang Amat Berhormat sedar, peruntukan itu jauh daripada mencukupi. Kalau kita lihat jumlah sekolah agama rakyat dan keperluan yang diperlukan oleh sekolah-sekolah ini dan sepadan dengan penduduk di mana umat Islam pun lebih daripada 65 peratus.

Jadi selain daripada itu apakah pihak kementerian bercadang untuk memberi bantuan secara *one-off* walaupun tidak berdaftar dengan Kementerian Pelajaran, tetapi ada sekolah-sekolah agama rakyat yang perlu pada bantuan selain daripada yang didaftar ini bawah Kementerian Pelajaran bagi menampung dan membantu keperluan sekolah-sekolah agama ini yang sangat penting dari segi bidang pembangunan agama. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua sekali Tuan Yang di-Pertua. Saya amat gembira Tuan Yang di-Pertua mendengar jawapan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua. Maknanya sekolah-sekolah Tamil yang ada di estet-estet yang tidak sesuai lagi seperti di kawasan saya di Sri Gading Estet. Dahulu memang kawasan itu beratus-ratus *family* yang bekerja di situ dan memerlukan sekolah dan sekolah itu penuh tetapi hari ini tinggal lima enam keluarga lagi dan kebanyakan macam Yang Berhormat kata sudah keluar. Saya pergi ke majlis baru ini Sambutan Deepavali, UMNO ini dia memang, ambil berat Barisan Nasional ini mengambil berat tentang semua kaum. Jadi saya pergi, dia mohon itu Tuan Yang di-Pertua. Jadi agaknya ini pun boleh saya cadangkan nanti Tuan Yang di-Pertua untuk dibuatkan sekolah di luar tetapi dalam kawasan estet itu juga kerana kawasan estet itu luas. Kalau ada jaminan dan peruntukan boleh saya berunding dengan estet itu supaya bagi tanah dan kewangan kepada Kementerian Pelajaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh sekali Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri hendak jawab Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya hendak jelaskan nanti banyak sangat ada yang tidak terjawab. Dua perkara tadi, yang pertama soal sekolah agama rakyat, memang kita ada peruntukan RM100 juta. Ia bukan sekolah agama bantuan kerajaan. Jadi peruntukan ini kita akan bantu sekolah-sekolah agama yang datang buat permohonan kepada kita. Macam tahun ini kita beri peruntukan sejumlah yang sama jadi kita akan teruskan. Akan tetapi cara jangka panjang yang kita telah kemukakan kepada mereka, dalam beberapa sesi pertemuan yang saya buat di seluruh negara. Mereka mohon peruntukkan sebegini dan saya sedar bahawa banyak sekolah yang tidak ada kemampuan. Mereka hanya menunggu daripada sumbangan orang ramai ataupun bayaran yuran yang tidak memadai hendak bayar gaji guru pun tidak boleh.

Jadi saya cadangkan mereka buat permohonan supaya sekolah ini menjadi sekolah agama bantuan kerajaan. Di mana gurunya akan dibayar gaji mengikut kadar gaji biasa di sekolah-sekolah agama kerajaan dan kalau mereka boleh buat begitu, maka kita boleh membelanja secara terancang.

Umpama sesetengah negeri sudah pun menyerahkan sekolah mereka kepada kerajaan bukan serah tetapi berdaftar dengan kita dan kita telah melihat tentang keperluan mereka dan kita gunakan peruntukan yang ada untuk membantu.

Jadi ini cadangan jangka panjang yang saya fikir adalah lebih baik lagi. Soal *one-off* ini biasalah kalau kita ada peruntukan yang kita telah laksanakan lepas, kita gunakan. Baru-baru ini kita telah menyampaikan..., saya fikir banyak sekolah dan ada lagi yang belum selesai yang saya akan sampaikan dalam tempoh lawatan saya ke beberapa buah negeri.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soal kedua tadi.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya inginkan sedikit penjelasan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sekolah agama rakyat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Biar saya jawab soalan daripada Yang Berhormat Sri Gading. Itu bolehlah tetapi kena bincang dahulu dengan pejabat pelajaran negeri dan mereka akan teliti keadaan sebenarnya. Kalau benarlah sekolah itu sudah tidak sesuai lagi dan kemudian tapak gantian untuk membina sekolah baru itu sedia ada. Soal yang biasa berbangkit ialah tidak ada tapak untuk membina membangunkan sekolah baru itu. Jadi kalau hendak bersetuju sahaja, tetapi tapaknya tidak ada, apa lagi peruntukan yang diperlukan tidak disediakan mungkin akan menjadi masalah. Mungkin mereka perlu tunggu dahulu, kalau perlu kita baiki, kita baiki tetapi kalau sudah ada peruntukan khas, tapak yang disediakan itu boleh kita ambil perhatian.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya fikir bagi peluang sekolah agama rakyat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sekolah Agama Rakyat Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan sekolah agama rakyat tadi, Yang Berhormat telah menyebut tentang permohonan perlu dibuat kepada pihak kementerian untuk menjadikan sekolah agama rakyat ini terlibat ataupun diiktiraf sebagai sekolah agama bantuan khas kerajaan, SABK. Masalah yang berlaku ialah, sebahagian daripada sekolah-sekolah ini ialah sekolah-sekolah yang memang diwakafkan untuk tujuan pembelajaran agama yang berdasarkan kepada *syllabus* ataupun berasaskan kepada *syllabus* yang tersendiri. Apabila berlaku perbincangan dgn pihak kementerian, ada syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak kementerian termasuklah *syllabus*nya mestilah yang ditentukan oleh pihak kementerian sendiri. Maka sudah tentulah pihak lembaga pengarah ataupun pihak lembaga sekolah tersebut tidak boleh meluluskan permohonan untuk terlibat sebagai sekolah agama rakyat. Mereka hilang banyak termasuklah wakaf-wakaf yang memang atas lembaga yang disyaratkan supaya *syllabus* ini adalah *syllabus* daripada agama dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya ingin minta penjelasan. Seperti Yang Berhormat Sri Gading mengatakan, apabila sesebuah estet itu dibangunkan sekolah-sekolah Tamil pun terus terlibat. Adakah kerajaan ataupun kementerian mempunyai pengajian mengenai semua sekolah-sekolah Tamil yang dipindah atau ditutup akibat pembangunan estet-estet dan adakah pengajian dibuat untuk ditempatkan sekolah-sekolah ini di lain-lain tempat di mana ada penduduk-penduduk India yang ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil. Contohnya Sekolah Simpang Lima di Klang di mana jumlah murid tersebut adalah lebih dari 2,000 sehingga faedah-faedah tidak cukup untuk sekolah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Adakah satu rancangan yang penuh untuk sekolah-sekolah Tamil sebab angka murid telah meningkat tetapi jumlah sekolah-sekolah Tamil itu telah turun daripada 800 lebih dahulu ke-523 sekarang. Apakah pelan atau rancangan yang sedia ada? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Untuk Kementerian Pelajaran, diingatkan habis jam 1 tengah hari ini Yang Berhormat.

■1200

Kita ada sembilan jam sehari untuk perbincangan dan ada sembilan kementerian yang harus kita selesaikan untuk jangka waktu tiga hari yang diperuntukkan bagi jawapan-jawapan pada peringkat dasar. Jadi kalau kita sama-sama imbangi sama ada untuk menyoal perkara-perkara baru ataupun mendengar perkara-perkara yang telah pun diutarakan sebelum ini. Itu saya biarkan kepada Yang Berhormat untuk meneliti sendiri. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Intan. Baru-baru ini ucapan oleh Yang Berhormat Bayan Baru mengatakan desakan beliau bahawa sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah agama patut ditutup atau dihapuskan dan mengatakan murid-murid yang dikeluarkan dari sekolah-sekolah itu ialah murid-murid yang ekstremis. Apakah pendirian kerajaan mengenai perkara ini?

Spesifik saya ada tanya mengenai pembinaan sekolah. Nampaknya sekolah-sekolah Tamil dan Cina dalam perbincangan kali ini saya telah dengan spesifik mengatakan berapakah niat kerajaan untuk membina sekolah-sekolah tersebut. Jawapan dengan respek kepada Yang Amat Berhormat adakah mengatakan *neither here nor there. No commitment on top of our government.* Apakah pendirian mengenai perkara ini? *No nothing, no specific honestly...* [Dewan riuh]

Yang Berhormat kata saya akan membuat penyelidikan, saya akan dapatkan dari NGO-NGO, dari pegawai-pegawai pendidikan tetapi dengan spesifik yang itulah yang kita menghulurkan semasa *debate*. Bukankah itu perlu satu jawapan yang tertentu?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tidak payah gaduh Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Amat Berhormat...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: *Cool down.* Saya fikir biar saya jelaskan dahulu.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Yang pertamanya soal sekolah agama rakyat yang diwakafkan. Ini kena rujuk pada soal fatwa. Mungkin di sana pun faham sama ada sekolah ini boleh menerima apa-apa bantuan selain daripada itu. Syarat wakaf itu apa dia? Namun macam mana yang saya sudah sebutkan tadi walaupun mereka ini sekolah sendiri kita ada bantuan secara *ad hoc* yang nilai pun boleh tahan besar juga tetapi kalau mereka hendakkan dapat bantuan penuh sebagai sekolah agama bantuan kerajaan maka mahu tidak mahu pihak mereka yang memulakan sekolah itu kena meneliti balik adakah caranya mereka boleh menyesuaikan dengan kehendak kementerian.

Kalau dia kata dia ada *syllabus*, kurikulum dia sendiri tapi itu tidak secocok dengan apa yang dikehendaki mungkin sukarlah bagi kita untuk memberikan apa-apa bantuan dalam bentuk SABK. Boleh bantu tapi secara *ad hoc* tapi kalau hendak kekal maka mahu tidak mahu dia perlu buat pengubahsuaian. Saya tidak fikir kurikulum mereka itu jauh sangat beza daripada apa yang kita ajar daripada sekolah-sekolah kita. Matlamatnya sama. Mungkin ada tambahan bahasa Arabkah, lebih nahu dan sebagainya itu mungkin kita boleh kaji. Saya percaya kalau ada minat untuk kita meneliti perkara ini saya boleh mengkaji semula kedudukannya. Soal...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Amat Berhormat, maksudnya ada dua, adakah pihak kementerian bersedia untuk pengekal terhadap...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya tidak kata begitu tetapi kita boleh teliti balik sama ada kurikulumnya tidak bercanggah dengan apa kehendak kementerian yang sedia ada sama ada kita boleh mengubahsuai tapi yang penting ialah soal sistem pendidikan agama itu tidak tersekat dan terhalang. Sebab itu dasar kerajaan pusat ialah untuk memberikan bantuan. Cuma kerana mereka ini ditaja oleh swasta mungkin oleh pimpinan Islam di kampung ataupun di mukim itu dan sebagainya, itu adalah usaha yang kita amat hargai. Cuma bantuan itu hanya boleh dibagi dalam bentuk yang agak lebih kekal kalau mereka menyusun semula ikut cara kita. Saya tidak lihat ada berbeza sangat. Jadi banyak pihak yang sudah terima kehendak kita mereka boleh menyesuaikan keadaan itu dan saya tidak berfikir bercanggah dengan kehendak dan tujuan asal sekolah itu dibangunkan. Tuan Yang di-Pertua, biar saya jelaskan...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasar Salak]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sebab sekolah ini dia melibatkan ada 161 buah sekolah.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, berkaitan dengan isu yang sama.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, Kulim Bandar Baharu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Kulim Bandar Baharu ya.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya hendak minta penjelasan seolah-olah ada diskriminasi. Mungkin saya silap tetapi saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kenapa sekolah agama rakyat disyaratkan untuk mendaftar dan syarat-syarat lain perlu dipatuhi baru dapat bantuan sedangkan sekolah aliran Cina dan Tamil tidak ada syarat. Tidak ada syarat untuk didaftarkan, tidak ada syarat kurikulumnya kena ikut tapi terus diberi bantuan begitu sahaja. Jadi adakah itu dasarnya sekolah agama rakyat dikenakan syarat berdaftar baru boleh dapat bantuan, sekolah aliran Tamil dan Cina tidak perlu memenuhi syarat berdaftar. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Lanjutan Yang Berhormat Menteri, lanjutan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Biar saya jelaskan dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sama, sama Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ini yang tidak betul yang mengatakan bahawa sekolah agama kena ikut syarat, sekolah SJK(C), SJK(T) tidak ikut syarat kerana SJK(C), SJK(T) dia sudah pun dalam sistem pelajaran kita. Memang kurikulum pun disusun dengan kita, guru pun guru kita serta semuanya, cuma bahasa ibunda sahaja adalah bahasa Tamil ataupun bahasa Cina. Yang lain semuanya ikut sistem kita kerana sekolah ini boleh dikatakan sebagai sekolah kita. Sebab itu dibagikan peruntukan khas untuk sekolah Tamil dan sekolah Cina.

Cuma sekolah agama ini macam disebutkan tadi ditaja awal oleh masyarakat Islam tetapi ada kelainan antara negeri, antara mukim, antara kawasan dan sebagainya. Jadi kita hendak tengok macam mana sistem ini dapat kita selaraskan dan oleh sebab itu kita minta supaya disusun balik dan saya tidak fikir ia bercanggah.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Okey, Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Jadi kalau Yang Berhormat boleh bantu saya...

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Terap, sebentar Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: ...Pergi jumpa dengan mudir-mudir madrasah atau sekolah ini bincang dengan mereka dan dengan sebab itu kita boleh beri dan menyampaikan bantuan.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan dahulu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini peraturan mesyuarat.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ini saya menolak sama sekali yang mengatakan kita hendak tutup sekolah ini. Ada pihak-pihak tertentu itu soal dia tapi dasar dan keputusan kerajaan sudah jelas. Sekolah ini masih kekal walaupun dia sekolah Tamil dan sebagainya itu sudah ada dalam sistem pendidikan kita sejak Ketua Pembangkang pun jadi Menteri Pelajaran dahulu pun dia pertahankan itu. Jadi saya jadi Menteri Pendidikan kita ambil pendirian yang sama. Tidak ada bezanya. Cuma bila orang mempolitikkan pendidikan itu jadi masalahnya dan saya hendak tegaskan di sini bahawa masih kekal dengan sistem itu tidak ada niat kita untuk menutup sekolah itu kecuali mereka melanggar peraturan dan sebagainya.

Kalau hendak pindah sekolah keluar tempat-tempat yang lain pun itu saya sebutkan tadi tidak jadi masalah tetapi bincang dengan kita kerana sekolah ini adalah sekolah kita. *It is not your school. It's my school.* Sekolah jenis kebangsaan Cinakah, Tamilkah ialah di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi kita perlu pastikan segala-galanya sudah tersedia barulah kita boleh putuskan.

Saya tidak dapat jelaskan satu persatu, Yang Berhormat pun lebih tahu. Jumlah bilangan sekolahnya banyak. Peruntukan yang diperlukan kalau disediakan secukup-cukupnya bolehlah kita gunakan untuk melaksanakan kesemuanya tapi kerana terbatas. Jadi sebab itu kita memilih mana yang patut diutamakan, di kawasan mana yang perlu didahulukan maka sekolah itulah yang kita gunakan peruntukan yang ada untuk memperbaiki ataupun membangunkan sekolah yang tersebut.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Matlamat sistem pelajaran ialah untuk membina modal insan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa yang bangun dahulu, siapa yang boleh ini? Macam mana ini?

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan salahkan Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dan tentulah ini ialah memastikan adalah satu *environment* yang selamat sama ada fizikal, *emotional* atau mental untuk pertumbuhan kanak-kanak dan dalam perkara ini adakah Yang Berhormat Menteri rela...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Main bantai sahaja!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Tarik balik apa dia kata semalam bahawa penafian Yang Berhormat Bagan mengenai anak dia atau cucu saya ada terlibat dalam *sexual harassment* tidak mencukupi... [*Dewan riu*] Oleh kerana guru besar ada nafi, Pengarah Pelajaran Pulau Pinang, Encik Tarmizi pun ada menafikan dan mangsa yang didakwa pun ada...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *Report* polislah senang sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Menafikan bahawa beliau terlibat dan adakah Yang Berhormat Menteri sendiri tidak percaya guru besar, *director of education* ada siasatan tidak ada terlibat. Bukankah ini penting supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita tidaklah mencabuli hak kanak-kanak dan pelajar-pelajar sendiri dalam perkara ini. Ini satu kempen yang memfitnah yang perlu dikutuk.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri sedikit. Banyak kali sudah bangun Tuan Yang di-Pertua tidak nampak.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nampak Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Peraturan mesyuarat macam mana ini?

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat baik Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat mengatakan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Siapa hendak celah, celah sahaja.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan, maknanya...

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: ...Bangun tidak payah bercakap dan dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua. *You look at this people*, jangan persalahkan saya Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya sudah bangun banyak kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan persalahkan saya. *I'm trying to* urus secara baik ini. Jangan persalahkan saya Yang Berhormat. Yang Berhormat cakaplah, tidak payahlah begitu Yang Berhormat. Jangan persalahkan. Saya tidak boleh *control* Yang Berhormat Padang Terap yang bangun tidak duduk itu macam mana hendak dudukkan? Itu melanggar peraturan mesyuarat. Itu melanggar peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Ipoh Timur bercakap perkara baru pun melanggar mesyuarat pasal anak cucu dia tidak ada kena-mengena dalam perbahasan. Itu melanggar peraturan mesyuarat... [*Dewan riu*]

Saya nampak Yang Berhormat, tidak payah Tuan Yang di-Pertua. *I'm trying* mengurus perkara ini dengan baik. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat, duduk.

■1210

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran. Kita ini sudah dipolitikkan soal seolah-olah kerajaan ini tidak mengambil berat pelajaran ataupun sekolah masyarakat India dan juga masyarakat Tionghoa. Banyak pihak mengambil kesempatan di atas perkara ini yang mana saya rasa perkara ini perlu diselesaikan dengan izin, *one and for all*.

Kerajaan, saya percaya tidak ada niat untuk mendiskriminasikan tetapi mungkin tindakan dan kaedah kita menunjukkan terdapatnya diskriminasi dan mewujudkan persepsi yang negatif kepada kerajaan. Saya hendak minta bolehkah kerajaan membuat satu kajian yang menyeluruh keperluan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga Cina yang mana perlu kita beri bantuan.

Saya kira sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan juga Cina ini tidak minta untuk peruntukan hendak membina sekolah ataupun membiayai seluruh perbelanjaan sekolah itu. Cuma, sokongan yang berpada dan berpatutan sudah memadai saya kira untuk membuktikan bahawa kita tidak mendiskriminasikan mereka.

Saya ingin mencadangkan perkara ini perlu dilakukan dengan secara komprehensif dan menyeluruh dan bentangkan berapa keperluan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan mereka, iaitu warga pendidik dan juga anak-anak kaum Tionghoa dan India ini. Pasal mengikut pengalaman saya di kawasan saya, permintaan-permintaan dari mereka tidak besar, tidak besar.

Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sussex umpamanya memerlukan dalam RM20,000, RM30,000 untuk membaik pulih tandas, membaik pulih bilik darjah. Begitu juga Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di Ladang Rubana hanya memerlukan dalam RM20,000 atau RM300,000. Kalau ini dikumpulkan di seluruh negara, saya tidak fikir sampai RM200 juta, RM300 juta.

Apa yang menjadi masalahnya kita memperuntukkan RM200 juta, RM300 juta dan selesaikan. Tutup peluang pembangkang untuk eksploitasi dan memandang kita seolah-olah mendiskriminasikan sekolah-sekolah ini. Ini yang pertama.

Kedua, masalah isu yang tadi telah ke hadapan saya tidak sempat hendak bangkit iaitu yuran PIBG ini. Betul, saya sokong kerajaan kata hendak menggalakkan ibu bapa main peranan tetapi yuran yang dikutip oleh PIBG di kampung-kampung ini tidak sebanyak mana Tuan Yang di-Pertua, tidak sebanyak mana. Tengoklah penyata mereka, tidak sampai pun RM50, RM100. Janganlah perkara ini dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu. Saya kira memang niat kita baik tetapi hakikatnya tidak sampai ke mana. Dengan sebab itu, saya kira beri sahaja peruntukan kepada PIBG ini untuk mereka menjalankan aktiviti. Tidak payah lagi ibu bapa di luar bandar itu hendak dipaksa-paksa ataupun hendak digesa-gesa untuk mengambil bahagian, membantu untuk menyumbang kepada tabung ini.

Kalau ada benda-benda yang lain yang boleh mereka main peranan dalam bentuk yang lain. Sumbangan kepada tabung PIBG ini sudah berpuluh tahun, tidak ada buktinya satu kejayaan. Ini pandangan saya. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua dan keduanya saya...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sekolah agama rakyat Yang Amat Berhormat Menteri. Saya pohon laluan Yang Amat Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Amat Berhormat Menteri hendak beri jawapan dahulu Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tadi, lanjutan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Terap.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya telah jelaskan tadi. Biar saya habiskan dahulu Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak respons pada apa Yang Berhormat sudah bahaskan dalam Parlimen.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Saya bahaskan tadi...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Kalau *mention* secara spesifik saya boleh jelaskan tetapi kalau luar daripada itu, kalau tidak banyak perkara tidak dapat saya sampaikan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Dalam perbahasan Tuan Yang di-Pertua. Saya bahaskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Terap, tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Saya tegur Yang Berhormat Pasir Salak tidak bolehlah buat macam itu. Kita boleh uruskan suasana perbahasan ini dengan baik kalau berpandukan dengan peraturan mesyuarat. Tidak boleh macam ini Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Menteri kata dia hendak jawab dahulu.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Mohon laluan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *insisting*, tidak boleh macam ini. Kita buang masa, tidak boleh macam itu. Ya, sila Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kenyataan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, sebenarnya tidak betul. Saya faham tentang masalah itu. Sebenarnya saya hendak mengelakkan daripada jawapan tetapi macam biasalah adalah pemberita, *Malaysian Insider* dan sebagainya di hadapan saya bertanya untuk saya beri pandangan.

Sebenarnya saya tidak hendak campur urusan-urusan sebegini. Saya sudah mengikuti banyak penulisan dalam blog dan saya sedar bahawa saya tidak adil untuk mengheret isu keluarga dan anak dalam kancah politik dan itu bukan tujuan saya tetapi sudah diputarbelitkan, telah diputarbelitkan. Apabila pemberita ini bertanya saya soalan ini, saya sudah beri penjelasan, bila dia jumpa daripada Yang Berhormat daripada Bagan, dia bertanya soal itu tetapi bukan dia keluar dalam dia punya berita.

Jadi sebab itu sudah timbul salah faham. Saya faham benar tentang soal itu. Yang Berhormat sampai cucunda atau datuk kepada anak itu telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan. Saya telah sebutkan tetapi apabila sudah dijelaskan kepada Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Tuan Tony Pua Kiam Wee dan dengan yang lain-lain lagi tentang soal itu, rakyat sudah mendengar berita itu tetapi ada juga yang bertanya lagi tidak puas hati.

Jadi, macam mana biasanya juga diamalkan oleh Yang Berhormat. Kalau begitu biarlah polis siasat, bukan pasal apa. Hendak carikan kebenaran. Itu respons biasa yang dibuat oleh banyak pihak, biar siasat, dapat laporan sebenar, habis cerita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah Yang Amat Berhormat Menteri percaya guru besar dan *director of education* berkata ada siasat dan tiada bukti.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pegawai sendiri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tidak apa, tidak apa. Saya pun beritahu apabila dia tanya saya. Saya sendiri tidak terima laporan daripada sekolah itu sebab saya pun tidak kisah sangat hendak tanya soal itu. Akan tetapi diputarbelitkan kerana saya tahu dalam semua media-media alternatif banyak ditokok tambah sehingga dikaitkan dengan hal-hal yang lain yang tidak ada kena-mengena.

Jadi saya hendak jelaskan di sini bahawa itu tidak merupakan satu kenyataan yang tepat. Saya sudah tahu kedudukan itu, saya cuma menjelaskan. Kalau banyak orang lain pun tidak puas hati, banyak isu yang berlaku, Yang Berhormat di sebelah sana mencadangkan *Royal Commission Inquiry* ataupun laporan polis. Jadi, respons biasalah.

Kalau hendak dapatkan hak dan kebenaran, kalau hendak lakukan perkara itu, kalau katakan minta pihak berkuasa siasat, biarlah mereka siasat. Jadi, lepasilah dari tohmahan.

Saya pun tidak mahu sebagai ibu bapa anak saya ditohmah. Akan tetapi hendak dapatkan penjelasan daripada siapa kalau kenyataan saya sendiri mereka tidak akan terima. Jadi, mungkin ada pihak yang sudah menyiasat, dapat laporan tepat dan di situlah mungkin ada pembelaan. Itu tujuan saya, bukan saya hendak campur. *Please get the intension. It's not bad, not ill feeling* pasal saya juga faham tentang apa yang dimaksudkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri Pendidikan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dewan ini, tidak perlu bincang personallah... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Menerima siasatan yang dibuat oleh guru besar dan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dewan tidak boleh bincang hal anak cucu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Director of education* sendiri, ada terima? Dan *the end of the story*, bukan?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya tidak ada masalah tetapi masyarakat lain membuat penilaian lain. Itu dia soal pokoknya tadi. Dia hendakkan satu pihak yang *independent*, pihak yang boleh meneliti dengan benar-benar, tetapi kalau tidak ada, apa Yang Berhormat dari Ipoh Timur bimbangkan. *You'll be cleared very much easier*. Bukan soal politik, itu yang saya hendak jelaskan.

Soal yang keduanya soal kajian menyeluruh. Yang Berhormat daripada Pasir Salak cadangkan kajian menyeluruh. Kita sudah buat kajian, audit. Apa yang saya jelaskan awal tadi mungkin Yang Berhormat Pasir Salak tidak dapat dengar. *Audited* 100 peratus, kita ada hampir 10,000 sekolah. Kalau hendak diaudit sekolah Tamil sahaja ada lebih 500 buah sekolah. Sekolah jenis kebangsaan Cina 1,200 buah sekolah. Sekolah kebangsaan, *national school* adalah yang berbaki. Bermakna tolak daripada 9,900. Berbakinya itulah 7,000 lebih adalah sekolah-sekolah kita yang juga berhadapan dengan masalah yang sama.

Yang Berhormat di sini di dalam Dewan banyak yang berjumpa saya. Sekolah kebangsaan dia sudah teruk, sudah sujud ke bumi, hendak masuk ke sungai. Macam-macam hal. Kita tahu kedudukan. Jadi, dari segi keperluannya dengan sumber terbatas kita mesti dahulukan yang itu, tetapi tidaklah kita ketepikan sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang Tamilnya atau yang Cina memang kita bantu. Jumlahnya saya fikir memang banyak.

Jadi yang hendak disebutkan dan di samping itu kita ada sejumlah lebih 500 sekolah-sekolah yang dikatakan *under-enrolled schools*, sekolah kurang murid tetapi masih beroperasi. Masih beroperasi walaupun sepuluh pelajar, lima pelajar masih berjalan. Kos bagi kerajaan per kapita sekolah ini jauh lebih mahal daripada sekolah yang biasa dengan 100, 200 orang. Akan tetapi kerana dasar kita tidak boleh hendak menutup, jadi kita teruskan juga. Itu satu pertimbangan yang agak lebih istimewa kerajaan beri kepada sekolah-sekolah seperti ini kerana kita tidak mengganggu soal pelajaran mereka.

■1220

Jadi soal pokoknya, *there is no discrimination*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak ada diskriminasi cuma soal bagaimana dengan peruntukan Yang Berhormat lulus di Parlimen hendak saya agihkan untuk bina, baiki beribu-ribu sekolah. Bukan seratus atau dua ratus sekolah malah beribu sekolah dan sekolah yang saya pergi baru-baru ini iaitu Meru dan apabila saya sampai ada sepanduk daripada Pakatan Rakyat menyambut saya ke sana.

Saya pergi ke situ dan saya dimaklumkan di sekolah itu sahaja, di sekolah menengah ini dekat 4,800 pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah duduk sama. Saya terperanjat. Jadi saya kata kalau begini keadaannya tidak boleh kita biarkan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita beri peruntukan segera dan hendak bina itu sahaja RM26 bilion. Oleh sebab itu Perdana Menteri telah membuat keputusan, kita buat satu pelan baru. Saya akan melihat reka bentuk baru, *fast track* yang mungkin tidak melibatkan perbelanjaan besar, sekolah tidak perlu belanja sampai RM10 juta hingga RM15 juta.

Mungkin hanya RM2 juta atau RM3 juta pun cukup. Pelannya agak sederhana, tidak payah elok-elok sangat, bertingkat-tingkat sampai mencakar langit, sekolah rendah sebenarnya tidak perlu seperti itu. Jadi ini memerlukan kita melihat semula dari segi struktur, dari segi peluang sebelum kita dapat menampung sejumlah sekolah yang begitu ramai.

Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, yang disebut adalah dana tidak cukup sedangkan masalah itu banyak. Boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan sedikit. Saya baru dan tidak sempat semak banyak tetapi dalam teguran Audit kepada Kementerian Pelajaran yang menerima RM200 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi II antara *period* 2008 hingga 2010, kementerian cuma berupaya membelanjakan 55 peratus sahaja.

Maknanya duit ada, sudah diperuntukkan tetapi apa masalahnya kalau dari gambaran tadi itu duit tidak ada sedangkan masalah banyak. Ini duit sudah ada, Dewan luluskan tetapi cuma 55 peratus sahaja. Jadi apakah akibat daripada ketidakcekapan atau masalah di mana sebenarnya. Boleh terangkan sedikit? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang ada. Masalahnya ialah bagaimana kita hendak menggunakan sepenuhnya peruntukan yang telah disediakan. Saya akui memang ada sedikit orang kata kekurangan dari segi pencapaian peratusannya macam tahun ini pun begitu juga tetapi masalahnya pelbagai. Contoh yang pertama ialah soal tapak yang tidak selesai. Ini dalam banyak kali laporan kita dapati walaupun tapak sedia ada, apabila disemak balik oleh pihak juru perunding kita, didapati tidak sesuai. Hendak dicari tapak baru, tentu tidak mudah. Itu menjadi masalah.

Projek ini telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, *first rolling plan*. Hendak pinda daripada *first rolling plan*, senarai projek yang sudah tidak boleh dilaksanakan kepada projek baru pun mengambil masa dan ini kita kena pergi balik kepada EPU dan sebagainya untuk melihat sama ada wajar sekolah ini diganti dengan sekolah lain sebagai contoh. Jadi proses itu banyak, masalah kontraktor yang tidak dapat menyempurnakan kerja. Jadi ini mengganggu kita. Bukan kita tidak mahu melaksanakan. Oleh sebab itu saya sedang menyusun balik sistem kita, seluruh pihak jawatankuasa ataupun bahagian pembangunan di kementerian ini bagaimana kita hendak melihat kapasiti kita, bagaimana kita hendak melihat masalah-masalah itu lebih awal lagi walaupun sebelum ini sudah pun kita buat tetapi masih ada kekangan dan halangan. Boleh atau tidak kita atasi keputusan yang hendak dibuat itu lebih awal daripada yang sekarang ini berlaku menyebabkan kita tidak dapat menyelesaikan masalah.

Jadi cabarannya besar kerana peruntukan Yang Berhormat luluskan di Parlimen pun besar, tetapi jumlah bilangan projek pun banyak iaitu berpuluh ribu. Ini menjadi satu cabaran yang perlu kita selesaikan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dengan izin kalau dapat saya terus, saya belum sampai 10 peratus daripada respons yang saya hendak jelaskan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan sedikit berkenaan jawapan Yang Berhormat Menteri. Sedikit sahaja. Yang Berhormat memberikan salah satu alasannya ialah masalah tapak yang perlu diteliti oleh kementerian berhubung kesesuaian pembinaan sekolah. Saya ingin menyusul perbincangan saya secara peribadi dengan Yang Berhormat Menteri lebih setahun yang lalu berhubung pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di Bukit Antarabangsa di mana Bukit Antarabangsa sekarang terdapat lebih 50,000 keluarga namun tidak ada satu sekolah pun di dalam DUN Bukit Antarabangsa khususnya di puncak Bukit Antarabangsa.

Atas nasihat Yang Berhormat kepada saya pada ketika itu supaya kerajaan negeri mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk pembinaan yang dimaksudkan, maka saya telah mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri Besar Selangor dan bersama-sama dengan PTG, Tanah dan Galian Selangor dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran. Akhirnya kami telah mengenal pasti dua tapak, satu untuk sekolah rendah dan satu untuk sekolah menengah.

Susulan daripada itu Yang Berhormat Menteri Besar Selangor telah mengutus surat kepada Yang Berhormat Menteri pada bulan Mei 2010 di mana kita telah menawarkan dua tapak yang sesuai dan dipersetujui oleh kementerian untuk pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah. Malangnya sehingga hari ini tidak ada sebarang keputusan yang dibuat oleh kementerian malahan surat daripada Yang Berhormat Menteri Besar Selangor tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian sehingga pada pagi ini...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Jadi saya ingin tahu bagaimana pendirian kementerian sebenarnya. Tadi apabila soal bajet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri telah dijawab oleh Yang Berhormat Machang bahawa bajet tidak ada, Yang Berhormat Menteri memberi alasan tapak. Saya memberi hujah yang cukup kuat, tapak sudah ada. Jadi apa masalah sebenarnya? Siapa sebenarnya yang mempolitikkan bidang pendidikan yang menjadi mangsa ialah anak-anak kita di Bukit Antarabangsa. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Tidak ada politik Yang Berhormat. Itu kawasan Gombak sahaja. Kalau Yang Berhormat sebagai Menteri Pelajaran melihat keseluruhannya dan saya juga menerima permohonan daripada banyak kawasan seluruh negara seperti saya sebutkan tadi. Jadi soalnya tapak, mungkin tapak sudah ada, peruntukan sudah ada tetapi bukan untuk Yang Berhormat, ke kawasan lain sebab kita buat perancangan ini awal.

Oleh sebab itu dikatakan *first rolling plan*, *second plan*. Kalau tidak tersenarai contohnya projek ini kerana baru tapak disediakan, tidak masuklah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh sebab ini awal-awalnya tidak ada disediakan tapak sebegitu. Jadi kementerian sudah tentu tidak boleh disenaraikan sebabnya sistem sekarang kita sudah ubah, *rolling plan* pertama, *rolling plan* kedua dan ketiga mungkinkah dengan sebab peruntukan itu tidak disediakan awal, kita boleh masukkan ia dalam *rolling plan* kedua. Akan tetapi kalau dilihat balik dalam senarai *rolling plan* kedua itu mungkin jumlahnya hanya mencukupi. Apakah boleh kita tambah lagi kecuali ada peruntukan tambahan barulah kita boleh setuju dan kita masukkan dalam senarai itu. Jadi *it is not straight forward*, tapak sudah ada, kenapa peruntukan ada tetapi tidak boleh buat, untuk siapa dan sebagainya. Sistem ini dari segi pelaksanaan yang kita laksanakan tetapi tidak mengapa Yang Berhormat.

Saya sebagai Menteri Pelajaran, itu sekolah saya sebenarnya. Terima kasih kepada kerajaan ini kerana sediakan tapak. Kalau boleh semua sediakan tapak. Jadi senang kita buat kerja, perancangan awal boleh kita buat. Kalau tidak buat begitu susah bagi kita hendak membuat perancangan dan apa lagi hendak melaksanakannya. Jadi kalau begitu saya akan melihat balik, mungkin baru sahaja selesai bagaimana ia hendak dilaksanakan...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Minta penjelasan.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta agar Menteri menjawab terhadap isu-isu yang telah dibentangkan sebelum ini Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tanya sekolah yang baru kerana ada 6 sekolah baru yang telah diumumkan pada tahun 2008.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya rasa itu sudah diumumkan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Mungkin sebahagiannya Tuan Yang di-Pertua yang hendak saya jelaskan pun sudah ada dalam jawapan. Tadi Yang Berhormat tanya pun saya sudah draf, dalam jawapan pun sudah ada. Jadi apabila ditanya, saya jawab lebih awal.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Bagaimana SJK(C) Bukit Serdang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Kalau boleh bagi saya peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: SJK(C) Bukit Serdang, itu sahaja yang saya hendak tahu.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin: Bukit Serdangkah, Sungai Longkah, kawasan Puchongkah semua sudah ada dalam daftar saya. Yang Berhormat Puchong pun sudah begitu kata beritahu kedudukan, tapak sudah disediakan, peruntukan kalau kita dapat sediakan, kita akan bina sebab saya sebutkan ini sekolah saya, sekolah di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi tidakkanlah kita hendak tolak. Soal pokoknya soal tadilah, tapaknya. Di Selangor saya tahulah nampak ada minat untuk membantu, boleh selesailah, kalau tidak ada penyediaan tapak, duit ada pun tidak guna seperti kes-kes yang lepas. Jadi kita akan lihat secara terperinci.

Saya hendak sebutkan saya tidak politikkan soal ini sebab ini soal keperluan dan saya tahu anak-anak kita yang ada di mana kawasan tidak boleh nafikan hak untuk bersekolah hanya kerana tidak ada bilik darjah. Bagi saya itu adalah satu perbuatan yang tidak sepatutnya kita lakukan. Kita ambil kira soal itu cuma kalau dilihat tentang keperluan, bebanan kita untuk melaksanakan itu amat besar. Jadi kita kena buat perancangan yang teliti Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung baru satu para Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dekat 20 para semuanya. Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Batu Gajah, kementerian akan memastikan pelaksanaan pemberian bantuan yang saya sebutkan tadi berjalan dengan lancar dan semua murid mendapat bantuan tersebut sebelum sesi persekolahan 2012. Ini wang yang RM100 tadi.

■1230

Ini Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebagai Menteri telah pun bersetuju. Kita telah pun membentuk sebuah jawatankuasa untuk memperincikan kaedah penyaluran bantuan tersebut untuk memastikan bantuan yang disediakan ini dapat digunakan oleh semua murid semasa membuat persiapan untuk persekolahan tahun 2012. Caranya mudah sahaja, kita sudah bincang dengan pihak Bank Simpanan Nasional, wangnya lebih kurang RM580 *million*.

Ini melibatkan semua sekolah, swasta dan kerajaan. Ini kemurahan pimpinan Barisan Nasional yang lebih hebat daripada Pakatan Rakyat. Kita bagi pada semua. Sekolah swasta pun, asalkan dia ada murid masuk dalam sistem persekolahan, dia masuk. Jadi, kita punya sistem lebih kurang 5.3 juta pelajar, berbaki 500,000 daripada yang luar, kesemuanya layak dapat. Jadi, wang ini kita akan salurkan kepada Bank Simpanan Nasional, selepas itu setiap sekolah ada akaunnya.

Wang ini akan disalurkan kepada sekolah itu. Kalau dia ada 1,000 pelajar, seorang RM100, bermakna RM100,000 wang akan disalurkan kepada sekolah itu. Nanti dia akan dibayar dalam bentuk tunai. Bentuk tunai di sekolah itu oleh pengetuanya ataupun oleh guru besarnya. Kita akan jemput ibu bapa untuk datang dan kita akan serahkan. Ini kita akan laksanakan, *insya-Allah* pada bulan 12. Bermakna seawal cepat mungkin kita akan laksanakan supaya ibu bapa tidak terbeban dengan bayaran RM100. Sejumlah RM100 itu untuk seorang.

Kalau ada setengahnya ada sepuluh orang anak pelajar, anak-anak mereka, dia dapat RM1,000. Ini saya fikir akan mengurangkan beban untuk dia mulakan persekolahan Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengingatkan pada ibu bapa atau penjaga murid bahawa peruntukan ini adalah untuk penyediaan keperluan persekolahan murid. Kita harap jangan digunakan untuk beli telefon bimbit dan sebagainya.

Begitu juga dengan pemberian baucar buku. Pihak sekolah akan menyalurkan terus kepada murid bagi pembelian buku-buku dan satu mekanisme penukaran baucar pada buku akan disediakan. Pihak kita sedang mengenal pasti pembekal-pembekal buku di setiap kawasan yang ada pelajar-pelajar kita yang mengambil matrikulasi dan juga tingkatan enam. Jadi, kalau di situ, pekan itu ada kedai buku, maka kita akan tetapkan kedai buku inilah yang mereka akan pergi dan baucar itu akan digunakan untuk membeli buku-buku tersebut. Pihak pekedai ini nanti akan *redeem* balik wang itu kepada pihak Bank Simpanan Nasional.

Mengenai penjelasan yuran PIBG, ini telah pun saya jelaskan tadi. Walaupun kadar yuran yang ditetapkan hanya boleh diputuskan oleh Mesyuarat Agung PIBG, KPM akan memastikan kadar yang ditetapkan oleh setiap PIBG tidak membebankan ibu bapa dan mendapat persetujuan oleh semua ahli. Selaras dengan pemansuhan bayaran tambahan ini, satu surat siaran untuk memperjelaskan pekeliling sedia ada akan dikeluarkan sebagai panduan pada pihak PIBG di semua sekolah.

Selain itu semua program, aktiviti yang dirancang oleh PIBG perlulah mendapat persetujuan daripada Pengarah Pelajaran Negeri untuk dilaksanakan. Selain bantuan pendidikan yang diumumkan dalam Bajet 2012, bantuan-bantuan persekolahan sedia ada akan diteruskan. Justeru, sejumlah RM3.11 bilion telah pun disediakan bagi tujuan tersebut. Sebagaimana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tenggara, pemilihan murid yang layak menerima bantuan pendidikan seperti bantuan KWAPM akan dilaksanakan mengikut amalan sedia ada iaitu melalui data *e-Kasih* dan sistem maklumat murid (SMM).

Oleh itu, saya yakin langkah-langkah sebegini akan dilakukan oleh kerajaan dan masalah pelajar tidak mempunyai peruntukan kewangan atau miskin, tidak akan dihadapi dan menyebabkan keciciran sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Di bawah peruntukan pembangunan Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM1.9 bilion diperuntukkan bagi tujuan pembangunan untuk semua jenis sekolah. Manakala, RM2.781 bilion pula diperuntukkan untuk program-program pembangunan yang lain seperti latihan guru, perolehan tanah, pembelian peralatan dan sebagainya.

Dalam konteks pembangunan fizikal, kementerian akan memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan perhatian berdasarkan kepada kajian audit fizikal yang telah pun saya sebutkan tadi. Ini adalah untuk memastikan semua sekolah yang memerlukan penambahbaikan segera akan dapat disenggara supaya persekitaran pengajaran dan pembelajarannya adalah kondusif dan ia dapat diwujudkan.

Selain itu, peruntukan tambahan sejumlah RM0.9 bilion yang diwujudkan melalui tabung khas pembinaan penambahbaikan dan penyenggaraan sekolah seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan bajet juga akan menggunakan kaedah yang sama. Oleh itu, semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah dari Silam, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Hulu Selangor, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Serdang dan juga Yang Berhormat Seputeh dipohon untuk bersama-sama memantau dan memastikan sekolah-sekolah yang dikenal pasti untuk dibaik pulih di dalam kawasan masing-masing dapat dilaksanakan dengan sempurna dan seterusnya dinikmati oleh golongan sasaran.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Soalan tambahan Yang Amat Berhormat. Kalau boleh? Berkait dengan apa yang sebut dalam perbahasan. Terima kasih di atas makluman tentang peruntukan yang akan diberikan. Saya ingin tanyakan apakah *findings* atau keputusan yang didapati daripada Jawatankuasa Penyiasatan Murid Tercicir, Yang Berhormat. Ini kerana Timbalan Menteri ada mengemukakan kenyataan pada umum daripada tahun 2006 hingga tahun 2010, anggarannya 80,000 anak-anak yang tidak mengikuti persekolahan peringkat menengah. Akan tetapi tidak ada maklum balas tentang hasil siasatan jawatankuasa ini yang saya fikir tidak perlu ada peruntukan sahaja tetapi kena tahu sebab musabab kenapa mereka tercicir.

Adakah Yang Amat Berhormat juga akan menjawab tentang isu pemberian insentif galakan cukai kepada sekolah-sekolah swasta. Ini kerana saya akan tanya selepas ini. Terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasis Mas]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, boleh saya sambung?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Peratusan yang dikatakan tercicir itu adalah masih kecil sebenarnya. Akan tetapi walaupun kecil, seorang pelajar tidak ke sekolah itu bagi kami adalah suatu kerugian besar bagi negara. Oleh sebab itu, cara yang kita hendak buat ialah *engaged* dengan masyarakat, ibu bapa dan sebagainya. Ini kerana sebab musabab kenapa keciciran berlaku, selain daripada *environment* di rumah tidak berapa sesuai, perhatian ibu bapa yang tidak begitu menumpu kepada pada soal pelajaran anak-anak...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Ada sesetengahnya tercicir kerana mereka pergi bekerja dengan ibu bapa di kawasan-kawasan ladang mereka dan sebagainya. Banyak sebab musababnya. Jadi, ini hal-hal yang sudah pun kita kenal pasti dalam kajian itu. Peringkat Kementerian Pelajaran ialah untuk melihat bagaimana masalah itu dapat kita kurangkan. Kalau ia disebabkan oleh kerana kurang perhatian ibu bapa, kita minta guru-guru besar ataupun...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Pengetua dan guru disiplin pergi menyusul kalau boleh ke rumah dan berbicara dengan ibu bapa. Kalau ada cara untuk mereka dapat membantu supaya anak-anak ini tidak tercicir dan meneruskan pelajaran dan sebagainya. Ini langkah-langkah yang kita telah ambil untuk memperbaiki keadaan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh satu ini?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Amat Berhormat menyebut tadi masalah sekolah-sekolah yang perlu kepada bantuan untuk di baik pulih, yang teruk-teruk. Akan tetapi apakah Yang Amat Berhormat sedar di Kelantan, ia bukan masalah sekolah ada yang teruk-teruk. Akan tetapi masalah air. Kebanyakan sekolah di Kelantan tidak ada air. Saya tidak tahulah apa kerja kerajaan negeri, sampai sekarang 21 tahun air tidak selesai.

Jadi, budak-budak sekolah hendak kencing, hendak basuh pun susah. Ada sekolah-sekolah tidak ada air. Jadi, saya hendak tanya Yang Amat Berhormat, apakah mungkin pihak kementerian bercadang untuk membeli ataupun memasang tangki-tangki di sesetengah sekolah yang tidak ada air. Ini kerana amat perlu bukan sahaja dari segi kesihatan, dari segi hendak buat ibadat, hendak sembahyang, hendak bersihpara-para pelajar hendak bersih bila buang air kecil dan air besar. Jadi ini, masalah yang berlaku di Kelantan. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: Mungkin Presiden PAS ada dekat sini boleh bawa, beritahu pada Menteri Besarlah. Pasal Kerajaan Pusat pun sudah bantu untuk...

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin: ...Membaiki sistem. Kita bagi pinjaman RM600 *million* tetapi saya fikir mungkinlah kerana tidak dapat disempurnakan dengan baik dan sebab itu sekolah-sekolah kita agak tertinggal. Akan tetapi saya setuju, kalau ada keperluan untuk kita baiki sistem bekalan air, tidak dengan paipnya, mungkin perigi dalam ataupun tangki air yang boleh kita bekalkan, *insya-Allah* kita akan bantu.

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, mengenai tahap keciciran yang dianggap kecil. Walaupun beliau tidak memandang remeh tetapi saya ingin jelaskan jumlah ini kalau dari segi jumlah tidak kecil. Tahun 2009, 45,785 dari sekolah rendah ke menengah. Ini berdasarkan *Millennium Development Goals at 2010* yang disediakan oleh UNDP dan Unit Perancangan Ekonomi.

Kalau dikumpulkan dari tahun 2001 sehingga tahun 2009, jumlah keciciran itu 423,600 murid. Jumlah ini agak besar bagi sebuah negara yang dianggap menuju ke arah tahap yang lebih maju. Jadi, walaupun sebahagian kecilnya itu beralih ke sekolah swasta tetapi sejumlah setengah juta dalam masa lapan tahun, itu agak membimbangkan.

■1240

Ini ditambah Yang Amat Berhormat, dengan laporan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan yang menunjukkan dari kajian yang dibuat ke atas pelajar-pelajar yang mengikuti kursus dan latihan khas yang setelah tamat pelajaran yang tidak dapat menulis, membaca dan solat. Angka ini telah pun disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri pada bulan Oktober 2011 di mana 3,916 murid Tahun 1 yang tidak punyai kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Akan tetapi saya cuba dapatkan tadi jumlah yang sebenar..., yang saya dapat maklumat ini ialah angka yang telah disampaikan kepada Yang Amat Berhormat tentang jumlah yang membimbangkan bila dilihat ketidakupayaan pelajar-pelajar yang lulus sekolah menengah yang tidak mampu membaca dengan baik, menulis dan juga bagi kalangan umat Islam, menyempurnakan solat.

Jadi saya harap Yang Amat Berhormat dapat memberikan bukan sekadar penjelasan tetapi jaminan lebih tegas dan tidak menganggap jumlah ini kecil.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita tidak pandang remeh kerana bagi saya seperti yang saya sebutkan tadi, setiap pelajar berhak untuk mendapatkan pelajaran. Kalau tercicir disebabkan sesuatu yang boleh kita atasi macam yang saya sebutkan contoh tadi, itu kita akan lakukan. Ada juga yang tercicir ialah kerana mereka mempunyai *disabilities*, dia mungkin tidak dapat menerima pelajaran dengan baik disebabkan kekurangan-kekurangan tertentu.

Jadi sebab itu langkah yang kita sudah mulakan sejak tahun lepas ialah memperkenalkan apa yang kita sebut literasi dan numerasi iaitu di peringkat awal-awal pelajar ini masuk ke sekolah. menerusi ujian-ujian yang tertentu, kita hendak menentukan bahawa pelajar-pelajar ini di peringkat awal sudah pun kita kenal pasti ada kelemahan dan kekurangan mereka. Ini kerana saya sudah pun menetapkan sasaran kita dalam KPI di bawah NKRA pendidikan bahawa pelajar-pelajar yang masuk ke dalam sistem pelajaran kita setidak-tidaknya dalam tempoh tiga tahun dia sudah boleh menguasai 3M tadi iaitu membaca, mengira dan menulis.

Saya hendak sebutkan, sejak kita mulakan LINUS ini, *literacy* dan *numeracy test* yang kita uji setiap pelajar di seluruh negara di peringkat sekolah rendah ini, kita dapati ini telah dapat membantu mereka membaca, mengira dan menulis lebih awal lagi. Maknanya tidak payah tunggu sampai tiga tahun. Ada dikatakan kalau boleh mungkin setahun setengah pun sudah dapat membantu. Kalau dua tahun mungkin dapat menyempurnakan kehendak kita. Jadi ini kita *address* di peringkat awal. Oleh sebab itu, apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh tadi mungkin ialah kerana kita tidak ada sistem sebegini sebelum ini. Jadi apabila sampai ke peringkat sekolah menengah, bila hendak suruh membaca, ada juga kita akui tidak boleh membaca dengan bacaan yang betul ataupun tidak pandai mengira. Apa lagi kalau solat itu mungkin soal pembelajaran KAFA dan j-QAF itu tidak dapat membantu mereka membaiki ataupun mungkin ibu bapa pun sendiri tidak memainkan peranan.

Jadi dengan pengenalan sistem literasi dan numerasi ini, saya berharap mungkin yang disebutkan soal sasaran yang ditetapkan dalam MDG itu akan tercapai. Malahan, walaupun ada sedikit kekurangan, kita diberi pengiktirafan antara negara membangun yang sudah hampir sampai ke keseluruhan matlamat di bawah *Millennium Development Goals* yang sarasannya pada tahun 2015. Waktu saya pergi ke UNESCO itu pun diakui oleh *director general* bahawa kita sudah *on track*. Cuma ada kekurangan-kekurangan itu ialah kerana sesetengah pelajar tidak ada dokumen ataupun disebutkan tercicir tadi. Yang ini saya fikir ada satu langkah untuk menyekat daripada perkara itu terus berlaku.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, celah sedikit. Lenggong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan projek pembangunan juga prestasi akademik pelajar dan juga prestasi sekolah daerah itu sendiri. Saya begitu faham pihak kementerian punya kekangan tertentu untuk membolehkan sekolah-sekolah baru dibina termasuk pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh di seluruh negara.

Saya ingin merujuk di kawasan Parlimen dan juga di daerah saya. Kita lihat di Hulu Perak misalnya, tidak ada sebuah sekolah berasrama penuh ataupun sekolah terpilih, rancangan khas yang menyebabkan pelajar-pelajar cemerlang lepasan UPSR dihantar ke luar daerah atau dihantar ke sekolah-sekolah berasrama penuh di luar daerah yang menyebabkan mereka yang tinggal di daerah ialah pelajar-pelajar yang kurang cemerlang. Malah, pelajar-pelajar yang tidak dapat ke sekolah berasrama penuh dihantar juga ke sekolah-sekolah terpilih di luar daerah yang akhirnya menyebabkan di Daerah Hulu Perak itu pencapaian akademi menurun. Bukan kerana tidak ada pelajar yang bijak tetapi pelajar yang bijak telah dihantar ke sekolah luar daerah dan prestasinya berbanding dengan itu kurang.

Oleh sebab itu saya ingin cadangkan misalnya kita ada sebuah sekolah, SMK Seri Budiman yang baru dibina dan sudah siap, yang begitu cantik fasiliti oleh pihak kementerian. Diucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana membina Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Budiman dalam kawasan Parlimen saya. Bolehkah sekolah itu dijadikan sekolah terpilih supaya pelajar-pelajar yang tidak ke asrama penuh, tidak ke MRSM, ditempatkan di situ bagi menjaga prestasi akademik di daerah berkenaan? Jika tidak, pelajar ini akan dihantar ke luar daerah menyebabkan prestasi di daerah itu merudum hingga ke peringkat bawah dan tidak diangkat. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil perhatian mengenai perkara itu. Nanti kita akan minta pengarah negeri untuk melawat dan meninjau keadaan dan kalau ada besok laporan disampaikan kepada saya dan dianggap kalau sesuai cadangan itu, akan kita laksanakan, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang profesion perguruan. Ada lagi enam muka surat Tuan Yang di-Pertua. Pengumuman Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) bagi semua perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan perguruan membuktikan kesungguhan kerajaan dalam memperkejakan perkhidmatan awam. Memendekkan tempoh kenaikan pangkat daripada sepuluh tahun kepada lapan tahun telah membuka ruang yang lebih luas kepada lebih kurang 75,000 orang guru untuk menikmati kenaikan pangkat dalam tempoh yang lebih singkat. Oleh itu, perubahan sistem perkhidmatan ini akan dapat merungkai kebimbangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Kota Belud. Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia tidak akan berkompromi terhadap sebarang salah laku oleh guru ataupun pentadbir dalam melaksanakan tugas mereka dan tindakan yang sesuai akan kita ambil pada mana-mana pihak yang terbukti melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah perkhidmatan awam termasuklah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti.

Mengenai penempatan dan pertukaran guru seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Kapit, kementerian sememangnya mempunyai pertimbangan tertentu dalam urusan tersebut termasuklah mengambil kira negeri asal guru berkenaan. Namun demikian, secara dasarnya penempatan dan pertukaran seorang guru adalah berasaskan kepada keperluan perjawatan dan opsyen. Ini kerana kita tidak mahu berlaku *mismatch* dalam penempatan seorang guru. Untuk makluman, berhubung dengan masalah penempatan guru lepasan IPGM keluaran Mei dan Jun, seramai 1,528 orang guru akan ditempatkan di sekolah-sekolah seluruh negara pada Oktober 2011, manakala seramai 201 orang graduan lepasan TESL dijangka akan ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran pada bulan November dan Disember pada tahun ini.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat Sabak Bernam, untuk menangani isu beban tugas guru, kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru. Jawatankuasa ini mengenal pasti 14 faktor yang dikatakan guru-guru terbeban dan seterusnya mencadangkan 28 perakuan untuk menangani isu tersebut. Antara perakuan yang telah pun diambil tindakan termasuklah menjelaskan perancangan dan pelaksanaan aktiviti pada hari Sabtu serta menempatkan dua pembantu tadbir tambahan di 50 buah sekolah terpilih sebagai kajian rintis. Kajian ini berlangsung daripada 3 Januari hingga 31 Disember 2011 untuk melihat kesan pelaksanaan tugas pengurusan yang dibuat oleh guru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan hala tuju pendidikan teknik dan vokasional di negara ini. Untuk makluman, KPM akan melaksanakan transformasi pendidikan teknik dan vokasional mulai tahun 2013 dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran yang membolehkan mereka diterima di pelbagai bidang pekerjaan yakni *employability* selain berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Antara langkah yang diambil termasuklah memperkenalkan Program Pendidikan Asas Vokasional pada peringkat menengah rendah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 di sekolah menengah harian. Murid yang mengikuti program ini akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 di akhir Tingkatan 3. Sebagai permulaan, program ini akan dilaksanakan secara rintis di 15 buah sekolah menengah harian di seluruh negara. Kementerian menjangkakan jumlah murid yang terlibat dalam program ini menjelang tahun 2015 adalah seramai 42,000 orang murid dan terus meningkat kepada 79,200 orang murid menjelang tahun 2020.

■1250

Selain itu sebanyak 78 buah SMV yang sedia ada akan dinaik taraf sebagai kolej vokasional dengan menawarkan pengajian selama empat tahun untuk melayakkan mereka ini dianugerahkan Diploma Vokasional. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengajian vokasional ini mengandungi 53 kursus berdasarkan keperluan industri negara dengan memberi fokus kepada kemahiran teori bahasa, latihan industri dan keusahawanan. Kementerian menyasarkan seramai 165,000 akan menyertai program ini menjelang 2015 dan meningkat kepada 324,300 orang murid pada tahun 2020 dan dalam konteks ini lebih banyak prasarana pendidikan vokasional akan dibangunkan termasuklah tujuh buah SMV baru dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpegang kepada dasar pendemokrasian pendidikan yang membolehkan ibu bapa membuat pilihan terbaik untuk menghantar anak-anak mereka ke mana-mana institusi pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, berdasarkan pada maklumat dan data yang dikumpulkan oleh pihak kementerian, berlaku penurunan yang ketara terhadap penyertaan murid ke sekolah swasta. Secara perbandingannya pada tahun 2010 seramai 120,273 orang murid berada di sekolah rendah dan menengah swasta. Sekolah menengah swasta dan Sekolah menengah persendirian Cina, manakala 117,253 orang murid pada tahun 2011.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian memang sentiasa memantau terhadap institusi pendidikan swasta negara ini dan mengambil tindakan yang tegas berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di Akta Pendidikan 1996...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Paya Besar, Seputeh dan Serdang, berdasarkan permuafakatan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara dahulu kerajaan sedar bahawa kepentingan semua pihak haruslah diberi keutamaan dengan mengambil kira keperluan semua kaum di negara ini.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit Yang Amat Berhormat, kalau boleh.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Oleh itu sebelum sesuatu keputusan dibuat, kita perlu merujuk kepada dasar dan peruntukan undang-undang sedia ada dan oleh yang demikian sekiranya terdapat cadangan untuk membuka sebarang institusi pendidikan, ianya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Akta Pendidikan 1996...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Ini dijelaskan di bawah seksyen 16 akta berkenaan. Hanya terdapat 3 kategori institusi pendidikan boleh ditubuhkan iaitu institusi pendidikan kerajaan, institusi pendidikan bantuan kerajaan dan institusi pendidikan swasta. Sehubungan itu, sekiranya terdapat cadangan untuk menubuhkan SMPC yang baru dengan ciri yang sama seperti SMPC sedia ada atau cawangannya. Tiada mana-mana seksyen di bawah akta berkenaan boleh diguna pakai.

Namun demikian, di bawah seksyen 151 akta tersebut memperuntukkan bahawa 60 buah sekolah persendirian Cina masih boleh terus beroperasi dan berada dalam status quo berdasarkan seksyen 151, Akta Pendidikan 1996...

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Menteri, mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ada yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak dahulu.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kembali kepada skim saraan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri sebentar tadi. Sebelum tahun 2008, semua guru-guru sama ada di sekolah menengah mahupun di politeknik dan kolej komuniti terletak di bawah satu skim yang disebut Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah ataupun DG dan melalui skim ini banyak peluang-perlung kerjaya yang diberikan dan ditawarkan kepada guru-guru dan pensyarah di ketiga-tiga institusi ini. Namun setelah Kementerian Pengajian Tinggi diwujudkan, kerajaan telah mewujudkan dua skim baru yang pertama yang saya sebut tadi Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan yang kedua diwujudkan satu Skim Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi atau DH. Maka guru-guru di sekolah menengah dan pensyarah di kolej komuniti diminta untuk memilih sama ada untuk kekal di dalam skim DG ataupun DH.

Saya diberikan maklumat bahawa kementerian telah memberikan penerangan kepada guru-guru, sama ada di sekolah menengah, kolej komuniti dan juga politeknik dan meminta mereka untuk memilih opsyen DH kerana kerajaan pada ketika itu memberikan tumpuan tentang pendidikan teknikal dan vokasional. Mereka telah dijanjikan dua perkara untuk kekal di dalam skim yang baru ini. Pertama, cuti mereka sama dengan guru-guru seperti di sekolah menengah iaitu mengikut cuti penggal dan semester dan kenaikan pangkat mereka lebih baik dengan guru-guru daripada skim DG.

Malangnya setelah mereka menerima janji daripada kementerian 10,000 guru-guru dan pensyarah memilih opsyen yang baru ini untuk kekal di dalam DH tetapi setelah tiga tahun mereka berada di dalam skim ini, janji-janji tersebut tidak dilaksanakan. Pertama, mereka tidak dapat kemudahan cuti seperti yang telah dijanjikan iaitu mengikut semester dan yang kedua, kenaikan pangkat dan gaji mereka juga jauh ketinggalan daripada skim DG tadi. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran, bagaimana kerajaan dapat membantu 10,000 guru-guru yang telah memilih skim DH tetapi mereka tidak menikmati janji yang telah diberikan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya akan semaklah. Ini tidak ada dalam persiapan saya untuk menjelaskan tetapi saya pasti akan semak, cumanya satu yang mungkin Yang Berhormat sedia sedar dengan tawaran baru skim dipanggil Saraan Baru Perkhidmatan Awam. Kita akan nanti bincang secara terperinci dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia selepas itu kita akan adakan satu sesi dengan semua guru-guru dan wakil-wakil guru tentang apakah tawaran baru ini. Hal-hal yang disebut oleh Yang Berhormat Gombak ini kalau adalah berbangkit selepas Saraan Baru Perkhidmatan Awam ditawarkan, yang perlu kita berikan perhatian, kita akan berikan perhatian. Akan tetapi jika ia sudah pun diambil kira dalam proses untuk memperkenalkan Saraan Baru Perkhidmatan Awam yang disebutkan tadi, mungkin itu telah dapat diselesaikan.

Kita sebelum ini telah adakan satu *lab* atau makmal yang agak lama juga dengan semua pihak yang ada kepentingan termasuk dengan wakil-wakil persatuan untuk meneliti apakah cadangan-cadangan yang mereka kemukakan, isu-isu berbangkit. Hasil daripada itulah, inilah tawaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri persetujui dan telah dibentangkan di Parlimen dan saya akan ambil kira lah pandangan yang telah Yang Berhormat Gombak sebutkan tadi...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Dalam soal Yang Amat Berhormat, mengenai dengan pendemokrasian pendidikan memang kita memahami dengan suasana dan iklim dalam negara kita sebagai masyarakat majmuk dengan kepelbagaian pendidikan dan budaya itu satu kekuatan. Akan tetapi pada masa yang sama apakah Yang Amat Berhormat sedar matlamat dan agenda nasional harus diberi keutamaan dalam jangka masa yang panjang. Jadi oleh itu, apakah langkah kerajaan untuk mendidik masyarakat kita supaya tidak lagi sensitif dengan hal-hal yang berkaitan dengan bahasa ibunda dan berbagai-bagai lagi supaya satu hari nanti, kita mempunyai satu sistem pendidikan satu aliran dengan memulakan kembali sekolah semangat wawasan yang diusahakan dulu tetapi gagal.

Begitu juga dengan pengajaran matematik dan sains diajarkan dalam bahasa Melayu, PPSMI. Akan tetapi sekarang masih ada lagi pihak-pihak yang terus menjalankan kempen untuk mengekalkan pengajaran dalam bahasa Inggeris. Jadi, semuanya ini untuk memperkuat kedudukan bahasa kerana bahasa itu mengenal bangsa. Apabila semua sekali rakyat Malaysia fasih berbahasa Melayu itulah bangsa Malaysia yang kita harapkan walaupun mengambil masa 50 ke 100 tahun tetapi memulakan langkah yang pertama. Sekian, terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Amat Berhormat Menteri, boleh tanya satu lagi soalan dari Bakri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Terengganu dulu Yang Berhormat Bakri.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya, saya ingin kepastianlah daripada Yang Amat Berhormat Menteri dengan tempoh dipercepatkan kenaikan pangkat dari 41 ke 44, lapan tahun. Dari 44 ke 48, lapan tahun, kita dapati ada timbul sungutan dan rungutan di kalangan guru-guru yang mungkin berkhidmat antara 10 tahun-11 tahun. Adakah mereka ini akan dibakulkan sama dengan yang berkhidmat lapan tahun untuk kenaikan pangkat 44 ataupun 48 sebab mereka rasa mereka seolah-olah mendapat kerugian berbanding dengan mereka yang berkhidmat dalam jangka masa lapan tahun.

Kedua, saya minta maaf kerana saya tidak dapat hendak mencelah tadi. Berkenaan saya rasa nampak macam kegagalan pihak kontraktor dan pihak pegawai kerajaan untuk menyelia dan pembinaan bangunan sebab dalam ucapan saya, saya kata kalau sebut sahaja sekolah di daerah saya, di mana-mana pasti bahawa pembinaannya agak terlewat daripada jangka masa sebenarnya. Saya hendak sebut khusus Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sekolah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Dengan projek pembangunan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat..., satu sahaja.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Satu minit, satu minit sahaja. Dengan cadangan pengubahsuaian dan naik taraf makmal di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan, di mana projek ini dilaksanakan tanpa permintaan dari pihak sekolah. Saya dapati bila projek ini dilaksanakan, ianya mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran khususnya mata pelajaran Sains walaupun jadual asalnya dijangka siap pada Jun 2011 tetapi sehingga Ogos hanya 25 peratus sahaja. Ini membebaskan kepada guru dan pelajar untuk belajar menghadapi peperiksaan yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Amat Berhormat Menteri, saya mohon sambung petang nanti, pukul 2.30 petang.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya sudah habis pembentangan saya tetapi cuma hendak komen kalau boleh, bagi seminit sahaja. Pertama, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau sudah habis komen Yang Amat Berhormat Menteri terus kepada yang disebut tadi, sekolah-sekolah swasta...
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, saya memang ucap dalam perbahasan saya, tidak dijawab. Kalau boleh dua minit sahaja.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Saya akan ambil perhatian. Tidak semua kita boleh komen di dalam pembentangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pukul satu ini, kita tidak boleh sambung masa Yang Berhormat. *We must stop at 1 o'clock.*

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Akan tetapi berkait dengan perbahasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri hendak habiskan Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Satu soalan sahaja. Saya fikir takkanlah tidak boleh... *[Dewan riuh]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Sambung lagi, ada masa lain.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak ada masa-masa lain fasal ini isu cukai telah dibuang, tidak boleh cukai sudah sekolah swasta, betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini khusus kes sekolah-sekolah swasta. Saya rasa penting Yang Amat Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Sekolah swasta itu tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil perhatian. Ini tawaran baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan insentif ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ya, tetapi kosnya? Kos melepasi, berapa yang kita hilang...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin: Tidak apalah, bermakna mereka mohon itu kerana mereka melabur dan industri ini adalah industri yang besar di bawah NKRA kita. Oleh sebab itu tawaran itu hanya sebagai insentif sahaja dan *detail* akan kita maklum. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah selesai bentangkan. Minta maaf dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas yang telah kemukakan pandangan tadi. Kalau semua orang seperti Yang Berhormat Pasir Mas, selesai masalah saya Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu, adalah perkara-perkara berkenaan dengan sistem tadi, ini kita akan jelaskan dalam masa pertemuan kita, kalaulah disebutkan mereka yang lebih lama tetapi tidak dapat tawaran terbaik macam ini, *detail* kita akan jelas kepada mereka. Soal makmal yang tidak dapat disiapkan itu, saya mohon maaf memang ada gangguan dalam beberapa tahun yang lepas. Banyak projek yang kita luluskan tetapi tidak dapat disempurnakan oleh pihak pemaju dan langkah kita adalah untuk mengambil balik projek dan menyerahkan kepada pihak yang lain sudah pun kita mulakan dan *insya-Allah* kita akan selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada semua yang telah membangkitkan perkara-perkara ini dan telah pun saya jelaskan. Mana yang saya tidak dapat jelaskan di sini, kita ambil perhatian dan saya ucapkan terima kasih atas segala pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Persidangan Dewan ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang menjemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2012 peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan agar kajian dilakukan terhadap elaun Ahli Parlimen agar ia bersesuaian dengan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, menyedari tugas dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen pada masa ini yang semakin mencabar, kerajaan telah bercadang untuk mengkaji cadangan kenaikan elaun bulanan serta elaun dan kemudahan lain bagi Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober 2011 dengan syarat mendapat persetujuan semua Ahli Parlimen kerajaan, pembangkang dan juga BEBAS.

Namun begitu, berdasarkan bantahan daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, Ahli Yang Berhormat Bagan, Ahli Yang Berhormat Gombak dan Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian terhadap cadangan kenaikan elaun bulanan serta elaun dan kemudahan lain bagi Ahli-ahli Parlimen maka kerajaan pada 10 Oktober 2011 telah memutuskan untuk menarik balik cadangan tersebut. Kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji semula cadangan kenaikan elaun bulanan Ahli-ahli Parlimen pada masa yang sesuai kelak dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan dan persetujuan Ahli-ahli Parlimen.

Ahli Yang Berhormat Putatan, Ahli Yang Berhormat Sungai Petani, Ahli Yang Berhormat Kuala Krai dan Ahli Yang Berhormat Kuala Langat mencadangkan agar Ahli Parlimen diberi pegawai penyelidik dan pejabat khas untuk membolehkan Ahli Parlimen dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan 15 jawatan pegawai penyelidik secara dengan izin, *pool* kepada Parlimen Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen sekalian bolehlah menggunakan khidmat mereka. Walau bagaimanapun khidmat pegawai penyelidik ini adalah untuk menjalankan penyelidikan berbentuk kajian perpustakaan dan dengan izin, *content analysis* sahaja. Jumlah 15 orang penyelidik ini adalah mencukupi untuk tujuan tersebut.

Mengenai penyediaan pejabat khas untuk Ahli Parlimen, sememangnya kerajaan berhasrat mengkaji mengenainya di dalam bajet yang dibentangkan baru-baru ini dan perkara ini masih dalam pertimbangan.

Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan agar Ahli Parlimen diberi kemudahan seperti kenderaan dan pembantu khas yang dilihat sebagai satu keperluan untuk membolehkan Ahli Parlimen melaksanakan tugas mereka dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ialah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kertas Statut 235 Tahun 1983. Kemudahan-kemudahan sedia ada adalah memadai sebagai insentif dan bantuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai wakil rakyat.

Manakala cadangan Ahli Parlimen diberi kemudahan dengan izin, *bodyguard* seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Langat. Kerajaan setakat ini belum berhasrat untuk memberi kemudahan tersebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kerajaan berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana diperuntukkan di dalam Kertas Statut 235, Tahun 1983 adalah memadai.

Yang Berhormat Sri Gading menyarankan agar kerajaan memberi perhatian kepada ruang *lounge* dan bilik rawatan Ahli Parlimen yang kecil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dewan yang digunakan pada masa ini hanya untuk sementara waktu sehingga Dewan asal siap dibaik pulih dan dinaik taraf. Kerajaan sememangnya menyedari kebanyakan ruang yang disediakan di sini adalah lebih kecil daripada sebelumnya. Oleh itu kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dipohon dalam menghadapi segala kesulitan yang timbul akibat kerja-kerja pemuliharaan dan menaikkan taraf ini.

Yang Berhormat Ledang ingin mengetahui status Dewan ini selepas Parlimen kembali bersidang semula di bangunan asal dan seterusnya mencadangkan agar Dewan ini digunakan untuk persidangan Parlimen Belia. Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan ini dicadangkan untuk digunakan sebagai dewan taklimat dan dewan persidangan bagi persidangan atau mesyuarat di peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Parlimen Malaysia. Sebagaimana cadangan Yang Berhormat, ia juga boleh dipertimbangkan sebagai Dewan persidangan Parlimen Belia.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sebagaimana hasrat kerajaan untuk memberi penyelesaian kepada Ahli-ahli Parlimen. Apa yang saya ingin mendapat penjelasan ialah soal peruntukan Ahli Parlimen yang sampai hari ini memang kita tidak pernah diberi daripada Ahli Parlimen Pakatan Rakyat.

Soalnya, sejauh manakah pemantauan yang telah dibuat di atas peruntukan Ahli-ahli Parlimen yang telah diberi melalui agensi jabatan pembangunan persekutuan, melalui ketua-ketua UMNO bahagian. Berdasarkan maklumat yang kita terima, tidak menepati sasaran keperluan rakyat. Jadi kalau kerajaan betul-betul meletakkan sasaran, "Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan" kenapakah peruntukan yang telah sedia ada bagi kami Ahli-ahli Parlimen tidak diberi? Dalam keadaan negara kita berhadapan dengan tekanan ekonomi, dengan keadaan inflasi yang sedang meningkat kita lebih mementingkan kepentingan rakyat. Bukan kita tidak inginkan kemudahan tetapi keperluan di saat ini adalah kemudahan dan kepentingan rakyat lebih didahulukan sedangkan peruntukan kami yang asal sebagai Ahli Parlimen sampai hari ini tidak diberi.

Saya ingin penjelasan di situlah, di manakah pemantauan? Maklumat yang kita terima tidak sampai kepada sasaran. Apakah yang telah diberi melalui Jabatan Persekutuan untuk setiap Parlimen di bawah Pakatan Rakyat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, yang dia bangkitkan ini tidak ada kena-mengena dengan apa yang dibahaskan di dalam bajet.

■1440

Saya banyak kali telah pun menjawab perkara ini dan sila lihat kepada *Hansard* kalau mahu tahu tentang jawapan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibul...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Saya ada bangkit isu berkenaan peruntukan untuk kawasan, saya ada bangkitkan isu itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, sudah jawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:Jadi tidak benar menyatakan tidak dipanggil satu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, saya sudah jawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bila jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya dah jawab banyak kali dah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu dulu, sekarang berdasarkan Dasar Transformasi Politik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Serupa sahaja, jawapan dia serupa. Speaker tidak berdolak-dalik. Jawapan dia serupa sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, politik baru. Dasar Transformasi Politik Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Sibu telah mencadangkan agar Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam diberikan berdasarkan merit. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mendapatkan calon yang memiliki *wholesome personality*, Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009 telah memutuskan kriteria pemilihan bagi program ijazah luar negara bukan berdasarkan kecemerlangan akademik semata-mata. Aspek lain iaitu latar belakang sosial ekonomi keluarga, kokurikulum dan pencapaian calon semasa sesi temu duga dipertimbangkan bagi empat kategori biasiswa yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Kategori I – Biasiswa berasaskan kecemerlangan pelajar. Sebanyak 20 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Bagi kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik sebanyak 85 peratus, kokurikulum 10 peratus dan temu duga 5 peratus. Latar belakang dan kedudukan sosial ekonomi calon tidak diambil kira;
- (ii) Kategori II – Biasiswa berasaskan komposisi kaum sebanyak 60 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik iaitu 75 peratus, kokurikulum 10 peratus, latar belakang sosial ekonomi keluarga 10 peratus dan temu duga 5 peratus. Seterusnya, pembahagian biasiswa adalah mengikut peratusan komposisi rakyat Malaysia;
- (iii) Kategori III – Biasiswa untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan agihan 5 peratus untuk bumiputera Sabah dan 5 peratus untuk bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 65 peratus, kokurikulum 5 peratus, latar belakang sosial ekonomi keluarga 25 peratus dan temu duga 5 peratus; dan
- (iv) Kategori IV – Biasiswa untuk golongan dengan izin *socially disadvantage* sebanyak 10 peratus daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk calon dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad serta daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 65 peratus, kokurikulum 5 peratus, latar belakang sosial ekonomi keluarga 25 peratus dan temu duga 5 peratus.

Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan agar biasiswa untuk menaja pelajar ke luar negara dihapuskan dan diganti dengan tabung pinjaman pendidikan sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian semula Dasar Penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam mulai tahun 2012 sedang dijalankan dan akan mengambil kira cadangan tersebut. Kajian semua dasar penajaan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri sebelum akhir tahun ini. Berkenaan dengan isu kewajaran pemberian biasiswa JPA kepada anak Ketua Setiausaha Negara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh.

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan biasiswa JPA di bawah program Ijazah Luar Negara adalah terbuka kepada mana-mana calon yang layak tertakluk kepada syarat-syarat umum seperti berikut:

- (i) warganegara Malaysia
- (ii) umur belum mencapai 18 tahun atau 19 tahun bagi pelajar peralihan pada tahun penawaran; dan
- (iii) mempunyai kesihatan yang baik dan tidak menghidap penyakit-penyakit kritikal seperti Hepatitis, AIDS, HIV dan sebagainya.

Selain syarat-syarat umum tersebut, terdapat syarat-syarat lain lagi yang antaranya ialah latar belakang sosial ekonomi keluarga, kokurikulum dan prestasi temu duga bagi mendapat calon yang memiliki personaliti unggul atau *wholesome personality* dengan izin, seperti yang telah saya jelaskan kepada Yang Berhormat Sibu sebentar tadi. Bidang pengajian yang ditawarkan kepada pelajar yang layak dan menepati syarat adalah berdasarkan bidang yang dipohon oleh pelajar tersebut. Walau bagaimanapun, ramai pelajar cemerlang memilih bidang yang popular seperti perubatan dan kejuruteraan berbanding bidang yang lain seperti bidang sastera dan sains sosial sehingga menyebabkan mereka gagal ditawarkan penajaan ke luar negara kerana bidang-bidang yang ditawarkan adalah terhad mengikut keperluan guna tenaga sektor awam dan negara sahaja.

Calon yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh ini telah memohon dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Calon ini terpilih berdasarkan kriteria yang dinyatakan di atas setelah bersaing dengan calon-calon lain yang memohon program penajaan ini. Yang Berhormat Seputeh juga telah membangkit tindakan Ketua Setiausaha Negara yang selalu menghantar pegawai kanan kerajaan ke jawatan penempatan khas atau *pool*. Ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas. Untuk makluman Yang Berhormat, penempatan pegawai ke jawatan penempatan khas dibuat atas sebab kepentingan perkhidmatan yang antaranya;

- (i) penempatan pegawai-pegawai yang menghadapi prosiding tatatertib atau mahkamah sebagai langkah preventif yang diambil demi menjaga kualiti perkhidmatan dan nama baik perkhidmatan atau;
- (ii) penempatan pegawai yang menghadapi masalah kesihatan atau;
- (iii) penempatan sementara bagi pegawai yang tamat tempoh peminjamannya ke agensi lain sebelum ditempatkan ke jawatan hakiki yang lain atau;
- (iv) penempatan khas di kementerian dan jabatan tertentu kerana menjalankan tugas atau projek khas mengikut keperluan dan kepakaran tertentu yang tiada mempunyai kekosongan jawatan hakiki termasuk mereka yang dalam proses mendapatkan penempatan yang sesuai.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke-11 iaitu MAPPA XI pada 9 Mac 2010 telah meminta supaya satu proses yang lebih komprehensif dilaksanakan terhadap sistem jawatan kumpulan supaya mengandungi elemen hak untuk didengar dan dinilai secara berkecuali. Dalam melaksanakan keputusan tersebut, sebuah jawatankuasa berkecuali yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penilaian Pemantauan Prestasi ataupun singkatannya JPPP ditubuhkan bagi urusan menilai keperluan penempatan mana-mana pegawai guna sama persekutuan ke jawatan kumpulan Jabatan Perkhidmatan Awam. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan lima orang ahli bebas lain yang dilantik.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan tidak berkompromi dalam hal-hal yang berkaitan dengan prestasi dan integriti penjawat awam. Pada masa ini, hanya terdapat 10 orang sahaja pegawai kumpulan pengurusan tertinggi yang masih berada di jawatan kumpulan Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana tiga orang daripadanya disebabkan sedang menghadapi prosiding tatatertib manakala tujuh lagi ditempatkan secara penempatan khas di kementerian dan jabatan tertentu dan menjalankan tugas-tugas khas seperti di kategori tiga dan empat di atas.

Yang Berhormat Seputeh juga mendakwa bahawa gaji bulanan dan elaun yang diterima oleh Ketua Setiausaha Negara menjangkau RM80,000. Untuk makluman Yang Berhormat, gaji bulanan serta elaun-elaun khas yang diterima oleh Ketua Setiausaha Negara adalah sebanyak RM29,044.98 sebulan.

Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Seputeh ingin mengetahui sama ada pelanjutan umur persaraan kepada 60 tahun akan menjejaskan peluang kenaikan pangkat penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat, peluang untuk terus berkhidmat ke usia 60 tahun adalah untuk semua pegawai. Maka tidak timbul soalan terjejas peluang naik pangkat. Malah mereka yang sanggup berkhidmat dengan tambahan tempoh perkhidmatan dua tahun sebenarnya mempunyai lebih banyak peluang kenaikan pangkat bagi mengisi jawatan yang dikosongkan melalui persaraan pilihan atau pelbagai jenis persaraan yang lain.

Yang Berhormat Kapit mencadangkan supaya penjawat awam di Sabah dan Sarawak yang sedang...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Yang sedang Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) juga diberi kemudahan tambang percuma. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai awam yang menerima tajaan biasiswa JPA layak dibayar tambang perjalanan dari tempat kediaman ke universiti sekali pada awal tahun dan sekali pada akhir pengajian berdasarkan kelayakan pegawai mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005. Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak disediakan kepada pegawai yang mengikuti pengajian dengan pembiayaan sendiri yang hanya diluluskan CBBP sahaja memandangkan di sepanjang tempoh pengajian tersebut pegawai masih menerima gaji dan elaun yang beliau layak dengan kadar penuh walaupun tanpa menjalankan tugas kerana sedang bercuti.

■1450

Pertambahan kemudahan bagi pegawai diluluskan SBBP perlu dikaji secara terperinci dengan mengambil kira kemampuan kewangan semasa kerajaan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Pertambahan kos yang akan terlibat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini Pasir Mas.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Padang Terap dahulu, sila.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab sebahagian daripada pertanyaan yang saya timbulkan tentang pegawai-pegawai kerajaan akan terbeku kenaikan pangkat selama dua tahun. Bagaimana dengan peluang kepada golongan-golongan remaja ataupun golongan-golongan siswazah ingin terlibat dalam perkhidmatan awam apabila mereka akan terbeku dua tahun juga. Jadi bagaimana penjelasan pihak kementerian. Ini orang muda ramai, hendak masuk kerja pun susah. Jadi kita minta penjelasan daripada kementerian.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dia akan berlaku *rationalization*. Maknanya apabila kita naik bersara pada umur 60 tahun, memang di peringkat awal mungkin dua tahun itu akan berlaku apa yang dikatakan pengurangan dari pengambilan mereka atau yang belia bekerja. Akan tetapi apabila sampai ke umur 60 tahun, dia akan ada kekosongan. Jadi macam Yang Berhormat sebut, dalam apa sekalipun kita lakukan, mungkin dia akan berlaku kekurangan pengambilan disabitkan peningkatan umur bersara kepada 60 tahun. Jadi mungkin dalam masa setahun dua tahun dia akan kurang pengambilan. Selepas itu akan berlaku dia punya *rationalization*, dia akan ikut dia punya *level*. Jadi itu bukan satu perkara yang besar, kerana *rationalization* ini akan berlaku setelah peningkatan umur 60 tahun itu dicapai.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sekejap Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju tempoh pencen dinaikkan kepada 60 tahun ini, kerana kita tidak membazir pengalaman yang ditimba oleh kakitangan kerajaan. Cuma persoalan saya, apakah ada mekanisme sebelum seseorang pegawai itu hendak pencen 60. Saya ada bangkitkan di dalam ucapan tadi, tetapi tidak dijawab. Kata sampai umur 57 kalau hendak sambung sampai 60 diwajibkan menjalani pemeriksaan doktor semula. Sebab ramai juga di kalangan kakitangan kerajaan umur 57, 58, 59 ini sudah kencing manis, sakit buah pinggang, mengantuk jadi macam-macam penyakit ada. Jadi ini boleh mengganggu produktiviti seseorang kakitangan. Jadi maknanya dia boleh terus 60 tahun untuk pencen. Akan tetapi kesihatannya mesti stabil. Boleh berkhidmat dengan cergas dan produktiviti yang memang hebat. Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Minta sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya percayalah JPA ada kaedah dia dalam perkara ini. Sebab kita kalau hendak paksa pun tidak boleh Yang Berhormat. Kalau begitu dua tahun lepas Yang Berhormat pun ada masalah jantung kan. Tidak boleh jadi Ahli Parlimen sudah. Akan tetapi saya rasa mereka ada kaedah dia sendiri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Akan tetapi yang belah jantung itu boleh sambung, sihat. Tanya Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi bermakna kalau ada penyakit jantung, tidak boleh membuat kerja. Kalau *operate* bagi enjin baru dia elok balik macam Yang Berhormat saya tengoklah. Cukup aktif sekarang ini. Yang Berhormat Padang Terap hendak tanya lagi?

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Sedikit. Yang Berhormat Menteri terima kasih. Yang Berhormat Menteri sebut tentang akan berlaku rasionalisasi kemudian. Unjuran pihak kerajaan sendiri dalam laporan kewangan yang diberikan di atas meja kita, lebih kurang 400,000 berlaku pengangguran dalam negara kita. Pada masa yang sama, ini unjuran berdasarkan pada 3.3 peratus yang diberikan oleh pihak kementerian sendiri. Pada masa yang sama, siswazah kita menganggur sudah pun mencapai 100,000 seperti mana jawapan-jawapan yang diberikan oleh kementerian-kementerian sebelum daripada ini. Jadi bagaimana?

Walaupun saya setuju ia akan berlaku mungkin dalam dua tahun ini, ruang dan peluang. Kita akan melihat lebih ramai lagi siswazah yang akan keluar dari universiti akan berlaku pengangguran. Pada masa yang sama unjuran dengan perkembangan ekonomi kita yang semakin menguncup dalam jangkaan pihak kementerian sendiri sudah tentulah keadaan semakin teruk selepas pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau ekonomi menguncup bukan sahaja di pihak swasta peluang untuk bekerja tidak akan berkembang dan kerajaan pun tidak berkembanglah. Serupa sahaja. Maknanya kalau ekonomi jatuh dalam sektor swasta *employment* kurang di sini pun kurang. Tidak akan pula dalam sektor umum ia akan bertambah pula. Jadi perkara serupa sahaja. Kalau ekonomi turun, semua akan menghadapi masalah. Tidak ada mana-mana sektor yang dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kapiti telah membangkitkan beberapa isu berkaitan kelayakan pemberian bantuan...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Mengenai *retirement age* untuk *civil service*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Menteri telah bagi laluan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *He has given to somebody else.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili ada beberapa permintaan daripada kakitangan kerajaan, Yang Berhormat Menteri mengumumkan dalam bajet pelanjutan persaraan 60 tahun.

Ada di kalangan mereka yang masih sihat, mungkin mereka tidak ada kencing manis, tidak ada penyakit jantung dan masih ada tanggungan, masih ada anak sekolah dan seumpamanya. Adakah ada pertimbangan pihak kerajaan yang pencen mungkin bulan 11 ini bulan 12 ini untuk mereka memohon ke skim persaraan sampai 60 tahun itu. Sebagai mewakili mereka saya hendak tanya Yang Berhormat adalah kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan, yang pencen bulan ini, bulan hadapan agar mereka dapat melanjutkan khidmat mereka sampai umur mereka 60 tahun. Mereka masih segar, masih ada tanggungan dan seumpamanya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cuma hendak jawab Yang Berhormat Pasir Mas tadi, pegawai JUSA diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan setiap tahun.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya rasa tajuk kita ialah Bajet 2012. Jadi apa juga yang kita lakukan berdasarkan peruntukan yang akan dibelanjakan bermula 1 Januari 2012. Itu setakat yang saya boleh jawab.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. *The retirement age* untuk *civil service* dinaikkan daripada 58 kepada 60 tahun. Adakah apa-apa cadangan untuk menentukan *retirement* untuk hakim-hakim dilanjutkan daripada 66 tahun kepada 70 tahun.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi. Akan tetapi itu bukan satu perkara yang tidak boleh dibincangkan. Saya kira kalau dahulu pegawai kerajaan 55 tahun naik 58 tahun dan sekarang 60 tahun. Hakim kita tahu dahulu 65 tahun sekarang 66 tahun. Saya percaya juga iaitu bagi seorang hakim, kematangan dia akan nampak akan terserlah apabila lama berada sebagai seorang hakim. Saya boleh bagi cadangan ini kepada pihak kehakiman untuk mereka tentukan. Saya percaya ini akan disambut baik oleh pihak-pihak kehakiman. Walau bagaimanapun belum ada cadangan lagi, tetapi tidak ada perkara yang boleh menghalang kita daripada membincangkan perkara ini.

Yang Berhormat Kapiti telah membangkitkan beberapa isu berkaitan kelayakan pemberian bantuan sara hidup (BSH) dan bayaran insentif wilayah untuk penjawat awam. Untuk makluman Yang Berhormat, BIW dibayar kepada pegawai yang bertukar wilayah untuk menampung kos sara hidup yang berbeza antara wilayah dan juga sebagai satu galakan untuk pegawai bertukar wilayah. Insentif ini juga tidak disediakan kepada pegawai yang berkursus melebihi tiga bulan memandangkan pegawai yang diluluskan cuti belajar sudah menikmati elaun dan kemudahan semasa tempoh pengajian dan juga pegawai tidak menjalankan tugas dalam tempoh tersebut. Namun atas keprihatinan kerajaan saya bersetuju supaya BSH diberikan kepada pegawai. Pada masa ini BIW iaitu bayaran insentif wilayah dibayar berdasarkan lingkungan gaji dan bukan berdasarkan gred. Oleh itu kemungkinan pegawai yang berbeza gred tetapi mempunyai kadar gaji yang sama akan menerima kadar BIW yang sama.

■1500

Walaupun bagaimanapun, jabatan ini akan mengkaji semula kaedah BIW berdasarkan gred. Untuk makluman Yang Berhormat, semua elaun dalam perkhidmatan awam akan dikaji semula termasuk BIW dan BSH susulan kepada pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam. Kajian ini akan meliputi kriteria dan kadar bayaran dan mengikut kedudukan kewangan kerajaan. Yang Berhormat Limbang meminta agar Bantuan Insentif Wilayah (BIW) ini untuk kakitangan awam di Limbang dinaikkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, BIW dibayar kepada seorang penjawat awam apabila diarahkan bertukar wilayah. BIW dibayar mengikut wilayah dan bukannya mengikut daerah. Wilayah yang dimaksudkan adalah Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Semenanjung Malaysia. Asas BIW adalah sebagai satu galakan serta untuk menampung kos sara yang berbeza antara wilayah. BIW dibayar berdasarkan peratusan iaitu 12.5 peratus hingga 25 peratus daripada gaji pokok yang diterima oleh pegawai. Ini bermakna setiap kali kerajaan memberi kenaikan gaji maka kadar BIW juga akan meningkat. Kerajaan akan mengkaji cadangan yang dikemukakan dengan meneliti implikasi kenaikan kadar elaun ini dalam konteks lain-lain jenis elaun yang diperuntukkan kepada penjawat awam seiring dengan sasaran status negara maju, berpendapatan tinggi di mana produktiviti penjawat awam perlu dipertingkatkan.

Yang Berhormat Seputeh ingin mengetahui sama ada kerajaan menaikkan umur persaraan penjawat awam ke 60 tahun untuk menjimatkan wang Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP). Untuk makluman Yang Berhormat, perlanjutan umur persaraan wajib anggota sektor awam ke 60 tahun ialah bagi maksud mengekalkan pegawai yang mahir di dalam perkhidmatan awam. Perlanjutan umur persaraan wajib anggota sektor awam ke 60 tahun juga akan menjimatkan perbelanjaan kerajaan bagi pembayaran pencen bulanan di samping memastikan pulangan optimum bagi perbelanjaan yang dikeluarkan kerajaan dalam menaja latihan pegawai.

Yang Berhormat Seputeh mencadangkan agar kerajaan dapat mewujudkan satu sistem penapisan untuk menentukan sama ada seorang penjawat awam yang mencapai umur persaraan wajar dilanjutkan perkhidmatannya ataupun tidak. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada Perkara 136, Perlembagaan Persekutuan iaitu prinsip kesamarataan maka setiap penjawat awam akan ditawarkan opsyen bagi perlanjutan umur persaraan wajib ke 60 tanpa pemeriksaan kesihatan. Sekiranya mana-mana pegawai kemudiannya tidak dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab kerana masalah kesihatan ia boleh dibersarakan atas sebab kesihatan pada bila-bila masa. Ini menjawab Yang Berhormat Pasir Mas juga.

Yang Berhormat Seremban menyarankan agar kerajaan dapat meningkatkan komposisi penjawat awam kaum India dalam sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak menyisihkan mana-mana kaum termasuk kaum India untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Asas pengambilan adalah berdasarkan merit seseorang calon iaitu kelayakan termasuk melepasi tapisan yang ditetapkan serta kesesuaian dengan jawatan yang dipohon tanpa mengira kaum. Umumnya pada tahun 2011 iaitu Januari hingga Jun didapati nisbah permohonan berbanding dengan yang berjaya di kalangan kaum India adalah lebih tinggi iaitu 1:26 berbanding dengan kaum Melayu 1:32, bumiputera Sabah 1:39 dan bumiputera Sarawak 1:43.

Yang Berhormat Wangsa Maju ingin mengetahui pelaksanaan Program *Cross Fertilization* yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Bandaraya KL. Untuk makluman Yang Berhormat, Program *Cross Fertilization* dengan pihak DBKL telah dilaksanakan di mana fasa pertama PCF DBKL mulai 15 Mac 2010 yang melibatkan seramai 14 orang pegawai DBKL iaitu terdiri daripada sepuluh orang pegawai tadbir, dua orang pegawai teknikal dan dua orang pegawai perubatan. Manakala seramai sebelas orang PTD, dua orang pegawai teknikal JKR dan dua orang pegawai perubatan KKM ditempatkan di DBKL bagi tempoh dua tahun.

Fasa kedua PCF DBKL pula dilaksanakan mulai 17 Mei 2010 melibatkan pegawai dari kumpulan sokongan iaitu sepuluh orang pegawai DBKL dan sepuluh orang pegawai awam persekutuan dari pelbagai agensi kerajaan. Mereka terdiri daripada penolong pegawai tadbir gred N27 enam orang, Penolong Jurutera, Gred J29 enam orang, penolong pegawai perancang bandar dan desa empat orang, penolong pegawai pertanian dua orang dan penolong pegawai perubatan dua orang. Pelaksanaan PCF DBKL ini telah memberikan impak positif dari segi kepimpinan apabila beberapa orang peserta DBKL dan persekutuan telah diperakukan kenaikan pangkat ke pelbagai gred semasa dalam penempatan program ini. Bilangan pegawai yang terlibat adalah seperti berikut iaitu lima orang pegawai awam persekutuan dan lapan orang pegawai DBKL.

Yang Berhormat Ipoh Barat menyentuh mengenai isu saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar berbanding dengan negara lain. Strategi untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam dan komposisi kaum dalam perkhidmatan awam. Untuk makluman Yang Berhormat, saiz dan komposisi kaum dalam perkhidmatan awam telah diambil kira dalam dasar Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang melibatkan tindakan merasionalisasikan perkhidmatan awam melalui pelaksanaan perkhidmatan awam yang kejut, *Lean Civil Service* (LCS). Enam strategi pelaksanaan LCS adalah seperti butiran berikut:

- (i) kawalan saiz;
- (ii) semakan skim perkhidmatan;
- (iii) kajian pertindihan fungsi agensi;
- (iv) penajajaran fungsi utama perkhidmatan;

- (v) peluasan perkhidmatan yang boleh dialih daya; dan
- (vi) perekeyasaan proses kerja.

Strategi-strategi ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu jangka masa pendek iaitu daripada tahun 2011 hingga 2012, sederhana iaitu 2011 hingga 2013 dan panjang iaitu 2012 hingga 2015. Jumlah pengisian penjawat awam tidak termasuk polis dan tentera sehingga 11 Oktober 2012 adalah seramai 1,062,172 orang. Dari jumlah tersebut 77.4 peratus adalah kaum Melayu, 4.6 peratus bumiputera Sabah, 4.1 peratus bumiputera Sarawak, 6 peratus masyarakat Cina, 4 peratus masyarakat India dan 2.2 peratus lain-lain kaum.

Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui sama ada penjawat awam di bawah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri menerima manfaat daripada Bajet 2012. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang diumumkan dalam Bajet 2012 adalah bagi semua penjawat awam, Perkhidmatan Awam Persekutuan. Secara dasar, perubahan sistem saraan turut dipanjangkan kepada semua perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Namun terpulung kepada setiap pihak berkuasa berkenaan untuk melaksanakannya secara keseluruhan ataupun tidak. Bagi pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang menerima pakai SBPA maka penjawat awam yang terlibat akan menerima manfaat SBPA seperti diumumkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Rembau ingin mengetahui...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya hendak tanya itu mengenai dengan perjawatan. Bagaimana dengan bonus setengah bulan gaji di kalangan kakitangan kerajaan negeri dan bagi kerajaan negeri yang kekurangan duit yang pendapatannya amat menyedihkan termasuklah negeri saya, adakah Kerajaan Pusat akan bantu untuk kakitangan kerajaan negeri juga dapat setengah bulan bonus? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tunggu jawapan sampai. Sampai, kita jawab ya.

Yang Berhormat Rembau ingin mengetahui bagaimana perlanjutan usia persaraan ke 60 tahun dalam sektor awam dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan peluang anak muda memasuki alam pekerjaan manakala Yang Berhormat Bukit Gantang menyarankan agar perlanjutan usia persaraan ini tidak dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlanjutan umur persaraan wajib anggota sektor awam ini sebenarnya tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada generasi muda kerana pihak kerajaan akan sentiasa mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada golongan ini.

Yang Berhormat Pasir Mas mencadangkan agar kesihatan penjawat awam diperiksa pada usia mereka 56 tahun. Ini saya jawab tiap-tiap tahun. Kalau JUSA kita *check* kesihatan.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Lanang agar satu kajian terhadap struktur kenaikan gaji penjawat awam pada jangka masa panjang dibuat berdasarkan *income* per kapita yang sesuai. Kerajaan telah pun mengambil kira keperluan penjawat awam dengan menambah baik kadar kenaikan gaji tahunan supaya pendapatan penjawat awam adalah meningkat dalam jangka masa panjang selaras dengan matlamat mencapai per kapita *income* yang sesuai.

Yang Berhormat Kota Kinabalu ingin penjelasan mengapa pesara awam mendapat kenaikan pencen 2 peratus manakala penjawat awam mendapat kenaikan gaji dalam lingkungan 7 peratus hingga 13 peratus. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan kadar peningkatan gaji yang telah diumumkan dalam ucapan pembentangan Bajet 2012, pelarasan pencen bagi tahun 2012 adalah juga sebanyak 7 peratus hingga 13 peratus. Pelarasan 2 peratus yang dimaksudkan adalah mulai tahun 2013 dan tahun berikutnya iaitu tambahan kepada kadar tahun 2012 itu. Pelarasan tahun ini adalah satu pemberian baru dan satu keistimewaan yang akan termaktub dalam undang-undang.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Kinabalu mencadangkan agar pesara sepatutnya mendapat kenaikan 7 peratus memandangkan kenaikan kos hidup yang kian membebaskan golongan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelarasan pencen 2 peratus jika dilihat pembayaran berbentuk, dengan izin, *compounded* bagi setiap tahun bererti bahawa seseorang penerima pencen akan menerima jumlah berganda dalam masa yang singkat sekiranya pencen yang diterima pada tahun 2012 ialah RM2,000, maka pada tahun 2013 pencen akan meningkat kepada RM2,040 sebulan. Tahun 2014, pencen akan meningkat kepada RM2,080 sebulan dan 2015 ia akan berjumlah RM2,122 sebulan. Di bawah sistem sedia ada, peningkatan kadar pencen tidak berlaku pada tahun 2013 hingga 2015.

Yang Berhormat Arau meminta agar pelaksanaan konsep, dengan izin, *time based* dari segi kenaikan pangkat yang diberi kepada Skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik turut dilaksanakan kepada semua *closed service*. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini peluang kenaikan pangkat secara, dengan izin, *time base* hanya diberi kepada empat skim perkhidmatan di peringkat kumpulan pengurusan dan profesional iaitu skim perkhidmatan pegawai perkhidmatan pendidikan siswazah, pegawai perubatan, pegawai farmasi dan pegawai pergigian.

Sementara itu, bagi skim M dan skim-skim perkhidmatan yang lain, peluang kenaikan pangkat adalah mengikut kekosongan jawatan. Bagi kumpulan sokongan, semua skim perkhidmatan telah dilaksanakan kenaikan pangkat secara, dengan izin, *time base* di samping kenaikan pangkat secara kekosongan jawatan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Sekijang agar kajian dibuat terhadap pergerakan gaji skim, dengan izin, *closed service* supaya ia sealiran dengan skim M. Adalah dimaklumkan kadar kenaikan gaji tahunan di bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) adalah menyeluruh dan terpakai kepada semua skim perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh meminta penjelasan mengenai fungsi PR1MA dan mengapa ia dapat membangunkan projeknya di tanah-tanah bernilai tinggi serta sama ada terdapat sebarang pertindihan fungsinya dengan SPNB? Untuk makluman Yang Berhormat, sasaran utama PR1MA adalah untuk golongan berpendapatan sederhana terutamanya di kawasan bandar seperti di Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang dan sebagainya.

Ini adalah untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk mendapatkan tempat kediaman akibat daripada penghijrahan penduduk ke kawasan bandar. Dalam usaha menyediakan perumahan kepada rakyat, pada hakikatnya tanah kosong yang sesuai di kota raya terutamanya di Lembah Klang adalah semakin berkurangan dan harga tanahnya pula telah melambung sehingga jutaan ringgit seekar.

Dengan harga tanah yang tinggi dan kos pembinaan yang semakin melambung, purata harga rumah teres adalah sekitar RM450,000 sebuah. Dengan harga sedemikian, bayaran ansuran bulanan boleh mencecah sehingga RM3,000 sebulan bagi tempoh selama 20 tahun. Ini bermakna golongan yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM6,000 sebulan tidak mampu untuk memiliki kediaman sedemikian di Lembah Klang. Oleh itu, bagi membantu golongan berpendapatan sedemikian memiliki rumah di bandar-bandar besar, kerajaan berhasrat untuk menyediakan rumah-rumah PR1MA termasuk di atas tanah-tanah yang berharga tinggi dan bersesuaian di bandar-bandar.

Berkenaan dengan isu pertindihan fungsi SPNB dengan PR1MA, ingin diperjelaskan bahawa SPNB membekalkan rumah berharga di bawah RM100,000 manakala PR1MA lebih tertumpu kepada perumahan berharga di antara RM150,000 hingga RM300,000. Di samping itu, PR1MA bukan sahaja menyediakan rumah atau bangunan kediaman tetapi juga memberikan penekanan kepada aspek pembangunan komuniti untuk membantu mengurangkan beban dan kos sara hidup di bandar.

Yang Berhormat Bayan Baru mencadangkan agar Projek PR1MA diperluaskan ke negeri-negeri lain terutama di Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek PR1MA sememangnya akan dilaksanakan di seluruh negara di mana tumpuan utama akan diberikan kepada kawasan-kawasan bandar. Pelaksanaan projek ini akan dijalankan secara berperingkat bermula di kawasan Lembah Klang dan diikuti oleh kawasan-kawasan bandar di negeri-negeri seluruh Malaysia.

Yang Berhormat Kota Melaka ingin mengetahui akta yang akan dipinda atau dimansuhkan di bawah program transformasi politik. Untuk makluman Yang Berhormat, kajian-kajian terperinci dan berterusan akan sentiasa dijalankan bagi memastikan undang-undang di negara ini tidak ketinggalan zaman. Sekiranya terdapat keperluan untuk meminda atau memansuhkan suatu akta, maka ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Batu Gajah mencadangkan agar satu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan untuk mengkaji dan menggubal rang undang-undang yang akan menggantikan ISA. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk mengkaji dan menggubal rang undang-undang yang akan menggantikan ISA.

Ini kerana bagi melaksanakan keputusan kerajaan untuk memansuhkan ISA seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Perutusan Khas Hari Malaysia pada 15 September 2011, usaha-usaha sedang giat dijalankan oleh kerajaan, khususnya Jabatan Peguam Negara melalui siri konsultasi dengan semua pakar yang terlibat dan relevan mengenai undang-undang keselamatan, antaranya para dekan dari universiti tempatan, bekas ketua-ketua hakim negara, bekas hakim, SUHAKAM, peguam yang terlibat dalam undang-undang jenayah di bawah Majlis Peguam Malaysia dan semua agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri, Suruhanjaya Pencegah Rasuah dan sebagainya bagi mendapatkan perspektif yang menyeluruh dan tepat daripada semua pihak dari segi undang-undang.

Bagi mendapatkan impak yang lebih menyeluruh dan berkesan termasuk isu-isu pendemokrasian hak asasi dan keselamatan antarabangsa, kerajaan juga menjemput pakar-pakar dari kalangan peguam, ahli akademik dan pengamal di peringkat antarabangsa untuk memberikan buah fikiran, berkongsi pengamalan dan pendedahan. Manakala langkah yang sedang dijalankan ini merupakan pendekatan yang terbaik bagi kerajaan memastikan undang-undang yang boleh mencegah perbuatan subversif, keganasan terancang dan perbuatan jenayah dapat digubal di bawah semangat perkara 149, Perlembagaan Persekutuan dan pada masa yang sama memastikan hak asasi rakyat terpelihara demi keamanan, kesentosaan serta kerukunan hidup rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh menyarankan agar JPM dirombak dengan menaik...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, dengan izinnya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya bukan Tuan Yang di-Pertua.

■1520

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menggubal rang undang-undang yang akan ganti ISA, tadi Yang Berhormat kata tidak ada cadangan untuk mengadakan Jawatankuasa Pilihan Khas. Saya menyokong perlu minta pandangan semua agensi, SUHAKAM dan mereka yang mempunyai kepentingan, tetapi yang paling asasnya, tanggungjawab menggubal undang-undang ialah di dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimanakah Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dikecualikan di dalam proses penggubalan rang undang-undang yang begitu penting yang akan menggantikan ISA yang sebelum ini sering digunakan ke atas ahli-ahli politik untuk memastikan rang undang-undang yang bakal menggantikan ISA ini benar-benar menghormati hak asasi manusia dan tidak akan disalah gunakan? Jadi yang paling asas ialah tanggungjawab penggubalan undang-undang dalam Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Parlimen tidak boleh dikecualikan. Itu perkara pertama.

Perkara kedua ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara *best democracy in the world*. Apakah tindakan susulan yang akan dilakukan, apakah *blueprint* di dalam kandungan untuk menjadikan Malaysia *best democracy in the world* padahal untuk buat undang-undang ganti ISA juga mengecualikan Ahli-ahli Parlimen? Saya pohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya sambung sedikit Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Biar saya jawab dahulu. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bincang hendak bentuk rang undang-undang ini dengan *the stakeholders* seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, Ahli Parlimen tidak dikecualikan, kerana rang undang-undang itu akan dibentangkan di sini juga dan akan dibahaskan. Kalau sekiranya ada keperluan untuk kita membuat pindaan, di peringkat Jawatankuasa boleh dilakukan apabila ada perundingan di antara Ahli-ahli Parlimen dengan pihak kerajaan. Jadi tidak betullah kalau hendak dikatakan Ahli Parlimen dikecualikan, kerana ia akan dibahaskan. Saya percaya bukan satu hari tetapi mungkin dua tiga hari juga kerana ini adalah satu undang-undang yang cukup penting, *mother of bill, mother of act*. Jadi Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen tidak dibelakangkan. Itu pertama.

Keduanya kalau Yang Berhormat hendak tahu *best democracy*, itu tunggu *Select Committee* habis penyasatannya, perbincangannya yang mana *Select Committee* ini diwakili oleh semua pihak. Selepas itu *Select Committee* buat laporan dan dari situ kita perbetulkan mana yang kita rasa ada kekurangan, kita tambahkan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan keprihatinan Yang Berhormat Menteri iaitu pihak kerajaan akan mendengar *stakeholders* dengan mendapat pandangan daripada pelbagai pihak dalam usaha menggubal undang-undang baru bagi menggantikan ISA. Saya hendak tanya Yang Berhormat, disebut tadi pakar-pakar undang-undang dari luar negeri, dalam negeri, apakah kerajaan bercadang untuk mendapat pandangan daripada pakar-pakar keselamatan khususnya dari luar negeri dan juga dalam negeri? Ini kerana soal keselamatan ini walaupun kita penggubal undang-undang dalam Parlimen ini tetapi kita tidak tahu hal keselamatan, ianya perkara yang rumit.

Oleh sebab itu Amerika, Britain dan boleh tanya pakar keselamatan Singapura, kenapa mereka tidak mahu mansuh ISA tetapi Malaysia mansuh ISA? Ini kehebatan Malaysia lah tetapi soalnya, untuk mendapat pandangan hal keselamatan ialah menjadi tanggungjawab pihak keselamatan yang memang mengetahui soal-soal yang berkaitan dengan jenayah dan juga perkara-perkara yang berkaitan yang boleh menggugat keamanan negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ISA bentuk yang Singapura ada itu kita sudah dengan izin, *big farewell* lah, iaitu tidak akan dikembalikan. Cuma saya rasa apa Yang Berhormat sebut iaitu kita perlu mendapat pandangan daripada Amerika, Australia ataupun UK ialah berkenaan dengan akta melawan *terrorist*, itu sahaja. Yang dapat saya pasti jaminkan satu undang-undang yang akan diwujudkan setelah pemansuhan ISA ini ialah akta melawan *terrorist*.

Ini akan dilaksanakan kerana melawan *terrorist* ini, kerana pertama, *terrorism* ini adalah satu perkara yang melanda semua negara dalam dunia. Kedua, ianya memerlukan kepada dengan izin, *international cooperation*. Kita percaya iaitu bahawa oleh kerana Amerika Syarikat, Australia dan juga United Kingdom sudah pun mempunyai undang-undang melawan *terrorism* ini, maka apa yang boleh kita lakukan ialah kita lakukan perbandingan dan sudah tentu kita juga akan memanggil pakar-pakar ini untuk datang ke negara kita dan mendapat pandangan daripada mereka. Itu sudah tentu akan dilakukan.

Yang Berhormat...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit mencelah, Yang Berhormat Menteri. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau saya ataupun Dewan dapat diyakinkan atas persoalan *terrorism* ini yang sudah pun menjadi satu dengan izin, *long standing polemic*, hatta dari sudut takrifnya sendiri, apakah kita boleh sebelum membuat apa-apa keputusan tentang tindakan dan kerjasama *international networking* nya, *think-tank* yang mentakrifkan termasuklah *terrorism* yang *state sponsored* khususnya Israel-Zionis, mungkin Yang Berhormat Menteri faham apa maksud saya, yang juga memerlukan ia ditakrifkan sebetul-betulnya supaya tidak ada pihak yang dizalimi kerana ada pihak-pihak atau kuasa-kuasa besar yang memberi sokongan dan dukungan kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya kira apabila ISA ini dimansuhkan dan apabila kita merancang untuk mengadakan satu akta yang melawan *terrorism*, saya rasa ini adalah satu peluang untuk kita melihat semua aspek termasuk daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor iaitu dari segi takrifnya itu sendiri. Saya percaya ini akan kita lakukan untuk memastikan supaya tidak ada sesiapa yang akan dijadikan sebagai mangsa hasil daripada akta baru yang hendak kita laksanakan ini. Jadi saya percaya apa yang Yang Berhormat sebut itu juga akan dipertimbangkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *The Patriot Act* khususnya. Mungkin Yang Berhormat Menteri pun faham, *the Patriot Act of...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya tahu. Oleh sebab itu kita tidak kata kita terus menjurus ikut *Patriot Act*. Kita kata kita akan melihat *Patriot Act USA*, *Anti-Terrorist Act UK* dan juga Australia dan juga mungkin akta-akta yang telah pun wujud di negara-negara lain. Jadi kita boleh lakukan perbandingan dan kita akhirnya akan mengambil satu keputusan yang saya sebutkan sebentar tadi, tidak akan menjadikan mana-mana pihak sebagai mangsa kepada akta yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh menyarankan agar JPM dirombak dengan menaiktarafkan tata kelola dan tanggungjawabnya di mana jabatan-jabatan tertentu seperti SPR, SPRM, BPA dan lain-lain diletakkan terus di bawah Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensinya yang terletak di bawahnya dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Setiap agensi telah menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan kelangsungan fungsi mereka dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sehubungan itu, kerajaan buat masa ini belum berhasrat untuk melaksanakan saranan Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Batu Gajah telah meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik kenyataan beliau pada perhimpunan UMNO lalu yang menyatakan bahawa Putrajaya hendaklah dipertahankan walau apa pun terjadi demi memastikan pilihan raya umum akan datang bersih dan telus. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada sebab untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menarik balik kenyataan tersebut kerana ucapan itu secara khusus disampaikan kepada ahli-ahli parti UMNO ketika perhimpunan agung sebagai pembakar semangat untuk mereka bekerja lebih kuat bagi memastikan kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang. Yang Berhormat Batu Gajah tidak perlu risau akan ketelusan pilihan raya umum yang akan datang kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sentiasa komited ke arah pelaksanaan pilihan raya yang bersih dan telus.

■1530

Yang Berhormat Ipoh Timur menggesa agar skuad siasatan khas bertaraf tinggi ditubuhkan untuk menyiasat perkara yang berbangkit dari Laporan Suruhanjaya, untuk menyiasat kematian mendiang Teoh Beng Hock. Manakala Yang Berhormat Puchong ingin mengetahui mengapakah Peguam Negara tidak mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai SPRM yang terlibat dengan kematian Teoh Beng Hock seperti yang dilaporkan dalam Laporan Suruhanjaya Diraja mengenai kematian Teoh Beng Hock. Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan Laporan Suruhanjaya untuk menyiasat Teoh Beng Hock, SPRM telah mengambil tindakan untuk menubuhkan satu pasukan siasatan khas. Antara tugas pasukan siasatan khas tersebut adalah untuk menzahirkan fakta-fakta yang terkandung dalam Laporan Suruhanjaya tersebut berkaitan tiga orang pegawai SPRM yang dinamakan dalam laporan tersebut.

Selanjutnya suatu laporan tatatertib akan disediakan sekiranya wujud kesalahan atau pelanggaran peraturan serta prosedur untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib yang berkenaan. Pasukan Siasatan Khas SPRM tersebut telah pun menjalankan siasatan dalaman terhadap ketiga-tiga pegawai SPRM tersebut dan juga telah membentangkan laporan siasatannya kepada Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Jawatankuasa ini telah meminta supaya siasatan lanjut dijalankan sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib bagi menentukan tindakan bagi kesalahan jenayah boleh diambil terhadap tiga orang pegawai SPRM yang dinamakan dalam laporan tersebut, suatu siasatan terperinci perlulah dijalankan oleh pihak polis terhadap penemuan suruhanjaya berkenaan.

Setelah siasatan lengkap, kertas siasatan yang berkenaan boleh dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara bagi mengenal pasti bentuk kesalahan yang telah dilakukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pengetahuan jabatan ini tiada apa-apa laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak berhubung dengan penemuan suruhanjaya berkenaan dan tiada kertas siasatan dikemukakan ke jabatan ini untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya, jika terdapat kertas siasatan yang dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, maka jabatan ini akan meneliti sama ada terdapat keterangan kukuh untuk mendakwa mereka yang terlibat sama ada di bawah Kanun Keseksaan mahupun mana-mana undang-undang lain yang bersesuaian. Jika didapati ada keterangan dan bukti kukuh untuk mengaitkan mana-mana pihak yang terlibat dengan kejadian tersebut, Jabatan Peguam Negara akan mengemukakan pertuduhan di mahkamah tanpa mengira status dan pangkat pihak tersebut. Ini adalah selaras dengan kuasa budi bicara Peguam Negara menurut Perkara 145(3), Perlembagaan Persekutuan untuk membuat apa-apa pertuduhan jenayah atau pendakwaan, dengan izin, *without fear or favour* dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana individu atau apa-apa elemen. Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu sama ada peguam negara tidak berani mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai SPRM yang terlibat dengan kematian Teoh Beng Hock atau terdapat alasan lain...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Puchong berdiri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Saya terima Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa satu Pasukan Siasatan Khas SPRM telah pun ditubuhkan. Saya hendak tahu siapa yang menjadi ahli-ahli ataupun anggota dalam pasukan siasatan khas ini? Adakah mereka ini menyiasat satu kesalahan jenayah ataupun adakah mereka hanya terhad kepada isu-isu dalaman khususnya berkaitan dengan tatatertib dan sebagainya? Yang Berhormat Menteri perlu faham, siasatan selepas siasatan. Kita telah pun adakan satu *inquest* dalam mana pihak polis telah pun menunjukkan siasatan mereka. Pihak pembelaan di situ juga telah pun membawa keterangan menunjukkan cara penindasan atau kekerasan yang digunakan semasa siasatan. Okey, itu satu.

Selain daripada itu, kita ada Suruhanjaya Diraja, di mana dengan jelas dan nyata dinyatakan sebab-sebab atas mana dinyatakan. Saya bacakan *and I think this is in paragraph 119. I am repeating it*, dikatakan, "*having considered all evidence in its entirety, we found Teoh Beng Hock was driven to commit suicide by the aggressive, relentless, oppressive and unscrupulous interrogation to which he was subjected to by certain officers of the MACC who involved in the ongoing operation by the Selangor MACC on the night of the 15th and into the morning of the 16th.*" So, jelas satu pencapaian atau pencarian fakta oleh satu Suruhanjaya Diraja yang telah pun secara terbuka menyual dan menyiasat semua yang terlibat.

Jadi, soalan saya adalah seperti berikut. Apakah kita menerima ataupun tidak pencarian-pencarian Suruhanjaya Diraja ini dan sehingga sekarang kenapa tidak ada sebarang tangkapan? Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah mana-mana tangkapan dibuat terhadap mana-mana pegawai ini? Kenapa mereka dibiarkan? Kesalahan sebegini cukup jelas di bawah seksyen 330, Kanun Keseksaan, apabila seorang itu ditahan sebagai seorang saksi dibawa dan disiasat oleh pihak polis dalam sebarang cara yang membawakan kesan memudaratkan kepada beliau, ini merupakan suatu kesalahan. So, kenapa? *I mean after so many years of inquest*, RCI, sekarang jawapan yang diberikan kita siasat lebih. Kenapa tidak ada tindakan dan tangkapan dibuat oleh pihak polis? Saya juga difahamkan bahawa mereka ini masih bekerja dan bertugas sebagai pegawai SPRM.

Selain daripada itu, seperti mana yang saya bangkitkan juga dalam ucapan saya awal tadi, *at least one of them* Tuan Yang di-Pertua. Nama dia Mohd Ashraf dan saya bacakan *paragraph 158*, di mana cukup jelas dinyatakan Tuan Yang di-Pertua, sebegini. "*From police record tendered in this inquiry by one DSP Kamaruddin Awang from the Selangor Police criminal investigation section, Tuan Yang di-Pertua. Out of the 20 cases reported against the Selangor MACC officers for assault Ashraf was involved in 14 of them and was positively identified by a majority of those who had made reports against him.*"

So, despite clear evidence of this nature, dengan izin, kenapa sampai sekarang tidak ada sebarang tindakan seolah-olah anything you do is impossible to bring this people to justice? So, itu satu persoalan yang saya hendak tanyakan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Tambah sedikit, isu yang sama juga. Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh, duduk dahulu.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh, sedikit pun tidak boleh. Selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, kita turut merasa gusar sepertimana Yang Berhormat Puchong. Percayalah, saya selaku Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada SPRM, kepada *Attorney General's Chambers* dan juga kehakiman turut juga merasa gusar dalam perkara ini. Saya juga mahukan tindakan sekiranya ada perkara yang dilakukan, yang dianggap sebagai kesalahan diambil terhadap mereka ini. Walau bagaimanapun, prosedur itu kita perlu ikut Yang Berhormat. Prosedur *has to be followed*, ya. Kebimbangannya nanti berdasarkan tidak ikut prosedur atas *technicality* nanti akan ditolak kes ini. Kita perlu ambil keprihatinan yang terperinci untuk memastikan apa juga tindakan yang kita ambil selepas ini, tidak akan menyebabkan dia boleh terlepas daripada apa tuduhan yang kita akan buat terhadap mereka.

Jadi, kita mintalah kesabaran dalam perkara ini. Saya percaya kalau sememangnya mereka telah melakukan suatu kesalahan, sudah tentu tindakan akan diambil. Ia ada dua perkara, satu dalaman tata tertib. Keduanya, kesalahan di bawah undang-undang Malaysia. Ini juga dilihat. Jadi, seperti mana yang disebutkan sebentar tadi, daripada perspektif Jabatan Peguam Negara untuk kita mendakwa kita terpaksa tunggu penyiasatan yang mesti dilakukan. IP mesti dibuka berdasarkan kepada *findings* dalam RCI ini. Ia mesti dibuka kertas siasatan ini dan penyiasatan mesti dibuat semula oleh pihak polis. Kemudian, baru diberikan kepada pihak pendakwa raya untuk mengambil keputusan dan tindakan selanjutnya.

■1540

Jadi Yang Berhormat setakat ini saya hendak bagi jawapan yang akan memuaskan hati Yang Berhormat saya tidak boleh berikan sehingga saya mendapat tindakan yang selanjutnya yang boleh dilakukan berdasarkan laporan polis, penyiasatan laporan polis yang sudah lengkap yang akan diberikan kepada pendakwa raya. Selepas itu boleh saya laporkan apakah tindakan yang akan diambil...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh bagi Yang Berhormat Serdang?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sekejap, hanya untuk penjelasan. *To clarify.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just to clarify* Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, *ladies.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, hanya satu perkara.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apa, tidak apa. Terima kasih. Kasihan pada dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini kerana Yang Berhormat Menteri kata tadi...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Fairlah. Be fair.* Saya bagi dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Just two minutes.* Pasal Yang Berhormat Menteri kata tadi ada tiada laporan...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no, hold on.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi pada Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang. *I'll be giving you.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri kata tadi tiada laporan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan bertengkar Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila Yang Berhormat Serdang. Saya akan bagi. Ya, Yang Berhormat Serdang.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tanya sedikit tentang isu RCI Teo Beng Hock ini. Saya hendak tanya selain daripada tiga orang yang telah dinamakan dalam laporan RCI ini seperti tadi yang telah disebut oleh Yang Berhormat Puchong, saya rasa sekurang-kurangnya sepuluh orang pegawai SPRM yang didapati memberi keterangan yang palsu dalam Suruhanjaya Siasatan Kematian Teo Beng Hock.

Jadi saya hendak tanya pegawai-pegawai yang didapati memberi keterangan palsu ini adakah apa-apa tindakan akan diambil terhadap mereka. Saya rasa mereka adalah kakitangan daripada SPRM. Akan tetapi sekiranya kakitangan dari SPRM jugalah bolehlah memberi keterangan yang palsu di Suruhanjaya, bagaimana kita boleh mempercayai ataupun percaya kebolehan mereka, integriti mereka untuk membuat siasatan terhadap satu tuduhan rasuah dan juga salah guna kuasa.

Jadi saya hendak mintalah dalam laporan tersebut RCI sekurang-kurangnya sepuluh orang. Saya tidak mahu mengambil masa untuk menamakan mereka semua di sini akan tetapi saya hendak tahu apa tindakan yang akan diambil terhadap mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat. Saya juga turut merasakan mereka yang mengambil, telah membuat kenyataan, mereka yang membuat kenyataan palsu saya percaya di hadapan RCI itu dilakukan semasa mereka bersumpah untuk memberikan maklumat yang betul.

Saya percaya, tindakan mesti diambil terhadap mereka yang telah membuat kenyataan palsu ini. Jadi kita tunggu supaya SPRM dapat dan juga pihak polis dapat menjalankan tugas mereka. Sebaik sahaja saya mempunyai apa-apa laporan saya akan sampaikan kepada pihak Parlimen. Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua saya ada 85 muka... *[Ketawa]*. Sekarang baru muka 24.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini soalan yang ringkas Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hanya penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kita kena ikut prosedur. Itu saya setuju. *That's no issue about that. Procedure has to be complied with.* Soalan yang berbangkit adalah ini dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa memang setakat pengetahuan Yang Berhormat Menteri tidak ada sebarang laporan polis yang dibuat oleh mana-mana pihak berhubung dengan apa-apa penemuan suruhanjaya.

Dengan itu tiada kertas siasatan dikemukakan ke jabatan. So, Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa siasatan dalam proses, dan kita kena tunggu dan Yang Berhormat Menteri juga rasa bahawa ini perkara yang penting dan kita akan kemukakan jawapan apabila siap. Walhal di sini nampaknya tiada kertas siasatan dikemukakan. Tiada kertas siasatan dikemukakan ke jabatan Yang Berhormat Menteri. So, saya hendak tanya *which is which*. Adakah satu siasatan. Mungkin terdapat *misunderstanding here*.

Question is, adakah siasatan dijalankan? Adakah siasatan dijalankan oleh pihak polis dan sekiranya ada boleh kita dapat satu jaminan bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka yang didapati melakukan satu kesalahan di dalam kes ini khususnya memandangkan apa yang kita dapat lihat melalui pencarian daripada Suruhanjaya Diraja, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan ini dilakukan oleh polislah, jadi kalau Yang Berhormat hendak tanya sama ada ada atau pun tidak kertas siasatan dibuka, saya rasa apabila sampai masa Menteri Dalam Negeri menjawab harus tanya kepada dia. Akan tetapi Yang Berhormat saya sebut sebentar tadi, daripada kita punya pandangan saya rasa mungkin tidak ada.

Ini from our point of view. We have not heard anything dengan izin. Jadi untuk mendapat kepastian kena tanya kepada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik, baik. Jadi setakat Yang Berhormat Menteri tiada siasatan. *You have to make up your mind* Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Peguam Negara kata tidak ada, tidak adalah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada siasatan atau tidak? Ini kerana jawapan Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, betul.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Katakan tiada kertas siasatan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Betullah saya jawab dari pandangan kita.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, so...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini macam mana – daripada yang apa kita tahu tidak ada. Sama ada adakah tidak ada hanya diketahui oleh pihak polis.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Semua ini jawapan Yang Berhormat Menteri ini jawapan *it just from the air*lah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, tidak...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kita, kita... apakah asas?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Not from the air*. Sebab saya kata kalau kita hendak ambil kesempatan kita kena tunggu laporan penyiasatan – kertas siasatan dibuka dahulu. Selepas dia ada *investigation* disiap hantar pada kita, barulah kita tahu. Jadi sebab itu...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Untuk masa ini Yang Berhormat Menteri memang tidak ada sebarang maklumat, tidak tahu sama ada...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *So, you don't know anything*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Then why...*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada sampai lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Akan tetapi jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada siasatan dibuat, kita memang mengambil berat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...Macam mana boleh kata sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kata...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Walhal tidak ada sebarang kertas siasatan tidak tahu!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab saya kata siasatan perlu dilakukan dahulu...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Ya, but you don't know.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Baru boleh bagi tahu saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *So, ini memang...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong! Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri duduk dahulu Yang Berhormat Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini memang...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Parlimen bukan macam mahkamah. Kalau pun jawapan Menteri tidak memuaskan itu jawapan Menteri. Kalau Yang Berhormat Puchong tidak puas hati lagi ada lagi persidangan-persidangan akan datang. Bangkitkan balik. Bermakna Yang Berhormat Puchong sudah buat tanggungjawab untuk membangkitkan dalam Dewan. Yang Berhormat Menteri sudah menjawab.

Jadi kalau Yang Berhormat Puchong juga mahu buat seperti mahkamah bermakna "*pin-down the Minister, I cannot allow that.* Oleh kerana ini perbahasan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hanya bangkitkan soalan sama ada perlu untuk...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Ya, sorry.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya punya jawapan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Yes, sure.* Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *Mike, mike, mike.* Yang Berhormat Menteri tidak ada *mike*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri adakah di sini menurut jawapan, *just to conclude is...*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *Mike, mike.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Menurut jawapan menteri kata tidak ada satu laporan polis dibuat. *So, adakah ini menjadi... do you have the answer* Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa itu?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Last paragraph* Yang Berhormat Menteri bacakan tadi. Saya bacakan apa Yang Berhormat Menteri bacakan.

Sepanjang pengetahuan jabatan ini tiada apa-apa laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak berhubung dengan penemuan Suruhanjaya berkenaan dan tiada kertas siasatan dikemukakan ke jabatan ini untuk tindakan selanjutnya. Saya juga dapat satu jawapan. Saya dapat satu salinan.

Adakah ini bermakna bahawa perlu untuk mungkin keluarga Teo Beng Hock membuat satu laporan polis lagi untuk siasatan dimulakan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya, saya...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Yang Berhormat Menteri *mike. Mike, mike.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang kita bagi fakta yang kita tahu. Setakat ini tidak ada. Akan tetapi sama ada ia ataupun tidak hanya polis sahaja yang tahu. Kita tidak tahu. Jadi kalau Yang Berhormat hendak dapat jawapan tepat, tanya pihak Kementerian Dalam Negerilah. Mereka yang menjaga polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang boleh saya jawabkan. Memandang saya ada...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Empat orang lagi yang akan menggulung...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh satu soalan akhir? Umur persaraan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Maka ini saya ucapkan terima kasih...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh tanya satu soalan sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Di atas kerjasama yang diberi. Saya akan memberikan jawapan bertulis kepada...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri saya sudah bangun dua kali tadi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Mereka yang saya tidak sempat jawab. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri saya minta...

Tuan Yang di-Pertua: Menteri seterusnya Yang Berhormat... saya terpaksa sebut nama oleh kerana tidak ada kawasan. Yang Berhormat Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom. Sila.

3.49 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2012 di peringkat dasar dan menyentuh perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam.

Saya telah pun meneliti semua isu-isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai keprihatinan, pandangan, teguran juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1550

Tuan Yang di-Pertua pertamanya saya ingin memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang berkaitan penyelarasan dan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengenai hal ehwal Islam. Yang Berhormat Pasir Mas menyeru Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) berganding bahu menangani masalah penyebaran agama lain di kalangan orang Islam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak JAKIM dan juga MAIN sememangnya sentiasa berganding bahu dalam menangani isu-isu berkaitan hal ehwal Islam melalui mekanisme sedia ada, di antaranya ialah:

- (i) Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI);
- (ii) Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan;
- (iii) Persidangan Pengerusi-pengerusi Hal Ehwal Islam Negeri-negeri di seluruh Malaysia;
- (iv) Persidangan Ketua Jabatan (PKJ);
- (v) Mesyuarat Penyelarasan Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri JAIN dan MAIN di mana ahli-ahlinya terdiri daripada Jabatan Agama Islam, Setiausaha Majlis Agama Islam Bahagian Dakwah dan JAKIM;
- (vi) Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan Islam (JAPIS);
- (vii) Persidangan Pegawai Tadbir Agama (PTA) di seluruh Malaysia, Jawatankuasa Penguatkuasaan Syariah dan Jawatankuasa Kerja Pendakwaan Syariah; dan
- (viii) Mesyuarat Penyelarasan Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama dan Ketua Pendakwah Syariah seluruh Malaysia.

JAKIM sentiasa bekerjasama dengan JAIN dan MAIN bagi mengawal dan menyekat perkembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam dengan menguatkuasakan undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam. Dalam hal ini kerajaan terus memantau kegiatan-kegiatan bahkan melalui Perkara 11(4), Perlembagaan Persekutuan beberapa negeri telah mempunyai undang-undang yang dinamakan dengan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam.

Undang-undang ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengawal dan menyekat perkembangan doktrin ataupun kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam. Negeri-negeri yang telah menguatkuasakan enakmen kawalan dan sekatan pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam ialah:

- (i) Terengganu, Enakmen Bilangan 1, Tahun 1980 berkuat kuasa pada 1 April 1986.
- (ii) Kelantan, Enakmen Bilangan 11, Tahun 1981 berkuat kuasa pada 1 Januari 1987.
- (iii) Selangor, Enakmen No. 1, Tahun 1988 berkuat kuasa pada 8 Julai 1988.
- (iv) Melaka, Enakmen No. 1, Tahun 1988 berkuat kuasa pada 1 Januari 1990.
- (v) Kedah, Enakmen Bilangan 11, Tahun 1988 berkuat kuasa pada 1 Oktober 1988.
- (vi) Pahang, Enakmen No. 5, Tahun 1989 berkuat kuasa pada 1 Mac 1990.
- (vii) Johor, Enakmen No. 12, Tahun 1991 berkuat kuasa pada 23 April 1992.
- (viii) Negeri Sembilan, Enakmen No. 9, Tahun 1991 berkuat kuasa 25 April 2007.
- (ix) Perlis, Enakmen No. 6, Tahun 2002 berkuat kuasa pada 1 Januari 2007.

Di atas kesalahan-kesalahan yang telah diperuntukkan dalam undang-undang tersebut di atas adalah sebagaimana berikut:

- (i) kesalahan memujuk, mempengaruhi atau menghasut orang beragama Islam supaya mengubah keimanan;
- (ii) kesalahan mendedahkan orang yang belum dewasa yang beragama Islam kepada pengaruh agama bukan Islam;
- (iii) kesalahan mendekati orang Islam untuk mendedahkannya kepada apa-apa ucapan atau pertunjukan sesuatu mengenai agama bukan Islam;
- (iv) kesalahan menghantar atau menyerahkan terbitan mengenai apa-apa agama bukan Islam kepada orang yang beragama Islam;
- (v) kesalahan membahagikan di tempat awam terbitan mengenai agama bukan Islam kepada orang yang beragama Islam; dan
- (vi) kesalahan berhubung dengan penggunaan perkataan dan perbincangan tertentu yang bersumberkan Islam.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang ini boleh dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah dan mahkamah yang diberikan bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan tersebut ialah Mahkamah Sivil dan bukan Mahkamah Syariah. Cumanya persoalan ialah penguatkuasaan pada masa ini, enakmen telah pun wujud dan sudah pun ada dan perbincangan, perbincangan selepasnya ialah soal penguatkuasaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan penjelasan panjang lebar tetapi apakah Yang Berhormat sedar walaupun telah ada pelbagai enakmen tetapi masalah pihak-pihak tertentu cuba memesongkan akidah umat Islam ataupun memurtadkan umat Islam masih menjadi-jadi. Yang Berhormat sebutkan tadi masalah penguatkuasaan. Namun akta yang ada ini apakah Yang Berhormat sedar tidak mencukupi di mana terdapat di kalangan mufti telah mencadangkan diadakan satu lagi akta yang dinamakan Akta Murtad yang telah mendapat sokongan daripada banyak pihak. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan supaya disegerakan penggubalan Akta Murtad dan apakah Yang Berhormat sedar perhimpunan yang diadakan pada 22 hari bulan yang lalu di Stadium Shah Alam membuktikan kegelisahan umat Islam bersabit dengan kegiatan untuk memesongkan akidah umat Islam dan memurtadkan umat Islam.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat dan selain daripada itu penyelarasan di antara JAKIM dengan Majlis Agama Negeri ini kita tengok masih waktu tindakan bersepadu sukar diadakan serta dibuat. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya membuat cadangan agar diwujudkan Kementerian Penyelarasan Hal Ehwal Islam sesuai dengan negara kita ini Islam sebagai agama rasmi persekutuan di mana kementerian ini penting untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan hal ehwal Islam bertindak secara cepat berkesan. Kementerian ini juga sekali-kali tidak akan mengganggu ataupun malah memperkasakan lagi kedudukan Raja-Raja Melayu yang menjadi Ketua Agama Islam di dalam negeri masing-masing, sekian terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, kerajaan amat menyedari tentang beberapa perkara dan juga saranan baik yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Mas sebentar tadi, mengambil kira juga bahawa termasuk saranan mewujudkan Kementerian Hal Ehwal Agama dan sebagainya. Semua pandangan ini diambil kira untuk satu natijah keputusan yang lebih luas dan lebih besar. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas mengemukakan juga tadi, adakah kita menyedari perhimpunan, tentunya bukan sekadar pihak kerajaan, Ahli Dewan seluruhnya mungkin memahami bahawa perhimpunan besar yang dilahirkan untuk menuntut soal akta ini juga diambil kira perkara tersebut.

Namun sebagaimana yang telah saya bantangkan sebentar tadi dalam penggulangan sebentar tadi bahawa semua negeri-negeri telah pun mewujudkan enakmen masing-masing, persoalan besarnya yang timbul di sini ialah penguatkuasaan. Selain daripada wujud enakmen ia tidak akan memberikan bekas dan erti apabila sekiranya ia tidak dikuatkuasakan, apatah lagi ia memberikan...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: ...Suatu kekuatan untuk tindakan yang selanjutnya. Ini kerana saya melihat kalau merujuk kepada kes pada tahun 2002 iaitu di negeri Pahang, Mahkamah Majistret Temerloh telah pun mengambil tindakan dan telah menjatuhkan hukuman kepada satu kes di bawah rujukan MA 83/146/2002 iaitu kes yang berkaitan dengan pengubahan dan untuk penarikan kepada keluar daripada Islam, di mana seorang telah keluar daripada Islam dan memeluk agama lain dan tindakan telah pun diambil, tertuduh yang telah melaksanakan tugas dan kerja menarik keluar daripada Islam ini telah pun diambil tindakan oleh pihak mahkamah.

Jadi saya melihat apa yang lebih penting dan ada pada hari ini kita ada satu kekuatan enakmen yang telah saya sebutkan untuk yang penting selepas daripada itu berikutnya ialah tindakan dan penguatkuasaan terhadap enakmen tersebut dan akta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi juga diambil kira oleh pihak kerajaan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya minta...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ini kalau timbul masalah penguatkuasaan, jadi apakah tindakan JAKIM untuk memperkasakan lagi tindakan secara lebih berkesan, tidak cukup kakitangan kah ataupun macam mana supaya penguatkuasaan itu dapat dijalankan dengan benar-benar berkesan bagi menangani isu murtad ini, sekian terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak - Yang Berhormat Menteri saya hendak sambung sedikit...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Okey silakan.

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya ingin menyentuh apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Daripada apa yang saya faham Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita memang sudah ada enakmen-enakmen yang dibuat berdasarkan pada artikel 11(4). Apa yang mengelirukan dan timbul sekarang ini ialah gambaran diberi seolah-olah jabatan agama di peringkat negeri tidak boleh mengambil tindakan terhadap yang bukan Islam.

■1600

Sedangkan kalau kita baca artikel 11(4) dan enakmen-enakmen sekatan dakyah agama lain ini jelas ianya dituju kepada yang bukan Islam dan ianya satu kesalahan sivil bukan kesalahan yang dibawa ke Mahkamah Syariah. Contohnya, macam yang berlaku di Brickfields, *Church of Our Lady Fatima*. Apabila dia memurtadkan Azlina Jailani sudah tentu enakmen seperti ini boleh diguna untuk menyiasat *Church of Our Lady Fatima* ini dalam kes memurtadkan Azlina Jailani ini kepada Lina Joy. Termasuk apa yang berlaku baru ini di Selangor tindakan oleh sebuah gereja yang melalui Titah Tuanku Sultan Selangor membuktikan ada unsur untuk mendakyahkan orang Islam.

Jadi yang ada kekeliruan ini seolah-olah Jabatan Agama Islam Selangor apabila sampai ke tempat premis yang bukan Islam tidak boleh ambil tindakan sedangkan kalau mengikut enakmen tersebut, jelas menunjukkan bahawa tindakan boleh diambil oleh Jabatan Agama Islam Selangor dan mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri yang lain untuk menguatkuasakan enakmen anti-propagasi, anti dakyah ini. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju Yang Berhormat bahawa satu kebijaksanaan telah diputuskan oleh mereka yang melahirkan enakmen yang telah saya sebutkan rata-rata pada tahun 1980 dahulu, sebab kalau diambil kira kes ini dibawa ke dalam Mahkamah Syariah ia hanya melibatkan soal orang Islam. Akan tetapi, kebijaksanaan telah pun diambil sejak daripada tahun 1980 dan mungkin faktor kerana lama sangat pada tahun tersebut sehingga orang mungkin ramai tidak menyedari kelahiran dan kewujudan enakmen yang seperti ini.

Sebagai yang saya sebutkan tadi bahawa kesalahan ini di bawah undang-undang ini boleh dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah, di mana mahkamah yang membicarakan kesalahan ini adalah Mahkamah Sivil. Dalam pengertian, semua pihak yang terlibat dengan kes yang seperti ini boleh dibawa ke dalam kes perbicaraan. Dia bukan terhad kepada Mahkamah Syariah semata-mata. Jadi sebab itu saya melihat ini satu kebijaksanaan yang telah pun diambil daripada enakmen yang telah dilahirkan oleh semua negeri-negeri dan cumanya soal untuk maklumat, pengetahuan dan juga tindakan penguatkuasaan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Pasir Mas juga sebutkan tadi kenapa JAKIM, jabatan dan sebagainya – saya juga memahami bahawa mungkin barangkali faktor-faktor yang tertentu sebab mengambil kira bahawa kes ini di bawah Mahkamah Sivil bukan Mahkamah Syariah mungkin ada di sana sedikit hambatan dalam memahami tindakan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu tadi bahawa pihak-pihak Majlis Agama Islam dan termasuk JAIS mengambil pendekatan atas sifat peruntukan perundangan yang telah pun diberikan dalam enakmen-enakmen yang telah saya bacakan sebentar tadi yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan meminta..., ada lagi?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Mengikuti jawapan Yang Berhormat Menteri, ada di kalangan pihak-pihak tertentu tidak memahami kewujudan enakmen yang ada. Jadi apakah usaha JAKIM untuk memberi penerangan menghebahkan daripada semasa ke semasa supaya rakyat tahu termasuk orang yang bukan Islam mengenai dengan kewujudan enakmen. Sekian, terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini usaha awal sebab hari ini saya memaklumkan pada Dewan yang mulia tentang kelahiran kewujudan enakmen yang telah disebut dan mudah-mudahan usaha dan tugas ini disambung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, agensi-agensi terutamanya JAKIM, Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam akan memberikan pendedahan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan peruntukan yang telah pun saya ada. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, enakmen sudah ada, peruntukan undang-undang sudah ada. Pihak-pihak yang hendak memurtadkan orang Islam nampaknya lebih melampau. Mungkin mereka berani sebab dia melihat orang Islam ada perpecahan. Kita tidak boleh biarkan gelombang ini berterusan. Kita mahu kedamaian ini yang telah pun dizahirkan daripada berpuluh-puluh tahun, hormat-menghormati antara satu agama dengan agama yang lain itu diteruskan. Maka saya menyeru pihak kerajaan tolong kuatkuasakan dengan sebenarnya. Tidak ada pihak yang boleh menyalahkan mana-mana pihak kalau tindakan diambil kepada mereka.

Saya berharap umat Islam dalam negara ini yang dalam perlembagaan, Islam itu agama rasmi. Diberikan perlindungan yang sebesar-besarnya. Tidak ada kompromi, ini soal akidah. Dalam Islam akidah inilah yang utama. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya berharap pihak kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri apa sahajalah usaha mari kita perkasakan enakmen ini, undang-undang ini dan tindakan-tindakan tegas harus diajar kepada pihak-pihak yang cuba memurtadkan orang Islam. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung sikit tidak?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Boleh, boleh.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Terima kasih. Bukan sahaja kita memperkasakan enakmen dan undang-undang tetapi yang paling penting sekali ialah sejauh mana undang-undang ini dapat kita memanfaatkan dengan mengambil tindakan terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan. Oleh yang demikian, adakah pihak Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memperkasakan pegawai-pegawai JAKIM bukan sahaja dari segi bilangannya tetapi dari segi kepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang diperlukan oleh negara sekarang dan agama kita. Meliputi juga kepakaran dalam bidang penguatkuasaan kesalahan murtad ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kedua-dua pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Yang Berhormat Sri Gading dan juga Yang Berhormat Jempol sebentar tadi. Saya mengambil tanggungjawab dan amanah selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam, mengambil tanggungjawab yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan ini. Tentunya juga dalam memenuhi tanggungjawab mekanisme yang besar ini saya memerlukan untuk penjelasan daripada semua peringkat memahami sebab saya katakan tadi telah lahir enakmen ini sejak tahun 1980.

Akan tetapi, mungkin kerana tempoh lama dan sebagainya dan kebetulan pada tahun 1980 itu dia tidak berada di bawah Mahkamah Syariah, dia berada di bawah Mahkamah Sivil. Jadi ada kelompangan ataupun kekosongan pemahaman dalam konteks ini yang perlukan kita memberikan penjelasan, dan juga maklumat kepada semua mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan enakmen yang telah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kalabakan pula minta Kerajaan Persekutuan menyelaras peraturan agama Islam khususnya di Sabah memandangkan Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut, 'Perlembagaan-perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang dan Sabah Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam di negeri itu. Berdasarkan peruntukan-peruntukan tersebut, Ketua Agama bagi Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak adalah Yang di-Pertuan Agong. Bagi negeri Sabah, Baginda dinasihati pula oleh satu majlis yang ditubuhkan di perkara '5b(ii)' Undang-undang Tubuh Negeri Sabah dalam semua perkara yang berhubungan dengan hal ehwal agama Islam.

Fungsi dan peranan majlis telah dinyatakan secara terperinci di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Sabah 1992. Berdasarkan seksyen 32 enakmen tersebut, fungsi Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) adalah membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam dalam negeri Sabah kecuali perkara hukum syarak yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan dan dalam semua perkara sedemikian, Majlis hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam negeri Sabah seperti yang lepas Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertua Negeri kecuali jika diperuntukkan selainnya daripada enakmen ini.

Oleh yang demikian, di samping berperanan sebagai penasihat yang bertanggungjawab terus kepada Yang di-Pertuan Agong, MUIS juga adalah satu-satunya badan yang menentukan segala dasar dan pentadbiran semua perkara yang berhubungan dengan hal-ehwal agama Islam negeri Sabah. JAKIM sebagai sebuah agensi persekutuan tidak mempunyai bidang kuasa untuk mencampuri peranan MUIS sebagaimana yang telah disebutkan. Walau bagaimanapun, perkara tersebut bukanlah merupakan satu halangan kepada kerjasama yang telah sedia ada terjalin erat antara persekutuan dan negeri Sabah.

Dalam hal ini, kerajaan melalui JAKIM selaku badan penyelaras telah menjalankan usaha-usaha penyelaras undang-undang sejak sekian lama. Antara lain dengan menyediakan undang-undang model peringkat Wilayah Persekutuan bagi tujuan keseragaman undang-undang Islam antara negeri-negeri. Sekiranya undang-undang model semacam ini dipersetujui oleh MUIS, maka ia bolehlah dikuatkuasakan di negeri Sabah.

■1610

Namun jika tidak dipersetujui, JAKIM tidak mempunyai kuasa untuk mewajibkan penerimaan undang-undang tersebut. Berhubung dengan contoh yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kalabakan mengenai pertukaran sijil nikah di Sabah yang melebihi enam bulan. Dimaklumkan bahawa berdasarkan amalan prosedur pendaftaran pernikahan yang diamalkan di semua negeri di seluruh Malaysia yang telah diselaraskan oleh JAKIM, Pendaftar Kanan Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk hendaklah mengeluarkan surat perakuan nikah dalam tempoh sehari hingga 30 hari pada tarikh perkahwinan. Selain daripada itu, bagi membantu pasangan berkahwin, mereka diberikan perakuan sementara selepas perkahwinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan surat ataupun kad akuan sementara ini boleh diguna pakai oleh pengantin sebelum ataupun yang sudah menjadi pasangan suami dan isteri bagi keperluan-keperluan dokumentasi yang memerlukan kepada sijil nikah sementara tersebut diperakui oleh jabatan-jabatan ataupun oleh badan-badan tertentu. Cuma mengambil masa sehari ke 30 hari untuk mendapat sijil yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu berkaitan zakat. Yang Berhormat Sri Gading menyarankan supaya kerajaan memastikan asnaf terutamanya fakir miskin benar-benar menerima agihan zakat. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum mengikut Jadual Kesembilan, Butiran 1, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan Hal Ehwal Agama Islam termasuklah kutipan dan agihan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam (MAIN) masing-masing.

Dalam membuat agihan, MAIN bukan sahaja menyalurkan bantuan kepada asnaf yang telah membuat permohonan melalui borang-borang yang disediakan, sebaliknya MAIN juga mengarahkan pegawai-pegawainya turun padang sebagaimana saranan Ahli Yang Berhormat bagi membuat bancian mencari dan mengenal pasti asnaf yang layak untuk diberikan bantuan. Kadar bantuan adalah tertakluk kepada asnaf dan kemampuan MAIN. Saya percaya dan yakin MAIN telah dan sentiasa mengambil tindakan terbaik dari semasa ke semasa mengikut kemampuan masing-masing untuk meningkatkan prestasi pengurusan zakat bagi memastikan semua asnaf yang layak menerima bantuan dana zakat.

Mengenai saranan agensi zakat bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pada hemat saya MAIN sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan mana-mana kementerian yang berkaitan atau mana-mana juga agensi dalam meningkatkan prestasi agihan zakat kepada asnaf yang layak. Berhubung dengan cadangan diwujudkan kementerian zakat sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, seperti yang dinyatakan awal tadi bahawa urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dalam pengurusan zakat adalah amat terhad iaitu adalah sekadar urus setia dan pemudah cara. Oleh sebab itu, perkara ini perlu diambil kira sekiranya cadangan penubuhan kementerian zakat hendak dipertimbangkan.

Tambahan sedikit Tuan Yang di-Pertua, memang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Sri Gading ada dahulu, sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Cadangan saya ini kerana rasa terpuakul muka kita, rasa terhina orang Islam ini sedangkan setahu saya wang zakat, tanah-tanah wakaf, nilainya besar supaya wang-wang ini boleh disampaikan kepada asnaf yang lapan ini terutama fakir miskin supaya fakir miskin kita tidak terpancing oleh orang yang sengaja memancing untuk memurtadkan mereka menganut agama mereka seperti yang berlaku di Selangor. Dengar cerita asal usulnya memang begitu. Kemiskinan menghampiri kekufuran.

Jadi itu sebab kalau boleh wang yang berbilion atau berjuta-juta ini disatukan dan kita mempunyai rekod yang terperinci tentang fakir miskin ini supaya wang ini boleh disalurkan kepada mereka, tidaklah mereka perlu meminta sedekah dengan orang lain. Ini maksud saya.

Ini kerana saya pun menyeru kalau ada bijak pandai orang Islam mencontohi Yang Mulia Ungku Aziz mencipta Tabung Haji, bagaimana secara perundangannya, bagaimana secara yang lebih baik, itu sebab saya kata kalau boleh diwujudkan Kementerian wakaf termasuk zakat yang akan mengelolakan harta benda orang Islam di negara ini untuk yang utamanya kepentingan orang Islam. Ini maksud saya.

Jadi Yang Berhormat Menteri respons itu saya berterima kasih. Marilah. Saya menyeru bijak pandai yang ada kepakaran tentang ekonomi untuk bersama-sama meniru langkah Yang Mulia Ungku Aziz. Apakah tidak mungkin kita mewujudkan satu Kementerian yang boleh mengendalikan perkara yang sebesar atau semurni ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: *[Bangun]*

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini lanjutan dari yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Dari segi enakmen, kita faham suasana sejak dari dahulu. Kementerian ini adalah Kementerian zakat terutama sekali ataupun Kementerian wakaf dan sebagainya, mungkin boleh memainkan peranan untuk satu mekanisme yang lebih sistematik daripada suasana yang ada hari ini tanpa membelakangkan dari segi peruntukan-peruntukan enakmen yang ada pada negeri-negeri. Itu yang kita harapkan mudah-mudahan formula ini dapat dicari.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, keadaan pungutan zakat dan perolehan daripada satu negeri ke satu negeri di Malaysia, contoh Wilayah Persekutuan ataupun Selangor misalnya, ia tidak sama dengan negeri-negeri lain hendak dibandingkan dengan Kedah, hendak dibandingkan dengan Perlis ataupun negeri lain. Jadi kalau tanpa melalui mekanisme ini, maka orang yang berhak mendapat zakat atau fakir miskin tadi, mungkin di satu negeri yang pungutannya kecil, perolehannya sedikit tetapi yang memerlukan banyak. Di wilayah, pungutan banyak tetapi dia punya fakir miskin yang memerlukan mungkin lebih sedikit daripada sesetengah negeri lain. Jadi keadaan ini tidak seimbang.

Kita faham Yang Berhormat Menteri tadi tentang kedudukan enakmen tadi, tetapi apa yang kita hendak ialah sampai bila kita tidak boleh cari satu formula yang boleh menyatukan ada pihak bertanggungjawab untuk kita selaras. JAKIM sendiri pun kita faham. Wujudnya JAKIM bukan kalau hendak kira dari segi enakmen negeri itu, memanglah tidak selesa. Akan tetapi oleh sebab JAKIM wujud dengan suatu kesedaran untuk menyelaraskan pengurusan jabatan agama atau pihak-pihak majlis agama serapat mungkin di seluruh mungkin, maka kita dapat buat. Ini pun saya rasa masih, walaupun Yang Berhormat Sri Gading tetapi saya rasa kita harus melihat keadaan ini agak lebih serius supaya perolehan zakat itu dapat dimanfaatkan oleh betul-betul asnaf di seluruh negara. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading dan juga kepada Yang Berhormat Baling. Kementerian yang dicadangkan untuk zakat dan sebagainya, saya melihat mungkin barangkali Yang Berhormat Sri Gading melihat di Arab Saudi kita ada yang dinamakan dengan Menteri Zakat dan Wakaf kerana mereka lebih menumpukan soal agihan zakat. Kita ada Menteri Kewangan dan sebagainya dan ini di antara uniknya kita dalam negara Malaysia. Soal zakat adalah di bawah peruntukan negeri masing-masing.

Akan tetapi apa pun Yang Berhormat Baling termasuk untuk kita sedia maklum bahawa negeri-negeri mengagihkan mengikut walaupun pendapatan, mungkin pandangan mengatakan tadi wilayah sedikit orang yang miskin, tetapi di bandar had kifayahnya berbeza dengan mereka yang berada di kawasan luar bandar. Di Wilayah Persekutuan sebagai contoh saya katakan, untuk asnaf fakir dan miskin sahaja, kita mempunyai senarai yang tersusun, kita bayar secara bulanan melalui bank masing-masing ada sebanyak 14,000 orang penerima asnaf fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan. Daripada 14,000 orang itu, kita membelanjakan setahun ialah sebanyak RM40 juta untuk kita membantu 14,000 orang yang termasuk dalam had kifayah di bawah fakir dan miskin di Wilayah Persekutuan.

■1620

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, isu pokok yang kita bincang tadi ialah turun ke bawah mencari asnaf. Sebenarnya kebanyakan negeri mempunyai pihak pencari asnaf-asnaf di bawah. Akan tetapi ada banyak kekangan-kekangan yang lain yang perlu diambil kira termasuk perjawatan dan sebagainya. Rakyat semakin berkembang, perjawatan masih kekal pada yang sama sebab itu kita sedang mengusahakan untuk penambahan perjawatan.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan sahaja, di Baitulmal menerima sehari 200 ke 250 orang yang memohon untuk menghantar dan mengisi borang untuk mendapat bantuan daripada Baitulmal. Seramai 200 ke 250 orang dan belum mengambil kira yang telefon hendak tanya tentang perkembangan kelulusan dia. Ini setiap hari dan dalam masa yang sama juga Tuan Yang di-Pertua, 14 ribu orang ini yang terima secara bulanan dan ia akan berakhir hujung tahun sebab hujung tahun kita akan mengadakan kajian semula dan mereka harus memohon semula kerana kita tidak tahu, mungkin dia dah keluar daripada paras kemiskinan, mungkin dia ada tugas kerja dan sebagainya dapat, hari itu dia menganggur, mungkin hari dia dapat pula...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ini faktor-faktor yang menyebabkan kita memerlukan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat Baling. Tunggu sebentar Yang Berhormat Kota Raja. Bagi saya habis. Untuk maklumat Yang Berhormat Baling, kita juga di negeri-negeri yang tertentu seperti mana Wilayah Persekutuan, kita ada mekanisme untuk menyampaikan sebab mungkin Selangor ada kutipan yang agak banyak disampaikan kepada negeri-negeri, begitu juga dengan Wilayah Persekutuan. Kita membantu untuk menyampaikan kepada negeri-negeri sebab secara umum bagi negeri, ia sekitar RM60 juta hingga RM70 juta yang difokuskan banyak kepada untuk pendidikan khususnya sekolah-sekolah agama negeri yang ditanggung oleh pihak negeri masing-masing. Jadi, peruntukan untuk sekolah-sekolah agama negeri ini mengambil ruang yang agak banyak daripada jumlah kutipan dan mungkin fakir miskin asnaf agak sedikit berkurangan.

Akan tetapi apa pun pihak negeri dan pihak JAKIM sentiasa berusaha. Pengalaman Yang Berhormat Baling duduk di JAKIM lama juga dahulu sehingga menjadi Yang Berhormat Baling, jadi tentunya dapat memahami keadaan kekangan dan sebagainya tetapi Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama agensi JAKIM tidak melihat bahawa ini merupakan satu kelemahan tetapi inilah saya selalu sebut sebagai satu keunikan agama Islam yang kita ada di Malaysia dengan pelaksanaan termasuk dalam konteks zakat. Sila.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin menyebut tadi, Yang Berhormat menyebut mengenai permohonan. Saya tahu bahawa kita perlunya menilai semula pemohon-pemohon dan penerima-penerima zakat ini tetapi saya ingin merayu bagi pihak ibu-ibu tunggal terutamanya kalau di Selangorlah saya bagi contoh, setiap enam bulan. Bagi kumpulan ibu tunggal ini, maka kita lihat untuk mereka pergi kembali ke zakat dengan tidak ada pengangkutan, dengan tidak ada kewangan yang mencukupi. Proses permohonan ini ataupun proses penilaian semula ini perlu disemak semula di semua negeri. Kita tahu dia ibu tunggal, dia ada anak yang masih bersekolah, belum lepas kemudian dia sendiri tidak bekerja. Enam bulan lagi dia perlu memohon semula. Ini adalah satu kepayahan bagi mereka. Jadi, pihak zakat perlu ada mekanisme untuk penilaian semula kerana inilah yang sebenarnya menyusahkan mereka.

Kedua, ramai daripada kalangan yang meminta zakat, minta maaf saya sebut kepada pegawai-pegawai jabatan-jabatan agama negeri. Saya minta maaf sebab setiap kali complaint mereka dan aduan mereka ialah kami ini seperti mengemis. Pergi tidak dilayan sepatutnya dan apabila dilayan, layanan yang menyebabkan maruah mereka, malunya mereka, seolah-olah mereka terpaksa mengemis. Menyebabkan kadang-kadang mereka pun rasa kecewa dengan Jabatan-jabatan Zakat ini. Inilah di antara sebabnya apabila ada pihak lain yang tidak bertanya soal dengan banyak tetapi terus memberi bantuan. Maka, ketika itu kita orang Islam marah kepada pihak lain yang sedia menghulurkan bantuan. Saya harap pihak Menteri dapat buat sesuatu untuk memperbaiki perkara ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya ingat cukup memadai kalau saya jawab 14 ribu di Wilayah Persekutuan yang kita santuni pada setiap tahun itu, itulah gambaran betapa kita berhemah dan menyantuni kalangan asnaf fakir miskin. Mungkin ada kes-kes yang terpencil sebab saya juga kena maklumkan kepada Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, ada pegawai Baitulmal saya yang diminta, belum sempat tanya lagi nama dan sebagainya sudah kena tumbuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi, yang itu pun kena ambil kira juga Yang Berhormat Kota Raja, jangan tidak kesian sama pegawai-pegawai saya yang bertugas.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, tidak. Saya biasa menyampaikan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kena kesian juga pegawai-pegawai yang bertugas di Selangor dan sebagainya sampai kena tumbuk.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya tahu ada pihak...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Jadi, terima kasih banyak Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: ...Ada pihak yang merasakan itu hak dia dan ia tidak boleh diberhentikan terus. Faham.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ya. Kita untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, daripada senarai yang panjang itu juga ada juga yang senarai pendek. Tadi saya kata senarai panjang. Senarai pendek yang dia sepatutnya sudah dapat daripada pelbagai agensi. Saya faham dan saya pernah melihat satu kes di mana dia minta di Selangor, dia minta di Wilayah Persekutuan dan dia minta di Negeri Sembilan. Sebab itu pegawai yang bertanggungjawab ini terpaksa beramanah. Jadi, sebab itu ada timbul persoalan yang sebagai mana saya sebutkan tadi.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya, saya ada menyentuh tentang Akta Zakat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ini belum lagi, nanti ada jawapan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Lagi satu, saya minta kalau boleh isu zakat ini diselaraskan dari segi ada dalam bentuk penyelarasan di peringkat Pusat supaya benda itu tidak jadi bercelaru sebab ia lain pengurusan di sini dan pengurusan di sana. Saya harap nanti minta Menteri jelaskan sedikit Akta Zakat ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Buntar minta penjelasan. Saya sudah jawab awal tadi. Mungkin Yang Berhormat Parit Buntar baru masuk.

Berkenaan Akta Zakat dan sebagainya yang sudah wujud di negeri dan ini hak enakmen negeri masing-masing. Jadi, sebab itu JAKIM tidak dibolehkan untuk mewujudkan lagi akta yang lain dan baru tetapi sudah ada di peringkat negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak JAKIM sentiasa melihat kepada peningkatan dan penambah baikkan dan kita cadangkan kepada negeri-negeri untuk penambah baikkan. Soalan Yang Berhormat tadi yang telah dibahaskan pada yang lalu, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Jawatankuasa untuk makluman Yang Berhormat Parit Buntar mencadangkan supaya diwujudkan Akta Zakat bagi menyelesaikan pelbagai isu zakat. Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil JAKIM telah memuktamadkan draf Rang Undang-undang Zakat dan Fitrah dan JAKIM telah mengemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 3 Jun 2011. Draft undang-undang ini sedang dalam semakan dan penelitian Jabatan Peguam Negara.

Mengenai saranan supaya fatwa zakat diselaraskan, dimaklumkan bahawa usaha penyelarasan dan penyeragaman fatwa mengenai zakat sentiasa dilaksanakan selaras dengan suasana dan pandangan semasa.

Sehingga kini, terdapat 26 pandangan hukum dalam pelbagai isu berkaitan zakat telah diperbincangkan dan diputuskan bagi menjadi panduan kepada masyarakat dan pihak berkuasa agama negeri.

Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali yang ke-57 telah bersidang pada 10 Jun 2003 telah memutuskan bahawa harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.60 kg. Yang kedua, harga zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh BERNAS masing-masing bagi beras *Vietnam White Rice* dari negeri Sabah dan *Thai White Rice* dari negeri Sarawak mengikut timbangan satu gantang Baghdad iaitu bersamaan 2.70 kg. Oleh yang demikian, penyelarasan fatwa di peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan usaha yang berterusan. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada persetujuan dan juga penerimaan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan sekolah agama rakyat telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Bagan Serai. Ahli-ahli Yang Berhormat mencadangkan peruntukan dan bantuan *one-off* diberikan kepada sekolah agama (SAR) dalam Bajet 2012 ini. Suka saya maklumkan, kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pendidikan di sekolah agama rakyat (SAR) dan memberikan sejumlah peruntukan diberikan setiap tahun dengan jumlah tertentu berdasarkan kelulusan bajet tahunan.

Bahkan, untuk 2012, RM100 juta telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan bagi sekolah agama dan suka cita dinyatakan di sini bahawa perhatian berat kerajaan terhadap SAR juga diterjemahkan melalui program pendaftaran sekolah agama SAN dan sekolah agama SAR. SAN ialah sekolah agama negeri dan SAR ialah sekolah agama rakyat, sebagai sekolah agama bantuan SABK yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

■1630

Ini bertujuan antara lain ialah bagi meningkatkan mutu pendidikan SAR dan juga SAN dan membolehkan kerajaan menyalurkan bantuan dengan lancar dan berkesan. Justeru, kerajaan menyeru kepada SAR untuk berdaftar dengan SABK.

Cumanya Tuan Yang di-Pertua, sedikit tambahan penjelasan. Hari ini bila kita sebut SABK, SABK ini ialah sekolah agama bantuan kerajaan. Istilah yang sering diguna pakai ialah istilah serah ataupun bagi pada kerajaan. Jadi ini menyebabkan sekolah-sekolah agama yang ada di negeri-negeri yang hari ini ada lebih kurang 303 buah, hanya 141 buah yang baru berdaftar dengan pihak kerajaan. Ini berdaftar untuk bantuan, sedangkan pengurusan, lembaga pengelola dan sebagainya masih kekal kepada sekolah tersebut tetapi silap untuk memahami maksud SABK itu dianggap diserahkan keseluruhan sekolah sekali. Jadi banyak yang tidak faham keadaan ini dan kita terus memberikan taklimat dan maklumat untuk penjelasan kepada mereka.

Saya bagi Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, ada sekolah agama rakyat yang tidak terlibat dengan SABK ini, jumlahnya ialah 161 buah dengan 20,764 orang murid dan ada sekolah rendah agama berjumlah 1,132 buah dengan 208,000 pelajar.

Jadi soalan saya yang pertama, adakah dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan peruntukan seperti mana yang diterima oleh sekolah-sekolah mubaligh yang terima RM100 juta, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan juga Cina? Saya tidak pertikai apa yang diberikan. Apakah jaminan pihak kementerian untuk juga memperuntukkan satu peruntukan? Saya tidak sebut *one-off* dalam ucapan saya Yang Berhormat Menteri. Jadi saya minta supaya ada peruntukan kepada sekolah-sekolah ini. Itu yang pertama.

Keduanya ialah bantuan *one-off* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, RM100 untuk mereka yang masuk ke sekolah, ia tidak termasuk murid-murid atau pelajar dari sekolah agama rakyat.

Adakah pihak kementerian boleh memberi jaminan dalam peruntukan kepada pelajar-pelajar ini di mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, juga disalurkan kepada pelajar-pelajar sekolah agama rakyat ini baik SABK ataupun sekolah agama rakyat yang saya sebut jumlahnya 161 buah dan jumlah pelajarannya ialah lebih kurang 20,000 tadi? Boleh Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Yang Berhormat Menteri, sekali gus. Sambung sedikit sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Sila, sila.

Dato' Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, sekolah agama rakyat ini yang saya rasa disalah faham itu, itu kepada pihak-pihak yang buat salah fahamlah. Cuma, sebahagian besar yang masih ada yang tidak berada di bawah SABK, yang ada di bawah SAR ini, bukan mereka langsung *totally* menolak untuk tidak berdaftar di bawah kementerian walaupun yang ini di bawah Kementerian Pelajaran, tetapi yang sebenarnya mereka melihat kepada *syllabus* yang ada di sekolah agama rakyat itu ia tidak mampu untuk berada di bawah sistem *syllabus* Kementerian Pelajaran. Ini kerana sekolah agama rakyat SABK ini, sebagaimana Yang Berhormat sendiri saya rasa faham juga, dia orang mengaji kitab. Ada sebuah kitab empat tahun baru habis. Ada kitab yang lima atau enam tahun pun belum habis. Kalau hendak mengaji Alfiyah dengan Ibnu Aqil, empat atau lima tahun tidak cukup lagi. Jadi dengan sebab itu mereka bukan tidak mahu daftar tetapi jika daftar, sistem ini tidak boleh bergerak. Apabila tidak boleh bergerak, matlamat pendidikan itu tidak sampai.

Jadi kalau boleh saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, dengan suasana yang sesetengah daripada masyarakat kita itu agak nipis kefahaman Islam, ilmu Islam, apa salah kita mencari satu ruang supaya sekolah agama rakyat ini juga diperkasakan mengikut selaras dengan *syllabus* yang sedia ada oleh pihak sekolah itu yang telah ditetapkan oleh lembaga sekolah? Sekurang-kurangnya sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi, suasana di dalam masyarakat lebih-lebih lagi di kampung-kampung ataupun OL iaitu *opinion leader*, dalam bidang agama di kampung ini masih terpelihara. Kalau dalam SABK ini, ketahanan kemampuan itu tidak seberapalah. Hendak mengaji *munyatul musolli* pun setahun tidak habis tetapi SABK tidak mampu untuk mengatasi itu dan sebagainya kalau kita boleh sebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Baling dan juga Yang Berhormat Padang Terap. Sebenarnya kalau untuk lebih dalam dan lebih *detail* untuk penjelasan bagi peruntukan di bawah SAN dan juga SAR ini, penjelasannya ialah di bawah Kementerian Pelajaran dan bukan di bawah JAKIM. Akan tetapi oleh kerana hal ini telah diperbincangkan panjang sedikit, saya tambah dahulu.

Pertamanya untuk Yang Berhormat Padang Terap tadi, kita masih lagi pegang bahawa bukan sekolah-sekolah lain sahaja, ini orang hendak menunjukkan betapa rakyat didahulukan, semua sekali sekolah termasuk sekolah-sekolah mubaligh yang kita sebut tadi. Bahkan, sekolah agama ada peruntukan RM100 juta. Di samping yang sama pula, oleh kerana Yang Berhormat Padang Terap sudah bertanya, terpaksa saya jawab jugalah bahawa peruntukan per kapita bagi mereka yang tidak masuk di bawah SABK itu masih berada kekal di sana. Cuma penjelasan lanjut nanti akan diperjelaskan oleh kementerian yang berkenaan. Jadi maknanya per kapita kalau kita tengok, satu pelajar yang diberikan sekolah rendah, sekolah menengah dan juga menengah atas iaitu Tingkatan Enam Rendah dan Enam Atas telah pun diputuskan.

Begitu juga kokurikulum. Ini untuk menjawab Yang Berhormat Baling, hari itu ada sekolah yang kokurikulum Azhari tidak diambil kira tetapi pihak kementerian dalam jawapan yang baru saya dapat ini, Kementerian Pelajaran juga bersetuju kokurikulum Azhari telah dipersetujui untuk dimasukkan dalam arus perdana yang diperakui oleh kementerian.

Jadi sebab itu pada saya mungkin bukan hanya faktor kerana kitab itu perlu dibaca lama sangat Yang Berhormat Baling, tetapi ia ambil kira juga ada sekolah-sekolah yang saya temui secara sendiri bersama dengan sekolah-sekolah tersebut dalam perbincangan kita, mereka masih lagi berpegang kepada amanah daripada turun temurun keluarga dan sebagainya atau mereka yang telah menubuhkan sekolah supaya dilaksanakan secara persendirian.

Jadi itu yang menyebabkan mereka menolak untuk SABK, bukan kerana faktor kurikulum itu sangat. Akan tetapi saya tidak tolak bahawa ada faktor sedikit sebanyak soal kurikulum itu tadi dan memerlukan penjelasan, dan pihak kementerian sudah bersetuju untuk kurikulum Azhari ini diguna pakai...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya tambah sedikit Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Yang Berhormat Pasir Mas dahulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya juga bangkit dalam perbincangan dasar. Sebenarnya Yang Berhormat, selain daripada alasan yang Yang Berhormat sebutkan tadi dan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Baling, ada juga kalangan sekolah ini yang tidak mahu mendaftar ini kerana pengaruh politik. Ini kerana ada pihak-pihak tertentu hendak menjadikan sekolah ini sebagai sarang, sebagai markas parti, maka mereka tidak mahu daftar. Kalau mereka daftar, mereka boleh dapat bantuan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Parti apa?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sudah gaharu tanya pula, sudah tahu bertanya pula. Macam tidak reti bahasa Melayu pula... [Ketawa]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya cadangkan supaya sekolah-sekolah ini walaupun demikian, kerajaan mempertimbangkan juga *one-off* atas dasar kepentingan agama walaupun mereka bermain parti tetapi demi kebaikan anak-anak yang belajar di sekolah tersebut. RM100 juta yang saya katakan memang tidak cukup untuk yang sudah mendaftar sebab sekolahnya berselerak dan bantuannya amat diperlukan dengan jumlahnya tidak cukup. Itu yang saya bangkitkan supaya pihak kerajaan tambah lagi peruntukan kepada sekolah agama rakyat ini. Sekian, terima kasih.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf suara serak.

Saya ingin penjelasan apakah kerjasama yang dibuat dengan pihak JAKIM dan Kementerian Pelajaran, terutama berkaitan dengan peruntukan kewangan. Akan tetapi analisa terhadap keberkesanan perkembangan sekarang cukup membimbangkan di mana satu kajian dibuat, lebih daripada 80 peratus rakyat negara kita meninggalkan solat. Lebih dari enam juta belia ataupun pemuda negara kita hari ini berdepan dengan krisis identiti yang sudah hilang nilai jati diri terutamanya berkaitan dengan nilai akhlak/cara hidup.

Jadi saya ingin penjelasan di sini apakah analisa dan kajian dibuat serta penyelarasan oleh pihak JAKIM dengan pihak Kementerian Pelajaran terutama berkaitan dengan pendidikan Islam supaya untuk memastikan sistem pendidikan negara kita dapat melahirkan satu generasi berakhlak dan berperikemanusiaan Tuan Yang di-Pertua. Jadi sejauh mana perkara ini dibuat oleh pihak JAKIM? Terima kasih.

■1640

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Terima kasih kepada yang pertama, Yang Berhormat Pasir Mas tadi yang meminta supaya kita serius untuk kita lebih memberikan peruntukan. Sebagaimana yang saya sebutkan juga, jangan lupa bahawa selain daripada peruntukan yang telah diumumkan termasuk juga yang saya sebutkan per kapita, ambil kira juga tentang Majlis-majlis Agama Islam Negeri yang memperuntukkan sebahagian besar daripada kutipan zakat ialah untuk tujuan pembangunan agama dalam pengertian melalui pendidikan ataupun sekolah-sekolah.

Itu satu hal yang perlu kita ambil kira bersama termasuk Yang Berhormat Rantau Panjang tadi sebutkan, kalau hendak sebutkan keakraban atau kerjasama kita sejauh mana. Sejauh mana yang dapat saya jawab petang ini, saya membentangkan di bawah jabatan ataupun di bawah tanggungjawab saya tetapi saya dapat surat jawapan daripada Kementerian Pelajaran tentang jawapan untuk sekolah dan sebagainya.

Jadi, maknanya akrab, mereka berada di belakang bersama dengan saya walaupun Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran tidak bersama tetapi saya mendapat sokongan daripada rakan-rakan di Kementerian Pelajaran. Kita sentiasa berhubung sebab itu kita faham bahawa selain daripada sekolah rendah ada guru-guru agama, kita ada juga di sekolah rendah itu dengan program j-QAF, itu juga mengambil kira program bagaimana kita mencari kebijaksanaan bagi menyelesaikan masalah pendidikan yang tadi Yang Berhormat Rantau Panjang sebutkan bahawa kita menghadapi masalah dan cabaran yang begitu hebat.

Jadi, dalam hal yang seperti ini kerjasama berterusan dan saya fikir kerjasama ini tidak boleh hanya terikat dalam konteks kementerian dengan kementerian semata-mata tetapi semua lagi komponen bahkan pihak pembangkang sendiri mesti harus juga bersama dalam mendukung wadah dan cita-cita agama ini untuk semua orang. Saya hendak pindah kepada Yang Berhormat Bukit Katil yang menyarankan supaya kerajaan memartabatkan guru-guru memartabatkan guru-guru KAFA yang diserap kepada perkhidmatan tetap yang...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, yang RM100 itu bantuan *one-off* yang diberikan kepada semua pelajar-pelajar yang hendak masuk dalam sesi baru pengajian. Adakah termasuk sekali dengan...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Ini yang saya beritahu tadi, nanti Kementerian Pelajaran akan menggulung semua itu dan kalau boleh saya minta dari Kementerian Pelajaran, tolong beri jawapan sedikit kalau ada.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Saya cadangkan masukkan sekali.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kalau tidak ada, kita bagi kemudian sebab ini kena tanya sebab saluran kewangan itu disalurkan melalui Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat Bukit Katil menyarankan supaya kerajaan memartabatkan imej guru-guru KAFA diserapkan kepada perkhidmatan tetap. Kerajaan sentiasa berusaha menjaga kebajikan dan memartabatkan guru-guru KAFA di seluruh negara. Mulai Januari 2011 sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan elaun KAFA telah dinaikkan RM500 kepada RM800 sebulan pada tahun yang lalu manakala usaha menerapkan guru KAFA kepada jawatan tetap, kerajaan masih lagi membuat kajian teliti bagi mengelak masalah seperti keciciran dari perkhidmatan disebabkan kurang kelayakan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Sabak Bernam meminta penjelasan kerajaan mengenai tindakan tegas yang telah diambil ke atas pengikut fahaman Syiah di seluruh negara. Kerajaan mengambil pendekatan berhemah melalui semangat dan roh Perlembagaan Persekutuan, yang mana Agama Islam sebagai agama bagi persekutuan dan agama-agama lain bebas mengamalkan ajaran mereka. Namun begitu, bagi memastikan ajaran lain selain *al-Sunnah Wal Jemaah* yang diamalkan di Malaysia tidak menjejaskan keselamatan negara. Pihak kerajaan membuat pencegahan awal melalui pembendungan, penyebaran selain daripada *al-Sunnah Wal Jemaah* dari terus menular dan terus mempengaruhi umat Islam di negara ini.

Di masa yang sama, kerajaan negeri yang bertanggungjawab secara langsung dalam hal ehwal agama Islam telah mengadakan usaha-usaha untuk memelihara kesucian fahaman dan pegangan *al-Sunnah Wal Jemaah* agar tidak tergugat. Selain itu pemantauan secara turun padang juga dilakukan oleh pihak JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengikuti aktiviti dan perkembangan terkini berkaitan fahaman ini. Pada masa yang sama usaha-usaha berterusan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam mencegah penularan fahaman ini, antaranya ialah seperti berikut...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Nanti saya habiskan, sekejap sahaja lagi.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Saya sambung..., antaranya berikut:

- (i) menyebarkan fatwa yang telah dibuat tentang larangan penyebaran Syiah kepada masyarakat;
- (ii) sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat larangan dari media cetak dan elektronik;
- (iii) program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik dari tersebarnya fahaman Syiah menerusi media-media berterusan;
- (iv) meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi agama dan kementerian-kementerian berkaitan bagi menangani dan menyekat fahaman selain daripada *al-Sunnah Wal Jamaah* daripada tersebar kepada masyarakat; dan
- (v) mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa di negeri-negeri yang telah mewartakan kesalahan penyebaran ajaran Syiah.

Sila.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya tentang baru-baru ini ada satu serbuan dibuat ke atas sebuah pusat yang dikatakan menyebarkan fahaman Syiah. Saya hendak tahu bagaimanakah statusnya sekarang ini dan adakah ini bermakna bahawa Syiah itu diharamkan di Malaysia ini?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkembangan, ada beberapa kes yang melibatkan soal serbuan terhadap ajaran Syiah di Malaysia, kes-kes ini sedang dalam proses siasatan termasuk juga tindakan yang berikut oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang terlibat.

Jadi, saya tidak ada maklumat tentang bila pendakwaan dan sebagainya ataupun perkembangan daripada kes tersebut kerana ia disiasat oleh pihak negeri masing-masing mengikut enakmen dan peruntukan yang ada daripada majlis dan juga negeri masing-masing. Yang Berhormat Jerai menyarankan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah ada satu jam Yang Berhormat, berapa lama lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Semuanya sekali ada 20 muka surat, sekarang saya masuk muka surat yang ke-14 tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan untuk saya jawab bertulis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Oleh sebab banyak soalan yang dibangkitkan. Saya tidak beri apa-apa panduan Yang Berhormat atas Yang Berhormat tetapi kita sudah panjang...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, kalau hendak beri jawapan bertulis pun boleh jugalah.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum: Kalau dapat, izinkan saya untuk jawab satu lagi jawapan tentang halal ini dan saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua untuk saya berikan jawapan bertulis.

Yang Berhormat Jerai menyarankan supaya JAKIM memberikan pendidikan dan penjelasan pada masyarakat mengenai tentang kehalalan dan kesucian makanan dan minuman. Sememangnya JAKIM mengambil inisiatif untuk memberikan pendidikan dan penjelasan mengenai kesucian dan kehalalan minuman. Antara program tersebut adalah ceramah, melalui slot-slot radio, televisyen dan juga melalui Kempen 1Malaysia 1Halal yang dianjurkan bersama Jabatan Agama Islam Negeri dan juga Majlis Agama Islam Negeri-negeri JAIN dan MAIN.

JAKIM juga melaksanakan program-program berikut seperti mana Pameran Dakwah Bil Hal di pasar malam dan Halal Awareness Programme. Begitu juga dengan program *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS), Pameran Barangan Halal di masjid, *Halal Fest* dan Seminar Halal.

Di samping itu juga, program-program yang memberikan maklumat dan kesedaran berkaitan dengan isu halal di mana JAKIM turut serta bersama-sama dengan kementerian dan agensi lain sepertimana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan program *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS). Selain itu, selain daripada laman web www.halal.gov.my telah dipertingkatkan dan dikemas kini dan kita telah pun bekerjasama dengan pihak TM Berhad iaitu melahirkan *Yellow Pages* yang bukan hanya sekadar di dalam *Yellow Pages* itu ada panduan nombor telefon. Akan tetapi melalui Telekom Malaysia Sdn. Bhd. telah mengeluarkan *Yellow Pages* untuk berkenaan portal halal untuk halal di Malaysia dan sumber-sumber dan tempat-tempat yang boleh kita dapatkan terutamanya tentang hotel dan restoran halal.

Selain daripada itu juga portal halal di laman web www.halalpages.com.my bagi memudahkan masyarakat mendapat maklumat berhubung produk halal terkini. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga JAKIM bekerjasama dengan KPDNKK untuk meminda satu yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini iaitu Akta Perihal Dagangan 1972, yang dipinda menjadi Akta Perihal Dagangan 2011 bagi memperkukuhkan. *Insyaa-Allah* pada Januari tahun hadapan akta ini dapat dikuatkuasakan setelah melalui proses seluruhnya.

Berhubung dengan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berjumpa JAKIM dan berbanding mengenai isu-isu halal. JAKIM mengalu-alukan apa-apa idea dan juga pandangan daripada semua pihak. Ada lagi?... [Disampuk] Last.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingat satu lagi soalan daripada saya mengenai kehalalan ASN dengan ASB, di mana pandangan JAKIM berbanding dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang telah mengeluarkan fatwa bahawa ASN dan ASB ini tidak halal.

■1650

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ada terkandung dalam jawapan bertulis saya nanti sebab sepatutnya kalau saya habiskan 20 muka surat dan ada di dalam itu jawapan. Ada jawapan bertulis yang akan kita berikan melalui majlis fatwa negeri yang berpandangan tidak halal dan majlis fatwa kebangsaan yang dihadiri oleh semua negeri yang memutuskan untuk kehalalan berkaitan dengan ASN itu tadi. So ada jawapan di dalamnya.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ada atau tidak jawapan juga tentang usaha daripada JAKIM sendiri untuk memberi nasihat kepada kerajaan membersihkan sistem kewangan kita yang terbabit dengan riba. Bagaimana pandangan Menteri berkenaan itu?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya sebenarnya tidak hendak lanjut. Akan tetapi oleh sebab sudah ditanya tentang ini Tuan Yang di-Pertua, baik saya sebutkan bahawa dalam Majlis Fatwa Kebangsaan pada tarikh 11 Ogos 2011 yang lalu, baru sangat..., telah pun menjemput Ketua Pegawai Eksekutif PNB untuk memberikan taklimat dan telah dimaklumkan bahawa tidak ada unsur-unsur yang berkaitan dengan aktiviti arak, judi dan juga pelacuran di dalam aktiviti yang berkaitan dengan ASN dan juga ASB tersebut dan penjelasan yang panjang. Oleh sebab tadi Yang Berhormat Kota Raja minta satu sahaja, saya bagi jawapan dalam itu sebagai *detail*.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Dijawab di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri kerana ASN dan ASB ini ramai orang-orang kita, orang-orang Melayu Islam. Jadi kalau tidak dijawab, saya seorang sahaja dapat jawapannya.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tidak, bukan. Boleh ambil di dalam *Hansard* nanti. Semua orang tanya, bukan untuk Yang Berhormat Kota Raja seorang. Semua orang boleh dapat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Akan tetapi saya sebut...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Saya pegang kepada janji satu soalan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Perlu diisytiharkan di sini sebab tadi Yang Berhormat Menteri hanya menyebut arak dan judi. Bagaimana dengan sistem kewangan pelaburan PNB...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tidak, oleh sebab itu saya kata ada jawapan di dalam kertas ini. Saya harap Yang Berhormat Kota Raja dapat bersabar. Dia duduk di dalam kota nanti dapat banyak.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua. Soalan, satu soalan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Itulah jawapan-jawapan saya. Saya minta maaf kerana saya sudah janji dengan Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak pastikan sama ada soalan saya ada termasuk dalam jawapan bertulis.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Ada di dalam jawapan-jawapan ini. Sila duduk, sila duduk.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mengenai *hudud*. Saya rasa kena jawab...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, ada dalam jawapan saya. Saya minta maaf..

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ia pendirian kementerian tentang...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila duduk. Ini *floor* saya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Penjelasan dan penerangan tentang hudud dan peranan yang telah dimainkan oleh kementerian untuk memberikan kefahaman kepada semua umat Islam dalam negara agar mereka faham apa itu hudud dan apabila kita hendak implementasi, ini memudahkan. Tidak ada tolakan yang berat daripada orang bukan Islam. Jadi apakah peranan kementerian sebagai Menteri yang menjaga hal ehwal agama untuk memberi penjelasan dan penerangan terhadap orang bukan Islam terutamanya di seluruh negara mengenai hudud.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi secara jujur saya ada jawapan-jawapan yang akan diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan termasuklah kerajaan mengambil tanggungjawab untuk menjelaskan tentang perkembangan hudud daripada masa ke semasa kepada rakyat. Jadi, ada jawapan di dalam ini dan saya juga minta Yang Berhormat Ampang juga turut bersabar bagi menunggu jawapan-jawapan...

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya ada tanya satu soalan penting Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan jawapan JAKIM. Berkaitan dengan fahaman pluralisme yang diamalkan oleh Ketua Pembangkang. Jelas dalam jawapan itu JAKIM menyatakan bahawa pendirian JAKIM ucapan tersebut ada unsur-unsur pluralisme dan disebut juga bahawa fahaman ini adalah sesat. Jadi saya tanya apakah tindakan yang hendak diambil? Tidak usah bercakaplah pasal hudud kalau fahaman sendiri sudah tidak betul. Jadi, adakah jawapan itu ada di dalam jawapan bertulis? Itu sahaja saya hendak tahu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya amat-amati daripada jawapan-jawapan yang telah disusun atur itu, yang tentang pluralisme itu ada tetapi mungkin saya tidak pasti tentang tindakan dan sebagainya. Akan tetapi mungkin jawapan yang telah diberikan. Saya rasa sudah cukup sudah jawapan yang begitu banyak dibahaskan pada petang ini untuk kita bagi laluan kepada jawapan secara bertulis pada petang ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat Menteri. Sedikit, sedikit. Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau Yang Berhormat Menteri dengan berpandukan banyak perkara yang belum dapat diselesaikan secara tuntas, atas pertanggungjawaban kapasiti Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab atas urusan agama ini.

Dewan ini memohon supaya atas perkara-perkara yang belum dapat di selesai dan dirungkaikan secara tuntas, Yang Berhormat Menteri dan kementerian di bawah kementerian Yang Berhormat sendiri perlu mengadakan dalam waktu yang terdekat perkara-perkara yang menjadi pertikaian dalam Dewan yang mulia ini mendengar perbahasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu atas Enakmen Syariah Terengganu pada hari Khamis yang lalu dan urusan-urusan perkara yang disebutkan atas perkara pluralisme.

Saya sendiri punya kesediaan untuk berbahas atas perkara ini. Janganlah Yang Berhormat Menteri hanya meletakkan semua ini dengan jawapan bertulis semata-mata. Atas pertanggungjawaban ini saya minta Yang Berhormat Menteri mengadakan satu seminar nasional berbahas atas perkara ini. Atas pertanggungjawaban hujah dan ilmu. Perkara ini adalah *bi-partisan*. Perkara ini bukan partisan. Perkara ini adalah kepentingan agama dan seluruhnya dan kita mesti bertanggungjawab bersama. Yang Berhormat Menteri saya minta perkara ini diperhatikan dan disusuli dengan satu seminar nasional. Bersediakah Yang Berhormat Menteri melakukan itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi memang berhasrat untuk memberikan masa. Akan tetapi memikirkan kepada tempoh perbahasan dan sebagainya pun juga bahawa penting. Saya suka hendak menjelaskan, kalau Yang Berhormat dapat memahami pada 26 dan 27 hari bulan September yang lalu, kita mengadakan satu kongres yang namanya Kongres Majlis Agama Islam Seluruh Malaysia. Di mana pada kongres ini untuk pertama kali dalam sejarah kita adakan dan dalam kongres tersebut, saya tidak tahu Yang Berhormat dijemput atau tidak. Akan tetapi sebab kita hebahkan melalui surat khabar dan televisyen, jadi mungkin ada juga yang perlu kena hantar surat. Akan tetapi kalau hebahan itu tidak dapat ke pengetahuan, sebab mungkin Yang Berhormat agak sibuk berceramah dan sebagainya.

Dalam perbincangan itu kita membicarakan iaitu ada empat kertas kerja. Satu ialah kertas kerja ucapan utama daripada Duli Yang Mulia Raja Muda Perak dan tiga kertas kerja yang lain iaitu kertas kerja berkaitan transformasi pendidikan Islam di Malaysia melalui pembinaan sekolah-sekolah SAN dan juga sekolah-sekolah SAR iaitu sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri. Ini menjurus kepada bagaimana kita hendak gubal satu pendekatan dan juga satu *blueprint*, dengan izin, untuk kita hendak membina sekolah-sekolah agama seperti ini. Kertas kerja kedua yang dibentangkan ialah berkaitan dengan kertas kerja berkenaan transformasi ekonomi umat Islam. Saya katakan pada hari tersebut ialah supaya jangan apabila kita bicarakan soal ekonomi pada tahun 2020 yang akan datang, orang berbicara soal negara maju, umat Islam masih lagi terkial, terkapai sedang berada mencari pelabuhan, mencari tebing dan teluk. Kepenatan kerana kita tidak mencapai perkara tersebut.

Oleh sebab itu transformasi ekonomi menjurus kepada pembangunan zakat yang dikutip oleh negeri-negeri. Kita bincangkan secara dalam dan beberapa pembentang kertas kerja telah pun dibangunkan untuk tujuan membantu bagaimana pendekatan yang dapat kita komprehensif secara bersama. Kertas kerja yang ketiga iaitu transformasi undang-undang dalam pendekatan penjurusan yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Kita sedia maklum bahawa Mahkamah Syariah pada hari ini yang ditubuhkan pada tahun 1998 memiliki tiga tingkat, *three tiers*. Maknanya berbanding dengan sivil yang sudah ada lima tingkatan. Maka, pada lima tingkat ini kita hanya sekadar ada tiga tingkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah berbanding dengan Mahkamah Sivil sudah memiliki lima tingkatan tersebut.

So dalam keadaan seperti ini, kita harus melihat ke arah kebijaksanaan dalam untuk memperkemaskan undang-undang syariah dan sebagainya sebab ini merupakan undang-undang bagi semua umat Islam yang kita termasuk berada di dalam Dewan ini dan juga di luar sana. Jadi oleh sebab itu kebijaksanaan yang setinggi dan sebaik mungkin harus kita bina dalam untuk menguruskan ataupun membina negara kita berdasarkan kepada undang-undang syariah dan sebagainya. Begitu juga saya bersetuju bahawa untuk kita mengadakan seminar-seminar lain yang berterusan mungkin dilaksanakan oleh IKIM dan sebagainya termasuk juga JAKIM dan juga agensi-agensia agama yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan secara bertulis kepada yang belum sempat saya jawab pada petang ini dan saya mengucapkan terima kasih banyak kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbincangan penggugungan untuk Kementerian ataupun JPM. Terima kasih, *assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*.

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga ingin mengingatkan kita bersama termasuk saya sendiri. Kalau kita biarkan Menteri menjawab atas soalan yang telah dibangkitkan dalam perbincangan dan penjelasan hanya berhubung dengan Menteri kalau kurang jelas umpamanya, negeri-negeri yang bersetuju dan ada negeri-negeri yang tidak bersetuju. Kita boleh bertanya negeri mana yang bersetuju dan negeri mana yang tidak bersetuju.

Itu penjelasan maknanya. Akan tetapi bila bangkit perkara lain maknanya sudah menghujahkan perkara lain bukan soalan yang bangkit dalam perbincangan lagi. Jadi dengan itu, saya mohon minta kepada Tan Sri Senator menjawab.

5.00 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menjawab hanya dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat secara ringkas dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan isu-isu ini.

Yang pertamanya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat sekali lagi mengenai pengambilan dan penyertaan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam. Saya ingin mengatakan di sini bahawa Kerajaan Persekutuan memang agak komited terhadap pengambilan lebih ramai lagi penjawat awam terdiri daripada kalangan keturunan Cina, India, peribumi Sabah dan Sarawak, asli dan sebagainya.

Beberapa langkah yang berkesan telah diambil iaitu termasuk penganjuran Hari Khas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bersama pelanggan dan pameran kerjaya di beberapa tempat, taklimat kepada sekolah-sekolah yang tertentu termasuk juga sekolah menengah jenis kebangsaan yang kebanyakannya dihadiri oleh pelajar-pelajar keturunan Cina. Ruang *frequently asked questions*, soalan-soalan yang sering ditanya dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil di dalam portal SPA sendiri supaya memberi penjelasan kepada ibu bapa bakal pemohon yang terdiri daripada komuniti Cina dan India supaya mereka mempunyai satu persepsi yang positif terhadap kerjaya anak mereka dalam perkhidmatan awam.

Di samping itu, telah juga diadakan dialog dengan pertubuhan-pertubuhan NGO untuk Dewan Perhimpunan Cina dan sebagainya. Maka hasil daripada usaha gigih ini sememangnya bilangan penjawat awam yang terdiri daripada keturunan Cina dan India telah meningkat dari hanya di lingkungan 101,000 orang hingga 103,000 orang masing-masing untuk keturunan India dan Cina pada tahun 2007 sudah melebihi daripada 2,300 orang sampai ke 2,700 orang pada tiga tahun kebelakangan ini bagi setiap tahun.

Manakala jumlah pengambilan keseluruhannya telah menurun daripada 52,000 orang pada tahun 2008 ke 50,000 orang pada tahun 2009 dan 44,000 orang pada tahun 2010. Maka ini telah menunjukkan bahawa minat di kalangan bukan Melayu telah meningkat kerana jumlah pemohon juga telah meningkat. Misalnya untuk keturunan India daripada 18,000 orang ke 58,000 orang dalam tempoh tahun 2007 hingga tahun 2010 dan untuk kalangan orang Cina ialah dari 12,800 orang pada tahun 2007 ke hampir 38,000 orang pada tahun 2010. Oleh itu, tuduhan bahawa kerajaan tidak berminat untuk menarik lebih ramai penjawat awam yang terdiri daripada kalangan bukan Melayu adalah tidak berasas sama sekali. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa bilangan telah meningkat tetapi dari segi peratusannya masih agak kecil dan usaha yang gigih sememangnya akan diteruskan.

Perkara yang kedua dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar yang menyentuh secara ringkas mengenai isu hubungan di antara penganut agama.

Saya ingin maklumkan bahawa Jawatankuasa mempromosikan persefahaman dan keharmonian di antara penganut agama atau dengan ringkas JKMPKA yang terdiri daripada wakil-wakil iaitu *Allied Coordinating Committee for Islamic NGO's (ACCIN)* dan juga atau *Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBCHST)* telah bersidang beberapa kali sejak awal tahun 2010 walaupun malangnya pengerusi asal Allahyarham Datuk Ilani telah meninggal pada awal tahun ini tetapi diganti oleh Datuk Azman Amin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Urus setia bersama dikendalikan oleh JPNIN, JAKIM dan IKIM. Berpandu kepada Perlembagaan Persekutuan dan semangat keterangkuman atau *inclusiveness* mengikut Gagasan 1Malaysia ianya telah berfungsi sebagai mekanisme untuk berdialog, berunding dan menyelesaikan isu-isu antara penganut agama dan empat..

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Boleh..

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: ...Nanti dan empat Jawatankuasa Kerja diwujudkan di bawah JKMPKA ini untuk memupuk persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, menggalakkan aktiviti-aktiviti bersama, mengadakan mediasi antara penganut-penganut agama dan menganjurkan acara bersama kerajaan dan pemimpin masyarakat. Setiap jawatankuasa kerja ini, dipimpin oleh dua orang pengerusi bersama yang terdiri daripada pemimpin Islam dan pemimpin bukan Islam.

Mengenai mediasi, kursus asas untuk mendedahkan kaedah mediasi telah diadakan untuk para pemimpin agama pada bulan November pada tahun yang lalu yang dikendalikan oleh pakar mediasi sosial iaitu Datuk Dr. Wan Halim Othman. Selanjutnya JPNIN bersama dengan IKIM sedang berunding dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia supaya mewujudkan satu modul mediasi keagamaan untuk menuju ke arah sijil mediasi keagamaan yang dikendalikan oleh *Harun Hashim Law Centre* di UIA di bawah pimpinan Professor Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin.

Maka ini memang menunjukkan hasrat pihak Kerajaan utk terus mengurus dan mengendalikan isu-isu antara penganut agama. Selain daripada itu, pertubuhan-pertubuhan dan pemimpin-pemimpin agama juga telah mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum sesi perbincangan mahupun kegiatan-kegiatan bersama secara tidak formal atau secara formal. Maka antara pertubuhan mereka selain daripada ACCIN dan MCCBCHST adalah termasuk *Interfaith Spiritual Fellowship* atau INSAF, *Malaysian Interfaith Network*, *Universal Peace Foundation* dan *Cheng Ho Multicultural Education Trust* dan sebagainya. Silakan.

■1710

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Hanya minta penjelasan ya, iaitu penjelasan saya ialah pertama, daripada *set-up* yang disebut oleh Menteri tadi, *set-up* memastikan hubungan antara agama ini. Saya ingin bertanya berapa kalikah mesyuarat telah diadakan dan apakah respons daripada nama-nama yang disebut tadi? Adakah mereka menyertainya? Yang kedua, minta penjelasan juga daripada apa yang dibentangkan ialah tentang apa peranan Jawatankuasa Antara Agama ini dalam kes-kes yang telah menggugat perpaduan negara ini seperti kes-kes sensitif yang berlaku di Damansara, yang berlaku sebelum itu kes kalimah Allah contohnya.

Saya minta penjelasanlah di mana peranan yang telah dimainkan oleh pihak jawatankuasa ini dan yang ketiganya ialah penjelasan juga, adakah jawatankuasa ini berniat untuk memastikan penglibatan jawatankuasa ini juga terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen daripada Pakatan Rakyat yang mungkin ada pandangan-pandangan untuk memastikan hubungan antara agama di negara kita ini berada dalam tahap yang harmonis.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa jawatankuasa ini sebenarnya terdiri daripada pemimpin-pemimpin agama yang merupakan pemimpin masyarakat, tetapi bukan ahli politik yang aktif sebab kita mahu supaya para pemimpin agama dapat bertemu dan berunding di antara mereka sendiri tanpa apa-apa juga penglibatan politik sebab apabila ahli politik terlibat dalam proses perundingan, daripada mana-mana pihak, ini secara jujur dan secara berkecuali, ada kecenderungan untuk mempolitikkan isu yang berkenaan.

Oleh itu, saya ingin memaklumkan bahawa walaupun secara rasminya jawatankuasa tersebut dikehendaki untuk bermesyuarat empat kali setahun, tetapi di antara mereka secara tidak formal memang sering berhubung dan bertukar fikiran dan apa yang amat penting ialah untuk mereka menjana dan juga mewujudkan satu keyakinan di antara mereka sendiri supaya apa juga isu yang akan dibangkitkan secara terbuka dibincangkan terlebih dahulu.

Misalnya jawatankuasa ini secara rasmi telah bermesyuarat pada minggu yang lepas dan sebelum ini sempena lawatan seorang *director* dari *Pontifical Institute for Arabic and Islamic Studies* dari Vatican, lanjutan daripada diwujudkan perhubungan diplomat secara rasmi antara Malaysia dan, lawatan pengarah ini telah menghasilkan perbincangan yang positif termasuk juga syarahan di UIA dan juga pertemuan dengan Tun Abdullah dan bersama dengan pemimpin-pemimpin IKIM. Di samping itu diadakan juga satu majlis makan malam bersama di rumah *Archbishop Kuala Lumpur* di mana dihadiri agak ramai juga pemimpin akademik agama Islam dan bukan Islam yang bersama mesra bertukar fikiran.

Saya ingat inilah pendekatan yang agak sesuai daripada pendekatan untuk memberi hujah dan berbahas di dalam media massa tanpa pertemuan muka ke muka dan hati ke hati. Maka saya percayalah bahawa dengan bantuan secara positif daripada pihak ahli politik dan pemimpin politik dan pemimpin masyarakat, maka beberapa isu yang menggugat masyarakat kita kemungkinan akan dapat satu persefahaman, walaupun bukan penyelesaian secara sempurna kerana dalam isu yang melibatkan akidah dan melibatkan kepercayaan masing-masing, kadangkala tak ada penyelesaian sempurna yang dapat dicapai khasnya dalam masa yang tersingkat ini.

Oleh itu saya ingin merayulah kepada semua pihak supaya mengambil satu pendekatan yang positif kerana negara kita telah terbukti bahawa walaupun terdapat kepelbagaian dan perbezaan daripada segi agama dan kebudayaan, kita masih dapat hidup damai dan dapat mengendalikan beberapa isu yang telah timbul secara aman dengan hati dan minda yang terbuka. Itulah mesej akhir saya untuk semua dan saya percayalah bahawa dengan semangat 1Malaysia, dengan menegaskan kesederhanaan atau *wasatiah* mengikut Perdana Menteri mengikut agama Islam, maka kita akan dapat menguruskan kepelbagaian dan perbezaan pandangan yang terdapat di kalangan masyarakat kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Senator. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Tan Sri daripada Tasek Gelugor.

5.17 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop]:

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Pada kesempatan ini saya ingin menjelaskan ke atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas saya. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan isu tentang kekayaan negara dan juga pengagihan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua untuk memberi sedikit maklumat tentang pencapaian negara kita daripada segi mewujudkan kekayaan dan juga pengagihan kekayaan. Saya ingin memberi data perbandingan di antara tahun 1970 dan tahun 2009. Sebab apa saya pilih tahun 1970 dan bukan tahun 1957 apabila kita menjadi sebuah negara berdaulat. Saya pilih tahun 1970 kerana kita tahu daripada sejarah kita bahawa apabila kita menjadi sebuah negara merdeka, sebuah negara berdaulat pada tahun 1957, kita masih mengamalkan sistem ekonomi penjajah ialah *laissez faire*.

Daripada tahun 1957 sehingga tahun 1970, sistem ekonomi kita adalah *laissez faire*. Apa itu *laissez faire*? *Laissez faire* adalah satu sistem ekonomi di mana tumpuan kerajaan adalah hanya untuk menjana ekonomi untuk mencapai kadar pertumbuhan yang setinggi mungkin dan tidak memberi tumpuan langsung kepada pengagihan, sebab falsafah *laissez faire* itu adalah kalau kerajaan memberi tumpuan kepada kadar pertumbuhan ekonomi, pengagihan akan berlaku secara sendiri, secara automatik.

■1720

Tidak perlu bagi tumpuan kepada pengagihan. Kalau keadaan ekonomi tinggi pengagihan akan wujud secara sendiri dan perkataan yang selalu digunakan adalah dengan izin, *freckle down effect, all boats will be lifted*, perkataan-perkataan yang selalu disebut. Akan tetapi kita belajar sejarah dalam usia yang begitu muda hanya 13 tahun selepas merdeka usia negara masih muda *teenager* 13 tahun, kita sudah menjadi dewasa, kita sudah belajar dari sejarah bahawa sistem *laissez faire* itu tidak betul dan di negara kita tidak boleh pakai. Kita buat keputusan bahawa kerajaan yang bijaksana dan kerajaan yang bertanggungjawab harus memberi tumpuan, memang patut memberi tumpuan kepada penjana ekonomi tetapi juga harus memberi tumpuan kepada pengagihan ekonomi. Ini disebut oleh Dasar Ekonomi Baru satu prinsip satu falsafah yang masih kekal pada masa ini.

Pada tahun 70-an kita adalah sebuah negara miskin. Sebanyak 50 peratus daripada kita hidup di bawah kemiskinan iaitu satu daripada dua keluarga hidup di bawah garis kemiskinan dan bagi orang Melayu dan orang bumiputera lebih teruk, lebih getir 66 peratus. Dua dari tiga keluarga bumiputera pada tahun 70-an di bawah garis kemiskinan. Pendapatan kasar bulanan isi rumah pada tahun 70an adalah RM264 sebulan keluarga purata. Pada masa sekarang kita ada data akhir untuk 2009, kita anggap sebagai data terakhir. Pendapatan kasar bulanan isi rumah adalah RM4,025 tetapi soalan timbul, bolehkah kita membandingkan RM4,025 pada hari ini dengan RM264? Sememangnya tidak boleh sebab harga barangan lain dan *purchasing power*, kuasa pembeli lain.

Jadi kita kena bandingkan epal dengan epal kita kena tukar RM264 pada tahun 70-an untuk satu angka dalam kuasa beli pada hari ini. Jadi RM264 pada tahun 70-an dalam konteks ringgit hari ini adalah RM971. Jadi kita bandingkan RM971 pada tahun 70-an dengan RM4,025. Jadi RM4,025 pada hari ini adalah 4.1 kali ganda berbanding dengan pendapatan kasar bulanan pada tahun 70-an. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan Barisan Nasional sejak tahun 70-an telah meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia secara purata 4.1 kali ganda. Ini bukti, ini adalah *facts*, ini adalah fakta. Kadar kemiskinan pada satu masa dahulu pada tahun 70-an, 50 peratus pada masa sekarang kurang dari 4 peratus hanya 3.8 peratus...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya habiskan dahulu, selepas itu saya akan bagi peluang. Saya tidak ada masalah saya akan bagi peluang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak kacau sahaja.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya tidak faham statistik itu sahaja.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ini menunjukkan bawah kerajaan dengan jelas telah menjanakan ekonomi dengan begitu rupa sehingga keadaan kualiti hidup kita secara purata adalah 4.1 kali ganda berbanding dengan tahun 70-an, itu fakta. Soalan, sama ada penjana ekonomi ini, sama ada peningkatan kualiti hidup ini dibahagikan di agihkan secara adil. Jadi kita lihat kepada beberapa fakta. Satu saya sebut tadi kadar kemiskinan dari 50 peratus pada tahun 70-an telah dikurangkan kepada 30.8 peratus. Kalau kekayaan negara, pendapatan negara, sumber hasil negara tidak diagihkan dengan adil, bolehkah kita mencapai, kita hampir menghapuskan kemiskinan, memang tidak boleh. Kalau kita tidak mengagihkan dengan adil, kita tidak memberi peluang kepada orang yang berpendapatan rendah, kita tidak membina sekolah untuk mereka yang miskin, kita tidak bina MRSM, kita tidak bagi *scholarship*, kita tidak memperuntukkan 25 peratus dari bajet kita setiap tahun sejak merdeka kepada pendidikan bolehkah kita hampir menghapuskan kemiskinan? Terima kasih.

Kedua, pada tahun 70-an...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri boleh bagi penjelasan?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya habiskan *chapter* ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan sahaja tentang pendapatan keluarga?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya habis dahulu perkara ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan sahaja.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Pada tahun 70-an, mereka yang mempunyai pendapatan yang tertinggi 20 peratus, 20 peratus yang tertinggi menguasai pendapatan kasar 55.7 peratus iaitu mereka yang berkumpul tertinggi 20 peratus tetapi mereka menguasai 55.7 peratus. Pada hari ini angka ini telah turun kod 49 peratus. Manakala 44 peratus yang terendah pada suatu masa dahulu menguasai 11.5 peratus pada hari ini menguasai 14.3 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan dua perkara. Pertama, kita telah secara bijaksana menjana ekonomi dengan begitu baik secara 7 peratus setiap tahun sejak tahun 70-an sehingga sekarang. Kita telah mengagihkan kekayaan dan kemakmuran negara dengan begitu baik dan adil supaya mereka yang berpendapatan rendah mendapat bahagian yang lebih, ini bukti, ini angka.

Mungkin ada pendapat bahawa kita harus melakukan yang lebih lagi dalam tujuan ini dan kita akan lakukan. Akan tetapi apabila kita lihat kepada negara-negara lain termasuk negara yang dianggap sebagai negara kaya. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam dua dekad yang lalu, apa yang berlaku. Apa yang berlaku adalah 1 peratus, golongan 1 peratus yang dapat pendapatan yang tertinggi. *Top 1 peratus* dapat kekayaan yang terbanyak dari penajaan ekonomi di negara-negara lain. Saya tidak mahu sebut apa negara lain itu, tetapi kita semua tahu. Hanya 1 peratus, tetapi kita lihat di negara kita, *'out bird mobility'* anak nelayan jadi *engineer*, anak petani jadi *head surgeon*. Ini tidak berlaku di banyak negara Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kita bangga, kita gembira kerana kita telah mewujudkan satu *middle class* yang begitu luas dan ini jarang berlaku di negara lain. Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memahami lebih sedikit mengenai statistik-statistik ini supaya orang ramai kalau saya tidak faham saya rasa ramai pun tidak faham. Mungkin penjelasan boleh diberikan. Tadi dikatakan purata pendapatan keluarga yang dikatakan sekarang ini RM4,025.

■1730

Akan tetapi bajet yang dibentangkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dikatakan per kapita *income* setiap orang sekarang di Malaysia adalah lebih kurang 26,000 setahun. Ini bermaksud setiap orang lebih kurang RM2,100 sebulan. Mungkin saya tidak tahu ekonomi tapi kalau secara purata, sekeluarga lima orang, suami isteri dan tiga anak, ini bermaksud per kapita *income* satu keluarga adalah lebih kurang RM11,000. Jadi, bagaimanakah kita hendak menjelaskan tentang pendapatan keluarga RM4,000 ini dan bukan RM11,000. Sebab itu saya hendak dapat penjelasan supaya angka-angka ini dan terma-terma per kapita *income* ini dan *monthly income of the houses* ada lebih bermakna ataupun *it make sense to me*. Boleh dapat penjelasan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sekali, sekali boleh?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Pendapatan kasar bulanan isi rumah adalah hanya untuk warga Malaysia dan per kapita *income* merujuk kepada semua dan ini dikira dari cara lain.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *If you can repeat*. Maksudnya, per kapita *income* adalah secara purata setiap rakyat Malaysia sama ada kanak-kanak, orang tua, orang yang bekerja atau tidak, secara purata pendapatan mereka RM26,000 setahun, bukan? Jadi, ini bermaksud setiap orang Malaysia pendapatannya tidak kira berapa umur, RM2,100. Jadi, kalau secara purata, satu keluarga lima orang, bagi saya pendapatan secara purata mestilah RM11,000.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Per kapita *income* dihitung dari aspek lain. Per kapita *income* kita ambil GDP pada keseluruhannya, dibahagikan jumlah penduduk termasuk orang asing yang lain. Akan tetapi *survey* yang kita buat ini kita buat *survey* keluarga. Kita pergi tiap-tiap keluarga, kita buat *survey* tiap-tiap dua tahun dan kita dapat angka pendapatan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini bermaksud per kapita *income* yang diberikan itu *doesn't reflect accurately*, dengan izin.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Dikira dari dua aspek yang lain.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Does not reflect accurately* pendapatan sebenar keluarga. Sebab itu saya hendak dapat penjelasan supaya saya faham.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Perkara ini teknikal. Ini dikira dari dua aspek yang lain. Saya akan beri secara bertulis, sebab teknikal. Secara bertulis tentang perbezaan perkiraan. Saya akan beri.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya akan beri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan yang lebih *detail* sedikit berkenaan dengan perkara yang diumumkan oleh salah seorang Menteri yang menjaga berkenaan dengan kedudukan rakyat termiskin di dalam negara kita. Pernah diumumkan, pertama, statistik Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi bahawa tumpuan untuk mengambil kira jumlah yang kedudukan terkini berkenaan dengan golongan miskin sebagai satu spesifik.

Akan tetapi ada satu data yang diumumkan secara rasmi dalam Dewan mengatakan bahawa kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan terutama kemiskinan tegar daripada 44,000 keluarga kepada 100 keluarga dalam tempoh masa setahun. Ini memang di rekod dan sehingga kini tidak ada penjelasan berkenaan dengan ini. Seheinggakan beberapa bulan selepas itu media seolah-olah macam menyangkal dakwaan itu yang rasmi disebut dalam Dewan mengatakan ada jumlah yang tertinggal sebanyak 5,000 pula selang beberapa minggu sahaja. Ini perkara yang saya belum dengar ada penjelasan kenapa perkara ini berlaku dan apa motifnya kita membuka di dalam Dewan secara rasmi mengatakan berjaya mengurangkan 44,000 kepada hanya 100. Ini yang pertama.

Lanjutan daripada itu, saya hendak bertanya sebab Yang Berhormat Menteri menyebutkan tadi bahawa kita telah berjaya membawa satu dimensi baru daripada aspek kemiskinan tadi apabila kita bandingkan dengan tahun 70-an dengan sekarang. Dari segi relatifnya saya bersetuju tetapi apa pandangan atau ulasan Yang Berhormat Menteri apabila kerajaan juga meletakkan antara aspek yang paling penting dalam NKRA iaitu pembasmian kemiskinan. Apabila masalah utama kita adalah disebut sebagai *medium and low income problem*, dengan izin, apabila kita berhadapan dengan masalah pendapatan sederhana dan rendah. Yang ini dianggap sebagai satu perangkap, *its a trap*. Yang Berhormat Menteri juga menyebut tadi bahawa tahun 70-an dahulu kita seolah-olah bergelut dengan aspek yang dikatakan sebagai *the vicious circle of poverty*, dengan izin.

Itu memang dahulu disebut perbandingan RM200 *per household income*. Memang saya akui tapi sekarang kita ada dimensi perangkap sederhana dan rendah. Lanjutan daripada pengisytiharan 44,000 kepada 100, adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa perkara ini telah diambil kira dengan mendalamnya untuk kita keluarkan dalam Dewan bahawa statistik kita ini hampir langsung tidak ada orang miskin atau sekurang-kurangnya miskin tegar kepada 100.

Saya betul-betul rasa Yang Berhormat Menteri adalah orang paling layak untuk dirujuk perkara ini untuk mendapat penjelasan supaya kita rasa munasabah untuk kita terima angka itu buat permulaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Isu berhubung dengan miskin tegar. Miskin tegar ini memang hampir dihapuskan tapi memang masih ada dan isu yang timbul bagi kerajaan ialah untuk mengenal pasti siapa dia yang masuk dalam golongan miskin tegar.

Kalau kita ambil satu *list* 44,000 katakan dan kita pergi memberi bantuan kepada 44,000 itu, kita cari dan dapat dan kita mungkin anggap sebagai perkara itu selesai. Yang tinggal hanya 100 tapi perkara lain pula wujud. Ada yang jatuh mungkin sebab suami meninggal atau dibuang kerja, yang masuk dalam kumpulan ini tapi belum lagi dikenal pasti. Jadi, golongan 44,000 mungkin kita kenal pasti dan perkara itu selesai tetapi mungkin tidak tepat untuk kita katakan kita hapuskan miskin tegar sebab ada lain yang kita tidak kenal pasti mungkin wujud.

Oleh kerana itulah kerajaan telah mengambil satu pendekatan untuk buat satu *survey* secara meluas dalam tempoh dua tiga bulan ini untuk mengenal pasti siapa dia yang masih terperangkap dalam golongan miskin tegar supaya kita dapat mengambil tindakan. Saya mengakui bahawa mungkin masih terdapat 100,000 hingga 200,000. Kalau ada kita akan mengenal pasti sebab kita sudah mulakan *survey*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Menteri sebut 100,000 - 200,000?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya tidak tahu, saya tidak tahu. Mungkin 50,000 mungkin 20,000, saya tidak tahu tapi *survey* ini akan memberi kita fakta sama ada 100,000 atau 50,000 atau 25,000, tidak tahu, tapi kita sudah mula *survey* di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: *Survey* ini sudah dimulakan dan akan berakhir sebelum hujung tahun. Isu yang lebih penting yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota ialah tentang *low and medium income*. Ini satu perkara yang penting sebab semasa kita membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh, soalan yang timbul untuk kita menyelesaikan ialah mungkin isu kemiskinan hampir selesai. Memang ada lagi sedikit yang tergolong dan negeri-negeri yang tertentu masih ada juga kadar kemiskinan yang dianggap lebih tinggi dari negeri lain tapi secara keseluruhan kita telah berjaya dalam perjuangan kita untuk menghapuskan kemiskinan tapi masih terdapat yang saya sebut tadi 40 peratus yang berpendapatan rendah. Sebanyak 40 peratus ini, 40 peratus dari penduduk Malaysia, pendapatan bulanan keluarga adalah secara purata RM1,440.

■1740

RM1,440 secara purata dan maksimum dalam kumpulan ini ialah RM2,300. Kumpulan inilah yang menjadi sasaran kita supaya kita memberi satu fokus dari aspek keadilan sosial untuk meningkatkan kualiti hidup 40 peratus ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Dalam 40 peratus ini ada golongan bumiputera, ada golongan Cina, ada golongan India dan kita memberi fokus kepada 40 peratus terendah. Yang Berhormat Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sebut tadi 40 peratus yang masih lagi berada dalam golongan miskin. Kalau hendak dibandingkan dengan dahulu, apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu memang betul sebab dahulu tandas pun tidak kena bayar. Sekarang ini masuk tandas pun bayar 20 sen, 50 sen, tol, minyak. Jadi bererti pendapatan kalau RM3,000 ke bawah itu dikira miskin. Jadi hendak tanya Yang Berhormat, apakah takrif kemiskinan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sekarang ini? Yang disebut garis kemiskinan, pemisah di antara miskin dan tidak miskin. Itu satu perkara.

Perkara yang kedua, selain daripada fokus membasmi kemiskinan, negara kita ini negara masyarakat majmuk iaitu selain daripada hendak meningkatkan pendapatan golongan miskin supaya tidak jadi miskin, bagaimana pula pengagihan kekayaan negara di *share of cake of our economy* ini antara kaum yang disebut 30 peratus, 40 peratus di bawah Dasar Ekonomi Baru dahulu, apakah ini menjadi tumpuan? Saya bertanya perkara ini Yang Berhormat Menteri, kerana tadi saya tunggu salah seorang daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab yang menjaga PEMANDU, dia tidak jawab langsung. Saya sebut dalam ucapan saya agak jelas tetapi dia jawab dua soalan sahaja. Langsung dia tidak jawab hal PEMANDU yang saya sentuh.

Jadi, saya hendak tanya sekarang ini Yang Berhormat. Yang Berhormat jaga EPU. Selepas itu kerajaan wujudkan PEMANDU. Saya hendak tanya dari segi perbezaan dua agensi ini. Apakah peranan EPU masih macam dahulu lagi atau pun sudah di *override* oleh PEMANDU? Ini kerana di kalangan kakitangan kerajaan pun bercakap kekeliruan ini kerana ada sesetengah kakitangan PEMANDU mengatakan sekarang ini EPU ini *rubber stamp* sahaja. Hendak apa-apa minta dengan PEMANDU.

Manakala saya baca kenyataan sewaktu perbahasan, kenyataan daripada Dewan Perniagaan Melayu cukup jelas dan terang dengan angka-angkanya bagaimana PEMANDU *marginalized side track* kepentingan kaum bumiputera. Itu saya tidak hendak ambil masa panjang.

Saya rasa kesallah dengan Yang Berhormat Menteri yang menjaga PEMANDU tadi langsung tidak jawab. Saya pun malas bangun tanya, saya pun malas buang air liur saya. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dari segi peranan ini untuk menentukan bukan sahaja dari segi kemiskinan dapat dihapuskan.

Betullah kejayaan selama ini diakui. Kejayaan yang dicapai oleh negara kita selama ini. Orang yang tidak mengaku kejayaan ini adalah orang buta dengan pekak sahaja. Hakikatnya ada kejayaan tetapi jauh lagi perjalanannya terutama dari segi penyusunan semula masyarakat di antara kaum ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah sedikit?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Boleh.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan jawapan Yang Berhormat mengenai dengan *laissez faire* dan hendak membasmi kemiskinan dan sebagainya dan juga untuk pengagihan ekonomi untuk golongan yang berpendapatan rendah.

Akan tetapi *survey-survey* yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat ini sama ada *survey* ini termasuk kepada pegawai-pegawai kerajaan dan juga kawan-kawan Yang Berhormat dan Menteri yang amat kaya seperti Hasbie Satar iaitu bekas Setiausaha Politik Yang Berhormat di mana walaupun gajinya saya rasa tidak banyak sangat tetapi hartanya berjuta-juta ringgit, wang tunai dijumpai bersamanya semasa MACC ambil tindakan menahan dia dahulu. Dia juga ada rumah-rumah, *kondominium* yang mewah. Bukan sebuah, banyak buah.

Sama ada *survey* itu termasuk orang sebegini? Seperti juga Datuk Kalimullah Hassan, ECM Libra. Yang Berhormat amat fasih dalam perkara ini kerana itu kawan Yang Berhormat juga atau pun konco Yang Berhormat. Seperti beliau, beliau adalah seorang pemberita. Kita tahu, tetapi mendapat harta yang banyak. 14 juta saham di dalam AirAsia X, AirAsia Berhad. Baru-baru ini ada saham juga dalam E&O. Sama ada kementerian Yang Berhormat ada mengambil perhatian dalam perkara ini atau *survey*?

Ketiga, seperti penganugerahan saham antara AirAsia dengan MAS, di mana orang-orang tertentu terlibat dan juga keputusan ini telah dibuat oleh Khazanah yang di bawah Yang Berhormat juga. Yang Berhormat ada dalam lembaga pengurusan. Orang-orang yang terlibat iaitu Tan Sri Azman Mokhtar, Rashdan. Ini juga bekas BinaFikir yang pada masa itu Yang Berhormat adalah amat berkuasa di mana mereka diberi banyak projek juga.

Apa yang saya nampak kita hendak membasmi kemiskinan yang begini saya rasa tidak akan berjaya oleh kerana yang mendapat banyak dana, banyak wang, dapat projek banyak adalah orang seperti Tan Sri Azman Mokhtar di mana sebagai BinaFikir, kerja untuk WAU, MAS. MAS pun koyak, sekarang ini ada masalah pula. Selepas itu masuk dalam Khazanah, jadi MD Khazanah. Sekarang pula hendak selamatkan MAS. Padahalnya pada tahun 2002 telah ambil tindakan tetapi tidak selamat juga. So, sama ada Yang Berhormat boleh berikan satu penjelasan terhadap personaliti-personaliti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, panjang sangat yang terkeluar itu Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri kalau soalan itu tidak dibangkitkan, tidak payah jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini soalan yang penting sebab itu *survey* nya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Semuanya penting Yang Berhormat tetapi peraturan Dewan pun penting juga Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: *Survey* itu termasuk semua. Saya jawab dahulu soalan Yang Berhormat Pasir Mas. Garis kemiskinan pada masa sekarang ialah RM720. Akan tetapi saya mengakui bahawa mereka yang berkeluarga dengan pendapatan kurang daripada RM3,000 tidak boleh dianggap sebagai satu keluarga yang hidup selesa.

Mungkin mereka ini tidak dapat dianggap sebagai miskin dari definisi tetapi kita tahu khasnya yang duduk di Kuala Lumpur dan bandar-bandar dengan pendapatan kurang dari RM3,000 kita tidak dapat hidup dengan selesa. Oleh kerana itulah tumpuan diberi kepada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 dari segi pembahagian ekonomi, penjanaan ekonomi, dari segi projek-projek khas perumahan dan pengangkutan dan lain-lain. Ini adalah satu perkara yang memang kerajaan telah mengambil satu pendekatan untuk memastikan bahawa mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah diberi perhatian.

Isu tentang bumiputera, memang seperti Yang Berhormat Pasir Mas sedia maklum, isu ini telah timbul sebelum Rancangan Malaysia Kesepuluh dibentangkan di Parlimen. Dalam konteks inilah, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh, satu perkara yang disebut dalam ucapan itu ialah mewujudkan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera dan pada masa itu saya terima satu nota dari Yang Berhormat Pasir Mas yang mengatakan tahniah kerana ini adalah satu tindakan yang baik dan saya masih simpan nota itu untuk menunjukkan kepada cucu dan cicit saya satu hari nanti.

■1750

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Jadi, apakah peranan EPU berhubung agenda bumiputera. Memang peranan EPU sejak dahulu lagi.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat beri penjelasanlah.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Nanti, tunggu dahulu. Tadi, saya sudah jawab sebab saya jawab *survey* ini termasuk semua, itu sahaja dan yang lain bukan isu...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Termasuk kawan-kawan Yang Berhormat, seperti Hasbie Satar dan lain.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Termasuk Kalimullah dan Hasbie, semua termasuk. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai perkara yang lebih mikro. Apakah peranan bumiputera sejak sebelum EPU ditubuhkan, sejak sebelum kita merdeka lagi dan tumpuan agenda bumiputera itu adalah satu agenda yang penting. Majlis Tindakan Agenda Bumiputera diwujudkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh oleh kerana kita masih berpendapat bahawa dalam era globalisasi ini, dalam era moden ini masih perlu dan mungkin lebih perlu kita memastikan bahawa agenda bumiputera itu berhasil.

Ianya penting kerana kita selalu bercakap tentang Vision 2020, Wawasan 2020. Apa itu wawasan 2020? Wawasan 2020 ialah kita mahu menjurus kepada satu tarikh keramat, satu tahun keramat 2020, bilamana Malaysia menjadi sebuah negara maju dengan pendapatan yang tinggi. Pada tahun keramat 2020 itu kita tidak mahu Malaysia menjadi sebuah negara maju tetapi bangsa Melayu tidak maju. Kita tidak mahu!

Oleh kerana itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan agenda bumiputera sebagai satu tunggak yang begitu penting, satu *pillar* yang begitu penting dalam dasar kerajaan supaya kita mahu memastikan 100 peratus bahawa pada tarikh keramat 1 Januari 2020, bangsa Melayu, bangsa bumiputera juga hidup sebagai bangsa yang maju dalam negara kita. Jadi, majlis ini telah dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan ada sekretariat dan EPU diberi juga peranan yang penting untuk memastikan bahawa Majlis Tindakan Agenda Bumiputera itu dapat menghasilkan kejayaan. PEMANDU...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Belum, sedikit lagi hendak habiskan soalan Yang Berhormat Pasir Mas.

PEMANDU diwujudkan oleh kerajaan untuk aspek yang lain. Peranan PEMANDU adalah begini, ada banyak projek yang dilakukan dan dibawa oleh *private sector*, oleh pihak-pihak swasta dan peranan PEMANDU yang terpenting adalah untuk membawa dan mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek *private sector*. Itu yang penting sekali bagi PEMANDU tetapi EPU, agenda bumiputera diletakkan di bawah EPU. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya bersedia mendengar penjelasan dan huraian kuliah Yang Berhormat Timbalan Menteri namun dalam perbahasan saya, saya telah bangkitkan bahawa bajet atau belanjawan yang dirangka itu dikatakan sebagai satu yang menggunakan *methodology outcomes based budgeting*, dengan izin, yang berbeza dengan *modified budgeting system* yang dahulu diguna begitu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu daripada masalah besar yang perlu ditangani oleh bajet ini dan juga perangkaan-perangkaan dasar-dasar yang lain adalah akan wujudnya hakikat dengan izin, *income inequality*, jurang pendapatan dan *wealth inequality*. Kalau boleh saya sebutkan sedikit di sini Timbalan Menteri sementara Timbalan Menteri buat kenyataan statistik, saya juga meminta supaya Timbalan Menteri menekuni statistik-statistik ini yang telah pun saya bahaskan dan saya minta Timbalan Menteri jawab.

Sebanyak 60 peratus daripada pendapatan isi rumah kurang daripada RM3,000, 40 peratus kurang daripada RM1,500 dan rata-ratanya 75 peratus kurang daripada RM2,500. Itu kalau hanya pendapatan. Kalau saya perhatikan dari sudut *wealth* pula, apa yang dikatakan sebagai kekayaan. Kita dapati di sini *average wealth household* dengan izin, per kapita dalam tahun 2007 adalah 86,659. Tuan Yang di-Pertua, 90 peratus daripada rakyat Malaysia tidak punya apa-apa *saving*, 14 peratus *have got no wealth whatsoever* dan daripada itu, majoriti atau sebahagian besar *Malaysian without wealth* itu adalah bumiputera. Jumlahnya 72 peratus, yang daripada tidak punya apa-apa kekayaan tadi, *no wealth* dengan izin adalah bumiputera. Chinese 17 peratus dan Indian 11 peratus.

Timbalan Menteri, kita berdepan dengan satu negara yang dikatakan *this is what* apa boleh kita sifatkan sebagai *a rich country with so many poor people*. Sebuah negara yang kaya tetapi punya ramai orang miskin. Timbalan Menteri, *income disparity, wealth disparity has been yawning*. Jurang kesenjangan kaya dan miskin bukan hanya pendapatan tetapi kekayaan semakin melebar, *this is the economic mileage*. Inilah antara gejala besar dalam negara kita ini. Ini yang seharusnya digarap dalam *outcome base budgeting*. Antara lainnya, ada tujuh perkara besar, *economic mileage of this country* tetapi dalam *income equality*, kita mahu perkara ini dijawab.

Janganlah Timbalan Menteri mengimbuai sejarah-sejarah yang lalu, tentunya. Saya bersedia menerima, *hardcore poverty* sudah memang jauh lebih baik, itu saya terima seperti mana yang Menteri JAKIM sebutkan tadi. Di Wilayah Persekutuan sahaja ada 14,000 penerima asnaf *fugara' wal masaakin*. Timbalan Menteri, kita kena terima hakikat, apakah bajet ini menggarap persoalan merapatkan jurang pendapatan dan kekayaan atau kerana cara kita mengurus khazanah kekayaan negara ini dengan cara-cara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju sebentar tadi dan rakan-rakan yang lain. Dengan monopoli, dengan *privatization* yang di padang yang tidak sama rata, lalu pemberian-pemberian kroni berakhir dengan satu suasana, satu wajah pendapatan dan kekayaan yang semakin jauh, semakin melebar. Itu sahaja dahulu Timbalan Menteri, banyak perkara-perkara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Angka 60 peratus penduduk di bawah pendapatan RM3,000 itu betul, 40 peratus di bawah RM1,500 itu salah sebab 40 peratus itu di bawah RM2,300, sedikit kesalahan teknikal. Jadi, 40 peratus yang terendah itu di bawah RM2,300. Tidak ada apa itu. *Point* Yang Berhormat Kuala Selangor buat itu penting bahawa dalam kita menjana ekonomi, menguruskan ekonomi dalam 10 tahun yang akan datang ini, kita harus memberi perhatian untuk mengurangkan *income inequality* dan *wealth inequality*.

Inilah pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita lihat bahawa banyak fokus diberi kepada mereka yang digolongkan dalam golongan berpendapatan rendah.

Kerajaan akan mengambil tindakan pada setiap masa untuk memastikan bahawa mereka yang tergolong dalam 40 peratus yang di bawah ini diangkat untuk menikmati lebih dari kekayaan negara.

Saya ingin beralih kepada aspek satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Jelutong tentang kadar pertumbuhan ekonomi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tahun 2011 dan juga tahun 2012.

■1800

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Jelutong menganggap bahawa angka 5 peratus sehingga 5.5 peratus untuk tahun 2011 ini tinggi. Begitu juga angka 5 peratus hingga 6 peratus untuk tahun 2012 itu tinggi berbanding dengan anggaran yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang lain. Saya melihat kepada anggaran pertumbuhan ekonomi yang dikeluarkan oleh banyak pihak yang lain. Betul, ada yang menganggap mengunjurkan bahawa untuk tahun 2011 kadar pertumbuhan yang kita akan capai adalah 4 peratus - DP Morgan, Merrill Lynch - 4.3 peratus, Anomura - 4.7 peratus, Bank Islam sendiri 4.7 peratus. Akan tetapi ada juga pihak lain Moody's Economy - 5.5 peratus, IMF - 5.2 peratus.

Kita yakin bahawa kita akan mencapai sekurang-kurangnya 5 peratus untuk tahun ini. Oleh kerana kita tahu bahawa untuk tempoh enam bulan pertama kita telah mencapai 4.4 peratus. Kita tahu ekonomi negara kita akan lebih rancak, kegiatan akan lebih rancak pada enam bulan kedua. Kita yakin, bahawa kita akan mencapai 5.8 peratus pada enam bulan kedua dan kalau secara purata kita yakin kita akan mencapai lebih kurang 5.5 peratus atau lebih sedikit.

Kita juga lihat kepada indeks pelopor, *leading indicators* bagi bulan Julai dan juga kita lihat kepada angka-angka yang sudah keluar bagi bulan Julai dan Ogos. September belum keluar lagi. Berasaskan kepada semua angka yang sudah diumumkan bagi bulan Julai dan Ogos, kita yakin bahawa pertumbuhan ekonomi pada suku ketiga adalah lebih kurang 5.3 peratus ke atas.

Jadi kita juga tahu bahawa keadaan dunia tidak begitu elok, tidak begitu baik. Kita tahu Amerika Syarikat kadar pengangguran adalah ikut yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat adalah 9.1 peratus, kadar pengangguran. Kita ini lebih kurang 3 peratus. Akan tetapi sebenarnya di Amerika Syarikat kadar pengangguran adalah 17 peratus. Jumlah 17 peratus sebab yang 9.1 peratus ini tidak termasuk mereka yang *under employed*. Ada ijazah akan tetapi kerja sebagai kerani, *under employed*, tidak masuk dalam angka pengangguran di Amerika Syarikat. Juga termasuk mereka yang sudah putus asa dan *give up*, tidak register. Kalau kita masukkan yang sudah *give up*, yang tidak register dan juga *under employed* lebih daripada 17 peratus. Kita syukur Alhamdulillah di negara kita tidak sampai 3.2 peratus...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Satu lagi *point*. Satu lagi *point*.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita juga... Satu lagi *point*, satu minit. Kita juga tahu bahawa negara-negara di barat ini dalam keadaan susah, di Amerika Syarikat susah, di Eropah susah. Kita tahu di Eropah ini, di negara-negara Eropah pencen pun mereka tidak mampu bayar. Pencen tidak mampu bayar. Akan tetapi kita di negara Malaysia apa kita buat? Kita bayar pencen, kita bayar bonus untuk mereka yang pencen. Itu kelebihan kita.

Satu lagi *point*. Kita juga tahu sejak dua tiga dekad lalu, bahawa adalah tidak baik untuk kita bergantung kepada negara-negara maju, negara-negara barat dari segi perdagangan kita. Saya hendak tunjuk angka sedikit. Pada tahun 1990 perdagangan kita dengan Amerika Syarikat adalah 16.8 peratus. Jumlah 16.8 peratus dari seluruh perdagangan kita adalah perdagangan dengan Amerika Syarikat. Hari ini 10 peratus. Kita kurangkan. Dengan China, tahun 1990 perdagangan kita hanya 2 peratus dari jumlah perdagangan kita. Hari ini 12.5 peratus.

Jadi kita sudah telah mengambil tindakan dengan sedemikian rupa untuk tidak begitu bergantung kepada keadaan di Eropah ataupun keadaan di Amerika Syarikat supaya sungguhpun ekonomi mereka terjejas, ekonomi mereka masih mampu menjanakan kadar pertumbuhan yang munasabah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tan Sri. Saya menyanjungi segala usaha baik kerajaan, khususnya dari segi membuat beberapa penambahbaikan struktural dari sudut sama ada apa jualah bentuknya, cukai dan di mana kita berdagang dan sebagainya. Itu satu yang boleh kita sanjungi. Cumanya dalam hal bajet dan belanjawan ini Tan Sri, apakah kerajaan bersedia untuk *revise* angka-angka *micro economics* itu, *the micro economics numbers* yang diunjurkan oleh kerajaan.

Berdepan dengan suasana senario ekonomi global yang cukup *grim*, yang cukup parah prognosisnya itu, apakah dengan unjuran 5 peratus hingga 6 peratus itu munasabah Tan Sri. Sementara *Maybank Investment*, *Affin Investment*, CIMB, *Merrill Lynch*, *Goldman Sachs* semuanya mengatakan bahawa itu terlalu optimistik.

Tuan Yang di-Pertua saya tidak perlu menyebutkan pada Tan Sri andainya kalau unjuran pertumbuhan itu terlalu tinggi, maka ia akan juga apabila tidak tercapai menjejaskan pendapatan. Sekali gus dengan GDP yang lebih rendah, fiskal defisit akan lebih besar dan membelon. Itu saya tidak perlu sebut pada Tan Sri. Lalu dengan itu ini merupakan satu yang *irresponsible*, tidak bertanggungjawab Tan Sri.

Oleh kerana itu apakah ada kesediaan kerajaan untuk tidak membuat unjuran yang sebesar ini semata-mata, maaf kalau saya katakan untuk menyuntik rasa sedap dan *feel good factor* itu sahaja. Oleh sebab unjurannya tidak begitu, kita sangat bergantung kepada DDI dan *domestic direct investment* itu kalau saya masih ingat diunjurkan sebagai RM940 bilion untuk sepuluh tahun akan datang. Atau dengan kata lain RM94 bilion setiap tahun.

Sehingga hari ini, kejayaan kita tidak silap saya kurang daripada 40 peratus pencapaian itu. Jadi oleh kerana itu unjuran yang sebesar ini Tan Sri perlu dalam waktu yang terdekat. Di *revise* semula kerana ia akan seterusnya menjejaskan fiskal defisit kita. Pendapatan kita apabila *growth* kurang, pendapatan juga – *revenue* kita akan tentunya kurang. Kesemua itu akan membawa kepada terpaksa *pump-priming* sebenarnya. *We will be doing a lot of pump-priming against* Tan Sri. Jadi dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Cuba ringkaskan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ringkaskan. Ini juga akan menjejaskan keadaan hutang kita Tan Sri. *And you know our* persekutuan, *our public debts*. *Debts* itu sudah sampai ke peringkat 53.7 peratus. Jadi kesemua ini, kami di sebelah sini merasakan agak bimbang bukan sahaja kami akan tetapi *investment bankers* juga *investment analyst* juga ada merasa bimbang, terima kasih. Terima kasih Tan Sri...

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Terima kasih...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sekejap boleh?

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua isu...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Boleh?

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Saya jawab dahulu. Selepas itu saya bagi peluang. Saya jawab dahulu.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Saya *connected to that*.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Okey, okey. Saya jawab soalan itu dahulu. Tentang angka defisit kita dengan jumlah pinjaman kita, jumlah pinjaman kita hanya 54.8 peratus berasaskan GDP, 54.8 peratus. Pinjaman dari luar negara tidak sampai 2 peratus. Kita bandingkan ini dengan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat hutang negara 73.7 peratus. United Kingdom – 85.1 peratus. Jepun – 212.4 peratus. Kita 54.8 peratus. Jadi saya hendak tunjuk bahawa dari segi global *comparison* kita ini masih bertanggungjawab, tidak meminjam yang tidak perlu...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Defisit kita 4.7 peratus. Defisit Amerika Syarikat berapa banyak? 8.3 peratus. United Kingdom – 8.1 peratus. Di Japan 6.8 peratus...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Jadi saya ...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, tadi ada sebut Yang Berhormat Jelutong, Tan Sri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya hendak jawab tentang unjuran tadi. Tidak perlu sama sekali kita *revise* unjuran. Sebab kita tahu keadaan mungkin akan menjadi lebih mencabar, lebih getir, lebih sengit dalam 12 bulan ini. Kita tahu. Oleh kerana itulah kita buat unjuran 5 peratus hingga 6 peratus. Patut kita dapat 6 peratus. Akan tetapi oleh kerana keadaan mungkin menjadi..., kita buat 5 peratus hingga 6 peratus. Jadi kita sudah buat fleksibiliti dalam unjuran kita...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Baik, Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Belakang ini juga Tan Sri. Sudah lupa.

■1810

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Tan Sri begini. Barangkali saya ingin bawa Dewan ini pada satu perspektif yang lain. Belanjawan itu diumpamakan seseorang pemegang *credit card*. Setiap *credit card* datang dengan *line of credit*. Kalau kita tiap-tiap bulan tidak jelaskan hutang *credit card* ia akan *roll over*. Kita sudah *roll over* defisit kita selama 15 tahun. *We are roles*. Kita bukan jelaskan *credit card* kita pada tamat penghujung bulan dan kita *clear* semua hutang kita. Jadi apa yang saya kawatir ialah Tuan Yang di-Pertua ialah cara kita menguruskan belanjawan kita berdasarkan tiga andaian.

Andaian pertama kita telah berbahas tentang apakah *GDP the growth forecast*. Ada orang kata 5.6 ke atas atau pun kurang. Itu kita hanya menunggu masa jadi membuktikan yang utama atau muktamad. Kedua ialah andaian bahawa hasil daripada minyak mentah tapis akan dinilai pada harga USD110 satu tong sedangkan untuk Belanjawan 2011 itu hanya USD108 per tong. Itu juga satu ramalan. *It is just like throwing dices in the air*, dengan izin. Ketiga ialah berdasarkan kepada sumbangan yang bakal diberi daripada Khazanah sebanyak RM2.8 bilion. Sama ada itu datang ataupun tidak kita katakan itu akan datang tetapi kita lebih bergantung pada ramalan yang bukan dalam kawalan kita seperti *growth percentagenya* dan juga harga minyak mentah. Itu bukanlah dalam kawalan kita. Jadi dua andaian itu amat berbahaya. Jadi sekiranya sifat dan penerangan kita seperti seorang *high roller* yang kita *roll* semua *line of credit*, sudah pasti kita akan sampai satu tahap kita akan *limit up*, kita punya *line of credit* sudah habis.

Saya kawatir Tuan Yang di-Pertua sebab beban hutang kita pada tahun 2004 hanya setakat RM242 bilion. Tahun 2009 hanya dalam masa lima tahun sudah melambung kepada RM363 bilion dan dan tahun kemudian sudah melambung kepada 456 bilion. Ini bermaksud dalam tujuh tahun yang singkat, beban hutang negara kita sudah melambung sebanyak 88.4 peratus. Jadi saya rasa kalaulah kita ini bersifat seperti seorang yang banyak mainkan duit dan *line of credit* dalam *credit card* kita akan melambung. Ah Long akan jumpa kita pada satu hari nanti. Itulah yang saya kawatir. Cuma satu perspektif agaknya manusia sedang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: ...Membelanjakan seperti seorang yang memegang kad walaupun platinum kad ia akan meletup juga pada satu hari nanti.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini banyak mahu tanya ini. Yang Berhormat, kalau dapat ringkaskan dan bangkitkan persoalan yang atas percakapan Tuan Yang di-Pertua tadi ada yang kurang jelas. Kalau tidak kita bincang perkara baru...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Okey.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Kalau begitu susah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menyahut apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dan kawan-kawan yang lain. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa setelah apa yang kita buat adalah berlandaskan kepada *assumption* atau andaian-andaian. Jadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi *Merrill Lynch* lah, *Goldman Sachs* lah, dan sebagainya. Mereka juga jatuh pada masa - Mereka terpaksa *direscue*. Kalau mereka itu pakar sangat-sangat kenapa mereka sendiri hampir *bankrupt*, satu...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Kedua, kita semua tahu bahawa *economist* di katakan mempunyai banyak tangan atau *too many hands, on the one hand, on the other hand*. Jadi apa kata Yang Berhormat Kuala Selangor pun kita boleh pakai. Akan tetapi apa yang dikatakan oleh kerajaan juga berguna juga. Ia memang boleh dipakai kerana kepakaran yang tinggi juga. Jadi saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri supaya tidak terlalu menghiraukanlah apa yang dicadangkan dan dilihat sebagai negatif ini. Kita teruskan apa yang kita hendak buat. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Yang Berhormat Kota Belud. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan teliti hujah-hujah daripada rakan pembangkang dan saya menghormati pandangan mereka seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat Jelutong tadi yang mengatakan bahawa dia menganggarkan kononnya kita ini seperti *high roller, credit card* kita *roll* sahaja. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, hutang sebenarnya tidak boleh dilihat dalam isolasi. Kalau hutang bertambah tetapi pendapatan negara bertambah, cap ekonomi negara bertambah jauh lebih besar daripada hutang contoh, tidak ada masalah dari segi hutang *now, absolute* hutang *yes*.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, isu tentang siling 55 peratus atau *statuary* siling tahap yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan berubah banyak kali Tuan Yang di-Pertua. Sewaktu kita merdeka dahulu, tahap maksimum hutang Kerajaan Persekutuan hanya lebih kurang 30 juta yang dimaklumkan kepada Parlimen. Selepas itu dinaikkan kepada 45 peratus. Ia diubah, dinaikkan, dan diangkat lebih tinggi. Sekarang 55 peratus...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Pada saya Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini membimbangkan kita atau pun kita begitu merasakan bahawa hutang itu sudah menjangkau 55 peratus, tetapi saya rasa kita tidak perlu menekan *panic button* itu sebab 55 peratus ini masih jauh lagi dalam keadaan yang terjaga. Itu sebabnya saya kata, apakah lebih 55 peratus maka kerajaan ini akan bankrap dan negara kita akan huru-hara dari segi ekonominya? Tidak! *Of course choice* kita ialah naikkan lagi ke 60 peratus, *we had done in the last few years anyway*. So sekarang ini persoalan yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa *option* kerajaan berbelanja ataupun kita ikut sistem Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu tahun 1998. Dalam masa keadaan ekonomi kita meruncing, kita kekang perbelanjaan kerajaan supaya ekonomi kita mengucup lagi, *interest rate* kita naikkan. Apakah itu yang dicadangkan oleh pihak pembangkang?

Ini kerana sehingga sekarang saya masih mendengar mereka mengkritik bajet kita tetapi dalam keadaan yang mana kalau saya lihat mungkin mereka mahu menyatakan kerajaan jangan berbelanja. Saya beritahu pihak pembangkang rakan-rakan saya, kalau itulah jalan yang kita ambil saya percaya dan kita sudah mempunyai pengalaman pada tahun 1997 dan 1998. Kita ada pengalaman apabila kerajaan tidak berbelanja, kita akan berdepan dengan cukup besar masalah dalam negara kita dan di negara Eropah juga Tuan Yang di-Pertua. Apabila kerajaan mereka di situ sekarang ini tidak mahu berbelanja, ia mengucup, dan apa yang berlaku ialah porak-peranda di jalan raya dan kita tahu apa yang diinginkan oleh sesetengah pihak. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih, okey.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh, boleh...

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Saya hendak ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Besar kerana memberi satu sokongan kepada anggaran-anggaran kerajaan itu memanglah *Goldman Sachs* yang satu masa dahulu dianggap sebegitu berjaya. Kini banyak bank yang satu masa dahulu dianggap sebagai begitu berkuasa dalam sesuatu masa. Mereka juga menghadapi cabaran. Seperti juga kata Yang Berhormat Padang Besar ini *economist* ini selalu *on the one hand and on the other hand*. Jadi eloklah kalau kita hendak lantik seorang *economist*, kita cari *economist* yang hanya mempunyai satu tangan sahaja. Jadi dia tidak boleh kata *one hand on the other*. Akan tetapi susah seperti tadi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Belud. Tadi saya hendak jawab Yang Berhormat Jelutong tetapi perkara itu sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Kota Belud.

Ada dua perkara yang musykil dalam hujah Yang Berhormat Jelutong. Satu, konsep tentang defisit. Sebelum kita mengambil tindakan dalam tahun 1997 melalui *unorthodox measure* kita juga berkemungkinan sebelum itu juga mempunyai satu falsafah yang salah tentang defisit. Falsafah yang salah itu adalah kita menganggap defisit itu sebagai satu perkara yang tidak baik dari segi ideologi, itu salah. Ini kerana kita maju sebagai sebuah negara. Kita mengangkat negara kita dari sebuah negara yang miskin untuk menjadi sebuah negara yang moden hari ini atas dasar *factnatism* atau praktikal. Jangan lihat perkara sebagai ideologi, defisit ini tidak baik dan *surplus* ini baik. Inilah yang menjadi perkara di Amerika Syarikat hari ini.

■1820

Mereka lihat defisit ini tidak baik jangan belanja dan oleh sebab itulah Amerika pada hari ini menghadapi begitu banyak kesusahan dan cabaran. Bagi kita defisit itu adalah satu alat dan dalam masa kesusahan apabila pihak swasta tidak berani dan tidak mampu berbelanja, kerajaan perlu berbelanja lebih, defisit sedikit tidak apa, belanja untuk membangkitkan keyakinan dan inilah yang kita lakukan pada tahun 1997,1998 apabila kita menghadapi *recession*, krisis kewangan, pihak swasta tidak berani berbelanja kita berbelanja sehingga defisit kita menjadi 5.5 peratus pada tahun 2000.

Akan tetapi kita adalah sebuah negara yang pragmatik dan bertanggungjawab. Selepas krisis setahun demi setahun pada tiap-tiap tahun menurunkan defisit 5.5 peratus turun sehingga 3.2 peratus dan selepas itu berlaku satu lagi krisis ekonomi bukan disebabkan kita, tetapi disebabkan oleh Amerika Syarikat pada tahun 2008, 2009. Jadi kita berbelanja untuk menjana ekonomi kita dan apabila masuk kepada satu era yang selesa kita akan menurunkan, kita adalah sebuah negara yang bertanggungjawab, itu satu.

Kedua, Yang Berhormat Jelutong menganggap bahawa sebuah negara itu sama dengan seseorang individu, di mana dia berbelanja menggunakan *credit card*, itu salah. Kita harus mengibaratkan negara itu sebagai sebuah syarikat di mana sebuah syarikat tidak salah untuk meminjam asalkan dia meminjam untuk *development expenditure* untuk *capital expenditure* jangan meminjam untuk membayar gaji, itu salah tidak boleh. Akan tetapi, jika dia meminjam untuk membuat projek, mendapat untung dan membayar semula apa salahnya?

Jadi kerajaan pun sama, kerajaan ada dua bajet, *development budget* dan *operation budget*. Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini kita tidak pernah meminjam pada waktu ini untuk membayar gaji, tidak ada. Hasil daripada cukai dan dividen cukup untuk membayar gaji dan sewa, yang kita pinjam hanya untuk *development*, itu tidak salah, itu satu. Jadi saya hendak beralih kepada perkara-perkara lainlah...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit, hendak respons kepada...

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey *last points*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang diberikan. Saya melihat contoh yang diberikan bahawa kita ini sebagai satu syarikat, maka apabila kita pinjam dan kita berbelanja tetapi kita dapat pulangan dan kalau kita hendak gunakan sebagai satu perumpamaan boleh diguna pakai, tetapi mengapa dalam keadaan itu kita punya *percentage* kepada kita punya GDP semakin naik.

Lalu kalau kita melihat bahawa negara kita ini sebagai satu syarikat, tidaklah sepatutnya kita menentukan bahawa *percentage* kita punya hutang kepada kita punya GDP itu juga menunjukkan satu penurunan dan mesti ada satu sebab mengapa pada asalnya ditetapkan peratusan sebanyak 55 peratus itu sebagai satu kayu pengukur, sebagai satu *guideline* untuk kita cuba elakkan. Betul, kita punya kekayaan dan nilai GDP kita meningkat, tetapi pada masa yang sama hutang negara kita pun meningkat, ini menimbulkan persoalan sejauh manakah hutang yang kita peroleh, yang kita gunakan telah mendatangkan hasil yang menguntungkan.

Ada disebutkan juga bahawa soal hutang naik tidak apa, asalkan pendapatan kita juga bertambah. Hakikatnya pendapatan kita tidak bertambah kerana sekarang ini jika kita bandingkan dengan tahun, kalau tidak silap saya 2009, pendapatan kita telah pun menguncup dan ini menyebabkan timbul persoalan, kalau dalam keadaan sekarang ini, di mana pendapatan kita sebahagian besarnya adalah daripada minyak dan gas. Apakah yang akan berlaku apabila pada masa depan *resource* ini yang *depletable* yang *non renewable* ini akan kehabisan. Lalu sepatutnya sebagai satu kerajaan seperti mana yang disebutkan kerajaan yang bertanggungjawab, kita mesti memikirkan satu cara untuk menentukan bahawa kekayaan yang kita guna pakai sekarang, yang akan habis dalam masa mungkin 10, 15, 20 tahunkah, ia menghasilkan punca-punca pendapatan yang baru, dan setakat ini apa yang kita telah lihat semua pinjaman-pinjaman yang dilakukan dan perbelanjaan yang dilakukan kita telah gagal. Kita masuk dalam *heavy industry* PEWAJA - lingkup, kita masuk dalam bidang IT, Cyberjaya - lingkup, kita masuk dalam *automotive car heavy industry* dan sebagainya Proton sampai sekarang ini tidak dapat kita selesaikan.

Lalu di manakah projek yang kita kata sebagai satu syarikat, kita telah melaburkan wang negara ini dan *resources* negara ini untuk menghasilkan satu *business* yang mendatangkan pulangan itu. Kalau betul pulangan itu dapat dihasilkan sudah semestinya peratusan *ratio* di antara kita punya *national debt* dengan GDP dapat kita kawal, nampak seolah-olah kita tidak kawal. Saya cukup khuatir dengan jawapan yang diberikan tadi yang lebih awal iaitu berbanding dengan Amerika Syarikat, berbanding dengan Jepun, berbanding dengan United Kingdom, dia punya defisit, dia punya *national debt to GDP ratio*, adakah itu jalan yang perlu kita ikuti? Adakah kita juga ingin sampai kepada satu tahap di mana ia merupakan peratusan yang tinggi dan kita rasa tidak apa, tidak kisah. Saya rasa kalau dengan cara itu ia tidak menunjukkan sikap yang bertanggungjawab. Saya minta serah kepada Yang Berhormat Indera Mahkota, boleh tidak Yang Berhormat?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ringkas sahaja, boleh ya, terima kasih. Saya cuma hendak bertanya yang tidak sempat tadi sebelum Yang Berhormat hendak berpindah. Yang Berhormat ada menyebut dengan jelas mengatakan pertumbuhan dijangka dalam sekitar 5.3, kalau ada sedikit turun sedikit naik. Persoalannya kerana kita ada umumkan bahawa sasaran negara untuk 2015 kita hendak mewujudkan negara berpendapatan tinggi, yang mana pendapatan kita daripada RM17,000 kepada RM38,000 per kapita setahun. Ini memang kita letakkan sasaran dan kita berharap, saya juga berharap, semua orang berharap kita boleh capai, tetapi ada satu syarat.

Syaratnya ialah pertumbuhan mestilah sekurang-kurangnya 6 peratus setahun untuk tiga tahun berturut-turut tanpa gagal, sekarang kita sudah masuk tahun yang kedua di mana unjuran dan juga capaian yang benar pun kita tidak dapat. Tahun lepas 2010 Yang Berhormat sendiri pun tahu bahawa pertumbuhan sebenar terikat dalam sekitar 5 peratus kurang dan kali ini anggarannya 5.3 peratus. Saya berharap kita boleh mencapai 5.5 peratus, saya berharap. Akan tetapi jauh daripada sasaran untuk kita menjadikan negara berpendapatan tinggi, ini pertama. Saya rasa agak mengelirukan perkara itu, kita janjikan kepada rakyat kita hendak buat negara berpendapatan tinggi. Sebab itu angka NKRA yang Ketua Pembangkang juga sebut dipertikaikan oleh Yang Berhormat Gombak, angka tersebut merujuk kepada perkara yang sama yang telah diulas oleh Yang Berhormat pada peringkat awal tadi.

Maknanya ada *discrepancy* yang cukup besar dari segi angka kita, sebab kita hendak supaya *growth* atau pertumbuhan 6 peratus mungkin boleh dicapai untuk menjanjikan negara berpendapatan tinggi, dan kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua membenarkan sebab mungkin selepas ini tidak ada peluang untuk bertanya lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ikutkan tidak benar Yang Berhormat, tetapi kalau kita buka perkara ini menjadi perbincangan baru, jadi kita sudah terpesong daripada peraturan Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua sebut tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham semua orang bijak bercakap, tahu mengetahui tetapi persoalannya macam mana *prosecution*.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir kita hendak mencapai negara berpendapatan tinggi, kemudian Yang Berhormat sebutkan tadi 75 peratus rakyat kita dalam *bracket* RM3,000 pendapatan ke bawah, 75 peratus. Kalau begini Yang Berhormat, apa guna kita kata hendak mencari sumber baru dengan memperkenalkan cukai baru yang dikatakan cukai yang lebih adil. Maksudnya, RM3,000 pendapatan ke bawah ini 75 peratus, adakah ini golongan yang kita hendak besarkan *bracket* cukai kita untuk kutip, ya peratus itu 67 peratus.

■1830

Okey, *whatever* peratusannya tetapi maksudnya adakah kita tahu peratusan itu dalam kemiskinan yang pendapatannya kurang? Adakah kita hendak gunakan mereka ini sebagai orang kata lebarkan jaring cukai kita ini hendak mengenakan cukai-cukai baru seperti yang kita hendak buat ini GST. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi tentang perbelanjaan. Kita pinjam, kita dapat dividen daripada Petronas, kita dapat cukai daripada peruntukan. Yang Berhormat Shah Alam kata: "*Kita mesti belanja, kita mesti buat modal itu memberi peruntukan dan penanaman modal itu dalam bidang-bidang yang dapat memberi pulangan*". Betul, inilah apa yang kita buat. Kita dapat pinjaman, kita dapat dividen, kita dapat hasil, di mana kita letak hasil itu. Sebanyak 25 peratus saya sebut tadi sudah 25 peratus dari peruntukan kita buat untuk beri untuk pendidikan, pelajaran.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mepengerusikan Mesyuarat*]

Mana ada negara lain. Tiap-tiap tahun dalam tempoh 54 tahun, tiap-tiap tahun 25 peratus ambil 25 peratus untuk pendidikan. Melalui pendidikanlah kita dapat mewujudkan kita sendiri dari anak-anak orang miskin menjadi Ahli Parlimen dan inilah cara kita menggunakan duit pinjaman, cukai atau dividen untuk *long term investment*.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, tetapi saya merujuk kepada *the figures*. Kalau kita ini sebagai satu syarikat dan kita buat pinjaman selepas itu kita punya pinjaman apabila kita labur kita mendapat selepas itu kita punya pinjaman bukan semakin bertambah-tambah *in ratio to our wealth*kan. Sepatutnya ia bukan kita semakin banyak *in debt and the measurements is the percentage of national debt to GDP*...

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Akan tetapi, itu teknikal, nanti kita boleh...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Mana teknikal, inilah *figures*, mengenai falsafah itu kita semua faham.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey, okey. Kita hendak...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *The final* yang itukan?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota ialah kita hendak menjadi sebuah negara maju, sebuah negara berpendapatan tinggi. Kita memerlukan 5.8 peratus kadar pertumbuhan setiap tahun mulai tahun ini sampai ke tahun 2020. Akan tetapi, tahun ini kita mungkin tidak akan mencapai 5.8 peratus. Mungkin kita mencapai satu angka lebih kurang lima peratus lebih daripada lima peratus dan juga tahun depan.

Akan tetapi, 5.3 peratus atau lima peratus kita capai tahun 2011 dan tahun 2012 dalam keadaan susah. Itu dalam keadaan susah. Akan tetapi, selepas keadaan susah akan datang keadaan selesa. Memang isu-isu yang menjadi cabaran dalam dunia ini akan selesai dan kita akan masuk ke era selesa.

Apabila kita masuk ke era selesa, ekonomi kita akan semakin kukuh kita mungkin *insya-Allah* akan mencapai enam peratus atau lebih daripada enam peratus. Hari ini kita yakin secara purata kita akan dapat 5.8 peratus untuk tempoh sepuluh tahun yang akan datang.

Saya mengalih sedikit kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi berhubung dengan peruntukan sejumlah RM420 juta untuk pembangunan di Pulau Langkawi. *Alhamdulillah*, Langkawi telah pun membangun dengan pesat di mana ianya menerima kunjungan lebih dua juta orang pelancong setiap tahun pada masa kini baik dari dalam mahupun dari luar negara. Namun kerajaan bertekad untuk terus mengilap permata Pulau Langkawi agar ianya akan menjadi destinasi pelancongan unggul bertaraf dunia setanding dengan pulau pelancongan ternama seperti Bali, Maldives, Mauritius, Hawaii, Phuket dan lain-lain. Kerajaan yakin dan percaya ini akan dapat mencapai memandangkan Langkawi mempunyai pelbagai daya tarikan unik termasuk kepelbagaian flora dan fauna serta anugerah semula jadi.

Keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan melancarkan pelan induk pelancongan Langkawi pada bulan Disember pada tahun 2011 di mana pelan ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pelancongan dan sosioekonomi Pulau Langkawi. Peruntukan kerajaan sebanyak RM420 juta yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari bakal digunakan berdasarkan pelaksanaan inisiatif pelan induk tersebut. Selain itu, kerajaan akan bekerjasama erat dengan sektor swasta untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam sektor pelancongan Langkawi dalam usaha mempelbagaikan produk dan perkhidmatan yang akan dinikmati oleh para pengunjung kelak.

Projek-projek yang akan dijalankan adalah bersifat *inclusive* yang dijangka memperkasakan sektor pelancongan di Langkawi serta memberikan *speed lower effect*, dengan izin, kepada semua lapisan masyarakat tempatan termasuk nelayan dan petani. Kesan limpahan positif ini berbentuk penyediaan peluang pekerjaan serta penajanaan pendapatan yang lebih banyak dan pelbagai ke arah meningkatkan kesejahteraan masyarakat tempatan Pulau Langkawi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan satu Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya, okey.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Okey, terima kasih. Saya ingin bertanya satu perkara berkenaan yang saya ada bangkitkan semasa perbahasan ya. Mungkin Yang Berhormat boleh bantu berkenaan dengan peruntukan pemberian RM500 kepada keluarga di bawah RM3,000. Saya hendak tahu apakah kedudukannya sekarang sebab kami sebagai wakil rakyat menerima banyak panggilan daripada orang ramai berkenaan syarat-syarat kelayakan dan pemberiannya tersebut. Ini kerana kalau dalam ucapan Yang Amat Berhormat boleh nyatakan bahawa seramai 3.4 juta isi rumah akan mendapat faedah ini, saya percaya sudah...

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Langkawilah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pihak kerajaan sudah tahu apakah syarat-syarat kelayakan itu. Jadi kami boleh sampaikan kepada orang ramai. Terima kasih.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Perkara ini saya jawab. Perkara ini di bawah Kementerian Kewangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Bukan di bawah saya. Terima kasih.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya membangkitkan perkara ini di Pantai Cenang dengan Pantai Tengah sebab dia tempat tumpuan pelancong. Saya harap perlukan diberi kepada untuk membaik pulih kawasan tersebut dari segi *servicenya* dan juga sampah sarap. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambah sedikit.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Pantai Cenang seperti Pantai Tengah dan Pulau Payar

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf saya tahniahlah pada kerajaan tentang Langkawi ini. Saya ingin *reverse* sedikit Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Tadi sebab Yang Berhormat Menteri tidak menjawab soalan saya tentang defisit tadi itu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kepada kerajaan apakah 55 peratus itu adalah satu angka yang mesti dipertahankan. Ini kerana sejarah kita Yang Berhormat Menteri, mula dulu kita hutang siling negara kita ialah lebih kurang RM30 bilion kemudian naik kepada 40 peratus, naik kepada 45 peratus dan sekarang kita berada pada tahap 55 peratus.

Soalan saya yang pertama ialah apakah 55 peratus itu satu angka yang bagaimanapun tidak boleh diubah atau kita boleh lagi mampu untuk mengubahnya kepada 60 peratus dan kita masih dalam keadaan yang okey. Itu satu. Keduanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula hutang ini seperti mana yang kita tahu 90 peratus hutang ini adalah daripada pasaran tempatan, daripada *is domestic debt* hutang *local*. Ini kerana Malaysia adalah satu negara yang mana kita mempunyai kadar simpanan antara yang tertinggi menyimpan kadar tertinggi di dunia, antara yang tertinggi. Jadi dari segi itu apabila 55 peratus itu *breach* dan kita naik kepada 60 peratus contoh, saya kira ia walaupun mungkin kita tidak mahu berada dalam keadaan itu tetapi sebenarnya hutang itu kebanyakannya ialah hutang dalam negara kita.

Ia tidak ada kena mengena dengan negara lain, negara kita mampu dan sebenarnya sekarang ini pun *liquidity* di dalam *local market* kita pun begitu tinggi sekali mampu untuk *absorb* dengan izin hutang-hutang berkenaan.

■1840

Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri sebab 55 peratus terutamanya dalam keadaan krisis ekonomi dunia, apakah itu satu yang mesti dipertahankan? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi, saya mengambil maklum tentang isu itu. Kita balik kepada isu tadi, sungguhpun saya sudah beralih ke isu lain. Akan tetapi tidak mengapa, Yang Berhormat Kota Belud membangkitkan satu isu yang penting sekali.

Seperti yang saya sebut tadi, kita adalah sebuah negara yang memberi keutamaan, yang berpegang kepada pragmatisme dan bukan ideologi. Jadi, dalam isu pragmatisme itu tidak ada angka ghaib. *There are no magic figures*. Jadi, kalau ada orang kata 55 peratus adalah *magic figures*, apa *magic figures*? Dia datang dari mana *magic*? Angka ini adalah satu angka yang diletakkan sebagai satu garis panduan, bukan satu perkara yang dianggap sebagai satu perkara yang penting sangat. Perkara yang penting yang mungkin lebih penting dari angka 55 peratus itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud itu, berapa banyakkah pinjaman yang kita pinjam dari luar negara, hanya 1.9 peratus, tidak sampai 2 peratus pun. Sebanyak 98 peratus pinjaman adalah pinjaman dari dalam negara. Satu.

Kedua, berapa banyakkah kita menggunakan hasil untuk membayar balik pinjaman. Sebanyak 10 peratus, itu sahaja. Daripada hasil, 10 peratus sahaja kita gunakan, bukan separuh hasil kita, kita bayar hutang. Tidak, hanya 10 peratus. Angka-angka ini mungkin lebih penting dari angka 55 peratus tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beralih...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tahniah Yang Berhormat Menteri. Tahniah.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih. Saya akan beralih kepada satu isu yang dibangkit...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi. Penjelasan. Langkawi tadi, sedikit lagi.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan Langkawi ada LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi) yang mana Pengerusi bersamanya ialah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi, adakah peruntukan itu hendak disalurkan kepada LADA ataupun mempunyai agensi tersendiri untuk dilaksanakan bagi pihak pembangunan di Langkawi ini. Itu isu yang pertamanya.

Keduanya, Langkawi ini milik negeri Kedah tetapi baru-baru ini saya lihat ada kenyataan daripada Kerajaan Negeri Perlis untuk memasukkan seorang lagi Lembaga Pengarah daripada negeri Perlis sebagai ahli lembaga kepada LADA ini. Adakah pihak kementerian dimaklumkan perkara ini? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Okey Yang Berhormat Kuala Kedah. Jumlah RM420 juta ini bukan semuanya akan disalurkan melalui LADA, ia akan disalurkan oleh EPU untuk projek-projek tertentu.

Kedua, dalam kita membuat perancangan *blueprint* yang akan diumumkan, akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Disember, kita sudah bincang dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah sendiri telah memberi persetujuan dan begitu gembira dengan pelan yang dibentuk. Berhubung dengan cadangan untuk melantik ahli dari Perlis, saya tidak terima maklumat tentang perkara itu.

Ahli Yang Berhormat Gombak telah membangkitkan isu mengenai penghasilan teknologi minyak pirolisis. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Petronas telah menjalankan *feasible study*, dengan izin, untuk menghasilkan *biofuel* daripada *biomass* yang terbuang daripada industri kelapa sawit. Daripada hasil kajian yang dijalankan, pihak Petronas mendapati bahawa teknologi minyak pirolisis tidak dapat menghasilkan *biofuel* yang menepati spesifikasi *biodiesel* atau *biojet*. Satu lagi proses tambahan yang lebih kompleks diperlukan dan proses ini masih lagi baru dalam industri dan belum terbukti secara komersial. Jadi, buat masa ini Petronas tidak bercadang untuk melibatkan diri dalam bidang teknologi minyak pirolisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang saya hendak jawab. Isu yang lain kita akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dijemput seorang lagi Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri.

6.45 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat pengumuman tentang FELDA, SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) dan APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia).

Yang Berhormat Pengerang mencadangkan supaya anak-anak FELDA diberikan peluang dan tempat di FELDA, FELDA Global dan Koperasi Permodalan FELDA (KPF). Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, seramai 6,511 atau 28 peratus daripada jumlah staf FELDA yang sedang berkhidmat sekarang ini adalah terdiri daripada generasi baru anak peneroka di mana 320 orang memegang jawatan di peringkat pengurusan seperti pengurus besar, pengurus kilang dan pengurus syarikat. Manakala, selebihnya iaitu 6,191 orang di peringkat kumpulan sokongan. Terdapat 12 orang dari kalangan generasi baru yang memegang jawatan penting iaitu sebagai pengurusan kanan dan ketua pegawai eksekutif di dalam FELDA, FELDA Global Ventures Berhad mahupun Koperasi FELDA.

Dalam tempoh akan datang, kumpulan FELDA turut menyediakan barisan pelapis di kalangan generasi baru untuk diserapkan dalam perkhidmatan kanan FELDA. Pada masa ini seramai 72 orang pelajar dari kalangan generasi baru sedang mengikuti pengajian di universiti terpilih di luar negara dengan biasiswa FELDA dalam pelbagai bidang. Manakala 6 orang yang telah tamat pengajian telah pun berkhidmat dengan FELDA sejak 1 Oktober 2011.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Jasin agar FELDA dapat bekerjasama dengan institusi pelaburan negeri untuk memastikan kejayaan FELDA pada masa akan datang sebenarnya telah diambil kira dalam proses transformasi FELDA. Pengurusan FELDA sedang memperhalusi peranan kerajaan negeri dalam menjayakan transformasi ini.

Cadangan Yang Berhormat Jempol pula berkaitan durian runtuh kepada peneroka hasil penyenaian FGVH dibayar dalam bentuk saham KPF dan wang tunai akan diperhalusi oleh pihak FELDA. Sudah pasti FELDA akan terus melaksanakan peranan sosialnya untuk menjaga kebajikan peneroka walaupun selepas penyenaian FGVH. Mengenai permohonan peruntukan bekalan air kepada FELDA Raja Alias, kerajaan telah memperakukan kelulusan peruntukan berjumlah RM400 juta untuk kerja-kerja menaik taraf bekalan air di Rancangan FELDA yang mengalami gangguan bekalan air terutamanya di negeri Pahang. Cadangan Yang Berhormat untuk kawasan Raja Alias itu akan dipertimbangkan.

Pengurusan FELDA juga mengambil maklum cadangan Yang Berhormat Jempol untuk menjual barangan murah dan kerjasama dengan syarikat *hypermarket* yang terlibat akan dijalinan. Mengikut perancangan menjelang tahun 2012, sebanyak 100 kedai barangan 1Malaysia akan dilaksanakan di cawangan D'Mart dalam rancangan FELDA seluruh negara.

Cadangan Yang Berhormat supaya mengkaji semua hasil jualan ke kilang luar oleh peneroka tanam semula sendiri, kerugian mereka kerana hasil yang rendah akibat kualiti baja yang dibeli sendiri, pada masa ini FELDA telah pun mengambil langkah mewujudkan penyata pendapatan individu kepada peneroka yang menanam semula sendiri bagi membolehkan mereka menjual buah sawit terus ke kilang FELDA, sekali gus dapat mengelakkan mengurangkan kerugian. Ini kerana harga buah di kilang FELDA adalah lebih terkawal berbanding jika ia dijual di luar. Kewujudan penyata pendapatan ini juga membolehkan pemotongan hutang dapat dilaksanakan dan mengelakkan bebanan hutang yang tinggi terhadap peneroka. FELDA menggalakkan peneroka kembali semula menyertai FELDA dan menjual hasil ke kilang FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini seramai 13,808 orang atau 12.3 peratus peneroka mengusahakan tanaman semula sendiri iaitu 11,440 orang di kawasan sawit dan 2,368 orang di kawasan getah. Manakala di wilayah Raja Alias Jempol, seramai 304 orang peneroka menanam semula secara sendiri iaitu 125 orang di kawasan sawit dan 179 orang di kawasan getah. Jumlah ini hanya 1.8 peratus berbanding jumlah keseluruhan peneroka wilayah Raja Alias iaitu 16,430 peneroka.

Cadangan Yang Berhormat Jempol supaya mengkaji semula mekanisme pewarisan supaya hasil ladang dapat diagihkan kepada semua anak-anak setelah anak dan ibu meninggal dan tidak hanya kepada pentadbiran tanah adalah juga sangat baik. Sistem pewarisan yang dilaksanakan di FELDA adalah berasaskan kepada keputusan bicara kuasa yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Daerah. Keputusan ini akan menimbang dan menentukan sama ada pembahagian hasil dan harta ditentukan mengikut hukum faraid ataupun berdasarkan keputusan agihan bersama. Adalah digalakkan supaya pertukaran surat hak milik dilakukan sewaktu ibu dan ayah masih hidup melalui perundingan.

■1850

Manakala cadangan Yang Berhormat supaya menyejajarkan tender tanam semula dan penanaman pokok supaya dapat mengurangkan hutang dan kos sara hidup yang tinggi, sebenarnya pihak peneroka tidak akan terbeban dengan sebarang penambahan hutang akibat perkara tersebut. Sebarang penambahan kos tanam semula dalam tempoh 36 bulan adalah tanggungan FELDA tanpa melibatkan kewangan peneroka.

Yang Berhormat Rembau ada menyatakan penyenaian FGVH akan mewujudkan peluang bagi masyarakat FELDA. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Rembau. Penyenaian FGVH bukan sahaja mewujudkan peluang kepada masyarakat FELDA malahan warga peneroka boleh mengharapkan penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi agenda utama model transformasi baru FELDA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tenggara, kerajaan menyedari masalah generasi baru yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang sesuai dan telah mengambil langkah-langkah tertentu membantu mereka yang terlibat.

Di antara usaha yang telah dilakukan ialah membina rumah mampu milik di tanah rancangan supaya mereka dapat tinggal bersama ibu bapa dan turut sama membantu dalam pembangunan rancangan dalam jangka masa panjang. Kerajaan juga turut memberi tumpuan dalam memberi latihan kemahiran kepada generasi baru dalam pelbagai bidang seperti mekanisme ladang, keusahawanan, juruteknik pembaikan komputer, teknologi maklumat, multimedia dan sebagainya yang dapat melatih dan membolehkan mereka berdikari di tanah rancangan. Setakat ini seramai 36,600 orang anak peneroka telah diberi pelbagai latihan kemahiran melibatkan kos sebanyak RM224 juta sejak tahun 2005.

Selain daripada latihan kemahiran dan keusahawanan, generasi baru juga turut disediakan peluang untuk bekerja di ladang peneroka atau ladang FELDA Plantation. Selain daripada peluang ini, FELDA turut memberi peluang kepada generasi baru untuk mendapatkan mana-mana kontrak kerja yang bernilai di bawah RM100,000 di peringkat rancangan. Dalam usaha membantu generasi, FELDA telah mewujudkan pusat perkampungan baru iaitu FELDA Jaya, Perumahan Warga FELDA (PWF) dan Pusat Industri Ringan FELDA. Sehingga kini, sebanyak tiga projek pembangunan FELDA Jaya telah dilaksanakan iaitu FELDA Jaya Utara di Trolak, Perak; FELDA Jaya Timur di Mempaga, Pahang; dan FELDA Jaya Selatan di Raja Alias, Negeri Sembilan. Projek ini mengandungi kediaman moden, kawasan perniagaan IKS, pusat latihan, kompleks sukan, pusat pentadbiran dan sebagainya.

FELDA juga sedang dan telah menyediakan 10 projek Perumahan Warga FELDA (PWF) sebagai usaha membantu generasi peneroka memiliki rumah dengan sempurna dan merancang 11 lagi projek yang lain. Sehingga kini, sebanyak lapan Projek Industri Ringan FELDA telah dilaksanakan dalam usaha mengumpulkan usahawan-usahawan dari kawasan sekitar dan membantu mengembangkan perusahaan mereka. Majlis tempatan atau PBT juga boleh memainkan peranan dalam pembangunan kawasan FELDA untuk dijadikan sebagai pembangunan pusat-pusat bandar baru bagi masyarakat FELDA.

FELDA mengambil maklum kedudukan tanah terbiar di kawasan yang terdapat di dalam kampung ataupun di kebun peneroka. Sebahagian besar kawasan ini telah diusahakan oleh peneroka dengan projek-projek ekonomi sampingan seperti tanaman kontan, akuakultur dan ternakan. Kawasan terbiar di perkampungan FELDA sedang menunggu ketetapan daripada kerajaan negeri untuk diperuntukkan kepada generasi baru. Sehingga kini, hanya Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan kepada generasi baru untuk tapak rumah manakala negeri-negeri lain masih menyediakan dasarnya.

Yang Berhormat Padang Terap mempersoalkan tentang generasi pertama FELDA akan menerima durian runtuh dengan penyenaian FELDA dalam bursa saham, dan bagaimana pula nasib generasi baru dalam hal ini. Generasi kedua dan ketiga juga akan mendapat faedah daripada penyenaian FVGH melalui keanggotaan mereka di dalam Koperasi Permodalan FELDA yang terbuka kepada isteri dan anak-anak peneroka.

Yang Berhormat Telok Kemang menegaskan dengan penglibatan Koperasi Permodalan FELDA dalam penyenaian, kerajaan perlu memberi jaminan bahawa pulangan kepada peneroka tidak kurang daripada sekarang dari segi dividen dan bonus. Penyenaian FGVH akan memberi pulangan yang setanding dengan pasaran semasa. Jumlah dividen dan bonus akan ditentukan berdasarkan pulangan pelaburan di dalam FGVH dan di dalam pelaburan yang dilaksanakan oleh KPF sama ada dalam pasaran saham, pasaran wang, sewa hartanah, pelaburan di syarikat bersekutu, usaha sama dan juga bon.

Untuk makluman Yang Berhormat Telok Kemang juga, harga pasaran gula tanpa subsidi sekarang ialah RM2.50 sekilogram. Kerajaan telah memberi subsidi pada kadar 20 sen di mana jumlah harga pasaran gula yang ditetapkan kepada pengguna adalah RM2.30 sekilogram. Jika dibandingkan dengan negara jiran, harga pasaran gula yang ditetapkan kepada pengguna adalah RM2.55 sekilogram di Thailand, RM3.30 sekilogram di Indonesia, RM3.80 di Filipina dan RM3.82 di Singapura yang jauh lebih tinggi dari negara kita yang hanya RM2.50 sekilogram.

Untuk makluman Yang Berhormat Kalau Krau, pada masa ini proses penilaian penasihat-penasihat tempatan dan antarabangsa untuk penyenaraian sedang dilakukan berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah disyaratkan. Pengumuman pelantikan penasihat penyenaraian FELDA Global Ventures akan dilakukan dalam masa terdekat.

Yang Berhormat Permatang Pauh mahu siasatan terhadap pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Isa Samad sebagai Pengerusi Koperasi dan juga menyentuh mengenai penyenaraian FELDA dalam Bursa Saham boleh menyebabkan FELDA mengalami nasib seperti MAS. Untuk perhatian Yang Berhormat, Tan Sri Isa Abdul Samad secara rasminya masih belum dilantik sebagai Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA (KPF). Oleh itu, pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa sebagai Pengerusi KPF yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah FELDA akan dilaksanakan mengikut undang-undang yang diperuntukkan dalam Akta Koperasi 1993 dan Undang-undang Kecil KPF selepas ini. Sehubungan itu, segala peraturan akan dipatuhi bagi melaksanakan pelantikan tersebut.

Mengenai penyenaraian FELDA melalui FELDA Global Ventures dalam Bursa Malaysia akan mewujudkan sebuah syarikat multinasional terbesar yang berasaskan *agribusiness* bersepadu dan dinamik. Penyenaraian ini akan lebih manfaat kepada warga peneroka dalam bentuk pulangan yang lebih tinggi melalui keahlian mereka dalam KPF. Ini dibuktikan semasa penyenaraian anak syarikat Kumpulan FELDA iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad yang disenaraikan di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2011. Faedah penyenaraian MSM kepada FELDA ialah sebanyak 'RM1.2 ribu juta'.

Yang Berhormat Machang turut mempertikaikan tentang pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Isa sebagai Pengerusi...

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak patah balik sedikit berkaitan isu pelantikan Tan Sri Isa sebagai Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA. Yang ditimbulkan oleh rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat ini ialah *conflict of interest*. Dia sebagai Pengerusi FELDA, dia juga akan menjadi Pengerusi Koperasi FELDA Berhad. Ini yang menjadi persoalannya kerana kita tahu bahawa perniagaan yang dibuat oleh FELDA ini boleh diurus ataupun boleh dilaksanakan oleh koperasi.

Saya tidak nafikan soal Akta Koperasi, soal *benefit* yang akan diperoleh oleh ahli-ahli koperasi itu, saya tidak nafikan kerana itulah sistem yang ada dalam koperasi. Akan tetapi yang saya timbulkan ini ialah *conflict of interest* yang akan berlaku antara Pengerusi FELDA dengan Pengerusi Koperasi yang sudah barang pasti sekiranya projek-projek itu hendak dilaksanakan oleh koperasi, yang akan buat keputusan ialah Pengerusi FELDA. Yang akan menerima manfaatnya ialah Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi serta ahli-ahlinya. Jadi ini yang ditimbulkan persoalan tentang *conflict of interest* ini. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kedah. Sebagaimana yang saya jelaskan, Yang Berhormat Tan Sri Isa belum lagi secara rasmi dilantik menjadi Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA. Sukacita juga saya maklumkan bahawa sekarang ini Pengerusi KPF ialah Pengarah Besar FELDA yang mempunyai kuasa eksekutif dalam pelbagai bidang dalam perjalanan urusan FELDA. Akan tetapi sebenarnya jika Tan Sri Isa menjadi pengerusi kepada KPF, beliau tidak mempunyai kuasa eksekutif sebagaimana kuasa yang ada pada DG FELDA. Itu sebab kita inginkan seorang yang tidak mempunyai kuasa eksekutif menjadi Pengerusi KPF, bukan DG FELDA yang mempunyai kuasa eksekutif. Sebenarnya kebimbangan Yang Berhormat itu sebenarnya yang berlaku sebaliknya, bukan apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Machang turut mempertikaikan tentang pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Isa sebagai pengerusi kerana dikatakan tidak mengikut prosedur dan tata kelola yang sepatutnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan Tan Sri Isa sebagai pengerusi yang berkaitan dengan FELDA adalah berdasarkan kepada tatacara dan urus tadbir syarikat. Oleh itu, pelantikan beliau sebagai pengerusi di dalam beberapa syarikat berkaitan FELDA tidak menimbulkan konflik berkepentingan kerana semua syarikat tersebut ialah di bawah Kumpulan FELDA dan setiap pertubuhan atau syarikat tersebut diuruskan mengikut akta-akta yang berkaitan dengan entiti berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Agensi Penguatkuasaan Maritim pula, Yang Berhormat Kalabakan membangkitkan mengenai penyeludupan barang-barang subsidi di Tawau yang mana barang-barang ini dibawa keluar dari pangkalan jeti tanpa pemantauan daripada pihak berkuasa. Beliau juga membangkitkan siapakah yang bertanggungjawab dalam hal ini sama ada Lembaga Pelabuhan, polis ataupun maritim. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APMM selaku agensi bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan di perairan negara sentiasa memantau aktiviti penyeludupan termasuk penyeludupan barang subsidi.

■1900

Kegiatan penyeludupan yang ditangkap sepanjang tahun 2011 di perairan Sabah adalah sebanyak 38 kes iaitu 36 kes di perairan Tawau, satu kes di perairan Sandakan dan satu kes di perairan Labuan. Semua kes tangkapan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk tindakan undang-undang. Semua kes penyeludupan ini melibatkan barang-barang kawalan seperti gula pasir, minyak masak, tepung gandum, beras dan tong gas yang keseluruhannya bernilai RM271,800.80. Pada amnya aktiviti penyeludupan barang subsidi perairan Sabah adalah terkawal. APMM sentiasa memantau aktiviti haram ini terutamanya di perairan Tawau, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Piai telah menyentuh mengenai isu pencemaran laut yang melibatkan pemindahan dan pembuangan minyak secara haram. Beliau meminta pemantauan lebih kerap dari pihak maritim untuk mengawal aktiviti pencemaran laut ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara berkaitan pencemaran di laut sering dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Operasi Maritim anjuran Majlis Keselamatan Negara. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada Agensi-agensi Penguatkuasaan Maritim termasuk Jabatan Alam Sekitar. Namun pun demikian pencemaran laut sukar dibendung kerana kapal-kapal dagang didapati melakukan pembuangan minyak kotor pada waktu malam kerana mengelak daripada dikesan. Walau bagaimanapun aset APMM sememangnya melakukan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan untuk mengawal aktiviti pencemaran laut. Tindakan akan diambil sekiranya terdapat sesiapa sahaja yang melakukan aktiviti pencemaran tersebut.

Untuk makluman, kes pemindahan minyak yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 63 kes dan pada tahun 2011 sehingga kini adalah sebanyak sepuluh kes. Sesuai dengan APMM sebagai agensi tunggal bermula pada 1 September 2011, beberapa pangkalan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah diserahkan kepada APMM. Pangkalan tersebut akan menjadi pejabat dan pangkalan maritim tetap dengan penyerahan aset-aset yang dilakukan oleh *marine* dan juga kastam kepada APMM, penguasaan dan pemantauan di laut akan lebih mantap lagi. Rondaan di laut 24 jam sudah pun dipraktikkan dan akan dipertingkatkan lagi dengan pertambahan aset yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir mengenai Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Batu telah menyentuh kononnya tiada kesediaan kerajaan untuk pemberian permit kepada pengusaha teksi individu dan permit teksi dimonopoli oleh syarikat tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak menafikan pemberian lesen teksi dan kereta sewa kepada individu yang berkeelayakan yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berusia tidak melebihi 60 tahun; dan
- (iii) memiliki pengalaman memandu teksi, kereta sewa tidak kurang dari lima tahun.

Sehingga 31 Ogos 2011, sebanyak 15,830 lesen teksi dan 15,595 lesen kereta sewa telah diberikan kepada individu. Jumlah ini mewakili 54 peratus daripada keseluruhan 58,149 lesen teksi dan kereta sewa yang mendaftar. Maksudnya lebih banyak pemilik individu di banding dengan pemilikan syarikat.

Berhubung permintaan Yang Berhormat Jempol supaya insentif yang diberi kepada pengusaha teksi dipantau rapi bagi mengelakkan pengusaha yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan, kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan SPAD sedang memuktamadkan mekanisme terbaik bagi memudahkan proses permohonan oleh pemandu teksi serta mengelakkan ketirisan dari berlaku. Kerajaan juga mengambil maklum saranan Ahli Yang Berhormat Jempol yang mencadangkan agar teksi dibekalkan dengan maklumat pelancongan kerana penumpang mereka terdiri dari pelancong-pelancong asing. Dalam hal ini Kementerian Pelancongan telah pun turut bersama-sama membantu dengan menyediakan kursus-kursus bersesuaian kepada pemandu teksi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah membangkitkan beberapa isu mengenai projek MRT iaitu sistem urus tadbir yang digunakan dalam melaksanakan projek ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek MRT mempunyai struktur kawalan selia tiga tahap iaitu yang pertama Jawatankuasa Pemandu, *Steering Committee* yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh SPAD. Jajarannya pula perlu diluluskan oleh SPAD untuk disyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi kelulusan sejajar dengan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Dari segi pelaksanaan projek, Jabatan Audit Negara bertanggungjawab untuk mengaudit manakala SPRM pula mengawasi ketelusan implementasi melalui *integrity pact*. Di peringkat teknikal, jurutera pemeriksa bebas ataupun *independent checking engineer* (ICE) dengan izin, dilantik untuk memastikan reka bentuk pembinaan dan operasi keseluruhan sistem kereta api memenuhi piawaian yang ditetapkan. Berhubung harga kontrak dan cara bayaran rakan pelaksana projek MMC-Gamuda iaitu Projek *Delivery Partner* (PDP), peratusan fi belum dimuktamadkan. Rundingan sedang berjalan antara pihak pemilik projek iaitu Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Kementerian Kewangan dan pihak PDP untuk memastikan tahap peratusan fi adalah munasabah. Adalah juga dimaklumkan bahawa peratusan fi untuk *independent checking engineer* adalah kurang dari 2 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPAD adalah agensi penyelia projek MRT dan bukannya pelaksana projek. SPAD merupakan penyelia projek yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan orang ramai dengan memastikan projek MRT ini akan membawa manfaat kepada rakyat dari pelbagai segi termasuk dalam menentukan ia mesra pengguna, selamat dan memakan belanja yang munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos yang dilaporkan dalam akhbar sebelum ini merupakan spekulasi dan bukannya kos sebenar projek MRT. Ingin saya tekankan di sini kos projek belum dimuktamadkan kerana rundingan antara pihak pemilik projek iaitu MRT Corporation dan PDP masih berjalan untuk memastikan kos projek adalah munasabah. Berhubung keupayaan untuk membayar ganti rugi kelewatan pelaksanaan projek ini adalah dimaklumkan bahawa salah satu tanggungjawab PDP adalah ianya akan menanggung kos yang melebihi kos sasaran yang dipersetujui. Di samping itu PDP juga akan menanggung segala kelewatan yang mungkin berlaku dan akan melaksanakan apa-apa kerja yang tidak dapat dilakukan oleh pihak kontraktor. Syarikat PDP iaitu MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. merupakan satu entiti berpengalaman yang telah terbukti berkebolehan menguruskan projek-projek mega dan projek-projek kereta api dan pembinaan terowong khususnya bukan sahaja di Malaysia malah di luar negara contohnya di Taiwan. Kepakaran yang amat kritikal bagi menjayakan projek MRT ini perlu dipertimbangkan secara objektif bagi memastikan segenap faktor kunci kejayaan projek telah diambil kira.

Seterusnya isu keperluan untuk mengambil tanah di permukaan, walaupun jajaran MRT berada di bawah tanah adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti struktur tanah, kedalaman jajaran bawah tanah dan sama ada tanah itu diperlukan untuk stesen atau terowong. Faktor yang paling penting dalam pertimbangan sama ada pengambilan tanah perlu dilakukan adalah keselamatan penghuni bangunan atas permukaan tanah dan juga jajaran bawah tanah. Jika struktur tanah tidak membolehkan bangunan yang sedia ada untuk terus didiami semasa pembinaan jajaran bawah tanah maka tanah tersebut terpaksa diambil oleh kerajaan. Begitu juga tanah yang akan diambil untuk stesen jika pembinaan stesen bawah tanah terpaksa dilakukan dari permukaan dan digali sampai paras kedalaman yang diperlukan.

Terdapat tujuh stesen bawah tanah dan 24 stesen atas tanah di sepanjang jajaran pertama sejauh 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang. Namun begitu untuk jajaran bawah tanah yang cukup dalam dan di kawasan yang mempunyai struktur tanah yang sesuai, kerajaan sedang mengkaji sama ada bangunan sedia ada di atas terowong dapat dikekalkan. Dengan ini status pemilikan tanah permukaan dapat dikekalkan dan pengambilan tanah mungkin tidak perlu dilakukan. Walaupun pengambilan tanah tidak diperlukan, penghuni bangunan harus dipindah untuk sementara waktu sebagai langkah keselamatan dan akan diberi pampasan hilang pendapatan untuk tempoh sekitar enam bulan.

Kajian serta rundingan dengan pemilik tanah Jalan Sultan, Jalan Bukit Bintang dan Jalan Inai sedang dijalankan dan kerajaan berharap formula *core existence* akan membolehkan MRT dibina di mana tanah di atas jajaran bawah tanah tidak perlu diambil dan pemilik tanah dapat terus menjalankan hidup mereka seperti biasa. Bagi mengurangkan pengambilan tanah, 70 peratus jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dibina menggunakan tanah milik kerajaan. Isu sama ada pengambilan tanah di Jalan Sultan dan juga di lokasi-lokasi lain di mana terowong MRT akan dibina perlu diteruskan ataupun sebaliknya bergantung pada hasil rundingan dengan pemilik tanah yang sedang berjalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua keputusan untuk menukar jajaran MRT atau sebaliknya dibuat setelah kajian mendalam dari segi enam faktor:

- (i) impak sosial yang minimum;
- (ii) pengambilan tanah yang minimum;
- (iii) kebolehan teknikal;
- (iv) integrasi yang sempurna;
- (v) penggunaan yang optimum; dan
- (vi) masa perjalanan kereta api yang pendek.

Kepentingan politik bukan satu faktor yang diambil kira dalam penetapan jajaran.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mengambil maklum berhubung saranan Yang Berhormat Bukit Bintang agar stesen MRT dibina di kawasan yang lebih sesuai dan mengekalkan bangunan-bangunan di Jalan Sultan agar tidak terjejas akibat projek MRT. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lokasi stesen-stesen MRT dipilih bergantung kepada faktor seperti kawasan ramai penduduk, kawasan aktiviti tinggi seperti kompleks membeli belah serta enam faktor yang saya sebutkan tadi.

■1910

Lokasi stesen Pasar Seni dipilih kerana ianya merupakan stesen integrasi dengan LRT laluan Kelana Jaya manakala lokasi stesen Bukit Bintang Sentral dipilih kerana ia dapat berintegrasi dengan sistem monorail. Pengalaman dari sistem MRT di seluruh dunia dan juga dari sistem LRT di Kuala Lumpur dapat menunjukkan bahawa stesen MRT atau LRT dapat memudahkan akses dan ini akan membawa pelbagai manfaat ke kawasan sekitar stesen tersebut dari segi penambahan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan. Sepatutnya pihak berkaitan mengalu-alukan jika dibina MRT di kawasan mereka.

Yang Berhormat Johor Bahru mencadangkan agar SPAD tidak meneruskan kajian untuk membina laluan keretapi laju KL-Singapura tetapi memadai perkhidmatan tersebut berhenti di Johor Bahru sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek keretapi laju yang telah dicadangkan sebagai salah satu projek utama untuk Greater Kuala Lumpur - Lembah Kelang dalam Economic Transportation Programme kerana ianya mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia.

SPAD sejajar dengan keputusan kerajaan kini sedang menjalankan kajian kemungkinan *possibility study* untuk mengenal pasti manfaat kereta api laju. Antara aspek yang dikaji termasuk dari sudut faedah risiko, impak termasuklah kemungkinan stesen akhir di Johor Bahru itu.

Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Tuaran mencadangkan agar kerajaan meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, SPAD ketika ini dalam usaha memuktamadkan pelan nasional pengangkutan awam darat yang akan menjadi sumber rujukan untuk sektor pengangkutan awam negara. Pelan ini akan mengambil kira keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien dan berintegrasi bukan sahaja di kawasan bandar malah meliputi kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Kuala Nerus beberapa inisiatif telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dalam isu pengangkutan awam. Melalui agensi pelaksana iaitu Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti SPAD, MARA dan SME Bank. Antaranya ialah program penjenamaan semula teksi Lapangan Terbang Sultan Mahmud, program mewujudkan imej baru kereta sewa negeri Terengganu, penubuhan syarikat Caj Ligas Sdn. Bhd. yang menyediakan perkhidmatan bas berhenti-henti di laluan sosial dan program peningkatan perkhidmatan bas berhenti-henti negeri Terengganu.

Kerajaan mengambil maklum saranan Yang Berhormat Bukit Katil untuk menyegerakan pembinaan sistem rel di Melaka. SPAD menghargai dan berterima kasih atas cadangan Yang Berhormat Bukit Katil agar kelulusan projek rel itu disegerakan. Untuk menjayakan matlamat ini, SPAD telah bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan untuk mengenal pasti perkhidmatan dan laluan rel yang boleh diadakan mengikut perancangan yang teliti serta keupayaan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Limbang pula bagi membangunkan terminal bas di kawasan Limbang akan diangkat oleh SPAD untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

7.13 mlm.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2012 yang menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Hulu Rajang dan Yang Berhormat Kanowit telah membangkitkan penyaluran peruntukan tanaman getah kepada pekebun kecil di bawah Skim Penanaman Semula Getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) getah, kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM194.7 juta untuk program tanam semula dan tanam baru getah oleh pekebun kecil bagi tahun 2011 dan 2012 di seluruh negara. Manakala negeri Sarawak peruntukan yang diluluskan adalah RM53 juta masing-masing untuk tanam baru dan tanam semula dan akan disalurkan terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Pertanian Sarawak untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kanowit juga telah membangkitkan isu tentang lori-lori buah sawit terpaksa menunggu lama sehingga dua hari untuk menjual buah tandan segar di sebuah kilang di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini telah disiasat oleh MPOB dan tindakan seperti berikut telah diambil untuk menyelesaikannya:

- (i) menambah seorang pegawai penguat kuasa MPOB di kilang tersebut;
- (ii) membenarkan tiga peniaga buah yang beroperasi berdekatan meningkatkan kapasiti belian dan jualan; dan
- (iii) mengadakan program-program pengembangan bagi meningkatkan kefahaman pekebun kecil yang baru menceburkan diri dalam penanaman sawit untuk mengenal pasti buah sawit yang masak serta teknik penuaian yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai penanaman komoditi sawit dan getah di atas tanah-tanah adat atau NCER yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, Kanowit dan Limbang ingin saya jelaskan di sini bahawa bantuan bagi tanaman baru dan tanam semula sawit dan getah akan disalurkan kepada pekebun kecil yang memenuhi syarat termasuk telah mendapat pengesahan daripada tuai rumah, Ahli Parlimen atau ketua kampung sekiranya ia merupakan tanah adat.

Untuk kawasan Limbang, permohonan tanaman baru sawit bagi 17 kampung, kawasan seluas 633 hektar yang merangkumi 305 orang telah pun diluluskan. Telah menjadi hasrat kerajaan untuk melihat kawasan-kawasan penempatan semula dibangunkan dengan tanaman komoditi yang sesuai. Sebagai contoh sehingga 19 Oktober 2011 permohonan seramai 406 pekebun kecil dengan keluasan 578.26 hektar di kawasan Belaga, Sungai Asap telah diluluskan di bawah bantuan skim tanam baru pekebun kecil. Manakala bagi kawasan Parlimen Baram sehingga 19 Oktober 2011, seramai 193 pekebun kecil sawit dengan keluasan 380 hektar telah diluluskan. Kawasan terlibat merupakan kawasan komoditi Penan iaitu daripada Long Laput - 29 pekebun kecil membabitkan 58 hektar, Long Kasih - 41 pekebun kecil 82 hektar, Long Demang - 100 pekebun kecil membabitkan 200 hektar dan Long Loyang - 20 pekebun kecil membabitkan 40 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu pekebun kecil meningkatkan produktiviti, kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menjalankan aktiviti pengembangan melalui pegawai-pegawai tunjuk ajar dan nasihat sawit atau TUNAS. Pegawai-pegawai TUNAS bertanggungjawab bagi membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pekebun kecil sawit persendirian mengenai antara lain, amalan pertanian baik dan penghasilan buah tandan segar yang bermutu untuk memastikan kadar perahan minyak yang tinggi. Pendekatan yang digunakan termasuk lawatan ke kebun dan plot demonstrasi, tunjuk ajar, kaedah dan ceramah teknikal kepada pekebun-pekebun kecil sawit persendirian ini. Sehingga kini terdapat seramai 140 orang pegawai TUNAS ditempatkan di seluruh negara di mana seramai 76 orang di Semenanjung, 19 orang di Sabah dan 19 orang di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pencemaran sungai oleh ladang getah dan sawit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sri Aman, ingin saya jelaskan di sini bahawa MPOB dan Lembaga Getah Malaysia sentiasa memantau aktiviti ladang-ladang sawit dan getah supaya operasi mereka tidak mencemari sungai-sungai. Selain itu MPOB dan LGM juga bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan alam sekitar yang berkaitan.

Kementerian mengalu-alukan pandangan Ahli Yang Berhormat Tenom tentang keperluan menarik lebih banyak pelaburan swasta dalam industri getah dan berkaitan getah. Bahkan kementerian bersetuju dengan pandangan ini terutamanya pelaburan dalam industri hiliran berasaskan komoditi. Dalam jangka masa panjang, usaha ini dapat memperkukuhkan industri komoditi negara yang berorientasikan pengeluaran produk-produk bernilai tambah tinggi. Bagi melengkapi usaha ini kementerian dari semasa ke semasa mengadakan misi ekonomi dan teknikal bagi mempromosikan produk-produk keluaran Malaysia. Ini secara tidak langsung akan menggiatkan lagi aktiviti hiliran yang seterusnya dapat menarik minat swasta untuk melabur di dalam industri komoditi.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat Tenom mengenai penubuhan dana kecemasan buat pekebun kecil, kementerian akan mengkaji kesesuaiannya. Buat masa ini KPPK akan menimbang segala permohonan mereka yang ditimpa bencana alam dengan kriteria-kriteria yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensi-agensinya sentiasa komited dalam menjalankan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan terutamanya dalam menghasilkan produk-produk yang bernilai tambah tinggi. Bagi sektor getah umpamanya LGM dan Pusat Penyelidikan Tun Abdul Razak telah pun mengkomersialkan produk-produk getah termaju seperti getah asli, teroksida, ekoprena dan getah asli nyah protein pureprena. Sejak tahun 2000 sebanyak 62 teknologi telah difailkan untuk tujuan paten yang melibatkan 36 inovasi teknologi getah. D daripada 62 paten ini sebanyak 12 paten telah diluluskan dan bakinya masih dalam proses kelulusan.

■1920

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengkomersialan ekoprena dan pureprena dilaksanakan melalui projek *Entry Point Projects* (EPPs) di bawah bidang ekonomi utama negara ataupun dengan izin, *National Key Economic Area* getah. Inovasi bagi teknologi ekoprena dan pureprena dipatenkan dan ditandaniagakan pada peringkat permulaan pemindahan teknologi ekoprena dan pureprena ini digunakan oleh FELDA, Rubber Industries Sdn Berhad dan MARDEC Berhad. Bagi aplikasi-aplikasi baru dengan menggunakan getah termaju atau *advance material*, kerajaan telah banyak membuat misi teknikal dan perdagangan di dalam dan di luar negara.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, produk pemencilan bumi telah dipasarkan di dalam dan di luar negara. Teknologi ini telah pun digunakan untuk jambatan kedua Pulau Pinang dan pembangunan bandar baharu di Paran, Iran manakala bagi teknologi getah asli cecair pula, ia telah dikomersialkan oleh syarikat tempatan untuk pembuatan *solvent-free adhesive* yang mempunyai pasaran yang meluas di dalam dan di luar negara.

Yang Berhormat Gombak telah membangkitkan isu mengenai potensi pengeluaran bio bahan api menggunakan kaedah *paralysis*. Pada masa ini, sebahagian besar EFB digunakan sebagai bahan penutup tanah (*mulching*) dan juga bahan pembakaran dandang (*boiler*), baja kompos, bahan untuk pembuatan perabot dan tilam, tenaga boleh diperbaharui (*second generation bio fuel*), dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MPOB telah menjalankan kajian *paralysis* menggunakan EFB bermula pada tahun 2002 lagi. Pada tahun 2008, proses *paralysis* telah ditambahbaikkan untuk mengeluarkan minyak bio dan bio arang. Pada tahun 2010, MPOB juga telah mewujudkan loji rintis *Biomass Experimental Kit* untuk mengeluarkan *Biochart* sebagai produk utama dan minyak bio sebagai produk sampingan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, penyimpanan minyak bio atau dengan izin, *bio oil* adalah usaha yang dilaksanakan di bawah NKEA, EPP7 program transformasi ekonomi 2011/2020 yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2010. EPP ini menggariskan usaha sektor swasta dalam mengkomersialkan bio bahan api generasi kedua dengan memfokuskan kepada penghasilan minyak bio daripada sisa bio jisim sawit.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Limbang, kementerian mengalu-alukan hasrat pihak yang ingin melibatkan diri dalam industri kenaf di negeri Sarawak. Untuk makluman, kementerian kini dalam usaha untuk mengembangkan penanaman kenaf ke negeri tersebut. Secara ringkasnya bentuk bantuan yang akan diberikan kepada pekebun kecil adalah berjumlah RM2,550. Bantuan-bantuan adalah meliputi bantuan input penanaman seperti benih, baja serta racun serangga perosak dan racun rumpai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh atau tidak saya mendapat perbandingan. Kalau hendak jawab, jawablah. Tidak jawab pun kena jawab. Mana menguntungkan dari segi keluasan yang sama, hasil seorang petani menanam kenaf dengan kelapa sawit atau dengan tembakau? Kalau ada pilihan oleh petani, mana lebih lumayan? Itulah, fahamlah itu.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading. Saya hendak sebutkan, kalau kita bandingkan di antara tanam-tanaman komoditi di dalam negara ini, hasil yang paling lumayannya tidak usah dibandingkan dengan komoditi sawit, getah dan lain-lain kerana yang paling lumayan adalah tanaman pokok lada. Bukan tanaman kenaf, bukan tanaman tembakau, bukan tanaman sawit. Akan tetapi oleh sebab dalam keadaan kita dalam negara kita ini yang terpaksa kita tengok keadaan tanah yang sesuai, maka sudah tentu ada tempat-tempat di mana tanaman kenaf lebih sesuai ditanam kalau dibandingkan daripada tanaman sawit.

Begitu juga tanaman sawit lebih sesuai jika dibandingkan daripada tanaman kenaf. Ini adalah keadaan tanah, keadaan tempat. Semua ini diperlukan penyesuaian sebelum kita membuat penilaian sama ada tanaman kenaf lebih baik ataupun tanaman komoditi-komoditi lain.

Walau bagaimanapun, untuk masa ini, saya hendak uar-uarkan bahawa kerajaan sedang menguar-uarkan bahawa tanaman kenaf boleh digalakkan untuk tanah-tanah yang ideal di mana tanah-tanah yang terbiar dan tidak digunakan langsung bagi mana-mana tanaman lain, maka kita menggalakkan supaya boleh dengan menanam pokok kenaf. Itu yang sedang kita galakkan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam memperkasakan usaha ini, Kementerian melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara telah memanjangkan pemakaian Akta KTN 2009 ke Sarawak. Dengan peluasan pemakaian ini di Sarawak, bantuan yang telah disebutkan dapat disalurkan kepada golongan sasaran secara teratur serta mengambil kira kepentingan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai status penjualan tanah LGM di Sg. Buloh kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu, ingin saya memaklumkan bahawa perjanjian jual beli di antara LGM dan KWSP telah pun ditandatangani pada 16 Ogos 2011. Di bawah perjanjian tersebut, seluas 535 ekar daripada 3,300 ekar tanah milik LGM di Sg. Buloh akan dikekalkan untuk keperluan LGM. Ini termasuk 80 ekar kawasan *germplasm*, pokok getah yang akan digunakan untuk tujuan penyelidikan pembiakbakaan bagi menghasilkan klon-klon getah berhasil tinggi.

Di kawasan yang sama, selain daripada ibu pejabat baru LGM, beberapa kemudahan baru termasuk pusat kecemerlangan getah atau *Hevea Centre of Excellence* dan *Hevea Business Development Cluster* akan dibangunkan. Ini bertujuan untuk membangunkan makmal penyelidikan yang dilengkapi dengan peralatan yang serba moden bagi memenuhi keperluan semasa yang bermatlamat untuk meningkatkan keupayaan LGM dalam melaksanakan fungsi utama iaitu *research and development* dalam pembangunan dan pemodenan industri getah negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian membahaskan Bajet 2012 berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Segala pandangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sepenuhnya dan langkah-langkah susulan akan diambil bagi meningkatkan pembangunan industri komoditi negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Dalam Negeri.

7.27 mlm.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Undang-undang Perbekalan 2012 yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri.

Insya-Allah, saya dan seluruh warga Kementerian Dalam Negeri akan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan ini bagi memberi impak yang maksimum kepada usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini.

KDN juga percaya pendekatan berhemah dan inovatif yang dilaksanakan kerajaan telah membuahkan hasil terutama dari segi penjimatan kos. Salah satu inisiatif yang melibatkan KDN adalah pelaksanaan penjimatan dalam pengurusan nilai bagi projek Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sebagai contoh, kerjasama antara Jabatan Penjara Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia seperti dalam program pemulihan pemasyarakatan merupakan sebuah program pemulihan di luar tembok penjara. Melalui program ini, kerajaan telah menjimatkan sebanyak RM228.5 juta secara keseluruhan melalui program ini.

Sehingga kini, program pemulihan kemasyarakatan telah dilaksanakan di lima buah kem ATM di seluruh negara yang melibatkan seramai 1,106 orang banduan. Ini tidak termasuk program-program lain seperti kerjasama antara PDRM dan ATM khususnya program latihan asas kepolisan di kem-kem tentera yang dijangka menjimatkan perbelanjaan kerajaan berjumlah RM250 juta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan Yang Berhormat Beruas, sukacita saya menyatakan bahawa kerajaan serius untuk melaksanakan NKRA.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

■1930

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Boleh tanya dua soalan ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tentang *cost saving* ataupun penjimatan kos. Saya dapat bajet polis. Peruntukan untuk PDRM pada tahun 2010 adalah RM4.5 bilion. Pada tahun lepas RM5.7 bilion pada tahun ini RM6.3 bilion. Adakah ini bertujuan penjimatan kos? Sebaliknya kos bertambah.

Kedua, isu *joint patrol* di antara ATM dengan PDRM. Adakah ini *precedent* yang bahaya bahawa kita membawa ATM ini ke jalan raya, sebenarnya ATM ini tidak pernah campur tangan dalam isu *civilians*. Terima kasih.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Sememangnya ada penjimatan, kerana fokus keutamaan yang diberikan kepada KDN dan juga usaha-usaha baru sama ada melalui NKRA atau pendekatan-pendekatan baru memerlukan peruntukan pertambahan yang jauh lebih besar daripada apa yang diperuntukkan melalui bajet ini. Akan tetapi melalui penjimatan-penjimatan dan juga pemikiran dan pendekatan di luar kotak, ia mengizinkan KDN dan pihak PDRM melakukan lebih jauh daripada apa yang seharusnya boleh kita lakukan sebelum ini. Ini sedikit sebanyak ada kaitan dengan tumpuan kerajaan terhadap beberapa NKRA yang merupakan tuntutan rakyat untuk melihat sekurang-kurangnya kadar jenayah dapat dikurangkan khususnya jenayah jalanan.

Berhubung kait dengan rondaan bersama ia masih lagi di peringkat perintis, dan setakat ini laporan yang kita terima ia tidak menimbulkan masalah di khalayak orang ramai, tetapi pada masa yang sama kita akan terus pantau sebelum ia diperluaskan di kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, makmal NKRA mengurangkan jenayah pada penghujung tahun 2009 telah melibatkan pelbagai pihak dengan pelbagai kepakaran. Sebanyak 55 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang turut merentasi kementerian dan agensi. Kalau terdahulu pendekatan merentasi kementerian dan agensi tidak dilihat sebagai satu pendekatan yang menyeluruh, kalau sebelum ini tidak ada inisiatif-inisiatif, sekarang ini 55 inisiatif melalui makmal telah pun dilaksanakan, maka peruntukan tambahan yang lebih besar diperlukan tetapi melalui penjimatan yang saya sebutkan tadi, maka sebahagian besar inisiatif yang telah pun dikenal pasti oleh makmal ini dapat dijayakan.

KDN telah mengenal pasti empat negeri iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor, dan Pulau Pinang yang mempunyai kejadian jenayah paling tinggi dan menyumbang kepada 72 peratus kejadian jenayah pada tahun 2008. Seterusnya 50 kawasan di negeri-negeri tersebut telah dikategorikan sebagai *hot spots* dan dijadikan sebagai tumpuan. Hakikatnya, pencapaian kita adalah jauh lebih baik daripada apa yang disasarkan. Misalnya bagi jenayah *index*, walaupun sasaran yang ditetapkan adalah penurunan sebanyak lima peratus jenayah *index* berbanding tahun 2009, tetapi statistik menunjukkan sehingga Oktober tahun ini kadar jenayah telah berjaya dikurangkan sebanyak 24.2 peratus iaitu melebihi 19.2 peratus daripada sasaran asal yang telah pun ditetapkan.

Bagi kes jenayah jalanan, kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 15 peratus penurunan, tetapi sehingga bulan Julai tahun ini jenayah jalanan telah berjaya dikurangkan sebanyak 40.7 peratus iaitu lebih penurunan sebanyak 25.7 peratus dari sasaran asal.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi usaha mengurangkan jenayah dalam negara bukan satu langkah *ad hoc* atau *one-off*, tetapi adalah satu usaha yang berterusan. Yang Berhormat Tanjong Piai membangkitkan tentang jenayah curi kenderaan di Tanjong Piai dan pergaduhan di Pekan Nanas.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa baru-baru ini NKPI, KDN telah diperluaskan kepada usaha mengurangkan jenayah curi kenderaan di antaranya adalah melalui peningkatan pelaksanaan Ops Lejang, iaitu operasi berkaitan curi kenderaan kini dilaksanakan oleh *task force* Ops Lejang di Bukit Aman di peringkat kontinjen dan juga di daerah seluruh negara. Kedua, *vehicle theft reduction council* (VTRC) dengan izin yang diwujudkan pada tahun 2007 bagi menangani jenayah kecurian kenderaan pula akan diupayakan dengan melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan.

Dalam kes yang berlaku di Pekan Nanas, siasatan polis mendapati punca pergaduhan dipercayai akibat perselisihan faham. Kes ini telah disiasat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan di atas kesalahan bunuh. Dua orang suspek telah ditangkap dan seramai enam orang suspek yang masih bebas sedang dikesan. Kedua-dua suspek yang telah ditangkap, telah dituduh di Mahkamah Seksyen Johor Bahru pada 23 September tahun ini di bawah seksyen 304A, Kanun Keseksaan dan kesnya masih lagi dalam percabaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tanjong Piai untuk menghalang kanak-kanak bawah umur yang berkeliaran tanpa sebab melewati jam 11 malam tiada peruntukan khas seumpamanya yang diperuntukkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, pihak polis melalui pelaksanaan konsep *community policing* yang bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan masyarakat setempat telah memberi peluang kepada masyarakat menerima polis sebagai rakan dan bersedia untuk bekerjasama mencegah jenayah. Dengan memberi maklumat-maklumat kejadian jenayah di persekitaran kawasan komuniti.

Tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal serta rondaan kereta peronda di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai dan tindakan *stop and talk*, dengan izin, adalah juga dilihat berkesan bagi mengelakkan kanak-kanak bawah umur ini daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang tidak sihat. Kes jenayah rogol adalah jenayah kekerasan yang amat keji dan tidak berperikemanusiaan sebagaimana yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang.

PDRM memandang serius kes sebegini kerana majoriti mangsa yang terlibat adalah golongan perempuan muda dan kanak-kanak yang mendatangkan kesan psikologi negatif seumur hidup kepada mangsa. Ramai daripada yang menjadi mangsa tidak memahami kesan dan akibat daripada kejadian ini dan kurang berpengetahuan tentang hak dan perlindungan keselamatan diri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun ya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian dan kerajaan sekurang-kurangnya pelan transformasi kerajaan untuk menghapuskan serta mengurangkan jenayah bukan sahaja telah mencapai satu kejayaan bahkan telah diiktiraf oleh banyak badan-badan yang membuat *rating*. Pertamanya, *rating* yang dibuat oleh IAP yang meletakkan Malaysia sebagai negara yang paling selamat sekali di Asia Tenggara dan paling selamat keempat di Asia. Ini bukan satu perkara yang mudah saya rasa kerana satu usaha yang berterusan yang telah dijalankan oleh Menteri dan juga kementerian yang telah menghasilkan satu lagi *rating* iaitu daripada *World Justice Project Rule of Law* daripada *index* tahun 2011, dia meletakkan Malaysia di kedudukan nombor satu di kalangan 19 negara berpendapatan tinggi dari segi keselamatan dan menjadikan negara ini sebagai setaraf dengan Perancis dan Belgium.

Saya ucapkan tahniah kepada Menteri dan juga kementerian, tetapi saya tahu pihak kementerian telah menjalani satu ujian dan telah mendapatkan satu kejayaan tetapi ada satu lagi ujian Yang Berhormat Menteri bukan mudah untuk mengurangkan jenayah tetapi yang paling penting sekali bagaimana untuk kita mengekalkan supaya kita dapat *rating* terus nombor yang terbaik, negara yang paling selamat di Tenggara Asia, keempat yang selamat di Asia. Kita mahu kalau boleh nombor satu di Asia.

Apa yang saya nak tanya di sini Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kita mahu membudayakan kerja yang terbaik ini kepada semua anggota keselamatan.

Ini bukan satu perkara mudah kerana apa yang saya lihat di kawasan saya di Jasin, ada satu pusat latihan polis sementara di Merlimau. Kita mahu melihat supaya anggota-anggota yang akan *graduate* daripada pusat latihan ini adalah mereka yang akan didedahkan kepada cara hidup satu kem polis yang benar-benar lengkap, ada padang bola, ada kelengkapan-kelengkapan lain berbanding dengan apa yang ada di Merlimau itu cukup terhad sekali. Kita mahu kalau boleh bukan sahaja mereka keluar daripada Merlimau, bahkan mereka mestilah didedahkan kehidupan seorang polis keluaran daripada pusat latihan yang sebenar.

■1940

Keduanya, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, di Jasin, Ketua Polis Daerah Jasin adalah seorang pegawai yang cukup *dedicated* sekali. Seorang pegawai yang saya rasa telah menunjukkan satu mutu kerja yang cukup terbaik. Saya dapati beliau hanya berpangkat DSP sahaja sedangkan saya dimaklumkan kekuatan di IPK Jasin, IPD Jasin adalah superintenden. Saya mohon kalau boleh pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun rasa terharu dalam konteks Yang Berhormat telah pun mengkaji, meneliti bahawa pengiktirafan yang diberikan kepada penurunan kadar jenayah bukannya datang daripada kita sendiri tetapi daripada tinjauan pihak-pihak di luar negara contohnya *Global Peace Index*, *Global Competitive Report*, Forum Ekonomi Dunia dan *World Justice Project (Rule of Law Index 2011)* malah Michael Babber, Ketua Unit Penyampaian Semasa Pentadbiran Bekas Perdana Menteri British, Tony Blair yang juga menetapkan sebagai satu sasaran mereka di United Kingdom iaitu ialah untuk menurunkan kadar jenayah telah menyatakan bahawa apa yang kita kecapai dalam masa hanya setahun, mereka di United Kingdom telah memerlukan lebih daripada dua setengah tahun.

Ini menunjukkan bahawa kita berada di atas landasan yang tepat tetapi seperti Yang Berhormat sebut tadi, saya setuju bahawa apa yang kita lakukan ini mesti secara berterusan dan yang paling penting ialah bagaimana kita dapat menambah nilai dan *capacity building*, dengan izin, dan satu perkara untuk kita memastikan pembinaan dalam pihak Polis Diraja Malaysia ialah melalui institusi-institusi latihan. Oleh sebab itu bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan kali ini, beberapa jumlah yang agak besar diperuntukkan kepada pihak PDRM untuk memastikan bahawa kita mempunyai satu institusi kepolisan yang moden yang sesuai dengan kehendak demokrasi moden dan negara yang progresif dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi berhubung kait dengan pusat-pusat latihan dan IPD di kawasan Yang Berhormat akan kita ambil maklum dan diberikan keutamaan malah lusa saya akan terima taklimat secara terperinci cara bagaimana peruntukan di bawah bajet tahun ini dapat dilaksanakan dan dapat dirasakan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan mewujudkan Akta Kawalan Penjualan Asid. Kementerian menyambut baik cadangan untuk mengkaji dan meminda undang-undang bagi mengetatkan kawalan ke atas pemerolehan bahan-bahan asid. Walau bagaimanapun, ini memerlukan penglibatan beberapa pihak antaranya Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab ke atas Akta Racun dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi meneliti penggunaan asid bagi pihak industri serta Jabatan Peguam Negara bagi menyediakan rang undang-undang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas menyentuh berkenaan pembinaan balai polis baru Pasir Mas yang telah pun mempunyai tapak di Lubuk Jong.

KDN telah mengambil maklum akan hal ini. Cadangan pembinaan Balai Polis Pasir Mas adalah di bawah konsep *build, lease and transfer* (BLT) oleh Syarikat Pembinaan BLT Sdn. Bhd. Rancangan asal pembinaan adalah bersekali dengan IPD Pasir Mas dan perumahan anggota. Berdasarkan kepada peruntukan semasa yang tidak mencukupi, cuma perumahan anggota sahaja yang dilaksanakan oleh PBLT dan telah siap sepenuhnya dan didiami sejak dua tahun lalu. Berkenaan cadangan pembinaan kompleks IPD Pasir Mas yang baru di Lubuk Jong, perolehan tanah telah pun dibuat oleh Kementerian dan permohonan kepada Unit Perancangan Ekonomi untuk memasukkan projek ini dalam Rolling Plan Kedua RMKe-10 telah pun dipanjangkan.

PDRM dan KDN akan melihat dengan serius untuk memastikan cadangan pembinaan IPD Pasir Mas ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di sana. Untuk makluman Yang Berhormat Sibuti, persimpangan Niah dan persimpangan Bekenu adalah terletak di bawah pentadbiran Balai Polis Batu Niah dan Balai Polis Bekenu di bawah IPD Miri, Sarawak. Timbalan Ketua Polis Daerah Miri, Sarawak telah membuat kajian dan mendapati pembinaan balai polis atau pondok polis di kedua-dua kawasan buat masa ini adalah tidak mendesak kerana jarak perjalanan kedua-dua tempat yang berkedudukan tidak jauh dengan balai polis yang sedia ada.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Sabak Bernam, ingin saya nyatakan bahawa cadangan pembinaan IPD dan perumahan di Sabak Bernam telah dimasukkan dalam Perancangan Projek Pembangunan RMKe-10 dan telah dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan projek dan peruntukan kewangan. Projek ini akan dimasukkan di bawah *rolling plan* yang kedua dengan kos pembinaan kompleks IPD berserta kuarters kediaman berjumlah RM70 juta di tapak sedia ada seluas 15 ekar. Untuk makluman Yang Berhormat Maran, proses pemindahan masuk pegawai dan anggota ke Kompleks IPD Maran telah dimulakan pada 8 September lalu setelah kompleks tersebut siap dan diserahkan kepada PDRM pada 24 Jun lalu. Kompleks IPD ini dijadualkan akan dapat beroperasi sepenuhnya pada awal tahun hadapan.

Berhubung cadangan pembinaan pondok polis Seberang Chenor berdasarkan lokasi pondok sementara sedia ada, ianya terletak berhampiran dengan Balai Polis Chenor dan balai ini mampu mengawal selia keselamatan di kawasan tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, terdapat sebanyak 61 buah pondok polis yang disewa oleh PDRM di daerah-daerah kecil dan pedalaman di seluruh negara. Mengenai cadangan Yang Berhormat Limbang, ingin saya jelaskan, dalam mempertimbangkan keperluan pembinaan sesebuah balai polis atau ibu pejabat polis, kementerian perlu memberi keutamaan kepada faktor-faktor dan keperluan lain yang lebih mendesak dan kritikal.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mengkaji keperluan untuk membina Kompleks Kediaman Polis Daerah Limbang dalam masa terdekat ini. Bagi menambah baik pulih Galeri Muzium Polis Bukit Kepong sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bakri, PDRM telah memohon peruntukan sebanyak RM25 juta di bawah Rolling Plan Kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tujuan pembinaan Galeri Muzium PDRM dan Memorial yang melibatkan reka bentuk dalaman serta kerja keselamatan bagi tebing Sungai Muar.

Ini kerana tapak pelaksanaan projek dicadangkan terdedah kepada bencana banjir. Sementara itu, peruntukan RM200,000 telah disalurkan pada tahun ini untuk tujuan baik pulih bangunan Muzium Bukit Kepong yang sedia ada. Kementerian mengucapkan terima kasih dan amat menghargai keprihatinan Yang Berhormat Hulu Selangor yang menyarankan agar kawalan dan sistem penyimpanan senjata api PDRM. PDRM sememangnya amat menitikberatkan aspek keselamatan senjata api sama ada semasa penyimpanan mahupun penggunaan. *Standard Operating Procedure* (SOP), dengan izin, dan peraturan-peraturan khusus telah disediakan dan digunakan berkaitan dengan tatacara penggunaan dan pengendalian senjata api termasuk dokumentasi serta kawalan 24 jam yang dikendalikan oleh anggota bertugas.

Selain itu, rancangan dan kajian penggunaan sistem berkomputer FRFID dan biometrik bagi mempertingkatkan lagi tahap keselamatan juga telah dikemukakan kepada MAMPU. Keperluan ini telah diperakukan dalam Rolling Plan Kedua dan sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek rintis di Lembah Klang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperjelaskan pertanyaan Yang Berhormat Serdang, suka saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, setakat 31 Ogos lalu, jumlah keanggotaan PDRM adalah seramai 110,927 orang. Penugasan keanggotaan perjawatan PDRM telah digunakan secara maksimum dan penempatan mereka adalah berasaskan kepada kepentingan dan keperluan penugasan yang mendesak. Pada tahun 2009, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, KDN dan PDRM, penempatan semula sejumlah 7,402 perjawatan polis yang membuat kerja-kerja pentadbiran am telah digantikan dengan kakitangan awam dan mereka telah ditempatkan di lapangan bagi melaksanakan tugas kepolisian dan pencegahan jenayah khususnya di kawasan-kawasan *hot spot* yang saya sebutkan tadi.

Mengenai penipuan skim *forex* dan pengiriman mata wang antarabangsa di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, Jabatan Siasatan...

■1950

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak tanya isu tadi, isu pengagihan tenaga kerja PDRM. Nampaknya pengurusan polis PDRM mempunyai 52,000 petugas di dalam pengurusan polis. Dalam *Royal Commission Report 2005* dicadangkan bahawa pengurusan dikurangkan sekurang-kurangnya 30 peratus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri ulaskan?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Inilah sebahagian daripada *civilization*, dengan izin, oleh pihak warga PDRM di mana pemikiran dan pendekatan di luar kotak di mana pihak yang mentadbir yang berada di dalam *office*, yang terlibat dalam pengkeranian dan juga pengurusan, diganti dengan perkhidmatan awam supaya pihak PDRM mampu menjalankan *core businessnya*, dengan izin iaitu kepolisan untuk memastikan keselamatan. Hendak melahirkan pegawai-pegawai polis dengan sekelip mata bukan satu perkara yang mudah tetapi dengan penekanan kita di kawasan-kawasan *hotspot* tadi. Ianya memerlukan *omnipresence* iaitu kehadiran pihak kepolisan dan melalui *omnipresence* ini pendekatan yang pelbagai digunakan sama ada balai-balai bergerak, menggunakan motosikal untuk membuat rondaan sama ada kita melibatkan RELA di dalam polis bantuan, juga di dalam konteks bagaimana kita dapat gantikan kakitangan awam dengan ditempatkan supaya pihak polis dan warga polis mendapat kelapangan bagi melaksanakan tugas kepolisan dan pencegahan jenayah.

Ini bermakna, bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun diambil kira tetapi mestilah ada infrastruktur dan mereka yang betul-betul memahami kehendak, situasi dan juga citarasa pihak PDRM tidak boleh digantikan sepenuhnya supaya apa yang kita rancangkan ini tidak dapat diimbangi dengan kehendak dan keperluan pihak Polis Diraja Malaysia...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Saya memang sokong falsafah itu. Akan tetapi isu ini dalam risikan polis atau bahagian risikan terutamanya cawangan khas. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa risikan polis ataupun cawangan khas mempunyai terlebih ataupun tenaga kuasa yang lebih daripada diperlukan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Jumlah pihak risikan dan cawangan khas akan saya umumkan dalam Dewan yang mulia ini. Akan tetapi sekadar untuk menyatakan bahawa jumlah yang ada di dalam cawangan khas mencukupi untuk memastikan bahawa Yang Berhormat sendiri selamat daripada ancaman-ancaman dari luar... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penipuan skim *forex* tadi dan pengiriman mata wang antarabangsa di Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM telah memulakan siasatan kes ini pada akhir Ogos lalu. Siasatan yang dijalankan diklasifikasikan di bawah seksyen 420, Tipu Kanun Keseksaan dan jika disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari 10 tahun dan boleh juga dikenakan sebatan dan denda. Nilai kerugian dalam kes ini dianggarkan RM36 juta yang melibatkan 101 orang mangsa. Sebanyak lapan laporan polis telah dibuat berkaitan kes ini di mana tujuh laporan dibuat oleh individu yang berasingan dan satu laporan dibuat oleh seorang individu yang mewakili 94 orang yang lain.

Pada masa ini, berdasarkan laporan polis yang diterima, siasatan yang dijalankan melibatkan individu-individu syarikat-syarikat tempatan, institusi-institusi kewangan, agensi-agensi kerajaan dalam dan luar negara serta Interpol. Penyiasatan ini masih dijalankan dan hasil siasatan akan dibawa ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

Seterusnya, cadangan Yang Berhormat Kalabakan agar anggota polis ditukarkan setiap dua tahun. Urusan pertukaran pegawai awam dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/2004 iaitu panduan pertukaran pegawai awam. Dasar ini menetapkan mana-mana pegawai yang menjawat jawatan di jabatan sensitif supaya berkhidmat di antara tiga hingga lima tahun sebelum ditukarkan ke jabatan lain. Matlamat arahan ini adalah untuk mengawal dan menghalang penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan tugas di kalangan pegawai dan anggota PDRM.

Mengenai isu judi haram yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kalabakan dan Yang Berhormat Kinabatangan, PDRM hasil Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu permasalahan perjudian haram dalam negara ini. Beberapa langkah telah diambil oleh PDRM melalui Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap G7 untuk mengesan dan membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket tertentu.

Bagi daerah Tawau pada tahun 2010, sebanyak 64 serbuan telah dibuat ke atas kegiatan perjudian haram. Daripada 94 serbuan tersebut, seramai 186 orang telah ditangkap dan sebanyak 202 mesin perjudian telah berjaya dirampas. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 pula sebanyak 124 serbuan telah dilaksanakan yang menghasilkan tangkapan seramai 98 orang dan rampasan mesin perjudian sebanyak 371 buah.

Untuk Daerah Sandakan, pada tahun 2010 sebanyak 51 serbuan telah dibuat ke atas kegiatan mesin perjudian haram. Seramai 34 orang telah ditangkap dan sebanyak 107 mesin perjudian telah dirampas. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 sebanyak 23 serbuan telah dilaksanakan yang menghasilkan tangkapan seramai 33 orang dan rampasan mesin perjudian sebanyak 234 buah. PDRM sentiasa mengalukan sebarang bentuk kerjasama dan penyampaian maklumat yang bermanfaat bagi membanteras sindiket perjudian tersebut. Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Hulu Terengganu menyentuh tentang keldai dadah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Iaitu salah satu jenayah merentasi sempadan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Juga menjadi perhatian KDN ketika ini.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak balik kepada isu perjudian haram. Kita tahu bahawa pihak PDRM memang banyak membuat serbuan ke atas *cyber cafe* ini yang melakukan perjudian haram dan sebagainya. Akan tetapi saya rasa satu masalah yang berlaku, fenomena ini ialah selepas serbuan kita nampak *cyber cafe* ini akan hidup semula. Dia akan tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Jadi, masalahnya yang saya nak tanya ialah walaupun ada banyak statistik yang menyatakan bahawa banyak serbuan dan tangkapan yang dilakukan, adakah ini berjaya dikaitkan dengan pendakwaan dan sejauh manakah kadar kejayaan yang menyabitkan pesalah-pesalah tersebut dengan tindakan undang-undang. Sama ada undang-undang yang sedia ada itu mencukupi untuk menyabitkan orang yang telah ditangkap itu. Saya rasa itu perlu dikaji semula...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Boleh jawab sekali, Bakri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya jawab yang ini dahulu. Saya akan jawab soalan itu berhubung kait dengan perkara yang dibangkitkan dalam perbincangan iaitu perkara-perkara yang menyentuh kepada kawasan Yang Berhormat Kalabakan dan Kinabatangan. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rasah, di Tawau sahaja dalam aspek siasatan dan pendakwaan pada tahun 2010, sebanyak 77 kertas siasatan dibuka, 61 kes masih dalam siasatan dan 9 kes telah dijatuh hukuman. Manakala, selebihnya pendakwaan gagal dilaksanakan kerana kekurangan bukti. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011, sebanyak 34 kertas siasatan telah dibuka, 28 kes masih dalam siasatan dan enam kes telah dijatuhkan hukuman.

Berhubung kait dengan daerah Sandakan pula, bagi tujuan siasatan dan pendakwaan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat, kadar aktiviti perjudian ini sepanjang tahun 2010 sebanyak 16 kertas siasatan telah dibuka dan semua kes masih dalam siasatan.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011, sebanyak 18 kertas siasatan telah dibuka dan 10 kes masih dalam siasatan. Daripada 10 kes tersebut, 7 kes masih dalam perbicaraan dan satu kes telah dijatuhkan hukuman.

■2000

Ini memberi gambaran sedikit-sebanyak dalam dua kawasan Ahli Yang Berhormat berhubung kait dengan dakwaan. Saya tidak menafikan bahawa fenomena jenayah merentasi sempadan khususnya dalam konteks perjudian yang sekarang ini dilihat berleluasa, bukan sahaja di negara tetapi merentasi sempadan negara kita, merupakan satu fenomena yang perlu ditangani bukan sahaja oleh pihak Polis Diraja Malaysia tetapi dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa daripada negara-negara lain yang terlibat. Ini sedang dilaksanakan dan ini merupakan sesuatu yang mungkin dilihat secara negatif kesan daripada globalisasi atau dunia tanpa sempadan atau langit terbuka dan dunia dilihat sebagai satu perkampungan dan ini merupakan satu cabaran yang perlu ditangani bersama.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di sini saya hendak tanya satu soalan pendek. Satu isu mengenai polis bantuan. Saya minta penjelasan adakah baru-baru ini polis bantuan diarahkan jaga di bangunan Sunway Putra Hotel dan Putra Mall? Mengapa polis bantuan diarahkan untuk perlindungan bangunan swasta? Sila jelaskan. Lagi satu, minta maaf...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu tanggungjawab polislah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Soalan yang kedua mengenai Muzium Bukit Kepong. Bagaimana PDRM menyelesaikan masalah banjir sebelum menentukan projek pembinaan muzium tersebut? Pada masa saya melawat tapak tersebut, didapati taraf air setinggi satu tingkat ke atas semasa banjir pada tahun ini dan juga tahun 2006. Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Soalan pertama tadi berhubung kait dengan banjir, saya sudah maklumkan jumlah peruntukan yang kita sudah salurkan untuk membuat tinjauan dan siasatan berhubung kait dengan tapak muzium berkenaan.

Menyentuh tentang keldai dadah iaitu salah satu jenayah yang juga merentasi sempadan juga menjadi perhatian KDN ketika ini. Prosedur siasatan yang sama digunakan bagi kes-kes keldai dadah dan kes-kes pengedaran dadah yang lain yang ditangkap. Mereka akan disiasat di bawah seksyen 39B, Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh membawa hukuman mati.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, terdapat dua kategori rakyat tempatan yang ditahan kerana mengedar dadah di luar negara iaitu golongan sindiket pengedaran dadah tempatan yang beroperasi di luar negara dan juga golongan keldai dadah yang diperalatkan oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa. Bagi sindiket pengedaran dadah tempatan, keuntungan yang tinggi adalah faktor utama menyebabkan mereka berani mengedar dadah ke luar negara, manakala bagi keldai dadah pula kebanyakan diperdaya oleh sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Mengenai kes tiga pemuda yang ditembak mati di Glenmarie yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani, hasil siasatan mendapati pihak polis yang melaksanakan tugas tersebut mengikut lunas undang-undang. Kertas siasatan telah diedarkan ke pejabat Peguam Negara pada 10 Oktober 2011 untuk mendapatkan pandangan dan juga nasihat. Mengikut peruntukan undang-undang, semua kes yang melibatkan kematian akan dirujuk ke mahkamah sama ada untuk dijalankan inkuies atau sebaliknya mengikut Bab 32, Kanun Acara Jenayah, Penyiasatan Mengenai Kematian.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang siasatan telah pun dijalankan. Cuma yang kita nak minta di sini ialah sementara kita mengakui bahawa pasukan polis kita telah pun membuat kerja-kerja yang baik malah mereka memberikan perlindungan dan keselamatan kepada kita semua, tetapi kita juga di luar sana merasai bahawa rakyat berasa curiga dan bimbang kerana ada kes-kes *high profile* macam ini.

Dahulu kita ada adik Aminulrasyid. Lepas kita *push, push, push*, akhirnya barulah satu jawatankuasa ditubuhkan dan akhirnya *investigation* ataupun penyiasatan dibuat.

Adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa apabila ada *complain* daripada *public*, apa salahnya polis terus buka *investigation paper*, lihat balik supaya kes ini yang *high profile case* iaitu bagaimana tiga orang pemuda ditembak pelurunya 45 *degrees*, agak tidak masuk akal. Supaya ianya menjadi lebih *transparent*, lebih terbuka dan ianya tidak dipolemikkan sebegitu rupa hingga menyebabkan peranan polis yang begitu cantik tiba-tiba kerana dua tiga kes begini ia jadi tidak cantik. Jadi kita harap perkara ini harus dilihat secara spesifik Yang Berhormat Menteri. Saya ingat bagaimana pendapat Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Manakala kes-kes menjadi *high profile* atau disensasikan, ianya disensasikan oleh pihak-pihak tertentu. Oleh sebab itu yang penting sekarang, kalau cadangan Yang Berhormat ialah untuk polis melaksanakan siasatan yang lebih terperinci, saya rasa tuduhan yang sama terhadap polis tidak adil dalam siasatan mereka akan berterusan kalau pertimbangan mereka bukan untuk ketelusan, bukan untuk keadilan. Yang penting sekarang seperti saya sebut dalam jawapan saya tadi ialah *check and balance* di mana pihak Peguam Negara dan juga pihak pendakwa diberikan ruang untuk menyasiat, memberi nasihat, beri pandangan dan dakwa sekiranya perlu. Saya berdiri di hadapan Yang Berhormat dan di Dewan yang mulia ini tidak sama sekali hendak melindungi mana-mana pihak warga PDRM yang menyalahgunakan kuasa dan kedudukan mereka.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Maksud Yang Berhormat Menteri tadi kes ini telah pun dibawa ke pihak lebih atas daripada polis dan akhirnya maklumat ini akan diberikan kepada awam untuk mengetahui apa yang terjadi? Itu maksud Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Seperti biasa yang saya sebut tadi, pihak Peguam Negara iaitu pihak ketiga dalam tinjauan dan siasatan mereka akan mengambil tindakan dalam kes-kes sebegini rupa. Akan tetapi yang penting ialah bahawa lihat ke hadapan. Dalam kita mengemas kini dan memastikan bahawa usaha kita ingin dan mahukan satu institusi polis yang bukan sahaja moden tetapi dapat memegang integriti dan kredibiliti yang boleh diterima oleh rakyat, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang perlu kita tangani dengan bijaksana, adil dan jujur tanpa ia dipolemikkan atau ada pertimbangan-pertimbangan lain selain daripada untuk memperkukuhkan PDRM kita.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Lipis, setiap bekas anggota polis yang berkhidmat pada zaman darurat adalah layak dan tidak akan tercicir dari menerima bayaran RM3,000 secara *one-off* yang disebutkan di dalam bajet. Atas hakikat itu, kerajaan akan memastikan setiap bekas anggota polis layak menerima bayaran berkenaan diproses permohonannya dan dikenal pasti agar tidak berlaku kecaciran seperti yang dibangkitkan.

Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, bagi mengiktiraf sumbangan...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap, biar saya habiskan yang ini dahulu ya.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis di belakang.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Rajang, semangat dan jasa khidmat bakti pasukan polis turut diberikan kepada bekas anggota *border scout* yang bertugas semasa insiden di Long Jawi. Kerajaan telah pun memberikan bantuan sagu hati khas sebanyak RM1,000 kepada anggota terbabit.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Tuan yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kita sebenarnya ada dua kali darurat. Satu, yang berakhir pada tahun 1960 dan satu lagi yang saya rasa dalam awal tahun 70-an dan berakhir pada akhir tahun 80-an. Saya pun tidak ingat tarikhnya. Jadi adakah kedua-dua ini termasuk dalam pemberian tadi dan bagaimanakah mekanisme pemberian itu akan dilaksanakan? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kedua-duanya terbabit di dalam pemberian dan mekanismenya akan saya umumkan tidak lama lagi Yang Berhormat.

Sejak tahun 2003, kerajaan telah membayar sugu hati sebanyak RM1,000 secara *one-off* kepada bekas polis yang berkhidmat pada zaman darurat. Ini *over and above* dengan izin melebihi apa yang diumumkan baru-baru ini. Penerima adalah berjumlah 74,958 orang dan jumlah bayaran adalah sebanyak RM74,958,000.

■2010

Yang Berhormat Parit Buntar mendakwa pihak polis terlibat di dalam politik ekoran terdapat satu surat arahan pentadbiran. Saya ingin menyampaikan pendirian PDRM yang menafikan dengan sekeras-kerasnya dakwaan Yang Berhormat Parit Buntar berkenaan dakwaan polis telah dipolitikkan dalam isu kes Mat Sabu.

Surat tersebut dikeluarkan sebagai tanda bantahan terhadap fitnah yang dibuat oleh Mat Sabu. Seluruh warga PDRM berhak merasa marah sekiranya ada pihak mempertikai dan memperlekehkan sumbangan mereka. Dalam kes ini ia lebih berat kerana ia melabelkan anggota polis yang terkorban dalam pertempuran dengan komunis sebagai pegawai penjajah dan menafikan peranan mereka dalam kemerdekaan negara.

Dalam negara yang mengamalkan demokrasi adalah menjadi hak PDRM dan mana-mana organisasi yang lain mempertahankan maruah dan martabat sesuatu organisasi... [*Tepuk*] Lebih-lebih lagi apabila ianya dicemarkan dengan kenyataan yang tidak benar. Lebih-lebih lagi apabila dakwaan ini dilihat sebagai menjatuhkan maruah dan imej anggota polis dan pasukan PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Keningau membangkitkan isu kemasukan orang Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Perkara 93 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa khas kepada Sabah dan Sarawak sebagai negeri yang mempunyai kedudukan istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menggubal sebarang undang-undang mengenai kebebasan rakyat untuk keluar masuk dan kebebasan untuk bermastautin di Sabah dan Sarawak.

Peruntukan khas di bawah Seksyen 65 Akta Imigresen 1959/63 bagi negeri Malaysia Timur memperuntukkan kuasa-kuasa am pihak berkuasa negeri untuk memberi arahan kepada pengarah imigresen negeri berkenaan bagi mengawal seorang individu untuk masuk dan berada di dalam negeri Malaysia Timur. Seksyen 66, Akta Imigresen 1959/63 pula memperuntukkan mengenai sekatan ke atas hak seseorang warganegara Malaysia untuk masuk ke sebuah negeri Malaysia Timur.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memudah cara pergerakan keluar masuk warga negara Malaysia dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak serta sebaliknya. Namun, untuk mempermudah pergerakan ini persetujuan bersama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dengan Kementerian adalah diperlukan. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menghormati kuasa-kuasa khas dan keistimewaan yang dimiliki oleh Sabah dan ia berpegang teguh kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan. Sebarang cadangan yang dikemukakan akan hanya dipertimbangkan sekiranya bersesuaian dengan aspirasi kerajaan dan rakyat Sabah itu sendiri.

Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Keningau juga membangkitkan berkenaan Program 6P di Sabah. Program 6P merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi memastikan pengurusan warga asing dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan merangkumi enam proses perkaitan PATI iaitu pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran.

Atas permintaan Kerajaan Negeri, Sabah hanya akan melaksanakan 5P iaitu tanpa proses pemutihan kerana proses pemutihan atau regularisasi telah dilaksanakan beberapa kali di negeri berkenaan dan kali terakhir pada tahun 2009. Sehingga tarikh tamat proses pendaftaran program 6P iaitu pada 31 Ogos, seramai 2.3 juta orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1.3 iaitu 56 peratus adalah PATI dan seramai lebih kurang 1 juta orang pula adalah pekerja asing yang sah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan Program 6P. Saya diminta untuk bangkitkan perkara ini oleh segelintir majikan. Mereka berpandangan bahawa Program 6P ini masih kurang membantu mereka jika timbul masalah di mana mereka telah membawa PATI ini pergi membuat pendaftaran. Semasa menunggu kelulusan atau temu duga untuk proses pemutihan, PATI tersebut melarikan diri.

Kalau pemutihan telah dilaksanakan, mereka telah membayar caj untuk FOMEMA dan lain-lain caj untuk kelulusan permit kerja tersebut. Akhirnya pekerja itu telah melarikan diri. Mereka juga berpendapat ia tidak membantu mereka walaupun mereka menyertai Program 6P ini. Jadi, saya hendak tanya apa *safety net* dalam aspek ini kepada majikan-majikan yang menyertai Program 6P ini? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Safety net* nya ialah untuk majikan terus bersama-sama dengan pihak kementerian kerana apa yang kita lakukan sekarang ialah hanya fasa kedua iaitu pemutihan daripada 6 proses yang akan kita lalui. Ianya bukan satu prosedur yang mudah dan untuk kita mendaftarkan 2.3 juta pekerja asing dalam masa sebulan lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan ianya bukan satu perkara yang mudah dan mendapat kerjasama daripada pihak majikan. Jadi, menjawab apa yang merupakan cadangan dan pandangan Yang Berhormat, saya mengharapkan sangat bahawa majikan-majikan yang terlibat jangan bersekongkol dengan pihak ketiga atau pihak-pihak yang ada kepentingan...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Kepong, sekejap ya. Yang ada kepentingan supaya mereka tetap bersama-sama untuk memastikan bahawa proses pemutihan dan lima yang lain yang saya sebutkan tadi berjalan dengan lancar supaya pendekatan hari ini yang melibatkan majikan, syarikat-syarikat mengurus, melibatkan sistem biometrik yang sebelum ini tidak pernah dilakukan boleh membantu majikan akhirnya daripada pekerja yang lari daripada majikan. Ini kerana mereka tidak boleh lari jauh kalau sekiranya data biometrik itu berada di dalam tangan kementerian...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Satu, boleh tambah Yang Berhormat?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya memang memberi perhatian kepada hal ini kerana bukan sahaja di Malaysia, di negara-negara yang lain pun menghadapi masalah yang sama. Saya setuju kita mesti mengambil tindakan yang tegas untuk sentiasa mengawal dan membolehkan kita mengawal dari segi keselamatan dan sebagainya. Bukan sahaja keselamatan atau implikasi yang lain. Walau bagaimanapun, saya ada berjanji kepada pengusaha-pengusaha seperti pengusaha kecil dan sederhana. Sekarang di seluruh negara hanya di bidang sektor perusahaan kecil dan sederhana mereka mengupah lebih 400,000 pekerja dan sebahagiannya pekerja asing, PATI dan sebagainya.

Saya bersetuju, mereka mestilah mendaftar tetapi sekarang ada sesetengah itu menghadapi masalah. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat dengan cepat menguruskan semua ini supaya pekerja-pekerja yang diperlukan oleh IKS ini dapat ditempatkan di kilang yang diperlukan. Kalau tidak pengeluaran daripada kilang-kilang akan terjejas.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Ini pun merupakan hujah-hujah yang kita dengar daripada Menteri-menteri ekonomi yang perlu kita ambil kira dan imbangi dengan proses kita hendak memutihkan warga asing dan pekerja-pekerja asing.

Dalam hal ini penting untuk pendekatan yang kita lakukan hari ini hendak membezakan dengan pendekatan terdahulu ialah untuk mempertanggungjawabkan kementerian-kementerian yang ada kepakaran, tahu sebenarnya jumlah pekerja asing yang diperlukan dan memastikan bahawa jumlah yang sebenar dapat diisi untuk memastikan sektor mereka tidak terjejas.

Di sini, 14 kementerian dan agensi di bawah satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri memantau keadaan dan angka-angka termasuk daripada SME's, syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana jumlahnya telah pun disampaikan kepada Jawatankuasa Kabinet ini dan melalui proses pemutihan ini. Kita harap bahawa keperluan yang sebenar untuk sektor-sektor berkenaan dapat disalurkan melalui lebih jumlah mereka yang ada di negara kita pada hari ini.

■ 2020

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota bangun Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya berminat untuk tahu setakat ini berapakah bilangan unit mesin pengimbas biometrik yang digunakan untuk mengimbas 2 juta lebih pekerja asing seperti yang dimaklumkan dan lanjutan daripada itu saya ingin tahu berapakah kos untuk setiap kepala? Maksudnya kos unit pemeriksaan dan juga rekod atau data maklumat yang kita ambil untuk setiap satu pekerja.

Kemudian, buat masa ini siapakah yang menyelenggarakan mesin-mesin itu sekarang dan barangkali ada cadangan daripada kementerian untuk masa akan datang yang kegunaan mesin ini diperluaskan. Terima kasih.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Boleh jawab sekali dengan saya?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Fakta dan jawapan yang diperlukan tadi tidak dibangkitkan dalam perbincangan Tuan Yang di-Pertua dan saya akan jawab secara bertulis dari segi tidak ada perkara yang kita hendak sembunyikan pun. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja lagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh satu perkara Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap ya. Berkenaan dengan penggunaan *border pass* untuk penduduk di utara sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Besar. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penggunaan *border pass* mula diperkenalkan pada tahun 1940 lagi bagi membolehkan penduduk di negeri-negeri Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan masuk ke Thailand sehingga tidak lebih daripada 25 kilometer. Sebaliknya rakyat Thai yang berasal daripada Wilayah Selatan boleh masuk ke negeri-negeri berkenaan juga tidak melebihi 25 kilometer di sempadan negara.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, adalah tidak wajar membenarkan rakyat negara asing memasuki negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah. Sebelum ini memang pernah rakyat Thailand dibenarkan masuk ke Padang Besar dengan menggunakan satu dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang dikenali sebagai Kad 117 tetapi telah diberhentikan kerana agak janggal bagi rakyat asing untuk memasuki negara ini menggunakan dokumen yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri.

Kajian yang dijalankan oleh pihak berkuasa Malaysia juga mendapati kebanyakan rakyat Thailand yang masuk menggunakan Kad 117 dahulu adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan kegiatan yang merugikan Malaysia iaitu membeli barang-barang bersubsidi seperti gula, minyak petrol, diesel dan sebagainya. Kerajaan tidak bercadang memperkenalkan semula penggunaan Kad 117 tersebut.

Kemasukan warganegara dari negara-negara Afrika sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Sri Gading telah dikenakan melalui kawalan tapisan oleh Kerajaan Malaysia dan Jabatan Imigresen dengan mewajibkan memiliki visa yang dikeluarkan oleh pejabat perwakilan Malaysia di negara-negara tersebut. Bagi pelajar dari negara-negara Afrika, mereka ini diwajibkan mengemukakan *no objection certificate*, dengan izin, yang dikeluarkan oleh negara berkaitan.

Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran telah membuat pemeriksaan secara berkala di IPTA dan IPTS bagi memantau aktiviti pelajar-pelajar negara Afrika yang berjumlah 19,000 orang bagi tempoh Januari ke September 2011.

KDN, KPT dan juga kementerian lain yang berkaitan sedang meneliti semula prosedur pengeluaran pas-pas pelajar ini. Keputusan penelitian ini akan dimaklumkan kemudian...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Menteri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut tentang aktiviti-aktiviti di sempadan yang banyak merugikan kita. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sekarang ada satu usaha yang sedang dijalankan oleh satu pihak sekarang mempromosikan satu kawasan di selatan Siam yang suatu ketika dahulu menjadi satu kem komunis terbesar menjadi sebagai pusat ataupun kawasan pelancongan yang cukup diminati. Kita bimbang kawasan ini juga diterapkan tentang ideologi. Tadi saya tengok Menteri mengambil satu pendekatan yang cukup berhemah sekali apabila membuat tentang Bukit Kepong tadi. Ada pihak memperlekehkan tentang penglibatan ataupun perjuangan anggota-anggota keselamatan kita.

Jadi kita mahu melihat supaya kalau boleh anak-anak kita dididik bahawa sebenarnya sejarah tidak boleh dibohongkan. Sejarah tidak boleh dipolitikkan dan kita mahu kalau boleh pihak kementerian mengeluarkan risalah yang menceritakan cerita sebenar dan kita mahu kalau boleh apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa ada perbualan Mat Indera semasa beliau hidup yang mengesahkan yang mengatakan beliau adalah komunis dan juga memang mengamalkan ideologi komunis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kawasan dalam kawalan kita dan juga perjalanan keluar masuk di sempadan seperti dalam kes dadah dan perjudian haram tadi, keganasan dan *militancy* juga merupakan tumpuan kita dalam hendak menangani jenayah merentasi sempadan dan dalam hal ini kalau sekiranya ada...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Boleh tambah sedikit Yang Berhormat Menteri, saya terlupa hendak sebut tadi. Komunis mungkin sudah habis tetapi ideologi dia masih hidup lagi, masih subur. Setakat manakah ideologi komunis ini masih lagi berkembang dalam negara kita. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Setakat mana ianya berkembang, saya tidak mempunyai maklumat terperinci tetapi yang paling penting bagi kita kalau sekiranya apa jua ideologi sama ada komunisme atau *militancy* atau militan Islam, kalau ia menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam dan kedudukan serta keselamatan rakyat kita sendiri, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan di bawah undang-undang yang sedia ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biar saya selesaikan ini kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berkenaan dengan masalah PATI di Sabah. Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau, Kementerian Dalam Negeri sentiasa komited dalam melaksanakan usaha mendokumentasikan penduduk Malaysia termasuklah masalah kanak-kanak yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan. Di antara pendekatan yang telah dan sedang diambil oleh kementerian ini ialah Program Pendaftaran Bergerak JPN yang berusaha mendekati rakyat di kawasan terpencil yang sukar dihubungi termasuk di Daerah Tawau.

Bagi meningkatkan keberkesanan program ini, UKB Semporna telah diwujudkan pada 3 Mei 2010 untuk membantu urusan dokumentasi penduduk di bahagian Pantai Timur Sabah. Antara pendekatan yang diambil ialah Jabatan Pendaftaran Negara juga membuka kaunter-kaunter di ibu pejabat dan semua cawangan negeri pada hari Sabtu dan Ahad untuk semua jenis urusan termasuk JPN di Daerah Tawau, Sandakan, Semporna dan Lahad Datu.

Mengenai isu pengundi yang sudah meninggal dunia, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau dan Yang Berhormat Rantau Panjang, setiap kematian yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan selaras dengan peruntukan seksyen 18, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957. Pendaftar akan mendaftarkan setiap kematian yang berlaku di dalam negara berdasarkan dokumen pengesahan kematian yang dikemukakan oleh pemaklum yang mengetahui tentang sesuatu kematian tersebut. JPN hanya membekalkan data yang sahih kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya untuk semakan daftar pemilih. Sehubungan dengan itu dakwaan yang mengaitkan pengundi dan pengeluaran MyKad adalah tidak benar sama sekali.

Bagi isu pemberian taraf warganegara sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, kerajaan tidak sewenang-wenangnya menganugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing. Penganugerahan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan kepada permohonan dan ianya merupakan anugerah tertinggi dari Kerajaan Malaysia. Setiap permohonan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang semasa iaitu Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Permohonan yang teratur, lengkap dan berkelayakan sahaja yang akan diproses.

Oleh yang demikian, permohonan taraf kewarganegaraan di kalangan warga Indonesia mahupun warga Filipina juga adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang tersebut.

■2030

Bagi pemberian taraf kewarganegaraan kepada warganegara asing dapat mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Telok Intan jumlah warga asing yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia sejak tahun 2007 hingga Ogos 2011 adalah 27,719. Jumlah ini adalah daripada permohonan yang diterima daripada mereka yang telah lama bermastautin di Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Sebahagiannya juga mempunyai ramai ahli keluarga yang bertaraf warganegara. Selain itu *task force* yang diwujudkan pada tahun 2009 yang bertujuan untuk menyelesaikan semua permohonan taraf kewarganegaraan yang tertunggak sejak tahun 1997 juga turut menyumbang kepada jumlah mereka yang dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia pada tempoh tersebut...

Tuan M.Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai isu pengeluaran MyKad oleh Yang Berhormat Padang Terap, Yang Berhormat Telok Intan, Yang Berhormat Tuaran. Kos keseluruhan bagi mengeluarkan MyKad baru adalah RM24.50 sen berbanding kos MyKad lama iaitu RM27.20 sen. Pengeluaran MyKad struktur baru adalah bertujuan bagi meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan dan kualiti kad itu serta cip yang lebih berprestasi tinggi.

JPN berharap ia dapat mengatasi aduan orang ramai mengenai masalah MyKad yang dikatakan kurang bermutu. Di bank juga sentiasa meningkatkan sistem penyampaian pelanggan serta program pelaksanaan MyKad siap satu hari di Kluang, di Shah Alam, di Kuching dan di Melaka.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai pengeluaran MyKad, baru-baru ini kita dengar ada sekumpulan warganegara asing dari Indonesia dan Bangladesh, dikumpulkan di satu *resort* dekat Bangi. Yang Berhormat Menteri pun telah mengeluarkan kenyataan menafikan perhimpunan itu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang terperinci sebab pihak polis mengatakan mereka di kumpul sana untuk satu kursus untuk usahawan. Jadi sejak bila pihak polis ataupun pihak kementerian ada kursus untuk warganegara asing kursus usahawan. Apakah cerita sebenarnya mengenai 240 orang ini yang dibawa dalam lebih kurang lima atau enam bas. Adakah ini amalan yang dilakukan oleh kementerian atau pihak polis, kita hendak tahu apakah cerita sebenarnya? Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebelum ini ada tuduhan-tuduhan yang sama dibuat dan telah pun dijawab dan alih pandangannya kepada isu-isu dan kes-kes yang lain. Isu berhubung kait dengan Bangladesh. Kalau peringkat awal dahulu 6P dilihat sebagai usaha untuk memberi kewarganegaraan dan juga untuk jadi pengundi. Akan tetapi bila jumlah sebenar iaitu daripada 1998 hingga Ogos 2011, hanya 37 orang sahaja rakyat Bangladesh yang telah diberikan kewarganegaraan. Daripada 37 hanya 14 yang layak mengundi. Daripada 14 hanya lapan yang memohon untuk menjadi pengundi. Maka beralih pula kepada isu Mismah dan sebagainya.

Saya bercadang dan pihak KDN bercadang dengan wujudnya Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen di mana pihak kerajaan juga mahukan bahawa senarai pengundi itu dibersihkan, maka apa yang diminta oleh Yang Berhormat tadi berhubung kait dengan perinciannya akan dibentangkan kepada sesi siasatan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini supaya ianya dapat didengar dan dilihat. Supaya ianya tidak berubah-ubah tiang gol dan sasaran yang di gembar gemburkan.

Jadi saya berharap Yang Berhormat dapat bersabar dan menunggu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang akan menjalankan siasatannya dan pihak Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen dan KDN akan memperjelaskan apa jua perkara-perkara yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Seremban menyatakan 40 peratus penghuni penjara terdiri daripada masyarakat India. Kenyataan tersebut adalah tidak tepat sama sekali kerana berasaskan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 17 Oktober 2011, tiada satu pun institusi penjara dari sejumlah 40 buah yang mempunyai jumlah penghuni kaum India pada kadar 40 peratus atau lebih berbanding dengan penghuni kaum-kaum lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Ketereh, pihak Jabatan Penjara Malaysia sememangnya menjadikan pemulihan sebagai tanggungjawab utama dan institusi penjara. Penghuni yang menjalani tempoh hukuman atau tahanan di institusi penjara adalah perlu mengikuti program pemulihan yang dilaksanakan melalui pelan pembangunan insan. Pelbagai program pemulihan yang melibatkan pembentukan disiplin, sahsiah, vokasional, akademik, kaunseling dan keagamaan diberikan kepada penghuni melalui fasa-fasa pemulihan berasaskan tempoh hukuman yang dijalani serta bentuk kesalahan yang dilakukan.

Bagi penghuni yang menjalani hukum singkat, pembentukan disiplin dan sahsiah juga diutamakan. Berdasarkan kepada laporan hasil lawatan dan pemeriksaan oleh pihak *United Nations Working Group on Arbitrary Detention* serta *International Community of the Red Cross (ICRC)* dengan izin, menunjukkan penjara di Malaysia telah melaksanakan program pemulihan untuk penghuni dengan baik akan tetapi ini akan diperhebat dan dipertingkatkan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tanah Merah memohon penjelasan mengenai pertukaran suaka Malaysia dengan Australia dan Myanmar. Kerangka kerjasama serantau tersebut bertujuan menangani isu pergerakan secara tidak sah, dengan izin, *irregular movement migrant* termasuk pelarian dan pemohon suaka. Ini adalah sekiranya isu tersebut tidak ditangani secara berkesan, ia akan menjurus kepada aktiviti penyeludupan migran perdagangan orang dan juga jenayah merentasi sempadan yang saya sebutkan tadi.

Ianya juga akan berupaya meningkatkan kredibiliti dan imej negara di peringkat serantau dan antarabangsa apabila kita menunjukkan kesungguhan kita untuk menangani sekali gus memberi implikasi besar kepada kegiatan penyeludupan berkenaan kerana akan menjejaskan model perniagaan sindiket-sindiket tersebut yang selama ini mengaut keuntungan besar daripada aktiviti-aktiviti haram ini. Kerjasama Malaysia-Australia merupakan kerjasama seumpama yang pertama di dunia.

Ini dengan jelas menunjukkan komitmen negara untuk menangani isu pergerakan secara tidak sah, dengan izin, *irregular movement* termasuk membanteras jenayah penyeludupan imigran di rantau Asia Pasifik dan juga jenayah-jenayah yang merentasi sempadan yang lain. Bagi persoalan ISA sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelang dan Yang Berhormat Batu Gajah...

Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri. Sikut soalan tambahan mengenai apa itu *refugee arrangement* tadi itu.

Yang Berhormat Menteri saya cuba memahami rasional Yang Berhormat Menteri cakap agar perkara ini dapat menghalang sindiket *human trafficking*, kan? Akan tetapi persoalan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri lebih arif bahawa ia juga ada kekangan peruntukan undang-undang yang terbukti tidak memihak kepada *arrangement* yang cuba dibuat di Australia. Persoalan saya ialah pertama sekali Yang Berhormat Menteri apakah pendirian kerajaan, mendengar nada Menteri tadi seolah-olah mahu meneruskan kerana mahu menjadikan satu model pertama dunia. Akan tetapi kita juga berhadapan dengan undang-undang hak asasi dan undang-undang antarabangsa.

Bagi saya itu kemungkinan kita juga akan ditempelak oleh peringkat antarabangsa memandangkan Malaysia ahli kepada *Human Rights Council* di Geneva. Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri ada cara lain kerana cara ini telah mendapat tentangan dan terbukti kita dapati tidak sah. Adakah cadangan lain ataupun Yang Berhormat Menteri tadi seolah-olah mahu meneruskan cadangan yang sama. Saya rasa boleh dikatakan setakat ini cadangan tersebut *illegal*. Mohon penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Illegal* atau menyalahi undang-undang bergantung kepada undang-undang negara berkenaan. Kalau sekiranya ianya *illegal* atau menyalahi undang-undang negara Australia tidak semestinya *illegal* di negara lain... [Ketawa]

Bagi persoalan ISA sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Batu Gajah, draf undang-undang bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang bakal dimansuhkan masih lagi di peringkat penggubalan. Jabatan Peguam Negara sebagai peneraju bersama dengan Kementerian Dalam Negeri sedang membuat penelitian terhadap penggubalan dua rang undang-undang baru iaitu undang-undang mengenai keganasan dan undang-undang mengenai keselamatan dan ketenteraman awam seperti yang telah diamanatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui ucapannya pada 15 September lalu.

Berkenaan dengan Akta Kediaman Terhad sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena keputusan kerajaan dalam memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933, serta melaksanakan perintah pembatalan sekatan terhadap 125 orang individu dan menarik balik 200 waran tangkap adalah merupakan permulaan kepada transformasi politik negara.

Bagi Akta Buang Negeri 1959 sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang, pemansuhan Akta Buang Negeri 1959, dan Akta Kediaman Terhad hanya memberi kesan kepada mereka yang telah dikenakan tindakan di bawah akta tersebut sahaja. Selain itu terdapat juga mereka yang sedang menjalani perintah sekatan atau dibuang daerah di bawah undang-undang pencegahan yang lain.

■2040

Berkenaan dengan isu perhimpunan haram BERSIH pada 9 Julai lalu Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Sibu, dan Yang Berhormat Batu Gajah membangkitkan tentang perhimpunan BERSIH ini. BERSIH telah diwartakan sebagai pertubuhan haram oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROC) kerana menyalahi undang-undang mengikut seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966. Kos operasi keseluruhan yang dibelanjakan oleh PDRM bagi menangani perhimpunan Bersih pada 9 Julai adalah sebanyak RM2,018,850. Perbelanjaan ini adalah meliputi perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan makan minum, penginapan, dan keperluan logistik yang lain. Kerajaan amat prihatin terhadap suara rakyat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Yang inginkan kebebasan untuk berhimpun dan bersuara. Walau bagaimanapun kebebasan ini perlu diimbangi dengan kewajipan kerajaan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Untuk itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan tindakan mengkaji semula peruntukan Seksyen 27 Akta Polis bagi membolehkan perhimpunan aman diadakan, tetapi dengan syarat ia diimbangi dengan kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam.

Berkenaan tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap mereka yang terlibat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas, pihak polis telah menjalankan siasatan dan sebanyak 61 kertas siasatan telah pun dibuka dan telah pun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan sewajarnya berlandaskan kepada undang-undang negara tersebut...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan pertubuhan BERSIH ini pertubuhan haram, apakah kerajaan mencadangkan bentuk apa juga kos yang telah dikeluarkan oleh kerajaan itu dikemukakan kepada pertubuhan haram ini supaya mereka membayar semula sebab mereka telah cuba menghuru-harakan keselamatan awam di negara ini. Ini mungkin setimpal dengan perbuatan mereka dan kertas siasatan sebanyak 61 orang itu diproses dengan secepat mungkin dan dakwa mereka di mahkamah supaya mereka tahu mereka melakukan kesalahan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat, di atas isu yang sama Yang Berhormat Menteri sebab mungkin boleh gulung sekali. Yang Berhormat Menteri, pertama sekali mungkin saya boleh betulkan kerana BERSIH bukan dikatakan sebagai pertubuhan kerana itu telah dibincangkan di peringkat mahkamah.

Persoalan yang selanjutnya Yang Berhormat Menteri ialah ketika bermulanya isu ataupun episod BERSIH ini, rakan Ahli Parlimen kita Yang Berhormat Sungai Siput disyaki kononnya mahu melancarkan peperangan terhadap Yang di-Pertuan Agong. Kebetulan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Balik Pulau mewakili ketika kes al-Maunah, kes pertama sekali yang dituduh di bawah kes melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong selama 128 hari kes tersebut berjalan di PULAPOL dan sebagainya. Ia memang dari segi kes tersebut kita boleh tahu ada karakter-karakter yang sehingga berlangsungnya perbicaraan ke tahap itu. Akan tetapi di peringkat itu Yang Berhormat Menteri kita pun tahu apa sebenarnya sehingga hari inilah, jadi apa kiranya kalau teman saya meminta pampasan sebegitu walaupun saya katakan tadi ia tidak tepat. Ini rakan Ahli Parlimen kita Tuan Yang di-Pertua.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua senyum seperti setuju itu, saya rasa itu perlu kerana kalau tidak perkara ini saya rasa imej PDRM yang cuba dimartabatkan oleh Yang Berhormat Dato' Seri tadi itu agak terjejas dengan teruk. Saya rasa perlu diambil keadilan kepada mereka. Kita setuju yang tidak bertanggungjawab perlu diambil tindakan tetapi bagi saya yang tidak diadili itu saya rasa perlu juga ditunjukkan dengan izin, *accountability* oleh pihak kerajaan...

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Semasa ucapan saya, saya bangkitkan berkenaan isu BERSIH. Saya rasa adalah wajar kerajaan meneliti semula untuk membatalkan pengharaman BERSIH, sebab Yang Amat Berhormat telah menyatakan sekarang dalam program transformasi politik.

Yang Berhormat juga tadi mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat telah mengumumkan pindaan kepada Akta Polis dan selepas itu kerajaan telah mengambil kira pandangan di mana menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Reformasi Suruhanjaya Pilihan Raya. Selepas ini banyak kes di mahkamah, di mana mereka telah ditangkap dan dituduh kerana memakai baju kuning mempunyai perkataan "BERSIH". Mereka telah diarahkan *discharge not amounting to acquittal*. Jadi saya rasa adalah baik kerajaan kalau benar-benar ikhlas dalam hala tuju untuk transformasi politik sudah sampai masanya untuk batalkan pengharaman BERSIH, tunjukkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat *the best democracy in the world...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak setuju Yang Berhormat Menteri. Siapa yang salah tetap dihukum.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya ingin maklumkan Yang Berhormat Menteri, Bersih ini diketuai oleh seorang pengerusi Datuk Ambiga yang menerima anugerah mengakui sumbangan beliau kepada hak asasi manusia.

Jadi adalah tidak boleh diterima langsung apabila kerajaan mengharamkan Bersih ini. Ia telah membuktikan Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Barisan Nasional telah silap dengan mengharamkan BERSIH sebab lebih 50,000 orang telah menyertai BERSIH. Ramai merasakan selamat apabila berada dalam perhimpunan BERSIH ini. Ia hanya kerajaan dan ahli-ahli Barisan Nasional sahaja yang kata tidak selamat...

Beberapa Ahli: Ya... [*Tepuk*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu persoalannya dan kerajaan membazirkan wang dan tenaga. Polis sepatutnya untuk mencegah jenayah.

Beberapa Ahli: Ya... [*Tepuk*]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya menyatakan BERSIH menggugat keamanan tidak benar. Ia mengakibatkan *traffic jammed* yang begitu teruk beberapa hari sebelum perhimpunan BERSIH ini. Ia menggunakan lebih RM2 juta. Saya rasa sudah sampai masayalah kotai apa yang dilaung-laungkan transformasi politik Yang Amat Berhormat tersebut. Saya pohon...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh Yang Berhormat Menteri sedikit, Yang Berhormat Kota Belud.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan samakan dengan tiupan angin daripada Yang Berhormat Batu Gajah Yang Berhormat Menteri. Siapa yang salah tetap salah.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kota Belud boleh?

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin menanyakan kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa BERSIH ini adalah perhimpunan ataupun pertubuhan haram, kenapa pula ke bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menerima lawatan kunjungan hormat Jawatankuasa BERSIH yang dipimpin oleh Datuk Ambiga sendiri? Kenapa pula Yang di-Pertuan Agong boleh menerima kunjungan mereka? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Kota Belud boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, soalan yang berbangkit Yang di-Pertuan Agong itu jangan dijawab Yang Berhormat Menteri, kerana dalam peraturan tidak boleh menggunakan Sultan-sultan dan Yang di-Pertuan Agong sebagai asas perbincangan kita.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih dan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tadi mendengar hujah daripada Yang Berhormat Batu Gajah dan rakan-rakan yang lain. Sebenarnya mereka ini keliru Yang Berhormat Menteri.

Apakah ia sebenarnya tujuan Bersih? Tujuan Bersih ialah untuk memberitahu beberapa masalah tentang perjalanan pilihan raya. Setelah perdebatan berlaku, rundingan dengan kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi ruang untuk mereka menggunakan Stadium Shah Alam, maka perbincangan itu berubah menjadi hak asasi, suara, dan hak asasi manusia. Perbincangan bukan lagi mengenai pilihan raya. Ia sudah beralih kepada ini tadi Yang Berhormat Menteri kata tadi itu *shifting goal post every time* kita ada satu isu yang kita harus selesaikan, pergi ke tempat yang lain. Oleh sebab itu saya katakan BERSIH ini keliru Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri dengan jelas mengatakan bahawa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia bukan keliru, dia mengelirukan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hah! keliru dan mengelirukan. Pihak pembangkang sanggup untuk dikelirukan. Itu yang lagi parah. Jadi sudah ada satu *shifting goal post* Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan Yang Berhormat Batu Gajah dan rakan karib saya daripada Yang Berhormat Balik Pulau. Bersih bukan lagi menjadi isu mengenai pilihan raya. Ia sudah menjadi isu kononnya kebebasan bersuara. Kerajaan telah menunjukkan kesungguhan untuk memberikan Stadium Shah Alam, *halfway through* mahu juga Stadium Merdeka. Jadi inilah masalahnya Yang Berhormat Menteri. Masalahnya BERSIH ini...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri budiman...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Memahami, meneliti, dan juga menghayati...

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri budiman.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri budiman terima kasih atas laluan. Yang Berhormat Kota Belud mengatakan isunya *dishifting post* daripada hak pilihan raya kepada hak asasi. Saya rasa Yang Berhormat Sembrong bukan berpendapat begitu, sebab Yang Berhormat Sembrong tahu hak asasi manusia ada dua.

Satu *civil political rights* dan *economic social culture rights*. Mengundi pun *civil political rights* dan untuk berkumpul dan kebebasan pun *civil political rights*. Itu komponen hak asasi manusia dan saya rasa Yang Berhormat Sembrong memang arif semasa menghadiri mesyuarat-mesyuarat di badan-badan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya rasa perkara itu tidak tepat dan saya rasa kedua-duanya perlu diadili dengan seadilnya. Oleh itu Yang Berhormat Menteri perlu memberi penjelasan agar apa yang dikatakan transformasi politik yang cuba dicapai oleh Yang Berhormat Pekan itu saya rasa boleh dicapai, saya mengikut kata positif boleh dicapai sekiranya kerajaan bersikap konsisten dari hari ini sehingga ke masa hadapan, mohon penjelasan.

■2050

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Penjelasannya mudah kalau kita tengok perhimpunan sejuta...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Cukuplah...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta maaf, *sorry*...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Sejam lebih sudah, dekat pukul sembilan. Perhimpunan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Perhimpunan Sejuta Umat yang baru-baru ini diadakan tidak ada *traffic jammed*... *[Dewan riuh]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Itu yang saya hendak tanya...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Tidak ada..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Tidak ada

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Lima ribu, lima ribu...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Tidak ada kos yang membiayai...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Lima ribu...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Dan sebenarnya...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Itu lima ribu sahaja...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Bila pihak berkenaan berunding...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Lima ribu orang sahaja...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Dan berbincang dengan pihak KDN...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: ...Berbanding dengan lima puluh ribu...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Maka jaminan-jaminan tertentu telah pun diberikan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Berbeza dengan pihak

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Yang daripada awal lagi seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Ada tujuan dan matlamat-matlamatnya yang tertentu. Dalam konteks apa yang disebutkan bahawa perkara-perkara yang dalam perbicaraan termasuk kes Yang Berhormat Sungai Siput, maka ia merupakan *sub judice* untuk kita membincangkannya. Transformasi politik yang disebutkan ialah untuk memastikan bahawa perimbangan yang akan diumumkan kelak berhubung kait dengan hak tadi yang disebutkan, diimbangi dengan ketenteraman awam dan keselamatan mestilah dikecapi dengan jujur tanpa ada matlamat dan tujuan yang tersirat Tuan Yang di-Pertua dan ini merupakan perkara yang paling penting yang diambil kira oleh pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf ya Yang Berhormat saya ada bangkit isu ketuk ketampi...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Ketuk ketampi...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Sepanjang tempoh perbincangan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Yang Berhormat saya bangkitkan isu...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudah lama saya menggulung tadi dan sudah jawab banyak perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya tunggu.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekali lagi mengucapkan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Isu ketuk ketampi...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Dan saya ingin memberikan jaminan bahawa mana-mana pertanyaan tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nanti bertulis, Yang Berhormat Batu Gajah bertulis... *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sudah sampai giliran Yang Berhormat Kinabatangan bagi cadangan ya. Saya mahu Yang Berhormat Menteri bagi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya terima kasih Yang Berhormat dan saya bagi peluang sedikit-sedikit dengan Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sekarang saya ingin menjemput Menteri daripada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

8.52 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya antara isu yang berkaitan Kementerian yang telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah dirumuskan merangkumi beberapa isu seperti penulisan semula sejarah kemerdekaan dan pengiktirafan kepada tokoh-tokoh sejarah negara, pemeliharaan bangunan-bangunan lama sebagai bangunan warisan, pemberian intensif atau geran kepada penggiat seni, penerbitan filem patriotik, jenayah penipuan melalui internet dan isu portal berita yang mengkritik kenyataan yang menghina Sultan dan mengharamkan siaran video klip Undilah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini berpendapat penulisan sejarah kemerdekaan negara yang sedia ada adalah penulisan yang berdasarkan fakta dan bukti yang sahih serta telah diiktiraf. Kesemua tokoh yang telah disebutkan di dalam perbahasan Yang Berhormat sebagai pejuang kemerdekaan, namun menyedari bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang mempunyai kelemahannya, maka dialu-alukan para sejarawan tampil memberi pandangan bagi tujuan pembaikan dan Kementerian ini sentiasa bersedia memberikan kerjasama menyeluruh mengenai maklumat yang ada di dalam simpanan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam membantu usaha tersebut.

Untuk menjawab isu ini, harus difahami bahawa tanggungjawab pemeliharaan bangunan warisan adalah di bawah pemilih seperti mana yang dinyatakan Akta Warisan Kebangsaan tahun 2005. Ini kerana dengan peruntukkan yang amat terhad, Kementerian ini tidak berupaya menanggung perbelanjaan untuk memelihara semua bangunan warisan di seluruh negara, keutamaan hanyalah diberikan kepada bangunan-bangunan yang telah didaftarkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Kementerian ini telah menyediakan dana bantuan kebudayaan pada persatuan dan penggiat seni dari segi kewangan, khidmat nasihat dan *facility*. Pada tahun 2010 sebanyak RM836,606 telah dibelanjakan untuk membantu persatuan dan penggiat seni di seluruh negara dan sehingga Ogos 2011 sebanyak RM2,980,353 telah dibelanjakan di bawah dana tersebut.

Selain itu KPKK melalui agensinya telah mengangkat martabat seni budaya ke persada antarabangsa untuk sama-sama bersaing dengan seni budaya luar negara melalui penyertaan dalam Program Pertandingan Seni Budaya di peringkat antarabangsa. Kementerian ini menerusi FINAS dan Filem Negara Malaysia telah menyediakan pelbagai insentif dalam menghasilkan filem bercorak patriotik seperti penubuhan Dana Filem Kenegaraan oleh FINAS yang bertujuan membantu penerbit filem tempatan menghasilkan filem bercorak patriotik. Selain itu, Filem Negara Malaysia (FNM) antara lain sedang menerbitkan 14 buah dokumentari kenegaraan yang dijangka siap pada akhir bulan Disember 2011 yang akan disiarkan di saluran RTM dan IPTV serta penerbitan semula dokumentari tersebut akan dibuat dalam bentuk DVD untuk diedarkan. Selain itu, FINAS dengan kerjasama badan penyiaran antarabangsa seperti *National Geography*, *AETN*, *History Channel* dan *Discovery Channel* turut menerbitkan dokumentari kenegaraan seperti *BAT69*, *Malayan Emergency*, *A Leaders*, *Legacy*. Tun Razak dan terbaru Kenangan Anak Rantau.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada isu penguatkuasaan dan pemantauan kandungan laman web dan blog, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan ke atas mana-mana portal atau *bloggers* yang melanggar peraturan undang-undang sedia ada negara.

Kerjasama bersepadu bersama Kementerian Dalam Negeri di Jabatan Peguam Negara sentiasa diberi perhatian oleh kementerian ini memandangkan sesetengah kes jenayah penipuan melalui internet perlu dirujuk kepada kementerian atau jabatan yang berkaitan, khususnya bagi tindakan yang melibatkan isu kanun keseksaan, hasutan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) tidak mengharamkan siaran video klip "*Undilah..*" seperti mana yang diperuntukkan dalam syarat lesen pemberian perkhidmatan aplikasi kandungan.

■2100

Semua kandungan yang dipra rakam termasuk Pengumuman Perkhidmatan Awam (PSA) perlu ditapis dan diluluskan oleh pihak Lembaga Penapis Filem (LPF) sebelum ianya boleh disiarkan. Ketidakpatuhan terhadap syarat lesen tersebut boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas pemberi perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Januari 2008, TM telah membuat urus niaga, jualan dan pajakan balik, *sale and lease back*, dengan izin. Melibatkan pengeluaran bon sukuk untuk penjualan beberapa aset TM seperti Menara TM di Jalan Pantai Baru dan Menara Celcom di Jalan Semarak.

Transaksi ini merupakan transaksi jual beli aset dan operasi pajakan balik yang sah serta mengikut keperluan perundangan berdasarkan tatacara yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk menawarkan *asset backed security* serta tatacara penawaran *security Islamic*. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Lembah Lenggong masih lagi dalam proses penilaian oleh pihak *UNESCO E-Commerce*. Lawatan penilaian ke atas Lembah Lenggong telah dibuat pada 11 hingga 15 September 2011 lalu. Hasil laporan akan dibentangkan oleh *UNESCO E-Commerce* semasa mesyuarat *World Heritage Committee* pada bulan Jun atau Julai pada tahun 2012. Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang berusaha untuk menemui keperluan UNESCO bagi memastikan ianya berjaya diiktirafkan sebagai warisan dunia.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersama-sama dengan Doktor Susan daripada E-Commerce dalam misi untuk memperakukan Lenggong sebagai tapak warisan dunia. Antara komen yang dibuat oleh beliau yang saya telah perhatikan ialah perlunya pihak kerajaan juga untuk merancang sesuatu yang juga menyokong kepada usaha untuk Lenggong diiktiraf sebagai tapak warisan dunia. Mungkin dari segi memperbanyakkan dan menambahkan lagi produk-produk warisan yang sedia ada di situ untuk diperbaiki. Misalnya, tapak-tapak kubur lama, warisan-warisan yang maknanya ada kemudahan sampingan.

Satu hari nanti orang akan datang untuk melihat tapak warisan dunia, dia juga akan melihat perkara-perkara lain. Oleh sebab itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Apakah perancangan kementerian untuk menyediakan produk-produk sampingan di kawasan berkenaan. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sedang berusaha untuk memenuhi keperluan mereka. Kita tengah ada perbincangan dengan UNESCO untuk mendapatkan, iktirafkan sebagai warisan dunia. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan ini...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, tidak jawab Yang Berhormat Bakri punya soalan?

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Sekiranya masih ada isu yang tidak dijawab.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, jawab Yang Berhormat Menteri, kenapa senyap sahaja Yang Berhormat Menteri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tadi Yang Berhormat Bakri punya tentang kebudayaan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bakri punya tidak payah jawablah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tadi saya ada cakap, apakah bantuan Kementerian Kebudayaan, sumbangan dari segi kewangan dan sebarang usaha lain yang diberi untuk kejayaan Persatuan Tarian Singa dan Naga Kun Seng Keng Muar telah menaikkan nama Malaysia sebagai juara dunia sebanyak 30 kali di dalam pertandingan antarabangsa. Adalah tidak dinyatakan layak itu...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu lain kementerianlah, kementerian lainlah itu.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Minta penjelasan.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu adalah di bawah PBT, bukan bawah kementerian... [Dewan riu] Mengenai kerjasama pembinaan mercu tanda tarian singa di bandar Muar. Pihak kementerian ini bersedia untuk memberi kerjasama dari segi khidmat nasihat dan kesesuaian rupa bentuk bina tersebut. Pihak kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara tidak terlibat dengan pembinaan baru yang mana ianya terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di daerah tersebut.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, adakah beri sumbangan kewangan pada persatuan ini. Hendak tahu sahaja. Sumbangan kewangan kepada persatuan ini. Sebab dia mendapat 30 kali juara di dunia.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Itu Yang Berhormat kena hantar sebagai surat. Kita akan timbangkan.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Borang ada. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekiranya masih ada isu yang tidak dijawab, Ahli Yang Berhormat dialu-alukan untuk membangkitkan secara khusus di peringkat Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

9.06 mlm.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pauh, Bau, Kuala Selangor, Gombak, Telok Kemang, Hulu Langat, Padang Besar, Tawau, Kota Kinabalu, Klang, Kuantan, Tanjung Perai, Gelang Patah, Parit Sulong, Mas Gading, Putatan, Ledang, Sibu, Batang Sadong, Tebrau, Lenggong, Hulu Rajang, Kalabakan, Kanowit, Tuaran, Arau, Sarikei, Sabak Bernam, Ipoh Timur, Lipis, Bagan Serai dan Batu Sapi yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan belanjawan peringkat dasar.

Izinkan saya memberi penjelasan berhubung perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan mengikut tajuk iaitu satu, bekalan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh, Ahli Yang Berhormat Rembau dan Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor telah menyentuh isu berkaitan dengan penjana bebas (IPP). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menubuhkan *MyPower Corporation*, dengan izin, bagi meneliti isu ini bersekali dengan isu-isu industri bekalan elektrik negara yang lain.

Sehubungan dengan itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan harga pembelian tenaga dari IPP serta keperluan kapasiti penjana jangka panjang akan ditentukan setelah mengambil kira semua faktor yang berkaitan. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor mengenai pendedahan kandungan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), sebagaimana yang saya pernah jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, PPA merupakan perjanjian komersial yang di antara dua pihak iaitu Tenaga Nasional Berhad dan IPP.

Perjanjian-perjanjian tersebut tidak melibatkan kerajaan dan sebarang pengumuman mengenai isi kandungan PPA tersebut hanya boleh dibuat oleh pihak-pihak yang menandatangani.

■2110

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor juga, kerajaan telah memulakan proses penawaran kepada IBP yang lebih telus menerusi tender seperti mana yang dilaksanakan bagi pembinaan unit tambahan 1,000 megawatt loji jana kuasa berasaskan arang batu di Tanjung Bin, Johor. Pelaksanaan projek-projek penambahan kapasiti penjanaan akan datang juga akan dilaksanakan menerusi proses tender terbuka.

Kawalan harga gas yang diberikan kepada penjanaan elektrik. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu ini yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang, ingin saya memaklumkan bahawa harga gas kepada sektor penjanaan elektrik adalah dikawal dan ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kerajaan telah memutuskan untuk menaikkan harga gas kepada sektor ini secara berperingkat-peringkat sehingga ia mencapai harga pasaran pada tahun 2015. Keputusan menaikkan harga gas secara berperingkat-peringkat ini diambil bagi mengelakkan kesan kenaikan yang mendadak terhadap kenaikan harga barang yang akan memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung kepada orang ramai khususnya golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Padang Besar telah mengutarakan isu berkaitan dengan polisi Tenaga Nasional Berhad dalam membuat penyambungan bekalan elektrik tambahan kepada pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak TNB tidak ada mengamalkan dasar yang berbeza bagi projek penyambungan bekalan elektrik bagi individu, agensi swasta atau agensi kerajaan. Caj sambungan yang dikenakan oleh TNB adalah berdasarkan Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Dasar Bekalan Elektrik yang telah ditetapkan serta dipersetujui oleh Suruhanjaya Tenaga (ST)...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat, boleh saya minta...

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Saya habiskan ayat ini sahaja.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Okey. *Thank you.*

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ketetapan ini adalah terpakai kepada projek penyambungan bekalan elektrik sama ada bagi individu, agensi swasta atau agensi kerajaan melalui Buku Kenyataan Caj Sambungan TNB dan juga *Electricity Supply Handbook*, dengan izin. Sila.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memaklumkan bahawa tidak ada perbezaan antara sama ada tanah, tapak atau projek itu untuk kerajaan ataupun individu ataupun swasta. Terima kasih, kerana itu maklumat yang penting.

Soalan saya ialah, di kawasan luar bandar, biasanya di kawasan yang tidak banyak industri yang dibangunkan bahkan kawasan yang orang kampung membuat industri-industri kecil seperti bela ayam, bela ternakan yang memerlukan tenaga, sebagai dasar, ini perkara dasar, adakah kementerian sanggup melihat semula bahawa pertamanya, negeri Perlis mempunyai satu *gas power plant* yang besar kapasitinya yang *supply*nya kalau melebihi di dalam Malaysia, ia juga dapat disalurkan ke Thailand. Ada *agreement* antara Thailand dengan Malaysia. Jadi, kalau orang kampung memerlukan tenaga dan memerlukan substesen tetapi hanya seorang sahaja pada ketika ini yang menggunakannya, kemungkinan kemudian akan ada orang lain dan untuk individu membina dan membiayai sebuah substesen terlalu mahal, maka industri mereka terbantut.

Jadi, adakah kementerian sanggup melihat semula dasar ini walaupun ada dalam buku itu dan buku ini, tetapi hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri melihat semula dalam konteks pembangunan luar bandar, dalam konteks pembangunan industri kecil luar bandar, dalam konteks di mana di kawasan-kawasan ini pendapatan rakyat masih berada di tahap yang rendah. Itu saya hendak minta. Ini perkara dasar Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan tersebut atau permintaan tersebut untuk dilihat semula.

Secara dasarnya memang bagi kilang atau projek komersial, mereka perlulah, apabila voltan di dalam sesuatu kawasan itu tidak mencukupi sebab ia rendah, maka pengusaha komersial tersebut hendaklah bertanggungjawab untuk mewujudkan atau membina satu pencawang elektrik. Kepada kawasan seumpamanya kawasan perumahan, walaupun kawasan tersebut sudah dibina dan akhirnya sebab ada tambahan rumah di kawasan tersebut bukan secara estet yang besar atau kawasan perumahan yang besar, maka TNB sangguplah membina pencawang elektrik tersebut supaya rakyat di sana dapat elektrik yang mencukupi atau dengan voltan yang mencukupi.

Mengenai pembangunan di luar bandar, saya rasa ini kita boleh timbanglah secara berasingan sebagai *case-by-case* dengan izin, supaya kita boleh menolong pembangunan di luar bandar supaya kawasan-kawasan luar bandar yang membuat industri kecil secara sama ada penternak atau lain-lain dapat melaksanakannya. Saya nasihatlah kepada Yang Berhormat, jikalau ada kes-kes seperti ini, bolehlah membawa kes ini kepada kementerian saya dan saya akan cuba menimbang atau berbincang dengan pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Supaya kita boleh berkongsi tanggungjawab untuk beri rakyat kita di luar bandar.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Minta tambah sedikitlah Yang Berhormat Menteri. Di negeri Perlis ini ada satu IPP yang menjana kuasa (*power*) yang banyak, besar dan bekalannya juga boleh dibawa ke Thailand. Tempat ini adalah laluan ke Thailand, tetapi tidak cukup *power*. Jadi, ini yang kita lihat bahawa ada kepincangan kelompok-kelompok yang perlu kita lihat secara dasar. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya akan bawa perkara ini ke peringkat Kementerian. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Baiklah Yang Berhormat. Kita akan berbincang mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Besar, kita akan terus selesaikan perkara ini secara rundingan berasingan. Akan tetapi bagi dasar yang ditetapkan ini, kita memang akan laksanakan sebab jika pihak TNB kenalah mewujudkan atau membina pencawang ini di merata tempat, maka TNB memang tidak mampu untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu kaedah bacaan meter elektrik oleh pihak TNB seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Piai dan juga Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah, saya ingin menjelaskan tanggapan bahawa kaedah pembacaan bil 2 bulan sekali atau pembacaan meter secara *alternate reading* dengan izin, menyebabkan pengguna terpaksa menanggung bil elektrik yang tidak tepat selain mengelirukan pengguna perlu diperbetulkan.

■2120

Kaedah pembacaan ini sebenarnya tidak menyebabkan caj berganda kepada pengguna kerana pihak TNB akan melaksanakan penyelarasan semula apabila bil sebenar dikeluarkan. Berikut aduan-aduan dari pengguna, ingin saya maklumkan bahawa pihak TNB telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan seperti berikut:

- (i) Menambah baik pengiraan bil anggaran sedia ada bermula pada 29 November 2010 dengan menggunakan purata dari penggunaan enam bulan bacaan sebenar sebelumnya, akan dibandingkan dengan jumlah bil sebenar bulan sebelumnya. Nilai terendah antara keduanya akan digunakan;
- (ii) membuat perubahan terhadap cara pengiraan bil elektrik bermula pada 1 September 2010 berdasarkan kiraan bil secara *pro rata* diguna pakai sekiranya tempoh bacaan meter melebihi 30 hari atau 60 hari; dan

- (iii) memperkenalkan format baru bil iaitu *bill presentation* dengan izin, bagi mengelakkan kekeliruan bermula pada 8 September 2010 bagi bil anggaran dan bil sebenar supaya pihak pengguna boleh bandingkannya sama ada mereka telah dibilkan dengan satu bacaan yang lebih tinggi daripada apa yang sebenarnya.

Tanggapan yang kurang tepat ini tidak seharusnya menghalang pihak TNB untuk menjadi lebih efektif dan cekap. Dengan kaedah pembacaan bil dua bulan sekali, TNB akan dapat menjimatkan kos operasinya dan hasil penjimatan tersebut boleh disalurkan untuk tujuan pengukuhan sistem pembekalan elektrik sedia ada. Bagi memastikan bekalan elektrik negara yang berdaya harap dan selamat, penjimatan dan kecekapan operasi TNB boleh juga mempengaruhi kadar tarif asas TNB pada masa akan datang. Penjimatan ini boleh mengurangkan kadar permohonan kenaikan tarif oleh TNB. Tuan Yang di-Pertua..

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri ada memaklumkan tiga langkah di mana TNB cuba membela dan menyatakan bahawa pengiraan bil dua bulan sekali itu adalah boleh diterima dan Yang Berhormat menyatakan bahawa orang ramai tidak setuju dengan bil ini adalah tidak tepat.

Saya rasa perkara sahaja dibangkitkan oleh kami di sini, pihak pembangkang. Yang Berhormat Gelang Patah adalah dari Barisan Nasional. Masalah ini telah timbul banyak kali dan melibatkan orang ramai tetapi Yang Berhormat Menteri, persoalan yang timbul ialah *consumer* mahu membayar jumlah penggunaan elektrik tersebut pada bulan itu. Bukannya menggunakan anggaran bil, di mana anggaran bil mengakibatkan nombor jumlah penggunaan kilowattnya akan berjumlah dua bulan. Jadi, ia akan jatuh ke tarif penggunaan yang lebih mahal untuk setiap kilowatt yang berikutnya. Yang Berhormat boleh kata bil anggaran tersebut yang telah dibayar itu, purata yang ditetapkan bagi bil anggaran, *old bill* tersebut akan dipotong. *It will deduct from the next bill*, bil di mana dibaca dari meter tersebut tetapi masih tidak tepat sebab *consumer* telah dikenakan caj yang lebih mahal ekoran pengumpulan penggunaan elektrik dua bulan tersebut.

Jadi, saya rasa alasan menyatakan untuk menjimatkan kos operasi TNB itu tidak boleh diterima. *Consumer* hanya mahu bayar jumlah yang mereka guna pada bulan tersebut itu. TNB monopoli pembekalan elektrik ini untuk Semenanjung. Jadi saya memohon sudah banyak kali kita bangkitkan dalam Dewan ini bukan sahaja di sebelah sini, sebelah sana Barisan Nasional juga untuk kembali kepada pembacaan bil setiap bulan yang mampu dilakukan sebelum ini. Saya pohon Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat telah membawa perkara ini dan saya pun cuba menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa sistem yang digunakan oleh pihak TNB ini memang tidak membebankan pihak pengguna sebab pihak TNB ambil purata enam bulan bil yang diguna pakai oleh pengguna tersebut. Akhirnya, mengambil *pro rata* atau *average*, dengan izin, yang terendah daripada enam bulan itu dan mengambil kira itulah sebagai bil anggaran dan akhirnya apabila bil yang sebenar itu datang, ia juga akan diselaraskan sekali lagi. Maknanya bil ini adalah tidak akan terus mengakibatkan apa-apa yang membawa kerugian kepada pihak pengguna. Jika ada, saya rasa pihak pengguna tersebut boleh membuat rayuan bahawa itu tidak patut sebab ia dalam satu tahap yang lebih tinggi.

Saya ingin menjelaskan juga bahawa yang TNB terima aduan mengenai perkara atau topik ini memang tidak banyak, walaupun TNB memang ada terima aduan seperti ini tetapi tidak banyak. Kebanyakan pengguna terima, *the majority* terima apa yang dilaksanakan oleh pihak TNB sebagai adil. Saya tidak tahulah Yang Berhormat, kalau *you* hendak membela segelintir pengguna seperti ini dan menghebahkan isu ini sampai ia agak tidak patutlah dan sebagainya, saya tidak tahulah macam mana saya hendak jawab kepada Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Sedangkan majoriti terima pakai cara ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri. Minta penjelasan. Dua perkara. Satu, bukan saya hendak hebohkan.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Baru.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan saya hendak hebohkan perkara ini. Yang Berhormat Gelang Patah di mana? Dia dekat Johor. Saya dekat Perak. Yang Berhormat Gelang Patah dari Barisan Nasional. Orang Barisan Nasional pun Yang Berhormat Menteri tidak mahu dengar! Perkara satu.

Perkara dua, sebab pembacaan bil dua bulan sekali tidak digunakan untuk semua kawasan. Setahu saya hanya *10 peratus of the whole Perak state or whole country* sahaja.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tidak, tidak.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak keseluruhan. Bukan semua kawasan digunakan dan bagi kawasan saya, Ipoh, Ipoh Timur, Ipoh Barat, Batu Gajah...

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, sudahlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berpuluh-puluh bil kami terima masa itu. Orang membantah.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terpulang kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak terima tetapi lain-lain boleh terima, inilah hakikatnya.

■2130

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan saya tidak terima, saya bangkitkan ini sebab yang ditimbulkan oleh orang ramai. Kami wakil rakyat suara rakyat untuk Yang Berhormat Menteri kena ambil perhatian, kalau tidak kita jadikan isu kempen..

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ya, ya, ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti itu Barisan Nasional sendiri pun bangkit pun tidak mahu dengar... *[Mengeluh]*

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Tentulah Yang Berhormat Batu Gajah *you* akan gunakan isu ini tetapi lain-lain kawasan tidak terima. Ya, *you* boleh pakai di Batu Gajahlah... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Sapi, saya ingin memaklumkan bahawa pihak kerajaan telah bersetuju untuk menyemak semula harga gas setiap enam bulan yang akan dituruti dengan semakan tarif elektrik. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan semakan harga gas dan juga tarif elektrik, pihak kerajaan akan sentiasa mengambil kira pandangan rakyat dan keadaan ekonomi semasa agar ianya tidak membebankan rakyat. Itu sebagai prinsip asas mengenai semakan tarif elektrik yang digunakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bekalan elektrik di Sabah, untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tawau, suka saya ingin jelaskan di sini bahawa *rolling plan* pertama, dengan izin, Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM122,000,000 bagi pelaksanaan projek-projek pembekalan elektrik di Sabah. Manakala bagi isu gangguan bekalan elektrik di Sabah pula, saya akui bahawa masalah tersebut masih wujud sehingga kini tetapi walau bagaimanapun, usaha-usaha akan terus diambil oleh kerajaan bagi memperbaiki lagi keadaan ini.

Sebagai contoh sistem *average interruption duration index* atau SAIDI, dengan izin, di seluruh Sabah pada tahun 2009 ialah pada kadar 2,867 minit pelanggan setahun. Hasil daripada langkah-langkah penambahbaikan yang telah diambil, catatan ini telah berjaya dikurangkan kepada 687.39 minit pelanggan setahun bagi tahun 2010. Manakala pencapaian bagi tahun 2011 ialah sehingga Oktober tahun ini adalah dalam tahap 422.87 minit pelanggan setahun. Catatan ini dijangka akan dapat dikurangkan lagi pada masa yang akan datang melalui pelbagai projek pembekalan elektrik yang sedang dan akan dilaksanakan di Sabah. Dan secara tidak langsung akan membantu menarik pelaburan asing di Sabah.

Berhubung perjanjian di antara SESB dan semua penjana bebas IPP di Sabah tempoh perjanjian penjanaan tenaga elektrik adalah selama 21 tahun daripada tarikh mula tugas stesen jana kuasa masing-masing.

Kapasiti penjanaan yang dibekalkan oleh IPP di Sabah adalah sebanyak 733 mega watt iaitu 63 peratus daripada jumlah keseluruhan kapasiti boleh harap atau *dependable capacity* dengan izin iaitu 1,170 mega watt.

Langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah gangguan bekalan elektrik di Sabah adalah menyeluruh. Ia meliputi aktiviti pengukuhan sistem penambahan kapasiti penjanaan, penghantaran dan pembahagian di seluruh Sabah. Antara langkah jangka pendek yang telah diambil bagi komponen penjanaan ialah penggunaan set-set generator mudah alih dengan kapasiti keseluruhannya sebanyak 80 mega watt. Masalah tidak cukup bekalan elektrik di negeri Sabah akan dapat ditangani secara berperingkat dengan siapnya beberapa projek loji jana kuasa yang lebih berdaya harap seperti projek Loji Jana kuasa Kimanis Power berkapasiti 300 mega watt dan projek Loji Janakuasa SPR Energy berkapasiti 100 mega watt di Kimanis serta projek jana kuasa gas kita pada 300 mega watt di POIC Lahad Datu.

Selain itu penyiapan beberapa projek tenaga boleh baharu dibawah *small renewable energy programme* (SREP) dengan izin, seperti 'Kelanak-Kelansa' 5 mega watt, *Cash House Horse* 10 mega watt dan *Eco Bio Mass* 20 mega watt akan memberi kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 35 mega watt kepada pengguna-pengguna kawasan Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Menteri hendak tanya sedikit mengenai SREP, Kota Belud. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apakah dasar SREP ini masih lagi menjadi keutamaan di negeri Sabah memandangkan saya mengagumi dasar-dasar yang dibuat oleh kementerian. Saya faham masalah di Sabah ramai yang tidak faham di peringkat pembangkang ini tetapi kita di sini faham... [Ketawa] Saya tahu unjuran yang dibuat dengan Kimanis Power Plan dengan SPR Energynya, dengan di Lahad Datunya semua itu ada di dalam perancangan taklimat yang diberi oleh kementerian.

Cuma saya ingin bertanya apakah kerajaan masih lagi memberi keutamaan kepada SREP di negeri Sabah sebab ramai yang bertanya kepada saya Tuan Yang di-Pertua, yang menggunakan hidro kecil-kecilan ini 10 watt, 5 watt, 7 mega watt, 12 mega watt apakah ianya masih boleh diterima pakai oleh kementerian untuk diwujudkan di negeri Sabah di kawasan Pantai Barat *specifically* di kawasan saya di Kota Belud dan sebagainya. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. SREP ini akan digantikan dengan *feed-in tariff* yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini dan akan dilaksanakan pada 1 Disember nanti. *Feed-in tariff* ini akan dilaksanakan di Sabah juga dan projek seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud mini hidro, mikro hidro dan sebagainya semua ini akan dirangkumi dalam *feed-in tariff* dan dia memang ada kaedah-kaedah yang tertentu seperti SREP juga.

Pengusaha-pengusaha perlulah memasuki laman yang akan diguna pakai untuk menentukan siapa yang akan berjaya dalam *bidding process* itu. Sebab kita hendak jalankan satu proses yang telus dan kita rasa kaedah laman ini, *website* ini adalah satu cara yang telus dan semua boleh melihat secara *online* sama ada projek mereka yang mereka akan hantarkan berjaya atau gagal. Itu adalah satu proses yang diguna pakai di Sabah juga.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu yang lebih banyak lagi menangani isu bekalan elektrik di Sabah termasuk SESB yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu, ingin saya memaklumkan bahawa pada masa ini sebahagian besar pembangunan infrastruktur pembekalan elektrik di Sabah adalah bergantung pada bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh 15 tahun semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM2.872 bilion bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman muda telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu bekalan elektrik di Sabah.

■2140

Selain daripada bantuan kewangan khusus bagi pembangunan infrastruktur bekalan elektrik, kerajaan juga telah memberikan subsidi bahan api terutamanya diesel untuk penjanaan elektrik di Sabah sebanyak RM2.66 bilion sehingga tahun 2010 bagi menampung kenaikan harga bahan api tersebut di pasaran dunia. Bantuan kewangan yang diberikan jelas menggambarkan kesungguhan dan komitmen Kerajaan Pusat dalam membangunkan infrastruktur bekalan elektrik di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan loji jana kuasa nuklear di Malaysia, Yang Berhormat dari Klang, Yang Berhormat dari Kuantan, Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan isu mengenai pembangunan loji kuasa nuklear di negara kita. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan masih belum membuat keputusan muktamad mengenai cadangan pembinaan loji jana kuasa nuklear memandangkan terdapat pelbagai kajian yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi mengukur tahap keupayaan dan kesediaan negara.

Kerajaan sememangnya sedia maklum bahawa sebelum sebarang keputusan muktamad berhubung pembangunan kuasa nuklear dibuat, rundingan dengan semua pihak berkepentingan atau *stakeholders*, dengan izin, perlu diadakan. Sehubungan dengan itu, kementerian saya bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkaitan sedang merancang untuk melaksanakan program pendidikan dan kesedaran awam secara berpusat (*centralized*), dengan izin, agar ia lebih bersifat menyeluruh. Bagi tujuan pembangunan kuasa nuklear bagi *peaceful purposes*, dengan izin, semua negara termasuk Malaysia adalah dikehendaki untuk menandatangani pelbagai perjanjian antarabangsa (*international treaties*) dengan izin. Ini adalah bagi memastikan bahawa penggunaan bahan api untuk loji jana kuasa nuklear dapat dipantau dan digunakan hanya untuk tujuan penghasilan tenaga elektrik serta mematuhi piawaian keselamatan yang telah ditetapkan oleh agensi tenaga atom antarabangsa (IAEA)...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Setakat ini beberapa perjanjian antarabangsa telah ditandatangani oleh Malaysia termasuk dengan negara Jepun dan Korea. Walau bagaimanapun, perjanjian tersebut adalah bagi tujuan meningkatkan hubungan dan kerjasama dua hala khususnya dalam bidang *capacity building*, dengan izin, bagi pembangunan kuasa nuklear untuk penjanaan elektrik.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sini, Kota Belud. Sedikit sahaja Yang Berhormat tentang nuklear ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar hujah daripada kebanyakan rakan dari pihak pembangkang Yang Berhormat Menteri tentang nuklear ini. Cuma satu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Hakikatnya ialah gas dan minyak *limited resources*. Kita terpaksa lebankan *power mix* kita, *energy mix*. Hakikatnya ialah kalau kita tidak gunakan tenaga nuklear, kita terpaksa bergantung pada *green technology* yang diminta oleh rakan-rakan daripada pembangkang kebanyakannya setiap kali mereka mengatakan, "*Jangan guna nuklear*". Kita tanya kenapa? Kerana kita ada lagi tenaga hijau seperti angin, seperti bermacam-macam itulah, solar, biomass, biogas dan sebagainya.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. apabila kita menggunakan tenaga hijau ini, *renewable energy* yang boleh diperbaharui ini, sudah tentu kosnya jauh lebih tinggi daripada nuklear. Maka dengan itu, apa yang diminta oleh rakan-rakan daripada parti pembangkang ini ialah untuk rakyat Malaysia membayar bil elektrik mereka berlipat kali ganda daripada penggunaan nuklear tadi. Ini yang saya katakan seperti satu *is a cash to in situation*. Pada masa yang sama mereka mahu kerajaan menjaga rakyat. Jangan bagi bayar bil tinggi seperti mana yang dikatakan oleh ramai daripada rakan-rakan pembangkang tetapi pada masa yang sama tolak nuklear kerana isu-isu kononnya keselamatan.

Akan tetapi akhirnya apa yang berlaku ialah rakyat nanti akan terpaksa membayar kos yang lebih tinggi dan akhirnya nanti Yang Berhormat Menteri, apa yang berlaku mereka kata, kerajaan juga zalim kerana bil elektrik nanti pada masa 10 tahun atau 20 tahun dari sekarang jauh di atas. Akhirnya kita juga yang kena. Jadi, mana satu ini Yang Berhormat? Mana satu yang mereka mahu? Seolah-olah nuklear ini satu *energy* yang begitu teruk sekali sedangkan ia digunakan di seluruh negara, di seluruh dunia.

Ya betul kita ada kes-kes tertentu. Akan tetapi hakikatnya alternatif kepada negara kita apa? Gas kita tidak akan ada sampai bila-bila. Minyak tidak akan ada sampai bila-bila. Diesel tidak akan ada sampai bila-bila. Apa yang ada? *Renewable energy*, matahari, angin dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya.

Pembangkok dengan hujah yang diberikan begitu, apa yang berlaku ialah pembangkang sebenarnya mahukan rakyat membayar bil elektrik berlipat kali ganda... [Ketawa] Itu hakikatnya dan saya minta pandangan dan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri, jawab sekali Yang Berhormat Menteri bolehkah? Boleh ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, negara ini ada rakyat. Yang Berhormat Menteri juga sebut, kementerian akan turun dan mendengar pandangan rakyat. Rakyat yang menentukan hala tuju negara ini sama ada mereka mahu *energy* RE ataupun mahukan *nuclear energy*. Ini adalah sebab akhir sekali yang menerima padahnya ialah rakyat. Soal kos satu hal tetapi ada juga contoh-contoh di mana apabila kuasa nuklear digunakan, akhirnya apabila sesuatu berlaku yang menderita ialah rakyat.

Oleh sebab itu, kementerian sendiri sebut biar rakyat tentukan, biar dengar daripada bawah. Apakah tidak boleh tunggu? Sebab akhirnya yang akan menerima kesengsaraan ialah rakyat, itu pertama. Kedua, ialah sejauh manakah kita telah maximized apa yang ada di negara kita? RE contohnya, sejauh manakah kerajaan telah menggunakan potensi RE untuk memakmurkan negara? Kita belum menggunakannya lagi. Apakah salah kita mendengar dahulu pandangan rakyat, akhirnya rakyat tahu. Kita bagikan pandangan-pandangan. Kalau gunakan *energy nuclear*, ini terjadi. Bagus, murah tetapi stadium pun runtuh, sekolah pun runtuh, jambatan pun runtuh. Ini kita hendak buat tempat *energy nuclear*. Mungkin runtuh, apa jadi tak tahulah. Rakyat mesti diberitahu...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bangunan Parlimen..

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Ha, bangunan Parlimen ini pun runtuh, macam-macam Yang Berhormat Menteri.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Maknanya boleh bil tinggi, bil tinggi.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Oleh sebab itu bagi peluang kepada rakyat. Bil tinggi, tetapi nyawa yang mana lebih penting?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak kalau RM20 pun sekarang Yang Berhormat bising.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Yang mana lebih penting, nyawa lebih penting? Macam mana Yang Berhormat Menteri, kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat kita membangkitkan isu baru untuk berbahas Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat Menteri tadi sudah jawab.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ya pendeklah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab perkara ini. Pendek sahaja. Kita dalam satu paradoks, Yang Berhormat. Satu, kita akan menghadapi masalah ketidakcukupan tenaga daripada fosil iaitu kita langsung tidak ada arang batu. Kita hanya ada gas dan juga minyak tetapi dua perkara ini sudah semakin nipis dan tidak lama lagi kita akan jadi *net importer*. Sebenarnya tahun 2015 kita jadi *net importer of gas for our industry, for our generation*, dengan izin. Inilah masalah. Kita hendak cari *energy mix* yang baik, yang cukup berdaya tahan dan *sustainable*. Macam mana kita hendak cari *energy* tersebut? Inilah masalah yang saya harap Yang Berhormat dari sana akan fikirilah baik-baik macam mana kita akan menentukan bahawa apa yang hendak minta iaitu api, *energy* untuk industri dan sebagainya adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai sumber alternatif...

■2150

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Sumber alternatif. Ini juga menjawab perkara ini.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit?

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Sumber alternatif bagi penjanaan tenaga. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat dari Gombak dan juga Hulu Langat, di atas cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan sumber alternatif bagi penjanaan tenaga di negara ini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Gombak, kerajaan akan melaksanakan mekanisme *feed-in tariff* dengan izin, bagi menggalakkan penggunaan tenaga alternatif untuk menjana elektrik termasuk sumber *biomass*. Mekanisme *feed-in tariff* ini merupakan satu mekanisme yang membenarkan tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu dijual kepada syarikat utiliti pada harga premium untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.

Pelaksanaan mekanisme ini akan meningkatkan *viability*, dengan izin, pelaksanaan projek ini dan dijangkakan dapat menarik minat banyak juga pihak yang menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu. Selain itu, kerajaan telah sediakan insentif fiskal iaitu pengecualian cukai pelaburan, taraf perintis bagi syarikat yang menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan dan alat ganti yang digunakan dalam projek-projek tenaga boleh baharu juga diberikan di mana ia berkuat kuasa sehingga tahun 2015, manakala insentif pengecualian duti import dan cukai jualan bagi pengedar pihak ketiga untuk produk solar PV adalah berkuat kuasa sehingga tahun 2012.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat pula, ingin saya jelaskan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah mensasarkan sebanyak 350 megawatt penjanaan tenaga elektrik bersambung ke grid daripada sumber tenaga boleh baharu. Walau bagaimanapun, sehingga kini hanya 63.45 megawatt atau 0.3 peratus tenaga elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu telah disambungkan ke grid. Justeru, untuk meningkatkan lagi penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu dan meningkatkan sumbangannya di dalam campuran bahan api negara, mekanisme *feed-in tariff* ini akan dilaksanakan pula pada 1 Disember 2011. Melalui pelaksanaan *feed-in tariff*, adalah dijangkakan sebanyak 2,080 megawatt tenaga elektrik berdasarkan sumber tenaga boleh baharu akan disambungkan ke grid menjelang tahun 2020 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan program *rebate save* atau bagi *chiller* dan insentif terhadap penukaran peralatan cekap tenaga. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong di atas cadangan Yang Berhormat berhubung dengan program *rebate save* dan pemberian insentif bagi penukaran kepada peralatan yang cekap tenaga. Di Dewan yang mulia ini, saya juga ingin memaklumkan bahawa program *rebate save* yang diperkenalkan oleh kerajaan pada Julai 2011 yang menawarkan baucar *rebate* untuk peti sejuk dan penyaman udara bagi pengguna domestik berdaftar. Bagi bangunan-bangunan komersial pula, kerajaan menyediakan *rebate* untuk pihak syarikat swasta yang memiliki sistem penyaman udara berpusat yang menggunakan *chiller* bagi tujuan *comfort cooling*, dengan izin.

Rebate untuk *chiller* ini boleh dipohon untuk menukar *chiller* lama yang berumur 15 tahun atau lebih kepada *chiller* yang cekap tenaga untuk bangunan komersial. Jumlah *rebate* yang diberikan ialah sebanyak RM200 *per refrigeration ton* (RT), dengan izin, dan jumlah kapasiti untuk tahun 2011 adalah sebanyak 72,000 RT dengan kos peruntukan sebanyak RM14.4 juta. Permohonan untuk mendapatkan *rebate* boleh dibuat oleh mana-mana pemilik bangunan komersial dan syarikat swasta termasuk pemilik hotel yang berdaftar di Malaysia dengan mengemukakan permohonan kepada kementerian saya menggunakan borang yang boleh dimuat turun daripada laman web saveenergy.gov.my.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, penjelasan sedikit. Menteri, di dalam memberi insentif-insentif kepada pihak swasta dalam mengguna pakai pendekatan teknologi hijau ini, mohon penjelasan Menteri, setakat hari ini bagaimana komitmen di peringkat kerajaan sendiri terutama daripada kemudahan-kemudahan bangunan kerajaan. Saya rasa perkara tersebut sekiranya dimulakan oleh kerajaan melalui kereta-kereta dan sebagainya, dengan kereta hibrid dan sebagainya itu saya rasa akan memulakan satu contoh kepimpinan yang membawa ke arah tuju kehijauan, teknologi itu akan lebih terserlah. Saya rasa komitmen perlu dimulakan oleh kerajaan. Mohon penjelasan sikit.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Menteri, sesuatu yang berkaitan juga tentang *save energy*. Baru-baru ini kerajaan telah mengambil langkah supaya menentukan semua hawa dingin dalam bangunan itu disukat semula kepada 24 darjah *celsius*. Bagaimanakah sambutan daripada pihak swasta dan juga pihak awam mengenai kempen ini sama ada telah mendatangkan maklum balas yang positif dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang]: Menteri, boleh saya tokok sedikit? Berhubung dengan rebat, itu satu tindakan yang baik tetapi diumumkan kementerian baru-baru ini bahawa pengguna yang banyak ataupun melebihi 300 kilowatt itu yakni tempat-tempat membeli belah, *shopping centre*, dengan izin, dan juga bangunan-bangunan komersial yang lain dikenakan kadar satu persen daripada jumlah bil setiap bulan itu untuk diketepikan sebagai *sinking fund* untuk teknologi hijau ini. Jadi kalau rebat itu diberi, kemudian pada masa yang sama dikenakan juga kos satu persen daripada jumlah bil, jadi seolah-olah tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada pengurusan bangunan-bangunan komersial tersebut. Saya minta pandangan supaya kalau rebat itu diberi, maka yang satu persen diketepikan untuk peruntukan teknologi hijau ini juga dimansuhkan. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai sambutan daripada bangunan kerajaan ini, saya ingin jugalah maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sudah menentukan bahawa bangunan-bangunan yang baru terutamanya bangunan seperti pejabat, hospital dan sekolah kena ada ciri-ciri hijau, berpandukan kepada hijau iaitu yang ditetapkan dalam *green building index* yang sekarang diguna pakai di seluruh negara oleh pihak swasta.

■2200

Sebagai satu amalan yang berpandukan kepada teladan kepada usaha ini, kerajaan juga sebut pihak bangunan yang sudah lama mereka akan berusaha untuk mengadakan *retrofit*, dengan izin, protes di mana kalaulah bangunan tersebut kenalah menukarkan hawa dingin, seumpamanya mereka kenalah gunakan hawa dingin yang efisien dan cekap tenaga dan lain-lain kaedah termasuk juga menggunakan suhu hawa dingin tidak mengurangkan 24 *degree celsius*. Semua ini adalah cara-cara ini mana pihak kerajaan melaksanakan atau menggunakan kaedah yang berpandukan kepada untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida iaitu di mana kita boleh mencapai apa yang dijanjikan oleh pihak Perdana Menteri di *Copenhagen* pada tahun 2009 di mana pihak kerajaan Malaysia sudah menetapkan bahawa kita akan mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke udara dalam 40 peratus dibandingkan dengan apa yang dicatatkan pada tahun 2005.

Inilah langkah-langkah proaktif yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan mengenai lebih sedikit tambahan mengenai 24 suhu yang ditanyakan tadi. Pihak kerajaan akan memberikan semua pejabat satu surat pekeliling di mana suhu dinginnya tidak boleh rendah daripada 24 *degree celsius*. Sambutan ini agak baik, tetapi ia tidak terpakai dalam bilik-bilik tertentu seperti bilik pembedahan di hospital, di mana *operation roomnya* kenalah ada suhu yang rendah. Seperti bilik ICT seumpamanya, bilik tersebut pun tidak perlu mematuhi arahan ini. Mengenai *rebate* 1 peratus yang terkena pada bil elektrik. Ini adalah dua perkara yang lain. *Rebate* ini adalah satu program untuk memberikan satu rangsangan kepada usaha untuk guna kaedah peralatan-peralatan tenaga cekap. Akan tetapi 1 peratus yang kita kenakan ke atas bil elektrik, ini adalah untuk tabung (FIT) *feed-in tariff* di mana tabung ini kena diisikan oleh semua pengguna elektrik di negara kita dan 1 peratus ini adalah khas untuk *feed-in tariff* ini di mana program itu adalah untuk merangsang penjanaan elektrik dari sumber-sumber boleh baharu. Ia tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teknologi hijau, saya mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Mas Gading supaya semakan semula dibuat terhadap penggunaan sistem *hybrid* berbanding penggunaan bahan api karbon. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan sememangnya menggalakkan sebarang aplikasi teknologi hijau termasuklah dalam sektor pengangkutan. Penggunaan sistem hibrid merupakan salah satu inisiatif bagi mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan dan juga dapat menjimatkan penggunaan bahan api petroleum. Sehubungan dengan itu, kementerian sedang membangunkan pelan tindakan bagi memperluaskan lagi penggunaan *electric vehicle* (EV), dengan izin, di negara ini di mana kemudahan-kemudahan yang diperlukan seperti *charging infrastructure* dengan izin bagi kenderaan EV akan disediakan.

Saya percaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mempunyai perancangan tertentu bagi memperluaskan lagi industri pengangkutan yang menggunakan sistem hibrid dan elektrik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan bekalan air, kementerian saya sememangnya mengambil maklum berkaitan dengan masalah yang diwujudkan di loji pembersihan air bayung sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Sarikei. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri Sarawak telah menyenaraikan loji tersebut dalam program *Sarawak Corridor of Renew Energy* (SCORE) dengan izin, di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri sebagai satu langkah untuk menangani ketidakefektifan dan ketidakmampuan loji berkenaan menampung isi padu yang memenuhi keperluan pengguna. Projek ini dinamakan sebagai projek hab halal Tanjong Manis pembangunan sumber air untuk bekalan air hab halal Tanjong Manis dibiayai di bawah peruntukan siling RMKe-10 yang diluluskan berjumlah RM25 juta. Projek ini dilaksanakan sendiri oleh pihak kerajaan negeri Sarawak dan berdasarkan makluman yang diperolehi projek dijangka akan ditender pada tahun 2011, tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan oleh *rolling plan* kedua RMKe-10.

Kementerian ini amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sarikei bahawa penggantian paip-paip usang terutamanya paip jenis *asbestos* simen dengan izin kepada paip yang lebih tahan lasak perlu diberikan perhatian. Dalam pelaksanaan RMKe-10 aktiviti penggantian paip-paip usang ini telah diletakkan di bawah program membaik pulih sistem agihan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengemukakan cadangan penukaran paip jenis AC kepada jenis *high-density polyethylene* (HDPE), dengan izin, di bawah program membaik pulih sistem agihan *degree* Sarawak dalam *rolling plan* kedua RMKe-10. Cadangan tersebut melibatkan penggantian paip di kawasan Sarikei sepanjang 40 kilometer dengan anggaran kos berjumlah RM8 juta.

■2210

Program tersebut dijangka dilaksanakan dalam tahun 2012 juga. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan Projek Rawatan Air Langat 2 dan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sabak Bernam dan juga Ahli Yang Berhormat Hulu Langat berkaitan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) dan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *reserve* kapasiti bekalan air di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mulai berkurangan menjelang tahun 2014 disebabkan oleh permintaan bekalan air yang semakin meningkat. Rizab yang tipis ini akan mendedahkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya kepada krisis kekurangan air jika tidak ditangani segera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan projek penyaluran air mentah Pahang-Selangor berjalan mengikut jadual. Oleh yang demikian, pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 perlu disegerakan untuk membolehkan penyaluran air dilaksanakan bagi menampung defisit bekalan air pada tahun tersebut.

Sehubungan itu, kelulusan segera terhadap semua permohonan yang berkaitan adalah tindakan murni yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dapat dilaksanakan seperti yang dirancang demi kesejahteraan penduduk di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kutipan bil perkhidmatan pembedaan oleh IWK, saya ingin jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Hendak habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, baik.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, tentang bekalan air di Johor, Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Jawab Sarawak, Selangor sahaja, sebab dalam ucapan saya, saya ada ceritakan terdapat percanggahan di dalam jawapan dari pihak kementerian dan jawapan dari pihak Syarikat Air Johor. Pihak kementerian menyatakan permohonan telah disenaraikan dalam *Rolling Plan* Kedua, RMKe-10. Namun, dalam masa yang sama Syarikat Air Johor telah menyatakan bahawa tiada keperluan untuk pembinaan tangki baru. Ini semakin mengelirukan mengenai hasrat sebenar pihak terbabit sama ada ingin membina ataupun tidak. Adakah pembinaan tangki dan rumah paip bagi kawasan Bukit Nanning akan diteruskan mengikut rancangan *Rolling Plan* Kedua RMKe-10.

Pihak Syarikat Air Johor (SAJ) dalam jawapan e-mel yang dihantar kepada saya telah menyatakan penduduk di kawasan tersebut boleh menerima bekalan air secara terus dari tangki air Bukit Dinding tanpa melibatkan pembinaan tangki baru di Bukit Nanning ekoran dari kerja-kerja menaik taraf paip bekalan air pada tahun 2003 dan 2009 yang bernilai RM8.6 juta. Namun, masalah yang dihadapi oleh penduduk setiap kali musim perayaan tetap juga berlaku saban tahun setelah berbelanja jutaan ringgit, namun masalah tetap berlaku, kenapa? Satu penjelasan yang telus perlu diberikan berkaitan perkara ini. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri tentang bekalan air di Bukit Nanning.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat daripada pegawai yang catat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dalam perbincangan itu dan saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Yang Berhormat daripada Lipis telah menyentuh tentang tunggakan bil IWK berjumlah RM750 juta. Tunggakan ini Yang Berhormat, telah diadakan semenjak tahun 2007 lagi dan ia melibatkan pelanggan domestik, komersial, industri dan juga kerajaan. Di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), pungutan caj perkhidmatan pembedaan merupakan perkara yang melibatkan pihak pembekal perkhidmatan iaitu Syarikat Indah Water Konsortium. Akta 655 tidak membolehkan SPAN mahupun kementerian saya mencampuri usaha mengutip sebarang tunggakan bil perkhidmatan yang terdapat di antara IWK dengan pelanggannya. Tindakan untuk mendapatkan bil tunggakan merupakan hak IWK mengikut amalan yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

Selain daripada masalah tunggakan, operasi loji rawatan kumbahan yang dikendalikan oleh IWK juga sering terjejas berikutan sikap pengguna itu sendiri yang gemar membuang bahan-bahan buangan seperti minyak dan gris terus ke dalam sistem kumbahan. Tindakan ini telah menyebabkan saluran pembedungan mudah tersumbat dan loji rawatan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Oleh itu, suka saya menjelaskan sikap pengguna yang sering mengabaikan penjagaan alam sekitar ini yang sedikit-sebanyak telah meningkatkan kos operasi loji-loji yang di bawah kendalian IWK. Keadaan ini diburukkan lagi dengan jumlah kutipan hasil caj pembedungan yang rendah dan tidak berupaya menampung kos operasi. Dalam keadaan ini sudah semestinya tahap perkhidmatan rawatan kumbahan yang dilaksanakan oleh IWK juga akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu tekanan air yang rendah yang berlaku pada pili bomba kawasan Skudai, Johor yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, ingin saya jelaskan bahawa semua tekanan di paip retikulasi termasuk pili bomba adalah mematuhi piawaian yang ditetapkan di bawah peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 iaitu pada tahap tidak kurang 10 meter. Sekiranya terdapat sebarang gangguan pada tekanan air di mana-mana paip retikulasi atau pili bomba, seharusnya pihak berkenaan memaklumkan dengan segera kepada Syarikat Air Johor Holdings untuk tindakan segera.

Saya berpandangan bahawa pihak-pihak yang terlibat termasuk bomba perlu memantau dan menyenggara pili-pili bomba secara berterusan. Merujuk kepada situasi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, pihak operator air di kawasan berkenaan tidak menerima sebarang aduan daripada penduduk mahupun pihak bomba berkaitan tekanan air rendah.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, bekalan air bersih dan elektrik di kawasan luar bandar. Ahli Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Mas Gading, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kanowit, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Ipoh Timur telah membangkitkan isu mengenai bekalan air bersih dan elektrik di kawasan luar bandar.

■2220

Sukacita saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan semua kawasan di negara kita termasuk kawasan luar bandar tidak tertinggal daripada bekalan air bersih dan juga elektrik. Justeru itu, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar dan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar bagi meningkatkan liputan dan kualiti bekalan air bersih dan elektrik di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah menunjukkan keprihatinan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas kementerian saya. Kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap pandangan dan teguran yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk terus menyokong usaha-usaha kementerian bagi memastikan hasrat kerajaan untuk merealisasikan tema Bajet 2012 iaitu 'Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara' telah dapat dicapai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

10.22 mlm.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Perbekalan 2012 yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Seramai 22 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Memandangkan malam ini agak lewat dan ramai yang tidak hadir, saya akan menjawab pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada di Dewan ini secara bertulis. Kalau diberi masa 20 minit Tuan Yang di-Pertua, saya akan dapat selesaikan penggulungan daripada kementerian saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya boleh beri 20 minit Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Dungun mencadangkan satu model baru latihan pembentukan usahawan yang memberikan impak yang lebih berkesan untuk melahirkan usahawan luar bandar yang berjaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedang merancang untuk menyediakan modul latihan yang sesuai dengan kehendak semasa. Beberapa siri perbincangan dengan pihak Universiti Teknologi MARA, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Utara Malaysia telah diadakan bagi merangka model baru latihan pembentukan usahawan yang akan dilaksanakan nanti di bawah Program Bimbingan Usahawan.

Program-program yang dicadangkan melibatkan aspek-aspek keusahawanan yang menyeluruh seperti pembudayaan keusahawanan dan Kementerian melaksanakan pemantauan yang berterusan bagi peserta-peserta yang terlibat.

Yang Berhormat Tenom membangkitkan isu perancangan dan pelaksanaan Program Transformasi Luar Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar. Program Transformasi Luar Bandar merupakan program bersepadu yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy 4*. Program RTP telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mei 2011. Di peringkat awal pelaksanaan RTP, Terminal Agribusiness Negara (TEMAN) yang sedia ada di Gopeng, Perak dan Wakaf Che' Yeh, Kelantan akan dimajukan sebagai projek perintis yang dikenali sebagai *Rural Transformation Center (RTC)*. Ia berfungsi sebagai pusat integrasi, perkhidmatan meliputi aktiviti pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga. RTC akan diperluaskan ke seluruh negara dan ianya akan dimulai dengan negeri Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak.

Sebanyak lapan inisiatif sedang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian dengan agensi yang berkaitan bagi membangunkan kawasan luar bandar. KKLW dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan Kementerian utama yang menerajui pelaksanaan program-program di bawah RTC ini di samping beberapa Kementerian lain seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kewangan juga terlibat.

Dengan pelaksanaan lapan inisiatif ini nanti, adalah menjadi hasrat kerajaan agar masyarakat luar bandar lebih berdaya maju dan berdaya saing serta berupaya meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Ini akan membolehkan produk tersebut dapat dipasarkan di seluruh negara dan akhirnya dapat menembusi pasaran eksport. Secara tidak langsung, pendapatan penduduk luar bandar akan dapat ditingkatkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertanyaan Yang Berhormat Lenggong mengenai isu-isu di Agropolitan Ganda, Kementerian sentiasa membuat pemantauan rapi terhadap pelaksanaan projek agropolitan di seluruh Malaysia. Ianya dipantau melalui mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agropolitan secara bulanan. Pada masa ini, empat daripada lima blok ladang akan siap mengikut jadual pada 30 November 2011. Manakala satu blok mengalami kelewatan dan dijangka siap pada bulan Januari tahun depan. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh perubahan cuaca dan serangan gajah liar. Bagi mengatasi masalah serangan gajah liar, pihak RISDA sedang memasang pagar elektrik dan membina parit sempadan.

Yang Berhormat Kuala Krai membangkitkan isu pemberian projek lembu *feedlot* oleh pihak FELCRA kepada individu yang kurang berwibawa. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak pengurusan FELCRA Berhad tidak melaksanakan projek ternakan lembu *feedlot* secara individu, sebaliknya diuruskan sendiri oleh FELCRA Berhad. Manakala perbekalan lembu-lembu tersebut pula dibuat secara tender terbuka. Pada masa ini, FELCRA Berhad sedang melaksanakan projek ternakan lembu *feedlot* secara komersial di negeri Perak sebanyak 3,600 ekor setahun; Johor, sebanyak 2,400 ekor setahun; Kedah, sebanyak 1,200 ekor setahun; manakala Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Terengganu masing-masing sebanyak 600 ekor setahun.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Hulu Rajang supaya Kementerian membantu penduduk Penan di Sungai Linau menanam getah mahupun kelapa sawit, Program Tanam Semula Getah RISDA adalah terbuka melalui permohonan yang dikemukakan oleh pemilik tanah atau pun ladang kepada RISDA. Sehingga kini, RISDA cawangan Sarawak belum menerima permohonan untuk program ini dari penduduk Penan di kawasan Sungai Linau.

Walau bagaimanapun, RISDA cawangan Sarawak dalam proses mengambil tindakan dengan menghantar pegawai ke kawasan Sungai Linau untuk meninjau dan mengenal pasti kawasan tersebut sama ada penduduk di kawasan berkenaan mempunyai kelayakan untuk diberikan bantuan tanam semula RISDA.

Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Kapit memohon supaya dasar RISDA yang hanya tertumpu pada tanam semula dikaji dan RISDA disarankan untuk melaksanakan tanam baru memandangkan banyak tanah terbiar di kedua-dua kawasan berkenaan. Ketika ini, RISDA tertumpu pada bantuan tanam semula sahaja, manakala Jabatan Pertanian Sarawak bertanggungjawab melaksanakan Program Bantuan Tanam Baru Getah.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Hendak tanya sedikit boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan perkara ini, sila pastikan jugalah kerana ini amat penting sebab pada awal ucapan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menyatakan bahawa ini adalah boleh. Jadi, sebagai satu kaedah untuk kita membolehkan mereka yang duduk di luar bandar, apa kata tahap ekonomi mereka ini boleh dinaikkan. Jadi, itu adalah yang penting.

Ini kerana kita belum nampak lagi usaha yang secara konkrit yang begitu proaktif untuk dimulakan penanaman baru di kawasan-kawasan yang agak luas seperti di Kapit dan juga di Hulu Rajang. Akan tetapi, saya amat menghargai kementerian ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri kerana selalu meyakinkan dan selalu memberikan kata-kata yang meyakinkan kerana RISDA sudah bertapak di Kapit. Jadi, pejabat RISDA pun sudah ada di Kapit, cuma kita hendak tahu bagaimana dan bila dan di manakah kawasan yang khusus yang akan dimulakan penanaman semula ataupun penanaman baru juga. Terima kasih.

■2230

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini dan kerajaan Barisan Nasional memang sangat prihatin tentang kebajikan orang luar bandar. Maka untuk tahun 2012 ini, untuk penanaman semula kita diperuntukkan, untuk Sarawak RM53 juta dan ini adalah di bawah pemantauan ataupun pelaksanaan KKLW. Untuk penanam baru juga, untuk negeri Sarawak di bawah Jabatan Pertanian Sarawak diperuntukkan juga RM53 juta. Yang Berhormat Kapit juga menyarankan supaya RISDA tidak bergiat hanya di satu-satu daerah sahaja di Sarawak. Saya jawab ringkas sahajalah, saya akan bantu dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita ada 15 minit Yang Berhormat, kuasa saya.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Okey. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara membangkitkan isu panjang jalan bertar di Sabah dan Sarawak yang lebih pendek berbanding semenanjung sedangkan peruntukan terbesar diberikan kepada Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, perbezaan panjang jalan berturap di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung adalah disebabkan beberapa faktor:

- (i) keadaan muka bumi di Sabah dan Sarawak yang berbeza berbanding di Semenanjung;
- (ii) keluasan negeri Sarawak sahaja sebagai contoh hampir sama dengan negeri Semenanjung ataupun Semenanjung Malaysia;
- (iii) kos pembinaan dan naik taraf jalan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi iaitu tidak kurang daripada 30 peratus daripada kos di Semenanjung; dan
- (iv) pelaksanaan projek perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara juga ingin mengetahui kejayaan penggunaan generator set untuk mengatasi masalah bekalan elektrik. Dimaklumkan bahawa kementerian tidak meneruskan pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar menggunakan sistem generator set memandangkan adanya sistem perbekalan elektrik yang lebih baik seperti menggunakan sistem solar hibrid dan mikro hidro. Kementerian juga tidak diluluskan sebarang peruntukan untuk pelaksanaan projek baru BELB, sistem generator diesel pada tahun 2011.

Yang Berhormat Bakri masih di sini ya, memohon penjelasan lebih terperinci mengenai kerja-kerja pembinaan tangki air dan naik taraf sistem retikulasi di Bukit Naning. Untuk maklumat Yang Berhormat, melalui semakan yang dibuat oleh KKLW dengan pihak Syarikat Air Johor ataupun SAJ, pada masa ini tekanan air di kawasan Bukit Naning adalah mencukupi untuk menampung kegunaan harian.

Walau bagaimanapun, pada musim perayaan pihak SAJ memaklumkan bahawa terdapat permintaan bekalan air yang tinggi menyebabkan berlaku kekurangan bekalan air. Memandangkan kerja-kerja pengoperasian dan penyelenggaraan bekalan air ini adalah di bawah tanggungjawab SAJ. Justeru, kementerian akan merujuk kepada pihak SAJ berhubung kaedah terbaik bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air khususnya pada musim perayaan di kawasan ini.

Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Dungun, ada di sini kah? Ada Yang Berhormat Dungun?... *[Disampuk]* Yang Berhormat yang bertanyakan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara di kawasan masing-masing. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, pembinaan ini tidak diluluskan oleh pihak UPE untuk dilaksanakan di dalam *first rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Sehubungan itu kementerian telah mengemukakan semula permohonan cadangan projek ini untuk dilaksanakan di dalam *second rolling plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh. Berdasarkan kepada pembentangan bajet yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, kerajaan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek bersambung dan projek Bidang Keberhasilan Utama Negara ataupun NKRA.

Yang Berhormat Putatan tidak ada ya? Yang Berhormat Lenggong menyarankan agar perhatian serius diberikan terhadap beberapa buah keluarga Orang Asli di Kampung Air Papan dan RPH Dala yang masih jauh ketinggalan dari segi bekalan air, elektrik dan rumah. Untuk maklumat Yang Berhormat, perkampungan Orang Asli di Kampung Air Papan Lenggong mempunyai penduduk seramai 75 orang. Kampung ini merupakan kampung serpihan daripada Rancangan Penempatan Semula Dala, Gerik Perak. Walau bagaimanapun pada tahun 2010, kementerian telah menyalurkan projek bekalan air alternatif untuk semua penduduk kampung di kawasan tersebut. Bagi perhubungan desa, ini yang Malaysia merupakan kemudahan asas perhubungan bagi sesebuah kampung. Yang Berhormat Gopeng tidak ada?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Perkara itu, hendak minta kementerian beri tumpuan kepada pembinaan rumah dan juga jalan kerana itu adalah satu kampung yang memang masih duduk di rumah buluh lagi.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Saya akan beritahu kementerian nanti. Yang Berhormat Gopeng tidak ada? Mana Yang Berhormat Gopeng Tidak ada, *skip* lah. Yang Berhormat Tuaran, tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa, kalau tidak ada jangan cakap ada Yang Berhormat. Itu mengelirukan Dewan Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Okey, kalau tidak ada saya tutup. Ingat jawapan-jawapan yang lain saya akan jawab secara bertulis, cuma Yang Berhormat...

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri kata jawab pada yang ada. Saya pun tunggu jawapan saya ini. Saya ada, tidak kan hendak jawab bertulis.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tidak ada dalam jawapan saya...
[Ketawa]

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Jawablah yang saya bangkitkan.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tidak mengapa, saya jawab bertulislah. Okey, apa soalnya sebab tidak ada sentuh di sini.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Saya bangkitkan pasal RTC, saya bangkitkan pasal Orang Asli.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Di mana itu?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Tenggara]: Di kawasan saya Yang Berhormat Menteri.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Yang Berhormat, dalam jawapan yang saya bincang barangkali kita silap juga. Tidak mengapa kita jawab secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih dan mohon maaf pada Yang Berhormat di atas keprihatinan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat di atas isu-isu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam Perbincangan Perbekalan 2012. Di peringkat Jawatankuasa, sila kemukakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah habis Yang Berhormat?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari esok, Selasa 25 Oktober 2011 tidak ada persidangan Dewan Rakyat memandangkan pada hari Rabu 26 Oktober 2011 adalah merupakan Hari Deepavali. Dewan juga tidak akan bersidang pada hari Khamis 27 Oktober 2011. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan menyambut perayaan ini.

Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat Hari Deepavali juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 31 Oktober 2011.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.38 malam.